

Bil. 25

**Khamis
10 Disember 2015**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

USUL-USUL:

Meminda Aturan Urusan Mesyuarat
Di Bawah P.M 13(2) (Halaman 1)

Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2016 (Halaman 22 & 37)

MENGANGKAT SUMPAH OLEH SEORANG AHLI

Mengalu-alukan Pelantikan Ahli Baru (Halaman 36)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. “ Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
4. “ Datuk Abdullah bin Mat Yassim (Dilantik)
5. “ Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
6. “ Dato' Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
7. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
8. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
9. “ Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
10. “ Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah - *Senator*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan*
Kepenggunaan
11. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
12. “ Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – *Senator*
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
13. “ Puan Hajah Azizah binti Haji Harun (Dilantik)
14. “ Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
15. “ Dato' Boon Som A/L Inong (Dilantik)
16. “ Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
17. “ Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah (Selangor)
18. “ Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik) – *Senator*
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan*
Masyarakat
19. “ Tuan Chia Song Cheng (Johor)
20. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
21. “ Tuan Chong Sin Woon – *Senator*
- *Timbalan Menteri Pendidikan*
22. “ Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
23. “ Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
24. “ Dato' Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
25. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
26. “ Dato' Hoh Khai Mun (Pahang)
27. “ Dato' Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
28. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
29. “ Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
30. “ Dato' Dr. Johari bin Mat - (Kelantan)
31. “ Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
32. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
33. “ Dato' Khairudin bin Samad (Dilantik)

34. Yang Berhormat Tuan Koh Chin Han (Melaka)
35. “ Dato’ Lee Chee Leong – *Senator (Perak)*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
36. “ Datuk Lihan Jok (Sarawak)
37. “ Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan - *Senator*
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
38. “ Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
39. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
40. “ Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)
41. “ Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
41. “ Laksamana Tan Sri Dato’ Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
42. “ Dato’ Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
43. “ Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh Bin Tun Said Keruak – *Senator*
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
44. “ Dato’ Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
45. “ Dato’ Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
47. “ Datuk Seri Nallakaruppan A/LI Solaimalai (Dilantik)
48. “ Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)
49. “ Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
50. “ Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
51. “ Datuk Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
52. “ Datuk Paul Low Seng Kuan - *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
53. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
54. “ Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
55. “ Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
56. “ Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee (Dilantik)
57. “ Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
58. “ Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
59. “ Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
60. “ Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
61. ” Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
62. “ Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
63. “ Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)
64. “ Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)
65. “ Datuk Yoo Wei How (Dilantik)
66. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
67. “ Datuk Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Negara
Encik Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Noraidah binti Manaf
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh
Yoogeswari A/P Muniandy
Nor Lijana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Muhammad Dzulhazmi bin Sha'arin
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhilah binti Ibharim
Hizamihatim Maggiha bin Juara

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 10 Disember 2015
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

USUL

MEMINDA ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 13(2)

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2), satu Majlis Angkat Sumpah akan diadakan pada pukul 2.30 petang dan selepas itu Majlis akan menyambung semula perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan 2016”.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

10.04 pg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan selepas itu Majlis mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 14 Disember 2015”.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Yoo Wei How** minta Menteri Kesihatan menyatakan, bagaimana Kementerian memastikan *Hospital Cluster Concept*, seperti dalam RMKe-11 dapat berintegrasi dengan hospital swasta dan adakah konsep ini boleh memastikan peningkatan perkhidmatan perubatan dan kecemasan di negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Yoo. Soalan ini berkenaan dengan *hospital cluster concept*.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan *hospital cluster* akan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2016. Pada peringkat ini *hospital cluster* akan difokuskan kepada pelaksanaan di hospital-hospital kerajaan ataupun hospital awam terlebih dahulu. Adalah perlu bagi memperluaskan konsep ini dilaksanakan kesemua hospital awam dengan lancar bagi memastikan kesinambungan penyediaan perkhidmatan perubatan yang menyeluruh bagi hospital-hospital awam sebelum berinteraksi dengan hospital swasta. Rancangan bagi penglibatan ataupun kerjasama serta integrasi dengan hospital swasta akan dilaksanakan setelah *hospital cluster* kukuh di hospital-hospital awam.

Objektif pelaksanaan *hospital cluster* adalah bagi menambah baik penyediaan perkhidmatan perubatan secara menyeluruh terutamanya perkhidmatan-perkhidmatan kepakaran di hospital-hospital daerah dan mengurangkan kesesakan di hospital negeri ataupun hospital berpakar serta mengoptimumkan penggunaan fasiliti sedia ada. Dengan konsep *hospital cluster*, perkhidmatan perubatan dan kecemasan akan bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita sudah pun memulakan secara rintis:

- (i) di Pahang iaitu kluster Pahang Tengah, Hospital Sultan Ahmad Shah bersama dengan Hospital Jerantut dan Hospital Jengka;
- (ii) di Melaka iaitu melibatkan Hospital Melaka, Hospital Alor Gajah dan juga Hospital Jasin; dan
- (iii) di Hospital Tawau, Hospital Kunak dan Hospital Semporna.

Dengan cara ini, pihak hospital dalam kluster masing-masing akan merujuk kes-kes, dari hospital yang tidak berpakar kepada hospital yang berpakar dalam kumpulan kluster masing-masing Tuan Yang di-Pertua. Kita harap, projek ini akan diperluaskan mulai tahun 2016.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kita juga ada lagi satu program yang disebut sebagai *lean healthcare*, kurus ya. Ini dengan kerjasama PEMANDU dan UNIKL, mereka sebagai konsultan kita yang mana telah pun dilaksanakan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang pada tahun 2014 dengan jayanya. Seterusnya inisiatif *lean healthcare* ini telah diperluaskan ke 16 buah hospital KKM iaitu 13 buah hospital negeri dan tiga buah hospital berpakar pada tahun 2015 dan perancangan kita ialah untuk melaksanakan *lean healthcare* ini ke 15 buah hospital kerajaan pada setiap tahun. Tujuannya ialah kita mengenal pasti masalah di tiap-tiap hospital dan kita cari jalan bagaimana mengurangkan kesesakan dan masa menunggu di tiap-tiap hospital, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How.

Datuk Yoo Wei How: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Timbalan Menteri. Kita memang tahu bahawa konsep *hospital cluster* ini satu konsep yang mana semua hospital kerajaan yang berhampiran berkongsi sumber seperti aset, kemudahan ataupun personel demi menambah baik aliran pesakit dan memendekkan masa menunggu pesakit.

■1010

Namun begitu, adakah kajian dibuat oleh kementerian bahawa konsep ini juga boleh meninggikan produktiviti serta *efficiency* hospital-hospital kerajaan? Semalam pun ramai Yang Berhormat telah berucap di dalam Dewan ini tentang pengalaman yang dihadapi oleh mereka sendiri. Macam seorang Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya. Dia cakap dia sudah buat satu pemeriksaan badan di sebuah hospital kerajaan satu tahun dahulu tetapi sampai sekarang *result* itu belum keluar lagi. Kita pun rasa hairan dengan situasi begini juga. Oleh itu saya ingin bertanya kepada kementerian bahawa bagaimana kementerian memastikan kualiti rawatan dapat dipertingkatkan dengan konsep *hospital cluster* ini? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya sebut tentang konsep *cluster hospital* ini dan selain daripada itu yang kita buat ialah tentang *lean healthcare* ini. Tujuannya ialah untuk mencari jalan bagi tiap-tiap hospital ia berbeza masalahnya supaya *the movement*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *movement* pesakit daripada dia daftar, kemudian dia membuat saringan, jumpa doktor, kemudian buat *investigation*, buat pemeriksaan makmal, mungkin dia buat X-ray dan sebagainya dan mendapatkan rawatan. Kalau perlu, masuk ke wad. Ini semua kita kaji. Ia tidak ada *standard practice*. Ia ikut keadaan di hospital masing-masing. Nampaknya kita sudah berjaya.

Akan tetapi memang Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sama ada *compliment* atau tidak, tetapi hospital kita, kemudahan kerajaan sama ada hospital kerajaan ataupun klinik kesihatan kerajaan memang mendapat sambutan yang sangat baik pada hari ini. Ramai yang telah *migrate* dari hospital swasta ataupun klinik swasta kepada hospital kerajaan. Kalau didapati memang cukup sesak. Semua kemudahan kita sesak sama ada Klinik Kesihatan (KK) ataupun hospital, memang sesak. Ini satu perkara yang kita sedang teliti apa lagi yang perlu kita buat. Setakat ini, apa yang sudah kita buat, itulah *cluster hospital* dan juga *lean healthcare*. Lain-lain kita akan cuba cari jalan lagi Tuan Yang di-Pertua sebab *demand* amat tinggi sekarang untuk hospital kerajaan dan juga klinik kesihatan kerajaan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Timbalan Menteri. Ada soalan tambahan lagi? Baiklah, sekarang kita beralih ke soalan seterusnya.

Saya telah menerima maklumat daripada Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian yang beliau tidak dapat berada di dalam Dewan pada pagi ini kerana sebab-sebab yang tertentu. Maka telah mewakilkan Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han. Silakan Yang Berhormat.

2. **Tuan Koh Chin Han [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah rakyat negeri Sarawak yang diisytiharkan bankrap mengikut kategori umur, kaum dan jantina bagi tahun 2010 hingga 2015, serta langkah-langkah dan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dalam menangani masalah ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad bertarikh 15 Disember 2015 kerana ia menyentuh perkara yang sama.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes kebangkrapan di negeri Sarawak bagi tempoh 1 Januari 2010 hingga 31 Oktober 2015 ialah sebanyak 6,741. Pecahan jumlah berkenaan mengikut kategori umur adalah seperti berikut:

Bilangan kes	Peratus (%)	Umur (tahun)
77	1.14	>25
1,983		25 - 34
2,371		35 - 44
1,608		45 - 54
632		<55
70		Tiada Maklumat

Manakala jumlah berkenaan mengikut pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

Bangsa	Peratus (%)
Melayu	38.26
Cina	33.20
India	65
Lain-lain	27.89

Jadi, pecahan mengikut jantina bagi keseluruhan kes berkenaan adalah:

Jantina	Peratus (%)
Lelaki	73.97
Perempuan	26.03

Dalam tempoh yang sama Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes kebangkrapan yang membabitkan belia yang berumur antara 25 tahun hingga 34 tahun di seluruh negeri adalah seramai 25,764 orang.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya boleh lanjutkan di sini atau hendak bertanya apakah punca kebangkrapan berlaku. Antara punca utama kebangkrapan yang dikenal pasti adalah kurangnya pengetahuan mengenai perancangan kewangan yang baik. Jadi, sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab, kita mempunyai apa cara untuk mengusahakan bagi membendung masalah tersebut.

Justeru, Jabatan Insolvensi Malaysia telah melaksanakan pelbagai program bagi mewujudkan kesedaran masyarakat tentang insolvensi. Antaranya program bersama rakyat iaitu *outreaching program*, dengan izin, seperti taklimat kebangkrapan kepada agensi-agensi awam, swasta serta masyarakat umum bertujuan berkongsi maklumat mendidik dan mewujudkan kesedaran khususnya di kalangan golongan belia. Jadi, antara usaha juga yang telah dilakukan oleh Mdl yang mana Mdl komited melaksanakan *outreaching program*, dengan izin, dengan lebih meluas lagi dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pendidikan Tinggi melibatkan universiti awam dan universiti swasta untuk menerapkan kesedaran mengenai kesan dan implikasi kebangkrapan yang disebabkan oleh perancangan kewangan yang kurang baik.

Kerajaan juga bekerjasama dengan agensi yang di bawah Bank Negara iaitu Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) iaitu sebuah agensi di bawah Bank Negara untuk mengadakan program-program kesedaran mengenai insolvensi dan mendedahkan tentang kepentingan dan perancangan kewangan yang baik.

Walaupun AKPK ini bukanlah sebuah agensi di bawah saya, kita mengamalkan Strategi Lautan Biru yang mana semua agensi berkaitan akan bekerjasama bagi mencapai

aspirasi kerajaan bagi membantu masyarakat sedar akan kepentingan pengurusan kewangan yang baik.

Jadi kita juga menggalakkan sekiranya ada agensi-agensi yang lain yang hendak bekerjasama dengan agensi kita iaitu Mdl, kita *look forward to work together* melalui *smart partnership*, dengan izin. *Thank you*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Koh Chin Han: Saya juga diminta oleh Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim untuk mengutarakan soalan lisan tambahan yang berbunyi, peningkatan pendapatan isi rumah yang lembap dan tidak selari dengan kenaikan kos sara hidup menyebabkan masyarakat terus dihipit dengan bebanan hutang yang tinggi. Apa yang menakutkan ialah apabila masalah ini menyebabkan mereka terjerumus kepada kes kebangkrapan khususnya dalam kalangan orang muda dan mereka yang berumur di bawah 40 tahun.

Sehubungan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan. Adakah pihak Mdl bersedia untuk berbincang dengan Kementerian Kewangan supaya mereka yang didapati muflis ini dibenarkan untuk menyelesaikan hutang dengan menggunakan wang di dalam KWSP mereka terutamanya yang membabitkan hutang rumah? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Saya hendak nyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, awal-awal lagi saya nyatakan di sini bahawa yang membankrapkan si penghutang itu bukanlah Mdl. Yang membankrapkan mereka tempat mereka berhutang, siapa sama ada bank kah, mana-mana agensi yang telah mereka menggunakan untuk mendapatkan pinjaman. Jadi, sebagai sebuah agensi yang memang mencari jalan untuk membantu mengurangkan masalah seperti ini, kita mencari banyak cara. Selain daripada yang saya nyatakan tadi dengan mengadakan program supaya ada kesedaran dalam kalangan masyarakat, kita- apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, mungkin itu boleh diambil sebagai satu saranan yang baik.

■1020

Kita akan mengambil kira, pegawai yang ada di belakang sana untuk mengambil kira, mungkin boleh dibincangkan. Terpulang kepada Kementerian Kewangan sama ada mahu menggunakan KWSP sebagai salah satu dari platform untuk membayar. Cuma saya hendak berpesan di sini, mungkin ada orang yang diambil tindakan bankrap ini dibawa ke mahkamah. Mungkin mereka tidak seharusnya bankrap. Oleh sebab itu, kita hendak menggalakkan di sini supaya sesiapa yang sudah menerima petisyen diminta untuk datang ke mahkamah, tolonglah hadir ke mahkamah. Ini kerana kalau dia sempat hadir ke mahkamah, maka si yang dikatakan berpotensi yang dikatakan bankrap itu tadi mungkin boleh menyuarakan ketidakpuasan hatinya ataupun boleh *deny figure*, dengan izin, ataupun angka-angka yang dinyatakan bahawa seseorang itu diisytiharkan bankrap kerana berhutang banyak ini.

Jadi, sebab itu saya hendak berpesan di sini, minta mereka di luar sana untuk memahami dan menepati keperluan ataupun daripada segi undang-undang. Kalau diminta untuk hadir ke mahkamah, sila hadir ke mahkamah supaya berkesempatan untuk memaklumkan ini sahaja hutang saya, kenapakah saya bankrap? Jadi, padahal seseorang itu tidaklah seharusnya menjadi seorang bankrap. Jadi, adalah penting kalau seseorang itu menerima notis tadi, saya hendak ulang di sini, supaya janganlah lari dari mahkamah dan daripada mereka yang telah memanggil kita untuk pergi ke agensi mereka.

Pertama sekali, apabila sudah mengalami masalah daripada segi masalah berhutang itu, AKPK boleh membantu daripada segi penyusunan semula dan penstrukturan semula daripada segi kewangan. Itu sebelum tahap bankrap.

Akan tetapi kalau sudah tahap bankrap itu, dibawa pergi ke mahkamah, tolonglah hadir ke mahkamah. Oleh sebab mungkin ada kes di mana seseorang itu memang pun bukan seharusnya dibankrapkan.

Tadi Yang Berhormat bertanya fasal pengeluaran KWSP itu. Kita harapkan pihak kita boleh membawa perkara ini kepada pihak yang berkenaan iaitu di MoF. Ingin saya nyatakan di sini juga, hendak dikongsikan, kita sudah dalam *final stage* untuk menggubal dan meminda dengan kita menggubal undang-undang baru iaitu Undang-undang Kebankrapan yang baru. Jadi, diharapkan ini boleh membantu lebih banyak kes-kes yang untuk kita atasi, kes yang kita hadapi pada masa ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, silakan Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih. Berkaitan dengan jawapan Yang Berhormat Menteri berkenaan pindaan yang dicadangkan kepada Akta Kebankrapan. Dahulu kita pernah dengar pindaan itu juga akan terlibat penjamin, terutamanya penjamin sosial. Antara cadangan yang dibuat ialah tidak boleh ambil tindakan terhadap penjamin sosial sebelum tindakan diambil terhadap peminjam dan kena tunggu kebenaran dari mahkamah.

Saya sudah dengar jawapan Yang Berhormat Menteri, cuma saya hendak secara spesifik dalam cadangan untuk ini, adakah *specific timeline*, fasal kalau kita lihat kebelakangan lima tahun ini, lebih dari 11,000 orang penjamin telah dibankrapkan. Kita pernah dengar, cuma soalan saya secara spesifik, adakah *timeline* untuk pindaan-pindaan ini?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itulah soalan yang begitu tepat sekali. Saya hendak nyatakan di sini, bukan daripada segi *timeline* tetapi daripada segi untuk mengambil tindakan terhadap *social guarantor*, dengan izin. Itu adalah antara langkah-langkah yang kita hendak ambil. Memang kita hendak membantu, terutama *social guarantor* ini atau penjamin sosial ini. Dalam undang-undang yang akan datang iaitu dalam penggubalan undang-undang baru ini, itu adalah di antara *solution* yang kita hendak ketengahkan dan dimasukkan dalam undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita merasa simpati terhadap mereka, sebab memang banyak pun Yang Berhormat pun menyebut tadi. Bilangan penjamin yang telah diisytiharkan mufliis bagi tahun 2010 hingga Oktober 2015, sebanyak 11,159 kes. Daripada jumlah ini, 60.38 peratus melibatkan penjamin sosial, manakala selebihnya itu melibatkan penjamin korporat.

Jadi, memang tepat sekali Yang Berhormat bertanya tadi. Ini adalah antara tindakan yang akan kita ambil dan telah pun kita masukkan dalam undang-undang baru nanti. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

3. Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah pihak kementerian merancang untuk menambah bilangan Klinik Bergerak Katarak 1Malaysia yang sedia ada dalam RMKe-II memandangkan perkhidmatan klinik tersebut mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat luar bandar di Sarawak bagi meluaskan perkhidmatan tersebut kepada lebih banyak lagi kawasan luar bandar dan pedalaman di Sarawak.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah. Sebenarnya, berkenaan dengan Klinik Bergerak Katarak 1Malaysia di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini rawatan katarak yang sedia ada yang utama di Sarawak terdapat di lima buah hospital iaitu di Hospital Umum Sarawak, Hospital Sarikei,

Hospital Sibul, Hospital Bintulu dan juga Hospital Miri. Kesemua hospital tersebut mampu memberikan rawatan awal kepada pesakit mata.

Bagi menyokong perkhidmatan lima buah hospital tersebut, Kementerian Kesihatan juga telah melebarkan perkhidmatan pembedahan katarak melalui Klinik Bergerak Katarak 1Malaysia di Sarawak. Ada satu pasukan sahaja Tuan Yang di-Pertua dan klinik bergerak ini pergi ke tujuh buah pusat tumpuan iaitu Betong, Bau, Lundu, Saratok, Serian, Sri Aman dan juga di sekitar Hospital umum Sarawak. Di setiap tempat, dia akan pergi dua minggu tempohnya. Pasukan pertama akan pergi buat saringan, *check* sama ada perlu *operation* atau tidak dan berbagai-bagai.

Pasukan yang kedua terdiri daripada pakar-pakar. Mereka akan pergi buat *operation* katarak di hospital yang terdekat dengan pusat yang dilawati ini. Jadi makna, tiap-tiap kawasan, dua minggu dia pergi. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 2013 apabila klinik bergerak ini dijalankan, operasi (*operation*) tentang katarak telah bertambah jumlahnya. Kalau kita lihat angka (*figure*) yang terdapat di sini.

Tahun	Jumlah kes katarak
2009	2,134
2010	2,769
2011	2,809
2012	3,830
2013	4,553
2014	4,812

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian tidak bercadang untuk menambah lagi Klinik Katarak di Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, dipersilakan Dato' Dayang Hajah Madinah.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan kepada soalan saya. Seperti yang telah Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan tadi, klinik bergerak itu hanya melawat ke destinasi tertentu, tujuh buah kawasan. Jadi, memandangkan kementerian tidak akan menambah lagi klinik bergerak untuk masa depan, mungkin kementerian boleh mengubah tempat itu, biar jangan sentiasa menumpukan di kawasan yang sama.

Mungkin ditukarkan ke kawasan-kawasan yang lain kerana Sarawak ini luas. Kalau destinasi yang ada sekarang, tumpuannya hanya di sebelah Selatan Sarawak, mungkin pertukaran ke kawasan Timur ataupun kawasan tengah Sarawak. Supaya dapat memberi peluang kepada pesakit-pesakit lain di kawasan Sarawak di utara dan juga di tengah Sarawak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya, saya ambil perhatian dalam cadangan tersebut. Saya ingat Yang Berhormat boleh buat cadangan kawasan-kawasan lain yang perlu kita lawati. *We are quite flexible on this*, di mana Yang Berhormat boleh cadang dan kita boleh pertimbangkan, Tuan Yang di-Pertua.

■1030

4. **Dato' Dr. Hou Kok Chung** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, statistik jumlah saman kesalahan parkir bagi motosikal dan kereta yang telah dikeluarkan oleh pihak penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi tahun-tahun 2013, 2014 dan setakat Oktober 2015, serta berapa bilangan saman yang telah dilangsaikan dan yang belum dan jumlah yang patut dipungut berbanding pungutan sebenar.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui agensi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dari semasa ke semasa khususnya Jabatan Penguatkuasaan (JPK) telah mengambil tindakan ke atas kenderaan-kenderaan yang melakukan kesalahan lalu lintas seperti memakir kenderaan di garisan kuning, ingkar papan tanda isyarat lalu lintas yang menyebabkan halangan dan lain-lain.

Mengikut statistik tindakan bagi tahun 2013, sebanyak 1,102,440 jumlah notis telah dikeluarkan dan hanya 185,919 jumlah notis yang sudah berbayar sehingga kini dengan kutipan berjumlah RM8,480,509. Manakala baki Notis yang belum dibayar adalah sebanyak 916,521 Notis. Bagi tahun 2014, sebanyak 1,153,925 Notis pelbagai kesalahan telah dikeluarkan dan hanya 147,026 Notis yang telah dibayar sehingga kini dengan kutipan sebanyak RM9,823,404.

Baki Notis yang masih tertunggak sebanyak 1,006,899 Notis. Manakala bagi 1 Januari hingga 31 Oktober 2015 pula, sebanyak 1,111,268 Notis telah dikeluarkan dan hanya 116,418 Notis yang telah dibayar dengan kutipan sebanyak RM7,182,110 berbaki 994,850 Notis kesalahan yang belum dibayar.

Untuk makluman, pada kebiasaannya, orang kena Notis (OKN) tidak akan membayar kompaun serta-merta atau pada tahun semasa. Oleh itu, Jabatan Penguatkuasaan telah mengeluarkan notis peringatan kepada OKN tersebut. Kegagalan membayar kompaun, JPK DBKL akan menyediakan kertas siasatan untuk dibawa ke mahkamah. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah yang mengekang pihak DBKL untuk meninggikan lagi prestasi daripada segi memastikan saman-saman yang telah dikeluarkan itu dijelaskan oleh mereka yang telah melakukan kesalahan *parking*? Ia agak menghampakan kerana kutipan bayaran saman agak kurang memuaskan dan tidak setimpal dengan kegigihan anggota-anggota penguat kuasa DBKL melaksanakan tugas memastikan jalan-jalan di Kuala Lumpur tidak terhalang kelancarannya.

Adakah pihak DBKL boleh mengambil tindakan yang lebih tegas khususnya ke atas motosikal yang diletakkan tanpa endah seperti mengangkutnya ke depot-depot penyimpanan? Dengan cara ini, ia boleh mendidik para penunggang motosikal untuk lebih bertanggungjawab dan memikir panjang sebelum melakukan kesalahan parkir.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat, pada dasarnya, pembayaran saman-saman kesalahan lalu lintas yang dibuat oleh rakyat di PBT biasanya susah dikutip. Ini kerana undang-undang yang sedia ada ini tidak membenarkan kita mengambil tindakan-tindakan yang lebih tegas di atas apa yang kita ada di tangan. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang kita sudah buat dasar bersama-sama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan di mana kita dapat senarai hitamkan kenderaan-kenderaan yang tidak membayar saman mereka lebih daripada setahun. Itu satu tindakan yang diambil.

Kita akan ambil maklum apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat berkenaan dengan untuk kita angkut kenderaan kerana masih tidak ada undang-undang untuk buat itu dan kita akan cuba memperbaiki *by law* untuk kita dapat jalankan tindakan-tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat di banyak pusat perniagaan yang baru dan juga di taman-taman perumahan kekurangan tempat letak kereta. Oleh sebab itu, ramai pemandu atau pemilik kenderaan yang meletakkan kereta mereka di tempat-tempat yang tidak sewajarnya.

Jadi, saya ingin tahu sama ada wujud undang-undang atau pun peraturan-peraturan yang memastikan bahawa di tiap-tiap pusat pembangunan dan taman-taman

perumahan itu terutama apabila ada bangunan tinggi akan diadakan cukup tempat *parking* supaya tidak mereka melanggar atau terpaksa melanggar undang-undang tadi? Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat, bangunan yang didirikan dan peruntukan parkir yang disediakan mengikut peruntukan akta pembangunan yang sudah ada. Oleh itu, kita mengikut apa yang diperuntukkan di akta.

Walau bagaimanapun, kalau kita lihat pada keperluan parkir, memang kebanyakannya bila keluarga bertambah, mereka membeli kereta yang lebih banyak dan apa yang disediakan pada awalnya tidak akan mencukupi. Ini memang menjadi satu masalah utama di Kuala Lumpur lebih-lebih lagi di bandar raya yang sedang membangun ini. Saya akan mengambil maklum untuk- kita sedang mengkajilah, sedang kita mengkaji cara-cara bagaimana kita ingin memperbaiki keadaan ini. Saya harap kita dapat satu cara yang lebih baik untuk memperbaiki keadaan ini. Sekian, terima kasih.

5. Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah minta Menteri Kesihatan menyatakan, implikasi Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) pada harga ubat-ubatan dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan harga ubat-ubatan, terutama ubat penyelenggaraan untuk merawat penyakit seperti kencing manis, tekanan darah tinggi dan kolesterol masih kekal berpatutan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan satu soalan lain pada hari Isnin, 15 Disember daripada Yang Berhormat Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini adalah berkenaan dengan kebimbangan tentang harga-harga ubat-ubatan, bagaimana kita hendak mengawalinya dan apa kesan tentang TPPA yang akan ditandatangani tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya jawab itu, saya hendak bagi senario sekarang yang terdapat di negara khasnya di Kementerian Kesihatan. Ubat yang kita gunakan, 70 peratus adalah generik dan 30 peratus ubat original ataupun ubat yang di paten, Tuan Yang di-Pertua. Kesan daripada GST, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita telah pun memohon kepada Kementerian Kewangan supaya di *zero rated* kita punya ubat-ubat. Setakat ini, daripada April 2015, kita sudah dapat kelulusan untuk 4,200 jenis ubat yang *zero rated* yang mana tak kena GST. Mulai Januari 2016, tambah lagi 4,000 jenis ubat, jadi semuanya 8,200 jenis ubat yang tak kena GST ataupun *zero rated* GST. Maknanya harga tidak sepatutnya naik bila GST ini *zero rated* ya, Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi perkara iaitu kawalan yang kita sudah buat iaitu sejak tahun 2006 ialah tentang menggunakan Jadual Ketiga Belas, Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006.

■1040

Yang ini bagi hospital kerajaan tidak ada masalah, caj adalah minimum. Akan tetapi bagi hospital swasta kita kawal mereka melalui akta ini. Jadi fi dia ada siling dia, sama ada fi untuk profesional fi, sama ada *consultation fee* ataupun fi prosedur makna katakan bersalin berapa, *Appendix* berapa, had bagi *bypass operation* berapa kita sudah ada jadual. Mereka- hospital swasta tidak boleh caj lebih daripada itu. Ini sudah ada peraturan ya.

Dia tidak macam bidang lain mereka kenakan caj minimum. Dia tidak boleh caj kurang daripada itu, caj lebih daripada itu boleh. Akan tetapi dalam hal kesihatan, hospital tidak boleh caj lebih daripada apa yang telah ditetapkan. Jadi dengan cara ini kita dapat mengawal harga kos rawatan dan kos ubat.

Keempat tentang TPPA. Ini memang berlaku. Sebenarnya isu ini dibangkitkan oleh di *pharmaceutical Giant* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Mereka hendak supaya ubat mereka paten 20 tahun ini hendak disambung di negara-negara di trans-pasifik ini, termasuk di Malaysia mereka hendak sambung paten lebih daripada 20 tahun. Jadi di Malaysia sebenarnya tidak perlu kerana kita bila hendak jual ubat di mana-mana negara dia kena daftar di negara berkenaan. Kalau di Malaysia daftar di Malaysia.

Di Malaysia kita punya pendaftaran ikut *client shuttle* kita Tuan Yang di-Pertua adalah sangat pendek 245 hari *working days*, hari bekerja. Jadi lebih kurang dalam setahun. Kalau negeri- banyak lagi yang lain yang mengambil masa lebih daripada itu, tiga tahun, empat tahun dan lima tahun pun ada. Jadi sebab itu dalam hal Malaysia ini kira-kira kalau ikut logiknya tidak perlu tambah *pattern right* itu Tuan Yang di-Pertua.

Jadi pihak- maknanya cukup 20 tahun kita sudah boleh pakai ubat generik untuk ubat yang berkenaan. Ada negara-negara yang pengeluar ubat-ubat original ataupun ubat yang *pattern right* ini, mereka lambat sampai ke Malaysia. Lambat sampai ke Malaysia, memakan kadang-kadang sampai 10 tahun baru hendak daftar di Malaysia. Kalau jenis lambat macam ini kita bagi tempoh hanya 18 bulan sahaja. Kalau mereka tidak datang ke Malaysia dengan ubat yang baru ini maka kita takkan memberi tempoh tambahan untuk *pattern right* ini.

Kalau mereka tidak puas hati dalam hal ini mereka boleh- kita ada MyIPO kita di bawah KPDNKK. Mereka boleh pohon kepada MyIPO untuk tambah *extension of pattern right* ini. Akan tetapi setakat ini belum berlaku lagi Tuan Yang di-Pertua. *InshaaAllah* kita akan beri perhatian yang serius tentang perkara ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Sebelum saya kemukakan soalan tambahan, saya ada satu aduan dan satu cadangan dulu. Aduan ini berkaitan dengan dulu kita pernah dengar bahawa satu taklimat khas akan diadakan untuk Ahli-ahli Dewan Negara mengenai TPPA. Akan tetapi sampai sekarang kita belum ada apa-apa *briefing* untuk Ahli Dewan Negara mengenai TPPA. Itu kompelin saya.

Cadangan saya kita pun dengar mungkin akan adakan satu *special session* di Dewan Rakyat khas untuk TPPA. Kalau boleh saya cadang supaya *session* ini juga termasuk Ahli Dewan Negara. Berbalik kepada soalan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kita telah dengar beberapa langkah yang akan diambil untuk kawal kos. Akan tetapi soalan saya lebih kalau kita tengok langkah-langkah yang dicadang itu, dia tidak *address* soal pokok itu, seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu.

Sekarang ini kita ada satu *proposal* untuk melanjutkan tempoh paten lebih daripada 20 tahun. Bukan itu sahaja, kalau kita tengok IP punya prosedur sekarang, dia bukan sahaja *mcovers pattern product* tetapi sudah termasuk prosedur pun sekarang di bawah IP. So langkah-langkah ini yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu dia tidak *handle* soal pokok. Soal pokok itu implikasi TPPA atas generik produk ini, bererti dia tidak boleh ada generik produk.

Soalan saya, saya masih ingat pada satu masa dulu ada satu cadangan, walaupun saya sedar selepas perbincangan semua itu sudah habis, tetapi oleh sebab masih belum tandatangani saya hendak tanya kalau dulu ada satu cadangan supaya kita buat *carve out*, satu tempoh *carve out* untuk IP terutama atas ubat. Sama ada kita masih, Kerajaan Malaysia masih akan *pursue* untuk mengadakan *carve out* macam saya cakap tadi. Kalau tidak ada tempoh akan habis *and procedure* pun akan termasuk dalam TPPA ini. So isu *carve out*. Dulu pada mulanya saya tahu perbincangan itu meliputi isu *carve out* kalau tidak salah untuk tempoh lima tahun. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua saya difahamkan pagi tadi bahawa TPPA ini akan dibincangkan dan dibawa ke Parlimen awal tahun hadapan. Tarikhnya saya tahulah tapi akan dibawa ke Parlimen pada awal tahun hadapan. Makna Parlimen yang akan menentukan sama ada kita akan menyertai TPPA atau tidak Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi perundingan telah pun *advance stage*.

Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan memang prosedur telah ditetapkan, memang ada prosedur. Soal *detail* kalau kita baca *the small print* memang banyak prosedurnya. Akan tetapi seperti yang saya sebut tadi di Malaysia ini ialah memang mereka meminta supaya ditambah *pattern right*, tiga tahun, empat tahun, lima tahun dan sebagainya. Akan tetapi di Malaysia saya sudah sebut tadi bahawa kita hendak puji diri sendiri pun tidak boleh jugalah. Kita *very efficient* dalam hal pendaftaran ubat-ubatan baru ini. Kita cuma mengambil masa 245 *working days*, lebih kurang setahunlah berbanding dengan banyak negara lain.

Memang TPPA akan lebih mengena kepada negara-negara yang kurang efisien daripada kita. Dalam hal ini kita ambil masa setahun. Jadi ada 19 tahun lagi untuk dia hendak *add joy*, dengan izin, dia punya *pattern right* itu, dia akan jual dengan harga mahal. Selepas itu kita boleh terus buat generik. Akan tetapi dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tadi bahawa kita banyak guna ubat-ubat generik, 70 peratus berbanding dengan ubat original ataupun *pattern product* ini, 30 peratus. Ini kerajaan punyalah, yang kerajaan gunakan. Kalau *private sector* mungkin lebih lagilah. Akan tetapi apa pun Tuan Yang di-Pertua kita akan- seperti saya sebut tadi kita akan terus memantau perkara-perkara ini Tuan Yang di-Pertua.

6. Dato' Boon Som A/L Inong [Di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Pendidikan menyatakan, sejauh mana langkah kerajaan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dengan meningkatkan profesionalisme guru bagi menghasilkan pendidikan berkualiti.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som yang menanyakan soalan bagi pihak Yang Berhormat Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah dan akan terus melaksanakan usaha-usaha untuk meningkatkan profesionalisme guru bagi menghasilkan pendidikan berkualiti. Antara langkah yang telah di ambil adalah seperti berikut:

- (i) membangunkan penilaian bersepadu ataupun *unified instrument* guru dan kepimpinan dengan matlamat untuk membuat penilaian menyeluruh yang menggabung jalinkan kompetensi dan potensi serta keberhasilan pegawai perkhidmatan pendidikan untuk meningkatkan komitmen dan kecekapan serta melahirkan pegawai perkhidmatan pendidikan berprestasi tinggi;
- (ii) melaksanakan pembangunan profesionalisme berterusan untuk meningkatkan kompetensi guru dalam aspek pengetahuan profesional, kemahiran profesional dan nilai amalan profesional keguruan;
- (iii) memperkenalkan ujian kecekapan bahasa Melayu kepada guru bahasa Melayu bukan *option* bagi tujuan meningkatkan kemahiran guru dan seterusnya membantu murid untuk menguasai kemahiran bahasa Melayu;

■1050

- (iv) memastikan semua guru mempunyai kompetensi asas teknologi maklumat dan komunikasi ataupun ICT melalui latihan di bawah program *enhance teachers learning network*, dengan izin;

- (v) melaksanakan program peningkatan guru bahasa Inggeris. Seramai 61,000 orang guru bahasa Inggeris telah diuji menggunakan CPT. Daripada itu, seramai 13,000 orang guru telah tamat latihan dengan 76 peratus berjaya meningkatkan tahap *proficiency* sebanyak sekurang-kurangnya satu tahap.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Dato' Boon Som A/L Inong.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa ramai cikgu bahasa Inggeris telah dipilih dan diberi kursus dan ternyata kemerosotan penguasaan bahasa Inggeris yang dihasilkan oleh sistem pendidikan sekarang ini adalah amat ketara sekali kelemahannya dan sering dilaporkan oleh media massa. Ini secara langsung menggambarkan tahap keupayaan para guru bahasa Inggeris ini sendiri. Negara sebenarnya masih ramai guru-guru bahasa Inggeris yang berupaya mengajar dengan lebih berkesan.

Akan tetapi sebahagian besarnya yang merupakan produk sistem pendidikan yang terdahulu yang sudah bersara. Kenapa kerajaan tidak menawarkan kepada kalangan mereka ini yang masih sihat daripada segi fizikal atau mental untuk berkhidmat semula atau dengan izin, *re-engage* mereka ini. Ini lebih menjimatkan wang kerajaan daripada segi latihan dan pendidikannya lebih bermutu. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Kerajaan sentiasa ataupun Kementerian Pendidikan sentiasa memberi ruang dan peluang kepada sesiapa sahaja yang ingin tampil ke hadapan untuk membantu memberi kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, bukan sahaja untuk menambah baik penggunaan bahasa Inggeris, malah apa jua tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ada.

Secara spesifik, cadangan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, masalahnya, mungkin apa yang Yang Berhormat katakan ialah tentang guru-guru yang telah bersara tetapi masih boleh membantu, kita telah memberi ruang. Masalahnya Yang Berhormat, apabila seorang guru telah bersara dan telah memilih tempat kediaman, guru itu tidak mahu bergerak luar dari kawasan tersebut. Mungkin kita tidak ada kekurangan atau kita cukup guru yang pakar dalam kawasan tersebut, maka kita ada meminta guru-guru yang telah bersara sudi atau tidak sama ada guru itu boleh mengajar di satu lagi lokasi yang lain, tetapi guru itu tidak mahu. Guru itu hanya mahu mengajar dalam kawasan-kawasan dekat dengan kawasan yang beliau telah mengambil tempat untuk beliau bersara.

Maka, masalah ini wujud tetapi kita masih ada ruang di mana guru-guru yang ingin membantu. Malah baru-baru ini, saya telah mempengerusikan satu mesyuarat perbincangan dengan semua *stakeholders* (pemegang taruh) untuk mencari bagaimana kita dapat meningkatkan lagi, bukan sahaja pesara. Mungkin ada suri rumah tangga yang pakar dalam bidang Bahasa Inggeris, mungkin ada individu yang ingin memberi perkhidmatan, kita akan sediakan satu garis panduan. Sekiranya mereka dapat memenuhi garis panduan tersebut, mungkin kita boleh menawarkan mereka kerjasama secara sukarela untuk membantu kementerian untuk menambah baik penggunaan bahasa Inggeris. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, Puan Hajah Khairiah bin Mohamed. Silakan.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah kritikal yang dihadapi di Kelantan kekurangan guru bahasa Inggeris. Saya pernah diceritakan oleh seorang guru kanan di Tanah Merah, akibat daripada tiada guru bahasa Inggeris, terpaksa diganti dengan seorang guru lain yang tiada kemahiran menyebabkan banyak kekeliruan di kalangan pelajar apabila benda-benda yang salah telah diajar.

Contohnya, disebut “*cucumber*” sebagai “*cu-cum-ber*” dan “*hibiscus*” disebut “*hai-bis-kus*”. Itu tidak disebut lagi masalah-masalah *grammar*, kesilapan-kesilapan *grammar* yang telah dikemukakan, diajar oleh guru berkenaan. Jadi, saya kira kerajaan perlu mengambil berat tentang masalah kekurangan guru bahasa Inggeris ini dan perlu mengambil tindakan yang sesegera dan sewajar mungkin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan P. Kamalanathan A/P P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah. Kita sedar dan kita sedang mengambil tindakan yang sewajarnya. Malah, sebentar lagi dalam soalan yang kesembilan, akan saya memberi penerangan lebih terperinci dan mungkin akan terjawab kerana ada cara-cara bagaimana Kementerian Pendidikan mahu mengatasi masalah ini. Kita sedang melaksanakan beberapa inisiatif.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Pendidikan serta Yang Berbahagia Tan Sri KSU KPPM, semua terlibat. Juga, kita senada untuk memastikan dapat mengatasi masalah kekurangan guru-guru opsyen bahasa Inggeris dan bagaimana kita hendak memastikan guru-guru ini ditempatkan di sekolah-sekolah yang sewajarnya. Maka, kita mengambil tindakan-tindakan, langkah-langkah yang sewajarnya. Kita ambil maklum, kita sedar bahawa ada masalah tetapi kita juga sedang mengambil langkah-langkah untuk memastikan bukan sahaja guru-guru bukan opsyen, guru-guru yang mungkin tidak ada kompetensi.

Seperti mana yang saya katakan sebentar tadi, 13,000 orang guru yang telah tamat latihan dan latihan ini akan diteruskan. Apabila latihan ini akan diteruskan, kita akan menambah baik tahap penggunaan bahasa Inggeris guru tersebut supaya mereka dapat mengajar. Itu merupakan komitmen kita. Setakat ini, 13,000 orang guru telah kita selesaikan dalam program-program khusus ini dan kita akan teruskan tahun hadapan. Saya pasti dalam masa yang terdekat kita dapat mengatasi masalahnya. Antara cara-caranya saya akan jelaskan sebentar lagi melalui soalan nombor 9, nanti. Terima kasih.

7. Dato' Chai Kim Sen minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, sudahkah kerajaan bersedia dalam membentangkan pelan atau persediaan pelaburan secara berkala untuk menangani impak yang akan timbul jika dilaksanakan kenaikan kadar faedah oleh Persekutuan Amerika Syarikat.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia sememangnya dipengaruhi oleh pelbagai faktor dan cabaran, termasuk persekitaran ekonomi global yang berubah-ubah. Kenaikan kadar faedah oleh Amerika Syarikat merupakan salah satu faktor luaran yang sememangnya tidak hanya memberi kesan kepada ekonomi Malaysia, malah ia turut dirasai oleh negara-negara lain di seluruh dunia.

Dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi global, kerajaan telah menggaris langkah-langkah jangka panjang dan sederhana seperti memastikan asas-asas mikroekonomi terus kukuh dan pelaburan langsung ke Malaysia terus meningkat. Dalam memastikan aliran pelaburan langsung di Malaysia tidak terjejas, antara langkah-langkah proaktif yang diambil bagi menangani cabaran ekonomi semasa adalah menggalakkan pengilang-pengilang untuk menggunakan keluaran tempatan sebagai input supaya mendapat pulangan yang lebih tinggi dengan kos pengeluaran dalam mata wang Ringgit yang rendah.

Pengilang-pengilang tempatan juga akan mendapat faedah apabila mereka mengeksport keluaran siap kerana harga yang ditawarkan lebih kompetitif dan menggalakkan pelabur asing untuk meningkatkan pelaburan mereka di Malaysia dalam projek-projek yang mempunyai impak yang tinggi dan mempunyai hubungan yang kukuh dengan industri tempatan.

Memperkenalkan insentif-insentif baru di bawah Bajet 2016 bagi merancakkan lagi pelaburan-pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

■1100

Insentif-insentif tersebut ialah insentif berbentuk fizikal bagi penubuhan Badan Pematuhan Penilaian Bebas atau *Independent Conformity Assessment Body* (ICAB), dengan izin, bagi menggalakkan perkhidmatan penilaian dan pematuhan piawaian antarabangsa dilaksanakan di dalam negara dan elaun pelaburan semula khas atau *special reinvestment allowance*, dengan izin, bagi menggalakkan pelaburan semula oleh syarikat-syarikat sedia ada dalam sektor perkilangan dan pertanian terpilih.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun persekitaran ekonomi pada ketika ini agak mencabar, Malaysia terus mengekalkan kukuh sebagai sebuah destinasi pilihan bagi pelaburan asing dan domestik khususnya dalam sektor perkilangan. Ini dibuktikan dengan peningkatan nilai pelaburan keseluruhan dalam sektor perkilangan sebanyak RM67.7 bilion bagi tempoh Januari hingga September 2015 berbanding RM63.3 bilion bagi tempoh Januari hingga September 2014.

Daripada jumlah tersebut, RM 7.2 bilion atau 25.4 peratus merupakan pelaburan asing manakala RM50.5 bilion atau 74.6 peratus pelaburan domestik. Bagi seluruh tahun 2014 jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan adalah sebanyak RM 71.9 bilion. Amerika Syarikat merupakan antara sumber utama pelaburan asing ke Malaysia. Pada tahun 2014, nilai pelaburan dari Amerika Syarikat dalam sektor perkilangan adalah berjumlah RM1.4 bilion. Pelaburan ini melibatkan 23 projek serta menjana peluang pekerjaan sebanyak 2,897.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan meneruskan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang bersesuaian untuk menarik pelaburan termasuk pelaburan asing ke Malaysia bagi menangani cabaran ekonomi semasa dan seterusnya mencapai sasaran pelaburan tahunan sebanyak RM291 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Dato' Chai Kim Sen.

Dato' Chai Kim Sen: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya apakah usaha ataupun langkah-langkah yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan sasaran pelaburan asing ke Malaysia terus tercapai. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, usaha atau langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi menarik pelaburan asing ke Malaysia adalah antaranya menjadikan MIDA sebagai agensi penggalakan pelabur utama bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan dan MIDA juga telah distrukturkan semula dan diberi mandat untuk membuat keputusan secara *real time* ketika berunding dengan para pelabur yang berpotensi.

Menambah baik dasar-dasar semasa termasuk meliberalisasikan dasar-dasar berkaitan pelaburan bagi menggalakkan pelaburan di seluruh negara. Meliberalisasikan subsektor perkhidmatan secara progresif bagi menggalakkan pertumbuhan dan pelaburan dalam sektor perkhidmatan.

Menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan bertujuan untuk menggubal dan memaklumkan kepada pelabur-pelabur tentang peluang pelaburan dalam sektor-sektor yang disasarkan.

Menawarkan galakan pelaburan berbentuk fizikal dan bukan fizikal bagi mempromosikan industri yang strategik, industri baru dan berteknologi tinggi seperti sektor sumber tenaga alternatif, elektronik termaju, bioteknologi, fotonik, peralatan perubatan, ICT, aeroangkasa dan petrokimia.

Menambah baik sistem penyampaian kerajaan menjadi pasukan petugas khas, pemudah cara, peniagaan pemuda. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya. Nampaknya tidak ada. Kita beralih ke soalan Datuk Seri Nallakaruppan. Saya tidak ada menerima utusan ataupun maklumat kalau ada Yang Berhormat ingin mewakili Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai, silakan.

8. Datuk Chin Su Phin [Di bawah P.M 23(2)] minta Menteri Kewangan menyatakan, apa langkah-langkah kerajaan bagi memastikan bahawa projek perumahan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) akan diperluaskan.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia berkonsepkan rumah sebuah setingkat berkeluasan di antara 700 kaki persegi hingga 1000 kaki persegi yang dibina di atas tanah individu dengan harga jualan di antara RM45,000 dan RM65,000 seunit. Pemilikan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia dihadkan kepada golongan yang belum lagi memiliki rumah sendiri ataupun mendiami rumah yang usang atau tidak sempurna.

Bagi program ini, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan menyalurkan subsidi kepada SPNB seperti berikut; subsidi harga seunit pada kadar RM15,000 hingga RM20,000 seunit dan subsidi kadar faedah sehingga 2 peratus ke atas pinjaman komersial oleh SPNB bagi menampung baki harga seunit.

Pembangunan Rumah Rakyat Mesra 1Malaysia dilaksanakan berdasarkan permohonan yang diterima dari setiap kawasan Parlimen di seluruh negara. Semua rakyat boleh memohon sekiranya mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Program ini telah mendapat sambutan yang luar biasa daripada rakyat di seluruh Malaysia sehingga menyebabkan jumlah permohonan melebihi peruntukan tahunan yang telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dan terpaksa dibawa ke tahun berikutnya.

Untuk makluman Yang Berhormat antara langkah yang telah diambil oleh SPNB bagi memastikan perancangan pembangunan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia ini dapat berjalan dengan lancar adalah berbincang dengan kementerian agar program ini dijadikan sebagai program tetap dalam penyediaan bajet tahunan negara.

Justeru itu, melalui Bajet 2016 yang diumumkan pada 23 Oktober 2015 yang lalu, SPNB telah diberi tanggungjawab untuk membina 10,000 unit dengan pemberian subsidi RM20,000 bagi setiap unit rumah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan silakan Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adakah kerajaan berhasrat menambah baik syarat permohonan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia dengan menaikkan pendapatan kasar isi rumah kepada RM5,000 dan adakah kerajaan bercadang untuk bekerja sama dengan KWSP untuk membenarkan pengeluaran wang bagi kegunaan pembelian tanah bagi tujuan program perumahan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih, ke atas soalan tambahan. Pada masa sekarang had daripada segi gaji dikaji tetapi masih ditetapkan pada harga RM3,000 daripada segi jumlah pendapatan seisi rumah.

Nombor dua, daripada segi pengeluaran KWSP ia hanyalah tujuan untuk pembelian rumah. Ini adalah kerana daripada segi kriteria dan syarat KWSP. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya. Tidak ada. Tidak apalah, kita beralih kepada soalan seterusnya. Dipersilakan Dato' Dr. Johari bin Mat. Silakan, Yang Berhormat.

9. Dato' Dr. Johari bin Mat minta Menteri Pendidikan menyatakan, apa sikap kerajaan berhubung rancangan pengajian dwi bahasa di Malaysia dan apakah ia tidak akan memberi kesan negatif terhadap Bahasa Melayu.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Dato' Dr. Johari bin Mat. Untuk makluman, Ahli-ahli Yang Berhormat program *dual-language program* (DLP) program di bawah dasar memartabatkan Bahasa Malaysia dan memperkukuhkan bahasa Inggeris (MBMMBI).

■1110

Program ini dilaksanakan secara opsyenal yang datang dari sekolah sendiri dan bukannya satu program yang mandatori bagi semua sekolah di seluruh negara. Program DLP akan dilaksanakan secara rintis mulai tahun 2016 kepada 300 buah sekolah yang memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

- (i) sumber yang mencukupi. Apabila kita memaklumkan tentang sumber yang mencukupi ia bermaksud buku teks, bahan rujukan guru dan murid dalam pusat sumber,
- (ii) kesediaan sekolah pula kesediaan pengetua, guru besar untuk melaksanakan DLP,
- (iii) kesediaan guru mengajar kelas yang menawarkan DLP dalam bahasa Inggeris dan juga sokongan persatuan ibu bapa dan juga guru. Sokongan ibu bapa juga merupakan antara kriteria. Maksudnya persetujuan ibu bapa atau penjaga bagi sekurang-kurangnya 15 orang murid untuk mengikuti DLP sehingga tamat persekolahan; dan
- (iv) memantapkan penguasaan Bahasa Melayu. Sekolah perlu menunjukkan pencapaian Bahasa Melayu yang setanding atau lebih baik daripada Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) kebangsaan iaitu 1.85 untuk Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan 4.55 untuk Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia memberi penekanan yang serius dalam pencapaian Bahasa Melayu. Setiap sekolah yang ingin menjalankan program bagi memastikan program DLP ini tidak memberi kesan negatif terhadap Bahasa Melayu. Sehubungan itu, Perancangan Strategik Memartabatkan Bahasa Melayu 2016-2025 dijalankan bersama-sama dengan program DLP ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi penjelasan kepada soalan saya tadi dan saya ucap syabas atas penerangan tadi. Di sini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Dari 300 buah sekolah yang akan menjadi perintis tadi kalau tidak silap, kebanyakan sekolah tadi perlu mengikuti syarat. Saya hendak tahu adakah sekolah-sekolah itu tertumpu kepada sekolah-sekolah yang berada di bandar ataupun juga ada sekolah-sekolah yang di luar bandar? Ini kerana pada saya kebanyakan sekolah di luar bandar ini mungkin keupayaannya kurang berbanding dengan sekolah di bandar, satu.

Persoalan kedua yang ingin saya kaitkan di sini ialah tahap pencapaian bahasa Malaysia di sekolah-sekolah dan juga bahasa Inggeris, bagi perbandingan tahapnya. Begitu juga saya ingin tahu tahap ini kepada semua peringkat sekolah sama ada sekolah

kebangsaan dan juga jenis kebangsaan daripada segi pencapaian terhadap penguasaan bahasa Malaysia dan juga penguasaan bahasa Inggeris. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat untuk soalan tambahan. Soalan pertama Yang Berhormat tentang sama ada program ini ditumpukan bandar atau luar bandar, ini terbuka. Kita ada sekolah-sekolah di luar bandar yang telah mencapai pencapaian agak memberangsangkan.

So, kita tidak ada mengatakan sekolah ini bandar atau luar bandar. Malah harus saya katakan di sini ada pencapaian sekolah di luar bandar lebih memberangsangkan daripada sekolah-sekolah bandar walaupun sekolah-sekolah bandar kemungkinan ada banyak lagi kemudahan yang tidak ada di luar bandar tetapi pencapaian pelajar-pelajar di luar bandar ini amat memberangsangkan ya.

Dalam aspek yang kedua, soalan Yang Berhormat tentang pencapaian bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris, sama ada kedua-dua bahasa ini diberi penekanan. Ya, kita di Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha bagi memartabatkan bahasa Melayu semua peringkat. Sama ada sekolah rendah atau sekolah jenis kebangsaan. Kita telah mengambil pelbagai inisiatif untuk memastikan ia dilaksanakan. Contohnya, melaksanakan LINUS 2.0 yang lebih luas bagi menangani masalah literasi. Pencapaian awal amat mengagumkan dan kita telah pun memaklumkan segala pencapaian ini dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia rata-rata, setiap tahun. Apabila pelan pembangunan ni dilancarkan telah- sejak dua tahun, ini laporan terkini kita dan sebelum ini kita ada. Dalam laporan ini kita telah pun menyatakan segala pencapaian termasuk kejayaan program yang saya katakan LINUS 2.0.

Kita juga telah menyediakan program sokongan tambahan buku kosa kata di SJK supaya pelajar-pelajar di sana juga memahami dan menambah baik penggunaan bahasa mereka di sekolah masing-masing dan juga kita memberi peluang dan ruang untuk meningkatkan kemahiran guru bahasa Melayu dengan tumpuan kepada SJK juga. Memastikan SJK(C) atau SJK(T) dapat terus menambah baik penggunaan Bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris.

Kita juga menyediakan bahan bantu mengajar e-Bahan (LMS), *eduwebtv.com* dan bahan bacaan tambahan melalui *virtual learning environment* dan pelbagai aktiviti kokurikulum. Saya boleh menyenaraikan pelbagai inisiatif-inisiatif dan kita akan memberi tumpuan untuk melaksanakan inisiatif ini. Saya pasti dengan inisiatif-inisiatif ini kerjasama daripada ibu bapa dan guru-guru bersedia, guru-guru memang bersedia. Kita ada lebih 400 orang guru yang berjaya, yang sedia berkhidmat telah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan begitu baik sekali dan kerjasama ibu-bapa dan kerjasama semua masyarakat. Saya pasti penggunaan bahasa Melayu ataupun bahasa Inggeris di kalangan anak-anak murid kita pada masa akan datang akan memberangsangkan kita. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sejauh mana kepentingan bahasa Inggeris diambil kira dalam kokurikulum pendidikan dan penggunaan urusan harian kerajaan? Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor atas soalan. Betapa pentingnya bahasa Inggeris merupakan bahasa global, bahasa yang kita berkomunikasi, bahasa internet. Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia kita harus ambil maklum Bahasa Melayu Bahasa Kebangsaan kita. Bahasa yang akan menyatupadukan rakyat Malaysia. Akan tetapi bahasa Inggeris pula akan memastikan negara Malaysia akan menjadi negara yang diminati oleh negara-negara lain di global. Itu keperluan kita. Maka dalam dasar MBM-MBI kita telah letakkan kepentingan Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia senada juga dengan kerajaan dan kita akan mengenal pasti. Saya di sini ingin menyatakan sekali lagi bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri memang komited untuk melihat kedua-dua bahasa ini dapat dilaksanakan untuk anak-anak kita pada masa ini, kerana kita sedar kepentingan bahasa Inggeris di persada antarabangsa. Kita akan

memastikan kita melaksanakan segala pelan yang telah pun diberi kepada kita oleh Kementerian dan kerajaan untuk memastikan dasar MBM-MBI ini dapat dilaksanakan. Terima kasih.

10. Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan [Di Bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah jumlah perbelanjaan untuk memberi rawatan kepada bukan warganegara dan apakah langkah-langkah untuk mengutip jumlah yang belum dibayar.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor, *member* saya ini. Soalan ini berkenaan dengan jumlah perbelanjaan untuk memberi rawatan kepada bukan warganegara dan apakah langkah-langkah untuk mengutip jumlah yang belum dibayar?

Tuan Yang di-Pertua dalam proses penyediaan peruntukan bagi menyediakan kemudahan rawatan di semua *facility* kementerian, KKM tidak mengasingkan perbelanjaan untuk warganegara dan bukan warganegara. Bagi memastikan bil-bil hospital pesakit warganegara asing dapat kutip, kementerian telah mengadakan satu SoP iaitu berhubung dengan kutipan hasil dengan memastikan pesakit membuat bayaran deposit atau caj rawatan bagi kemasukan ke hospital.

■1120

Pesakit warga asing tidak boleh dinafikan perkhidmatan rawatan sekiranya berlaku kes-kes kecemasan yang disahkan oleh pegawai perubatan bila rawatan perlu diberikan sungguhpun mereka tidak membayar deposit atau caj rawatan.

Walau bagaimanapun, bagi pesakit yang dimasukkan ke wad dengan segera tanpa bayaran deposit, pesakit akan dimaklumkan untuk membayar deposit berkenaan dan segala usaha perlu diambil bagi mengutip bayaran deposit atau caj rawatan tersebut. Selain daripada itu, pihak wad juga sentiasa memantau dan mengemas kini kepingan caj ataupun *charge sheet* setiap hari dan mengutip deposit tambahan daripada pesakit yang mempunyai bil melebihi jumlah deposit.

Bagi mengutip jumlah yang perlu dibayar oleh pesakit warga asing, pihak hospital juga memastikan rekod-rekod pesakit seperti alamat yang lengkap, nombor telefon dan waris yang boleh dihubungi sebelum pesakit di *discharge*. Sekiranya pesakit masih juga gagal membuat bayaran, notis tuntutan secara berjadual akan dikemukakan kepada pesakit bagi menuntut bayaran yang tertunggak. Selain daripada itu, bil-bil rawatan yang tertunggak juga dikemukakan kepada pejabat konsul atau kedutaan masing-masing.

Apa yang berlaku sekarang ini Tuan Yang di-Pertua ialah bagi pesakit warganegara, bila dia daftar dia cuma bayar RM1, tetapi bagi bayaran asing sekarang dia kena bayar RM23. Untuk wad caj bagi warganegara – untuk *ward charges* ya, bukan *treatment* dan sebagainya, kelas pertama – RM80 sehari; kelas kedua – RM20 sehari; dan kelas ketiga – RM3 sehari. Bagi warganegara asing, tadi saya sebut tentang daftar RM23 tetapi untuk caj wad bagi kelas pertama – RM208 sehari; wad kelas kedua – RM96 sehari; dan kelas ketiga – RM76 sehari.

Untuk mulai tahun hadapan Tuan Yang di-Pertua, untuk warganegara tidak berubah tetapi untuk warga asing bila daftar dia kena bayar RM40 dan *ward charges* untuk kelas pertama – RM320 sehari; kelas kedua – RM180 sehari; dan kelas ketiga – RM160 sehari. Prosedur yang dijalankan contohnya kalau bersalin berapa, apendiks berapa dan sebagainya. Contoh ya, untuk bersalin warga tempatan tahun depan kita akan kenakan caj RM300 kelas pertama; kelas kedua – RM150; dan kelas ketiga – RM10 sahaja untuk bersalin. Akan tetapi untuk warga asing, kementerian akan caj kos sebenar. Kos sebenar ialah RM2,593.

Jadi makna tetapi usaha banyak telah kita jalankan tetapi mereka hutang masih lagi banyak tertunggak di kalangan warga asing. Untuk sehingga bulan Oktober tahun ini, tunggakan untuk warga asing RM26 juta dan untuk warganegara RM10.6 juta sehingga Oktober tahun ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan tambahan saya, bolehkah saya mencadangkan di sini agar diperkenalkan skim insurans kesihatan yang wajib ke atas warganegara Malaysia dengan nilai premium yang rendah. Agar kemudahan percuma hari ini tidak lagi diambil kesempatan oleh warga asing sehingga hospital mengalami kerugian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini memang cadangan yang sangat baiklah Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita boleh adakan insurans kesihatan untuk seluruh rakyat Malaysia. Akan tetapi, setakat ini sistem kita hari ini adalah dua iaitu kerajaan hampir-hampir percuma dan pihak swasta melalui insurans. Di mana orang yang ada duit, dia beli insurans. Yang tidak ada duit macam kita, kita pergi ke hospital swasta. Senator banyak duit ya. Ini yang terbaiklah kalau kita boleh buat tetapi masalah dia siapa yang hendak bayar insurans itu. Insurans premium siapa hendak bayar? itu pokok dia.

Sekarang ini kalau kita hendak kutip RM1 hendak jadi RM2 pun jadi masalah. Jadi hendak kutip insurans daripada rakyat Malaysia ini, rata-rata memang sangat-sangat- saya ingat menjadi satu masalah yang amat besar. Ini masih lagi di peringkat cadangan bahawa di peringkat kementerian pun memang kita buat kajian tentang *sustainability*, dengan izin, *sustainability* perkhidmatan kesihatan kita. *We are going forward*. Jadi kita masih lagi dan kita sudah pun melantik pakar-pakar dari luar untuk mengkaji dan mendapatkan cadangan daripada mereka, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah selain daripada rawatan kecemasan yang diberi kepada warga asing ini, adakah dikesan penyakit-penyakit serius lain seperti tibi di kalangan warga asing yang datang mendapat rawatan ini. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Yang Berhormat Menteri sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa ada bersama kita pada pagi ini tetamu kita dari Kelab Siam Sektor Awam ataupun KESSA ada seramai 10 orang [*Tepuk*] Baiklah teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, di negara kita warga asing ini berbagai. Ada yang datang secara sah, ada yang datang secara tidak sah. Setakat ini, warga asing yang datang yang bekerja datang secara sah dan ada seramai 1.8 juta orang Tuan Yang di-Pertua. Semua ini, mereka sebelum datang ke Malaysia memang disyaratkan supaya mereka membuat saringan kesihatan di negara masing-masing.

Kemudian bila datang ke sini dalam masa sebulan, mereka mestilah menjalani satu lagi saringan kesihatan. Jadi kalau di dapati memang ada penyakit dan memang kita kesan ada lebih kurang 2 peratus hingga 3 peratus yang bila sudah membuat pemeriksaan di negara masing-masing tetapi datang sini masih lagi kita kesan ada penyakit. Jadi kita hantar balik. Diwajibkan hantar pulanglah, tidak boleh diterima. Akan tetapi, masalah kita ialah pendatang asing tanpa izin ini yang datang tidak langsung ada pemeriksaan kesihatan. Dia datang ini yang jadi masalah kita terutama di Sabah dan Sarawaklah yang banyak kes pendatang asing ini.

Mereka memang membawa berbagai-bagai-bagai penyakit. Tibi hari ini sudah meningkat di kawasan Sabah Sarawak. *Leprosy*- kusta. *Leprosy* dahulu sudah habis, sudah lama kita hapuskan. Ini sudah timbul balik, malaria jenis *monkey* malaria memang banyak berbagai-bagai-bagai. Penyakit yang dibawa oleh mereka yang ini bermasalah dan kalau kita mereka datang ke hospital kita, didapati ada penyakit berjangkit memang kita *alert* dengan izin, pihak imigresen supaya mereka juga dihantar pulang, Tuan Yang di-Pertua.

11. Tuan Wilfred Yong Chen Leong minta Menteri Pendidikan menyatakan, apa status terkini pengambilan guru Bahasa Inggeris dari India dan adakah Kerajaan harus mempertimbangkan semula pengambilan ini dan menfokuskan kepada peningkatan skil guru sedia ada dan membuka penjawatan baru bagi warga tempatan di negeri masing-masing.

Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan A/P P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Wilfred Yong Chen Leong. Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemeteraian memorandum persefahaman bagi Program *English Language Teacher from India* (ELTI) telah ditangguhkan. Kementerian Pendidikan Malaysia menangguhkan program ini kerana program ini memerlukan belanja yang tinggi dan masih terdapat program lain yang dijalankan oleh KPM bagi meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris sedia ada di Malaysia.

Bagi meningkatkan kemahiran guru dalam Bahasa Inggeris, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan program *Professional Upskilling of English Language Teachers (Pro-ELT)*. Sehingga kini, seramai 10,502 orang guru telah mengikuti program ini. Selain daripada itu Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menjalankan kursus *Intensive Course in English Language Teaching (ICELT)* di bawah Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO). Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1130

Tuan Wilfred Yong Chen Leong: Terima kasih atas jawapan. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, kerajaan telah membelanjakan banyak wang menghantar ramai pelajar Malaysia ke luar negara bagi tujuan program, dengan izin, *Teaching English as a Second Language (TESL) and Teaching English to Speakers of Other Languages (TESOL)*. Oleh demikian, soalan tambahan saya, berapakah jumlah graduan bagi program ini sama ada di peringkat IPTA dan IPTS di seluruh negara? Berapakah graduan Malaysia yang mengambil kursus yang sama di luar negara setiap tahun? Mengapakah kerajaan tidak menggunakan sepenuhnya khidmat mereka? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Yang Berhormat, kita memang menggunakan graduan-graduan TESL. Akan tetapi soalan Yang Berhormat tentang jumlah graduan yang berada dalam IPTA, IPTS, saya mohon maaf kerana tidak dapat menjawab soalan itu kerana ia di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Akan tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa kementerian memang menggunakan graduan-graduan *Teaching English as a Second Language (TESL)* di mana yang boleh dan ada ruang yang kita dapat. Kita tidak akan meminggirkan atau tidak menggunakan tetapi yang penting ialah kita akan memberikan keutamaan kepada guru-guru yang melalui proses pendidikan dalam negeri, contohnya IPGM ataupun IPTA. Itu kita ambil graduan-graduan dari sana, diberikan peluang pertama untuk mengajar sekolah-sekolah kerajaan, itu yang pertama. Pada masa yang sama, kita memang membenarkan guru-guru untuk memberikan kerjasama. Apabila ada keperluan, kita akan memastikan kita akan memberikan peluang kepada semua. Akan tetapi yang menjadi prioriti atau keutamaan ialah graduan-graduan lepasan IPGM dan juga IPTA. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan soalan tambahan kedua, Yang Berhormat Dato' Boon.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab banyak soalan tentang pendidikan Bahasa Inggeris hari ini.

Jadi, soalan tambahan saya ialah guru-guru yang bersara yang mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Inggeris, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah sebut, kata kerajaan memang memberikan kesempatan guru-guru yang bersara untuk menceburkan diri untuk mengajar semula Bahasa Inggeris ini. Jadi, bagaimana cara untuk guru-guru itu melaporkan diri atau *re-engage*, dengan izin, untuk mendapat tugas semula?

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som. Guru-guru yang bersara ini merupakan bekas kakitangan Kementerian Pendidikan Malaysia. Mereka tahu bagaimana untuk memberikan perkhidmatan mereka ataupun, dengan izin, *how to offer themselves to serve the Ministry of Education*, mereka tahu. Akan tetapi jika mereka memerlukan panduan dan juga nasihat, mereka boleh menghubungi saya atau mana-mana pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia sama ada di pejabat pelajaran daerah ataupun jabatan pendidikan negeri.

Mereka hanya harus memaklumkan kepada mereka bahawa mereka rela memberikan bantuan untuk membantu sekolah-sekolah yang mana memerlukan bantuan. Kita akan mencari hala tuju seperti mana yang saya kata sebentar tadi. Kita dalam proses bekerjasama PEMANDU dan juga PADU, sedang menyenaraikan syarat-syarat keperluan. Apakah syarat-syarat yang diperlukan oleh seorang pesara ataupun yang lain untuk menawarkan diri mereka untuk membantu kita mengajar bahasa Inggeris di sekolah-sekolah yang memerlukan bantuan mereka? Terima kasih.

12. Datuk Zali bin Mat Yasin minta Perdana Menteri menyatakan, Biro Tatanegara (BTN) sering kali dikenali sebagai ejen "*brain wash*" dan gen perkauman oleh rakyat Malaysia walaupun visi BTN adalah sebagai peneraju "*patriotism*" Negara dan misinya adalah sebagai penyampai program kecemerlangan "*patriotism*" melalui pendidikan, latihan, kesedaran dan perkongsian strategik. Sehubungan dengan itu, nyatakan bagaimana dan apakah langkah kementerian untuk membetulkan semula persepsi negatif dan pandangan umum masyarakat terhadap BTN.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang mewakili yang bertanya, saya juga mewakili Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Jadi Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan perubahan persekitaran geopolitik dan perkembangan teknologi komunikasi semasa, pihak Biro Tatanegara sentiasa memberikan perhatian yang amat serius dalam menangani dan memperbetulkan semula persepsi negatif dan pandangan umum masyarakat terhadap BTN.

Semenjak penubuhannya lagi, BTN menyanjung perpaduan dan keharmonian di kalangan masyarakat pelbagai kaum. Ini boleh dilihat melalui pengisian program yang memberikan penekanan terhadap aspek nilai-nilai murni dan perpaduan antara kaum. Peserta-peserta program juga diberikan kebebasan untuk menyatakan pandangan, idea serta pendirian semasa mengikuti program tersebut. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut untuk memperbetulkan semula persepsi negatif dan pandangan umum masyarakat terhadap BTN seperti:

- (i) kerajaan sentiasa peka dan menambah baik *syllabus* ataupun modul latihan BTN bersesuaian dengan kumpulan sasaran sejajar dengan keperluan semasa negara;
- (ii) mempromosi, dengan izin, *core business* BTN melalui laman web jabatan, media sosial dan media massa;

- (iii) jerayawara atau, dengan izin, *roadshow* program-program BTN ke kementerian ataupun jabatan dan negeri-negeri bagi semua lapisan masyarakat lebih memahami fungsi dan peranan BTN;
- (iv) menganjurkan program-program komuniti yang melibatkan masyarakat setempat di Kem Bina Negara (BTN) supaya dapat mengubah persepsi rakyat terhadap Kem Bina Negara. BTN yang menyatakan kem ini adalah tempat khusus untuk pegawai kerajaan dan swasta sahaja;
- (v) menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi secara strategik iaitu, dengan izin, *Blue Ocean Strategy* seperti institut latihan awam, pusat-pusat latihan yang lain; dan
- (vi) mewujudkan unit media sosial yang akan memberikan maklum balas dengan segera bagi menangkis persepsi negatif terhadap BTN.

Tuan Yang di-Pertua, menjadi hasrat dan harapan kerajaan agar langkah-langkah yang akan dilaksanakan ini dapat membetulkan semula persepsi negatif dan pandangan umum masyarakat terhadap BTN. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat itulah sahaja soalan lisan kita pada pagi ini dan seterusnya, kepada Majlis, silakan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah bahawa, "Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[9 Disember 2015]**

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Terlebih dahulu saya ingin menarik semua Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa nama yang dihantar ke sini ramai dan hari ini hari terakhir bagi kita membahaskan Bajet 2016. Maka, di sini saya akan memanggil Ahli Yang Berhormat yang berada dalam Dewan. Terlebih dahulu saya ingin memanggil Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor, silakan Yang Berhormat.

11.38 pg.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk bangun dan turut sama mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Bajet 2016 yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia pada 23 Oktober 2015 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, juga merangkap Menteri Kewangan dan Ahli Parlimen Pekan.

Berbalik kepada perbahasan bajet ini, lima tunjang strategi utama Bajet 2016 yang digarapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu memperteguh ketahanan ekonomi negara, meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi hijau, mempersiapkan modal insan, memperkasa agenda bumiputera dan meringankan kos sara hidup rakyat.

Di antara lima ini, bakal meringankan bebanan rakyat sekali gus mampu memacu negara ke negara maju berpendapatan tinggi, Wawasan 2020 dalam tempoh lima tahun lagi. Secara dasarnya, pembentangan Bajet 2016 ini diperuntukkan sebanyak RM267.2 bilion berbanding peruntukan RM260.7 bilion yang dipinda pada bajet lalu.

■1140

Saya akan terus ke isu-isu yang ingin saya sentuh hari ini. Pertama Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh juga sedikit tentang GST. *Alhamdulillah*, kerana GST, ia dapat membantu kerajaan untuk mendapat cukai tambahan. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, rakyat di bawah masih belum menerima pandangan-pandangan yang betul berkenaan dengan GST. Kita sendiri juga tertanya-tanya kaedah-kaedah yang dijalankan oleh pihak kementerian iaitu Kastam dan KPDNKK.

Umpamanya, apabila kita membeli barang di kedai-kedai, ada kedai-kedai yang tidak memberi resit tetapi mereka mengambil harga yang termasuk dengan GST. Persoalannya di sini, apakah tanggungjawab pihak kastam ataupun KPDNKK? Sebab, wang sebenar yang kita bayar itu termasuk GST. Ini telah menguntungkan kepada peniaga tadi. Itu satu berkenaan GST.

Saya ingin menekankan di sini, Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara berkenaan dengan penguatkuasaan. Pertamanya, KPDNKK. Kita nampak daripada jawapan Menteri mengatakan mereka telah mengadakan lebih kurang satu juta penguatkuasaan, menyiasat dan sebagainya. Akan tetapi kita nampak masih ada lagi kelemahan-kelemahan kerana kekurangan penguatkuasaan.

Penguatkuasaan ini juga saya ingin sasarkan kepada Imigresen. Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dapat satu *viral*, sama ada betul atau tidak saya minta pihak Imigresen siasat perkara ini, iaitu pihak penguatkuasaan. Apa yang berlaku dalam *viral* ini mengatakan Malaysia ini duduk tangga kelapan di dunia untuk mendapat pelacur. Kita ini jatuh nombor lapan, Thailand jatuh nombor sepuluh. Ini menakutkan saya, Tuan Yang di-Pertua. Apakah sudah jadi kepada negara ini? Jadi, ini menunjukkan penguatkuasaan kita begitu lemah.

Di samping itu juga, berkenaan dengan barang-barang di kedai, umpamanya ubat-ubat di farmasi. Saya telah lalui perkara ini. Saya pergi ke tiga buah farmasi, ubat yang sama, harga berbeza. Siapakah yang patut bertanggungjawab yang menentukan harga-harga ini? Sama ada daripada Kementerian Kesihatan atau KPDNKK atau daripada pihak kastam? Ini daripada pihak penguatkuasaan.

Satu perkara lagi yang saya hendak maklum kepada Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penyebaran ataupun pendedaran daun ketum. Daun ketum yang kita kenali datangnya dari utara Malaysia iaitu Perlis dan Kedah. Untuk maklumat, Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku sekarang, daun ketum ini diedarkan dari Perlis kepada bas-bas ekspres yang ke Kuala Lumpur dan ke Johor.

Jadi saya minta kepada pihak penguat kuasa boleh semak atau membuat pemeriksaan. Teknik yang digunakan oleh pemandu-pemandu bas, daun-daun ketum ini akan dibawa masuk di sebelah kanan bas sebab di sebelah kiri akan dibubuh beg-beg penumpang. Jadi saya harap pihak penguatkuasaan, polis ataupun AADK serius sedikit berkenaan dengan penggunaan daun ketum. Sekarang ini sudah merebak sampai ke Johor.

Sebagaimana yang dimaklumkan kepada kita baru-baru ini oleh saudara saya, Yang Berhormat Dato' Boon Som, daun ketum ini sebenarnya memang baik untuk perubatan tetapi yang tidak bagus apabila daun ketum ini direbus, dicampurkan dengan ubat nyamuk, macam-macam lah. Campur supaya ia ada *kick* lah dia kata. Jadi saya harap sangat pihak penguatkuasaan diperkemas.

Satu perkara yang saya hendak sentuh di sini, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan PATI, kedudukan pendatang asing tanpa izin yang sangat menggusarkan kita. Saya difahamkan PATI yang ada dalam negara kita ini lebih kurang 20 peratus daripada rakyat Malaysia iaitu kalau 10 peratus, lebih kurang enam juta orang. Mereka yang ada permit mungkin dua juta orang dan yang tidak berpermit sebanyak empat juta orang.

Balik kepada apa yang dilakukan oleh pihak penguat kuasa. Cukup lemah, sebab sekarang ini kita tengok apa yang berlaku, isu dokumen palsu, IC tipu dan pasport yang boleh dijual beli berleluasa hari ini. PATI di Malaysia ini saya nampak begitu senang ke mana-mana sahaja. Sekarang ini untuk pengetahuan, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah ini PATI atau berpermit, di TBS pun digaji kepada pekerja-pekerja asing. Benda-benda ini patut diberi kepada rakyat tempatan sebab sekarang ini ETS memang popularlah kalau untuk maklumat Dewan yang mulia ini. Kira *full*, dari Kuala Lumpur ke Padang Besar hari-hari *full*. So ETS ini banyak membantu.

Balik kepada soalan PATI ini, Tuan Yang di-Pertua, kita juga difahamkan pihak kerajaan hendak masukkan lagi 1.5 juta orang. Kononnya untuk kerja yang sektor 3D, dengan izin, *dirty*, *dangerous* dan *difficult*. Pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya kita *clear*kan proses empat juta orang warga asing ini yang tidak menentu, *vet* mereka ini. Kalau diperlukan, mereka ini berguna kepada negara, putihkan mereka, tak payah bawa masuk lagi 1.5 juta orang. Ini kita menambahkan lagi. Yang duduk ada sekarang ini pun kita tidak kawal, kita hendak masuk lagi 1.5 juta orang. Ini akan jadi membebankan kepada pihak kerajaan sendiri.

Saya hendak pergi ke isu pembinaan Hospital Padang Besar. Saya hendak tujukan kepada Kementerian Kesihatan. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, perkara ini saya sudah bangkitkan pada sidang Dewan yang lalu yang mana perkara ini telah diumumkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke negeri Perlis.

Tahun ini sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat lawatan ke negeri Perlis dan berjanji dengan rakyat Perlis yang mana pembinaan Hospital Padang Besar diluluskan. Akan tetapi yang anehnya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Bajet 2016 dicatatkan di sini membina lima buah hospital baru di Pasir Gudang, Kemaman, Pendang, Maran dan Cyberjaya. Kedua, memulakan operasi Hospital Wanita, Kanak-kanak Kuala Lumpur bernilai RM848 juta dan seterusnya. Hospital Padang Besar tidak disebut.

Jadi saya jangka mungkin pihak Yang Amat Berhormat sebagai selaku Menteri Kewangan telah meluluskan perkara ini dan diarahkan kepada pihak Kementerian Kesihatan.

■1150

Jadi saya harap janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada rakyat negeri Perlis, patutlah ditunaikan dan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan negeri telah menyediakan keluasan tapak sebanyak 20.49 ekar tanah yang bergeran nombor 10605 Lot PT 9123 sudah sedia untuk dibina hospital. Jadi saya harap pihak kerajaan tidak menghampakan rakyat negeri Perlis.

Satu perkara lagi saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan isu SPRM. Saya terpanggil untuk menyentuh isu persepsi rakyat terhadap kemampuan dan keterbukaan SPRM dalam menangani kes-kes berunsur rasuah hari ini. Antaranya ikan jerung terlepas, ikan bilis bakal didakwa dan juga SPRM tidak menyiasat kes rasuah, tetapi lebih cenderung menyiasat siapa yang melaporkan atas kebocoran maklumat kerahsiaan. Ini yang dibangkit-bangkitkan oleh rakyat di bawah.

Saya bangkitkan isu ini, ini semua persepsi Tuan Yang di-Pertua. Jadi oleh sebab baru-baru ini saya ada soalan yang saya timbulkan sebab Menteri tidak datang, persoalan-persoalan yang saya hendak timbulkan kepada pihak Menteri untuk menjawab salah satunya apakah pendirian kerajaan mengenai cadangan Jawatankuasa Khas Parlimen mengenai rasuah *The Parliamentary Special Committee on Corruption*, dengan izin, pada

tahun 2000 supaya Perkara 145, Perlembagaan Persekutuan dipinda bagi membolehkan SPRM mempunyai kuasa untuk mendakwa ataupun *prosecute*.

Kedua, adakah kerajaan berhasrat untuk memberi kebebasan untuk menyiasat kepada SPRM iaitu seperti yang dinikmati ini oleh *Independent Commission Against Corruption*, dengan izin, ICAC Hong Kong?

Ketiga, adakah kerajaan telah mengkaji supaya Akta SPRM 2009 dipinda bagi SPRM bertanggungjawab untuk melaporkan terus dan diletakkan di bawah Parlimen Malaysia? Ini bab SPRM.

Jadi boleh kata yang akhir Tuan Yang di-Pertua, dua perkara lagi yang saya hendak sentuh, pertama berkenaan dengan gaji minimum yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri gaji minimum dari RM900 dinaikkan kepada RM1,000. Persoalan saya sekarang, saya ingin tanya kepada pihak kementerian, berapa banyak syarikat yang telah melaksanakan gaji minimum iaitu yang paling kurang RM900 sebelum lagi daripada RM1,000 ini? Kita hendak tahu jumlah syarikat yang tidak melaksanakan? Apakah tindakan kementerian kepada syarikat-syarikat ini?

Oleh sebab kita juga haraplah Tuan Yang di-Pertua sebab kenaikan kos sara hidup dengan kenaikan tol harga barangan, kalau tidak dikawal Tuan Yang di-Pertua menjadi-jadi. Setelah rakyat ditindas oleh GST, selepas ini dinaikkan tol. Saya harap pihak KPDNKK pastikan tidak ada lagi kenaikan barang-barang lain. Ini harapan rakyat Tuan Yang di-Pertua.

Tidak ketinggalan saya terpaksa menyentuh berkenaan dengan peruntukan kepada anak-anak yatim yang sentiasa saya bawa perkara ini Tuan Yang di-Pertua iaitu anak-anak yatim yang tinggal di asrama yang dikelolakan oleh PEYATIM Malaysia yang ada lebih kurang 4,000 anak-anak yatim yang mana sekarang ini daripada JKM memberi wang harian kepada anak-anak yatim RM16. Sedangkan kepada PEYATIM pihak JKM hanya memberi sebanyak RM8. Jadi saya ingat tidak *balance*. Kalau anak yatim yang dibiayai oleh JKM diberi RM16, kenapakah yang duduk dengan PEYATIM diberi RM8?

Perkara ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua. Pihak PEYATIM telah membuat permohonan kepada MoF. Kos tambahan untuk diberi kepada anak-anak yatim sebanyak 4,000 orang hanya lebih kurang *plus minus* RM11 juta. Jadi saya harap sangat-sangat kepada pihak kementerian untuk menimbang perkara ini. Sebenarnya tanggungjawab anak yatim ini tanggungjawab kerajaan. Akan tetapi sebagai badan swasta yang membantu mendidik anak-anak yatim, menjaga anak-anak yatim dengan percuma. Kita tidak mendapat apa-apa imbuhan. Jadi saya berharap pihak kerajaan memberi penekanan yang serius berkenaan ini.

Akhir sekali saya hendak sebut kepada sahabat saya ini Dato' Dr. Loga Bala Mohan dibangkitkan dua tiga hari dalam perbahasan ini, nampak DBKL ini macam tidak *respect* logo Ahli Dewan Negara ini. Sedikit-sedikit saman. Akan tetapi tidak apalah kita ada kawan, sebagai Dato' Dr. Loga Bala Mohan ini boleh selesai saman ini. Akan tetapi apa yang kita hendak, menghormati Dewan Negara. Logo ini bukan sahaja bubuh di kereta. Apabila you sebagai Ahli Dewan Negara sahaja you letak logo itu, *the moment* Yang Berhormat sudah habis macam kawan-kawan saya banyak sudah bawa turun.

Jadi sebenarnya pihak DBKL untuk beritahu kepada pihak penguat kuasa menghormati. Ada pegawai-pegawai penguat kuasa dia tidak kisah, dia keluar saman sahaja, dan kita bayar. Akan tetapi persoalan dia cuma hendak menghormati. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri ada. Habuan Yang Berhormat Menteri ada sini harap dapatlah mempertimbangkan. Ini semua banyak yang kaitan dengan pihak penguat kuasa. Bukan kata dia orang melanggar. Kadang-kadang tengah tunggu, dia tidak kisah. Dia datang tengok, jalan. Saya dengar kata DBKL Menteri pun mereka saman. *Some do respect*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Bagilah keselesaan sedikit. Boleh ya Yang Berhormat? *Alhamdulillah*.

Jadi saya ingat itulah perkara-perkara yang saya hendak sentuh. Akhir sekali saya hendak ucapkan tahniah kepada kerajaan yang mana baru-baru ini telah mengadakan Malaysia sebagai tuan rumah telah mengendalikan perjumpaan ataupun mesyuarat ASEAN yang begitu berjaya sekali. Jadi saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah

kepada Kerajaan Malaysia. Dengan kata-kata itu saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Hou Kok Chung.

11.58 pg.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih ke atas kesempatan ini untuk turut serta dalam perbahasan Bajet 2016. Bajet kali ini disajikan dalam iklim cabaran bertali arus yang memberi kesan kepada ekonomi, politik dan keselamatan sejagat. Cabaran-cabarannya juga cukup hebat, datang dari pelbagai arah dan berlangsung dalam dan juga luar negara. Cabaran-cabaran ini memerlukan kebijaksanaan bersepadu rakyat dan kerajaan untuk cekap dan rasional dalam membuat penilaian dan perhitungan yang seimbang agar sebarang isu menemui penyelesaian yang baik tanpa mengganggu-gugat keharmonian rakyat jelata mahupun kestabilan negara.

Ia juga menuntut kesepaduan semua *stakeholders* berkepentingan baik rakyat umum, parti-parti politik, NGO-NGO dan banyak lagi serta juga keseluruhan jentera kerajaan untuk memainkan peranan yang bertanggungjawab dalam menjamin kesejahteraan kehidupan rakyat kekal dilindungi dan terus dipertingkatkan. Ini bererti tindakan dan tingkah laku keterlaluan ataupun *extreme* langsung tidak mempunyai tempat dalam Malaysia yang masyarakatnya majmuk.

■1200

Ia hendaklah dijauhi dan digantikan dengan sikap rasional dan kesederhanaan, sikap hormat-menghormati dan faham memahami kepelbagaian masing-masing dan sifat sayangkan dan keamanan dan cinta keharmonian. Dewasa ini isu 1MDB masih belum nampak boleh reda dalam tempoh yang terdekat ini. Isu ini telah membimbangkan rakyat, mewujudkan suasana seolah-olah negara sedang menuju ke alam huru-hara dan memberi suatu gambaran bahawa negara kita berada dalam kancah permasalahan besar.

Walaupun begitu, negara kita sebenarnya masih utuh dan pihak yang telah mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah *fail state*, dengan izin, nyata kecewa. Ini semua gara-gara tindakan kurang bertanggungjawab pihak-pihak tertentu yang berhajat menyuburkan pemikiran rakyat dengan fakta-fakta separuh benar dan gambaran yang cukup negatif *end game* mereka, dengan izin, nampaknya hanya untuk menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional dan pihak pembangkang mengambil alih tampuk kepimpinan kerajaan. Andainya *end game* mereka, dengan izin, adalah murni untuk mendedahkan rasuah dan salah laku, maka biarlah siasatan 1MDB dijalankan tanpa gangguan lagi.

Marilah kita sama-sama tunggu hasil siasatannya, baik oleh PAC, SPRM, Bank Negara, PDRM ataupun pejabat Peguam Negara. Kerajaan terus tidak tersasar daripada tanggungjawabnya kepada rakyat. Kerajaan terus mengambil langkah-langkah untuk memperteguh ketahanan ekonomi negara. Misalnya langkah berani Malaysia menjadi negara anggota dalam TPPA wajar dipuji dan mendapat sokongan padu rakyat. Tidak akanlah kerajaan Barisan Nasional yang bertanggungjawab, mahu menjejaskan kehidupan rakyat dengan melibatkan negara dalam perjanjian perdagangan antarabangsa yang merugikan kita.

Satu-satunya pernyataan berkaitan TPPA menjadikan negara kita lebih kompetitif. Perkataan "kompetitif" tidak seharusnya menakutkan kita dan menjadi penghalang kepada kemajuan. Malaysia dan rakyatnya perlu melangkah keluar dari zon selesa yang sekian lama menjanjikan perlindungan subsidi, pinjaman mudah dan sebagainya. Sebaik-baiknya rakyat tampil berasa yakin dan berani untuk bersaing di semua peringkat termasuk global. Sikap bersaing mengajak kita untuk membangunkan daya tahan atau *resilience* kita, dengan izin. Selain TPPA, negara juga perlu celik dengan perkembangan masa kini di negara China terutamanya dasar-dasar liberal berkaitan perdagangan, kewangan dan pelaburan.

Sebagai gergasi ekonomi dunia yang baharu, negara China menawarkan akses pasaran yang luas dan lumayan. Ia juga menjadi negara pengeluar pada harga yang lebih kompetitif kerana kekuatan sumber tenaga dan sumber aslinya yang banyak. Adalah amat penting sekali kerajaan memastikan keanggotaan dalam TPPA tidak mendatangkan sebarang impak yang boleh menjejaskan Malaysia meraih manfaat daripada langkah liberalisasi China.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Malaysia sudah mula menikmati manfaat apabila syarikat-syarikat China melakukan pelaburan bernilai berbilion-bilion Ringgit di Malaysia kebelakangan ini. Terbaru ialah pembelian aset penjana kuasa milik 1MDB oleh sebuah syarikat milik kerajaan China berjumlah RM9.83 bilion. Rakyat perlu memahami signifikan perkembangan ini, bukan saja dari sudut amaun pelaburan yang besar tetapi lebih penting ialah daripada perspektif keyakinan tinggi yang ditunjukkan oleh Kerajaan China terhadap 1MDB, syarikat yang kononnya begitu *controversial*. Rakyat Malaysia juga boleh menterjemahkan langkah Kerajaan China itu sebagai tanda sokongan mereka terhadap Kerajaan Malaysia.

Dalam erti kata yang lain, Kerajaan China kurang yakin kepada dakwaan dan tuduhan salah laku dan rasuah yang disuarakan pembangkang. Perkara ini penting untuk rakyat membuat penilaian kerana sebagai kuasa besar ekonomi dunia, negara China tidak mungkin mahu membuat pelaburan berbilion-bilion Ringgit dalam sebuah *fail state*, dengan izin. Negara China juga telah melancarkan program *the Belt and Road Initiative*. Jelas program ini mempromosikan kedamaian sambil mengajak dunia untuk berdagang sekaligus merencanakan ekonomi dan merangsang pembangunan infrastruktur di kawasan-kawasan yang dilalui. *The Belt and Road Initiative* ini merangkumi keseluruhan Asia dan Eropah serta sebahagian Afrika Utara dan Timur dan negara-negara di Lautan China Selatan, Lautan Pasifik Selatan dan Lautan India.

Dalam hubungan ini, Malaysia sangat bertuah kerana berada dalam kedudukan geografi yang strategik dan menjadi tempat persinggahan program *The Belt and Road Initiative*. Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, agama, budaya dan bangsa, mempunyai banyak kelebihan untuk meraih manfaat berganda dalam program negara China ini. Kekuatan kita yang juga kelebihan kita dari sudut program *The Belt and Road Initiative*, kepelbagaian kita. Bayangkan rakyat Malaysia boleh berurusan dengan banyak rakyat negara lain kerana kita mewakili rakyat dunia, mewakili tamadun-tamadun dan agama-agama agung seperti Arab, China, India, Islam, Buddha, Hindu, Kristian dan sebagainya.

Realitinya, rakyat Malaysia seharusnya menghargai kepelbagaian kita dan sepanjang masa memelihara dan memperkukuhkannya. Kepelbagaian kita kunci kepada perpaduan dan keharmonian untuk rakyat dan negara dan kepelbagaian kita adalah asas kepada daya tahan dan kelangsungan kita untuk kekal kompetitif di persada global dalam semua aspek. Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2016 juga berhasrat untuk mempersiapkan modal insan. Memang cukup penting untuk kerajaan memberi tumpuan khusus dalam perkara ini dan tidak ketinggalan juga mencakupi pelajar-pelajar kita luar negara. Kerajaan bukan sahaja ada menyediakan pembiayaan berbentuk biasiswa dan pinjaman pendidikan turut disediakan perkhidmatan-perkhidmatan lain berbentuk menjaga kebajikan pelajar dan menyediakan kemudahan seperti *Malaysia Hall*, dengan izin. Ini adalah juga sebahagian daripada apa yang di bawah Bajet 2016 iaitu Mensejahtera Kehidupan Rakyat.

Dalam hubungan ini, bolehkah kerajaan memberi maklumat tentang asas-asas atau kriteria untuk menubuhkan sebuah *Malaysia Hall* di luar negara. Saya yakin antara asas paling utama ialah jumlah bilangan pelajar yang tinggi. Semalam, Dewan yang mulia ini telah dimaklumkan bahawa pada tahun 2014, jumlah pelajar kita di Australia adalah seramai 20,535 orang, Indonesia 4,527 orang dan Taiwan 12,137 orang. Semua juga sedia maklum bahawa di Australia terdapat tiga buah *Malaysia Halls* iaitu di Sydney, Melbourne dan Perth, di Indonesia, satu buah di Jakarta dan tiada di Taiwan.

■1210

Dengan populasi pelajar Malaysia di Taiwan tiga kali lebih dari Indonesia dan hampir 60 peratus berbanding di Australia. Maka, saya ingin memohon kerajaan mempertimbangkan menubuhkan sebuah *Malaysia Hall* di sana dengan segera. Ini penting

bukan sahaja untuk menunjukkan hasrat kerajaan untuk *reach out*, dengan izin, kepada pelajar-pelajar di sana. Lebih signifikan ialah keikhlasan kerajaan untuk memberi perkhidmatan yang saksama menjaga kebajikan pelajar kita di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, amat jelas sekali bahawa meringankan kos sara hidup rakyat merupakan agenda sepanjang zaman kerajaan. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kos sara hidup di Malaysia telah meningkat.

Ini boleh dikaitkan dengan pengurangan dan juga penghapusan subsidi bagi barangan dan perkhidmatan tertentu. Pelaksanaan GST juga sebanyak sedikit telah memberi kesan kepada situasi tersebut. Walau apa pun, GST wajar disokong dan ditambahbaik lagi. Kita sudah dapat melihat kesan kepada pelaksanaan GST apabila kutipan GST pada tahun ini mencatatkan sebanyak RM27 bilion. Sebagai bandingan, kutipan pra GST iaitu SST hanya mencatat RM17 bilion pada tahun 2014.

Pelaksanaan GST juga menjadi berketepatan masanya apabila telah mengimbangi keupayaan kewangan negara. GST telah dapat menampung *shortfall*, dengan izin, ekoran hasil kewangan telah terhakis teruk kerana penurunan mendadak harga petroleum dan fenomena ketidakpastian nilai Dollar Amerika yang tidak memihak kepada Ringgit Malaysia kita. Menjadi harapan rakyat bahawa hasil GST akan diuruskan dengan berhemat dan kerajaan akan terus telus dalam memaklumkan kepada rakyat bagaimana hasil GST dibelanjakan.

Rakyat telah mengeluh besar dan marah tentang kenaikan kadar tol dan juga tambang pengangkutan awam baru-baru ini. Alasannya bahawa kenaikannya sukar disekat lagi kerana ia telah ditangguhkan bertahun-tahun lamanya, tidak meredakan kemarahan rakyat. Mungkin kalau kerajaan lebih telus dengan rakyat dalam soal perjanjian-perjanjian yang telah dimeterai dengan syarikat-syarikat berkaitan, rakyat akan lebih dapat memahami mengapa ia berlaku.

Saya yakin kalau kenaikan itu berlaku secara beransur-ansur, misalnya 2 peratus atau 3 peratus pada satu-satu masa berbanding dengan apa yang berlaku hari ini di mana ada kenaikan yang melebihi 50 peratus, maka ia akan lebih kurang terasa oleh rakyat.

Terbaru ialah kenaikan tambang ERL Ekspres dari KL Sentral ke KLIA dan KLIA2 dari harga RM35 ke RM55 perjalanan sehalu. Ini kenaikan sebanyak 57 peratus. Penjelasan bahawa tambang tersebut telah tidak dikaji semula selama 14 tahun sangat sukar diterima rakyat. Adakah ia tidak dikaji semula kerana kerajaan ada membayar subsidi kepada Syarikat ERL Ekspres? Wang subsidi ini pula datangnya menerusi pungutan cukai lapangan terbang yang dikenakan ke atas setiap penumpang yang menaiki pesawat domestik dan antarabangsa tidak kira penumpang itu menggunakan perkhidmatan ERL atau pun pengangkutan lain, asalkan penumpang itu membuat penerbangan keluar, ERL akan mendapat subsidi pada kadar RM2 bagi setiap penumpang yang menaiki pesawat domestik dan RM6 bagi setiap penumpang antarabangsa. Berikutan kenaikan kadar tambang ERL Ekspres yang akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2016, adakah subsidi ini akan dihapuskan?

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap cadangan dan pandangan saya akan mendapat perhatian dan pertimbangan sebaiknya oleh semua pihak. Dengan itu, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2016. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Goonasakaren. Saya cuma hendak maklumkan bahawa setelah saya semak tadi Yang Berhormat Lihan Jok telah bagi notis untuk berucap hari ini juga. Setelah saya dapat tengok agaknya tidak tercatat pada nota, maka saya tahu dah, tidak payah hantar lagi. Sekarang saya mempersilakan Dato' Goonasakaren.

12.15 tgh

Dato' Goonasakaren A/L Raman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam perpaduan, salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Bajet 2016.

Ucapan syabas dan tahniah kepada Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak kerana sanggup mengambil risiko dalam membentangkan satu bajet yang bertemakan 'Mensejahtera Kehidupan Rakyat' walaupun ekonomi dunia global yang tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Saya hendak menyentuh tentang pelaksanaannya. Kementerian yang bertanggungjawab Kementerian Kewangan dan juga KPDKK. Saya rasa pelaksanaannya mestilah diusahakan dan diperketat, dilaksanakan sebaik mungkin supaya kesan daripada GST itu akan memberi keringanan kepada rakyat jelata yang sudah pastinya di mana pencatutan harga barang mestilah diawasi, mestilah dipantau dan sebagainya.

Saya juga dapati bahawa saluran aduan juga didapati lemah di mana akses yang menyampaikan aduan oleh rakyat jelata amat susah. Bukan semua rakyat kita dapat atau fasih menggunakan internet terutamanya rakyat luar bandar. Saya ingin sarankan agar jalan penyelesaian atau kaunter aduan dapat diperluaskan. Dalam masa yang sama saya juga dapati bahawa peniaga masih mempunyai ruang untuk memanipulasi pendapatan mereka. Apakah tindakan kerajaan dalam menangani masalah sedemikian? Saya ingin tahu berapakah jumlah aduan yang telah diterima sehingga kini dan berapakah jumlah daripada mereka ini telah dihadapkan ke mahkamah?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang industri sukan negara. Kita sedar bahawa Malaysia memanglah merupakan sebuah negara yang komited dalam pembangunan industri sukan sejak sekian lama. Sukan juga melambangkan kehebatan sesebuah negara. Pencapaian terbaik dalam apa juga bidang sukan ini akan mengharumkan nama negara.

Kerajaan telah memberikan satu peruntukan yang saya kira agak besar, hampir RM1 bilion, lebih daripada RM900 juta kepada KBS dengan harapan untuk kita fokuskan kepada pencapaian kita dalam Sukan SEA 2017 yang Malaysia akan menjadi tuan rumah. Kemudian, sudah tentu untuk Olimpik Rio 2016 dan juga dalam program peningkatan atau pencapaian dalam kerja.

Melalui peruntukan sebesar ini kita sudah tentu mengharapkan atlet-atlet negara akan mencapai kejayaan yang jauh lebih gemilang dan terbilang. Namun untuk jangka panjang yang saya kira sudah tiba masanya melihat secara holistik, secara menyeluruh bagaimana kita mampu menghasilkan atlet-atlet yang jauh lebih baik?

Hari ini kita sedar, mengikut laporan yang kita terima kita ada Sekolah Sukan Malaysia sebanyak empat buah. Kemudian sekolah sukan negeri 15 buah, sekolah sukan daerah 681 buah dan melibatkan lebih kurang 40,000 ke-45,000 orang anak murid yang terlibat dengan pelbagai sukan.

■1220

Kita juga mempunyai hampir 2,500 orang jurulatih. Walau bagaimanapun, mengapakah kita mesti dilihat lemah dalam aspek pencapaian dalam bidang sukan domestik mahupun peringkat antarabangsa? Ini jelas dapat dilihat bahawa kita dapat membuat perbandingan zaman 70-an dan 80-an di mana ramai atlet dan ahli-ahli sukan yang berjaya mencipta nama di peringkat antarabangsa mahupun domestik. Saya melihat bahawa antara sebab-sebab utama ialah semua sekolah di seluruh negara, sekolah rendah dan menengah ketika itu memang bergiat dengan sukan sepenuhnya. Mereka mempunyai jurulatih dan guru-guru yang begitu *dedicated*, dengan izin, yang begitu *passionate*, yang menjiwai setiap bidang sukan yang mereka ceburi.

Mereka sanggup melatih anak-anak murid sekolah ini sehingga melahirkan juara-juara yang hebat baik dalam bidang sukan olahraga mahupun sukan permainan seperti bola sepak. Hari ini walaupun kita ada sekolah-sekolah sukan tetapi pencapaian masih

kurang membanggakan. Apakah punca sebenar kita berada di tahap sedemikian? Adakah guru-guru sukan kini tidak lagi dilihat komited seperti zaman dahulu. Jadi dalam hal ini, saya memohon Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji semula dan mengambil langkah yang sewajarnya untuk memajukan sukan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mempergiatkan perusahaan kecil sederhana iaitu PKS, kerajaan telah menubuhkan dana pinjaman mudah SME sebanyak RM200 juta di bawah Bank SME. Satu usaha murni kerajaan tetapi setakat mana atau sejauh manakah jutaan ringgit yang diperuntukkan di bawah Bank SME ini dapat memberi manfaat kepada usahawan yang sedia ada dan usahawan yang baru menceburi dalam PKS. Banyak rungutan dan kekecewaan di kalangan usahawan PKS dalam memperoleh pinjaman di Bank SME. Akhirnya ada yang terpaksa gulung tikar. Oleh yang demikian, kerajaan atau agensi yang bertanggungjawab perlu melihat balik dan mempunyai data-data untuk penambahbaikan sistem pemberian pinjaman di Bank SME demi usahawan PKS terus berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah pembangunan infrastruktur luar bandar. Didapati RM1.4 bilion telah diperuntukkan bagi membina serta menaiktarafkan jalan luar bandar sepanjang 700 kilometer di seluruh negara. Saya mencadangkan kepada kerajaan agar jalan sepanjang 40 kilometer yang menghubungkan Temerloh-Bera di negeri Pahang dinaiktarafkan ataupun membina jalan alternatif yang menghubungkan Temerloh-Bera bahkan jalan Bera ke Temerloh ini juga menghubungkan Bahau hingga sampai ke Seremban. Ini adalah kerana jalan yang menghubungkan Bera dengan Temerloh ini kedudukannya adalah bersebelahan dengan Sungai Pahang. Apabila berlakunya banjir besar tahun 2014, maka jalan yang menghubungkan Bera-Temerloh ini terus terputus. Jadi tidak ada jalan alternatif yang boleh menghubungkan Temerloh ke Bera, Bahau ke Seremban.

Jadi kerajaan perlu mengkaji sekiranya jalan-jalan yang lama, jalan-jalan persekutuan yang menduduki bersebelahan sungai ataupun di tebing-tebing sungai, jadi perlu ada jalan-jalan alternatif sekiranya berlaku bencana seperti banjir-banjir besar. Maka penduduk dapat menggunakan jalan lama dalam keadaan yang sempurna. Kerajaan kena memastikan sentiasa, sepanjang masa walaupun kita ada lebu-lebu raya yang menghubungkan utara ke timur, utara ke selatan, timur ke barat dan sebagainya tetapi jalan persekutuan yang dikatakan sebagai jalan lama, kerajaan perlu sentiasa memastikan jalan lama ini dalam keadaan sempurna dan boleh digunakan.

Baru-baru ini berlaku tanah runtuh ataupun banjir lumpur di Kilometer 52.4 Lebuhraya Karak-Kuantan. Lebu raya di kiri kanan tertutup, maknanya tidak boleh dilalui kenderaan-kenderaan kecil atau besar. Apabila kenderaan ataupun kereta atau lori hendak menggunakan jalan lama nak sampai ke Kuantan tetapi jalan lama tidak dijaga dengan baik. Jadi jalan lama pun tidak boleh digunakan. Jadi sehingga sekurang-kurangnya lima hari, pemandu-pemandu terkandas di Lebuhraya Karak pada kilometer 52.4. Jadi saya mencadangkan kepada kerajaan ataupun Kementerian-kementerian yang berkenaan khususnya JKR ataupun Kementerian Pengangkutan perlu memberi perhatian yang serius. Jangan kita leka kerana kita ada lebu raya yang canggih, tidak perlu kita menjaga jalan-jalan persekutuan. Apabila berlakunya bencana alam, kelam kabut. Baru kita nak tengok balik jalan-jalan yang lama. Ini sepatutnya tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah memperkasa belia, komuniti dan NGO. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM160 juta untuk NGO bagi melaksanakan program-program berasaskan pembangunan komuniti, perpaduan, kebajikan masyarakat, kesihatan dan keselamatan. Ini satu angka yang cukup besar tetapi kita perlu renung kembali, adakah RM160 juta ini sampai kepada akar umbi. Setiap tahun berjuta-juta Ringgit, setiap bajet, setiap tahun setiap bajet jutaan ringgit diberi kepada NGO dengan bermatlamatkan untuk memperkasa belia. Akan tetapi sampai hari ini kita nampak bajet yang besar ini hanyalah dimanfaatkan untuk hanya segelintir golongan sahaja, ia tidak sampai ke akar umbi. Rata-rata kita mendengar luahan perasaan daripada kalangan belia.

Program-program NGO kadangkala tidak berfokus kepada kumpulan sasarannya. Akhirnya peruntukan yang diterima tersasar objektif dan matlamat kerajaan. Kadangkala NGO ini juga menjadi masalah kepada kerajaan yang memerintah.

Saya bukan mengatakan bahawa semua NGO, terdapat segelintir NGO-NGO ini apabila berlaku perhimpunan jalanan, perhimpunan haram, ada di kalangan NGO yang melibatkan diri, memberi sokongan kepada penganjur. Saya mencadangkan bahawa kerajaan perlu awasi dan teliti dalam pemberian peruntukan-peruntukan kepada NGO-NGO ini.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, di bawah meningkatkan taraf hidup isi rumah B40, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk melahirkan 10,000 orang usahawan India. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak kerana setiap masa, setiap tahun apabila membentangkan bajet memberi keprihatinan beliau memberi berjuta-juta Ringgit kepada kaum India untuk menjaga golongan ini juga, golongan kaum India.

Jadi dalam RM100 juta melahirkan 10,000 orang usahawan India ini walaupun bajet ini ataupun peruntukan ini sebegitu banyak tetapi saya memohon kepada kerajaan supaya kerajaan menubuhkan satu Jawatankuasa pemantau supaya RM100 juta ini diagihkan kepada kumpulan-kumpulan usahawan India yang memerlukan bantuan. Kita ada bajet, Perdana Menteri mengumumkan berjuta-juta Ringgit kepada kaum-kaum untuk membantu golongan-golongan miskin tetapi kita tidak nampak ada satu Jawatankuasa yang memantau. Akan tetapi semua peruntukan yang diberi oleh kerajaan akhir tahun diaudit, itu sahaja. Cadangan saya mengadakan satu Jawatankuasa yang boleh memantau program-program yang dijalankan oleh NGOs ataupun mana-mana pihak supaya duit RM100 juta ini akhirnya dimanfaatkan oleh semua golongan yang memerlukan bantuan.

Begitu juga RM50 juta disediakan oleh SME Bank untuk membantu usahawan kecil India. Kita juga menghadapi masalah dan proses pemberian pinjaman. Proses SME Bank ini perlulah melonggarkan syarat-syarat supaya semua usahawan belia ini dapat memperoleh pinjaman daripada SME Bank. SME Bank tidak perlu mengikut syarat-syarat seperti mana yang dilakukan oleh bank-bank lain seperti Maybank, Public Bank dan sebagainya. SME Bank dikhususkan untuk membantu. Duit diberi kepada bank supaya bank membantu beri pinjaman kepada belia-belia usahawan supaya mereka berjaya di dalam bidang-bidang perniagaan.

Akan tetapi hari ini kita nampak banyak belia apabila hantar *proposal*, permohonan mereka ditolak. Sering kali ditolak. Jadi belia-belia yang menceburi dalam bidang perniagaan ini rasa kecewa walaupun pengumuman Perdana Menteri sekian banyak berjuta-juta Ringgit kepada kaum India, belia-belia India tetapi apabila di peringkat bawahan mereka tidak dapat pinjaman-pinjaman dari bank kerana proses ataupun syarat-syarat yang ketat. Tujuan kerajaan adalah baik dan murni kerana ingin membantu usahawan supaya mereka mendapat pinjaman dari bank dengan mudah tetapi berlaku sebaliknya. Jadi kerajaan perlu kaji perkara ini.

Sebanyak RM100 juta juga disediakan di bawah program pembangunan sosioekonomi masyarakat India yang melibatkan kerjasama NGO dan institut latihan kemahiran. Kita nampak sekarang institut latihan swasta ini muncul seperti cendawan. Apabila RM100 juta diperuntukkan kepada program pembangunan sosioekonomi, semua akan mohon dan peserta diberi kursus enam bulan atau tiga bulan, lepas kursus peserta dibiarkan tanpa dibantu daripada segi kewangan.

Mereka memperoleh jutaan ringgit daripada kerajaan tetapi akhirnya yang datang hadir kursus tiga bulan ataupun kursus enam bulan, selepas itu balik dia tidak tahu hendak buat apa. Dengan memberi kursus sahaja tidak mencukupi lagi. Selepas kursus enam bulan, balik mereka perlu ada satu peruntukan untuk bergiat dalam perniagaan untuk menjana pendapatan. Ini berhenti setakat kursus sahaja. Selepas kursus, dia pun tidak tahu apa hendak dibuat. Selepas peserta ini balik ke kawasan masing-masing mereka boleh buat perniagaan, dengan dibantu mereka daripada segi kewangan oleh kerajaan. Jadi saya

kira itu sahaja cuma sekali lagi sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengambil kesempatan ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri kita Perdana Menteri yang keenam.

Satu-satu dalam Malaysia ini, satu-satunya Perdana Menteri yang banyak jasa kepada kaum India. Beliau adalah apabila beliau menjadi Perdana Menteri yang keenam, beliau adalah yang satu-satunya *Prime Minister*, dengan izin, yang mengeluarkan ungkapan-ungkapan, "*kaum India mempunyai sejarah di Malaysia, kaum India agak ketinggalan jauh, kaum India perlu diberi perhatian, kerajaan perlu bantu kaum India, kaum India bukan pendatang*". Itu adalah ungkapan-ungkapan yang dikeluarkan oleh Dato' Sri *Prime Minister*, dengan izin.

Jadi dengan itu kaum India dulu, kini dan selama-lamanya akan berdiri teguh menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia. Saya juga mendoakan agar beliau diberi kekuatan untuk memimpin negara kita. Dengan kata-kata itu saya menyokong Bajet 2016. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

■1240

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Hajah Khairiah.

12.40 tgh.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Sekali lagi ucapan terima kasih kepada Tan Sri Yang di-Pertua atas kebenaran untuk saya turut sama menyertai dalam perbahasan Bajet 2016 pada kali ini. Kehidupan rakyat yang semakin dihimpit, kita lihat hari ini Bajet 2016 dikemukakan dalam keadaan rakyat marhaen terus dihimpit kesukaran.

Khususnya kumpulan B40 dan juga kumpulan berpendapatan sederhana yang turut digelar sebagai *the strugglers*, dengan izin. Rakyat diasak dengan kenaikan harga barang, khususnya barang-barang yang diimport, kejatuhan dan ketidakstabilan Ringgit Malaysia, kejatuhan harga komoditi utama dan petroleum, kenaikan harga tol, kenaikan tambang pengangkutan awam serta pelaksanaan percukaian GST.

Saya ambil contoh satu, warga kota Lembah Klang sekarang dihimpit dengan kenaikan kadar tambang komuter, LRT dan monorel. Tambang baru KTM Komuter kenaikannya 58 peratus iaitu kenaikan daripada empat sen per kilometer dengan maksimum kenaikan RM7.10 bagi satu perjalanan. Ambil contoh tambang komuter daripada UKM ke KL Sentral sehala yang dahulunya RM6.60 tetapi kini RM9.60 iaitu kenaikan RM3 sehala.

Jika dua hala, bermakna kenaikan RM6. Jika dikira lima hari seminggu, kenaikannya RM30 dan untuk sebulan, kenaikan yang ditanggung pengguna RM120. Mereka ini biasanya golongan yang gaji tidak lebih daripada RM2,000, kebanyakan mereka pelajar ataupun pekerja-pekerja di peringkat bawah. Bayangkan mereka menanggung kenaikan sehingga RM120 sebulan, khusus untuk perbelanjaan pengangkutan.

Begitu juga kita terpaksa berdepan dengan kenaikan kadar tol 18 buah syarikat konsesi lebuhraya mulai 18 Oktober lalu dan lapan lagi lebuhraya mulai tahun 2016. Kalau mengikut laporan penyiasatan perbelanjaan isi rumah 2014, menunjukkan secara purata rakyat membelanjakan 14.6 peratus pendapatan untuk pengangkutan sama ada untuk pengangkutan persendirian ataupun pengangkutan awam.

Sekarang ini rakyat inginkan penyelesaian dan jalan keluar daripada himpitan dan asakan ini. Bukannya kita disajikan dengan perancangan demi perancangan yang berputar-putar tanpa jalan keluar. Kita, dengan izin, *back to square*, tidak ada jalan keluar, cuma perancangan demi perancangan. Rakyat nanti-nanti bilakah harga barang kembali stabil,

bukan kenaikan saban hari. Rakyat ternanti-nanti bilakah mata wang Ringgit Malaysia kembali kukuh, rakyat tertunggu-tunggu bilakah harga pengangkutan awam dan tol kembali rendah.

Semua ini saya yakin memerlukan tekad dan komitmen kerajaan membantu rakyat terbanyak. Saya begitu mengharapkan agar kerajaan bukan hanya mampu mengatur perancangan malah merealisasikan harapan-harapan rakyat terbanyak ini.

Seterusnya, berkait simpanan luar jangka. Jika kita lihat daripada keseluruhan Bajet 2016 berjumlah RM267 bilion. RM2 bilion simpanan luar jangka dan simpanan luar jangka ini telah dimasukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan semenjak 2010 lagi. Namun, jika kita lihat jumlahnya tidak pernah bertambah iaitu semenjak tahun 2010 sehingga 2016, angkanya adalah kekal RM2 bilion.

Persoalan yang ingin saya kemukakan, apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan simpanan luar jangka ini? Adakah ia sejenis tabungan kerajaan? Bagaimanakah bentuk pengurusannya? Kenapakah jumlahnya kekal sebanyak RM2 bilion saban tahun semenjak 2010 sehingga sekarang? Sedangkan anggaran perbelanjaan tahunan meningkat saban tahun.

Seterusnya, berkait dengan simpanan negara. Mohon saya memetik maksud ayat Quran daripada Surah Yusuf, ayat 47 hingga 49 di mana maksud ayatnya, "*Yusuf menjawab; hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut kemudian apa yang kamu ketam, biarkan ia pada tangkainya kecuali sedikit daripada bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu tujuh tahun kemarau yang besar yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya kecuali sedikit daripada apa yang kamu simpan untuk dijadikan benih. Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan dan padanya mereka dapat memerah hasil anggur, zaitun dan sebagainya*".

Iktibar daripada surah ini, pakar ekonomi mentafsirkan situasi ini sebagai kitaran ekonomi iaitu turun naik semula jadi ekonomi. Di antara tempoh pengembangan ataupun pertumbuhan dan penguncupan ataupun kemelesetan disebabkan faktor-faktor seperti Keluaran Dalam Negara Kasar, pengangguran, perbelanjaan, indeks harga pengguna dan sebagainya. Daripada ayat tersebut, boleh disimpulkan bahawa setiap individu atau setiap negara perlu menyediakan sebuah pelan strategik bagi menghadapi keadaan penguncupan ekonomi yang tidak diduga.

Model yang telah dibuat oleh Nabi Yusuf berdasarkan mimpi Raja Mesir adalah sesuai di aplikasi oleh kerajaan dan juga individu. Justeru, kerajaan hendaklah mengutamakan kawalan ketirisan, mengamalkan jimat cermat dan sentiasa bersiap siaga dalam menghadapi penguncupan ekonomi. Khususnya apabila berlaku kejatuhan harga minyak dan komoditi serta kejatuhan mata wang ringgit. Kerajaan hendaklah memiliki dana rizab negara yang lebih banyak, khususnya daripada aset-aset punca hasil negara yang besar seperti petroleum dan gas.

Untuk persiapan menghadapi apa jua keadaan kemelesetan ekonomi dan bukan hari ini kita bergantung kepada kutipan GST daripada rakyat terbanyak. Saya kira kerajaan tidak sepatutnya meletakkan beban penyelamat ekonomi negara kepada rakyat. Oleh sebab saya yakin rakyat juga turut terbeban dengan kemelesetan ekonomi pada hari ini.

Seterusnya, pendidikan awal kanak-kanak dan prasekolah. Pendidikan yang mantap kaedah terbaik mengurangkan kadar kemiskinan dan mengeluarkan masyarakat daripada golongan miskin tegar dan juga sifat miskin yang diwarisi. Perlu wujud institusi pendidikan yang bermutu sama ada di kawasan bandar, apatah lagi luar bandar. Pendidikan prasekolah bermula seawal empat tahun hingga enam tahun.

Sangat perlu dititikberatkan kerana menurut kajian, kanak-kanak yang mendapat pendidikan prasekolah adalah lebih berjaya berbanding kanak-kanak yang tiada pendidikan prasekolah. Justeru, saya mohon suatu perangkaan kadar enrolmen rakyat Malaysia dalam pendidikan sekolah di bandar dan luar bandar. Apakah terdapat perbezaan kadar enrolmen prasekolah di kawasan bandar dan juga luar bandar?

Pendidikan prasekolah oleh pihak kerajaan jika kita lihat melibatkan sekurang-kurangnya tiga kementerian penting iaitu Jabatan Perdana Menteri dengan Permata dan Tabika Perpaduan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan Tabika KEMAS serta Kementerian Pendidikan dengan nama prasekolah. Jika kita lihat, terdapat jumlah bajet dan bilangan golongan sasar yang berbeza.

Namun, saya di sini ingin mengemukakan berkait dengan dua sahaja iaitu Permata dan juga KEMAS. Jika kita lihat kepada bajet sebenar 2014, Pendidikan Awal Kanak-kanak Permata, kod 010500, adalah lebih kurang RM32 bilion. Manakala anggaran bagi tahun 2015 - RM48 bilion dan bagi tahun 2016 turun kepada RM36 bilion. Dinyatakan jumlah bilangan perjawatan di bawah Permata adalah seramai 585 orang. Jika kita sorot, kita lihat kepada prestasi aktiviti ataupun *output*, terdapat 93 buah pusat Anak PERMATA Negara dan berlaku pemantauan Kurikulum PERMATA Negara di 200 buah taska dan juga memasukkan anak-anak ke-300 Program PERMATA Kurnia dan enam Program PERMATA Dua.

■1250

Jika kita bandingkan dengan pendidikan awal kanak-kanak di KEMAS bagi kod 020500, anggaran tahun 2015 adalah sebanyak RM41 bilion, diturunkan pada tahun 2016 kepada RM27 bilion. Cuma saya sedikit keliru apabila dilihat kepada perjawatan, hanya terdapat 17 orang sahaja perjawatan bagi KEMAS di mana begitu ketidakseimbangan perjawatan yang begitu ketara.

Jika kita lihat dari sudut prestasi aktiviti ataupun *output*, daripada jumlah yang dibelanjakan, terdapat 225,000 orang kanak-kanak tabika ataupun taska yang dikelolakan dan terdapat 470,000 orang ibu bapa terlibat dengan ko-kurikulum. Begitu juga terdapat 11,300 buah kelas pendidikan prasekolah termasuk penyediaan makanan tambahan kepada 225,000 orang kanak-kanak bagi tahun 2016.

Persoalan saya di sini, dengan peruntukkan yang tidak banyak berbeza, mengapakah terdapat perbezaan ketara dari sudut *output* dan juga prestasi aktiviti antara pendidikan awal kanak-kanak PERMATA dan KEMAS? Juga, sebagaimana yang telah saya sebut tadi, terdapat bilangan perjawatan yang begitu ketara dan terdapat perbezaan dari sudut *output* juga yang begitu ketara sedangkan jumlah peruntukan adalah lebih kurang sama. Jadi saya kira saya perlukan penjelasan. Apakah yang menyebabkan ketidakseimbangan ini dan apakah mutu *output* itu sebenarnya? Mungkinkah mutu *output* ataupun prestasi yang diberikan oleh pihak PERMATA jauh lebih tinggi berbanding *output* oleh pihak KEMAS.

Saya inginkan penjelasan kerana saya begitu kluatir kerana KEMAS ini kebanyakannya berada di kawasan luar bandar. Adakah berlaku apa yang kita katakan *double standard* di mana kawasan untuk pendidikan awal kanak-kanak di luar bandar tidak begitu dipandang sama penting yang ia dianggap lebih rendah dan mutu perkhidmatan yang diberikan adalah lebih kurang berbanding dengan di tempat-tempat lain.

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Ya.

Dato' Khairudin bin Samad: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan, Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat kalau ada angkanya. Di Kelantan berapa banyak sekolah-sekolah KEMAS, taska dan juga tabika? Itu sahaja. Terima kasih.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Saya tidak ada perangkaan tetapi di Kelantan, kita memang ada prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan, KEMAS dan juga kita ada PASTI dan juga kita ada di bawah swasta yang lain. Tidak ada perangkaan tetapi setakat apa yang saya perhatikan, KEMAS di Kelantan memang apa yang saya lihat banyak yang hidup segan mati tidak mahu. Akan tetapi, saya kira sepatutnya, kita di

Kelantan kita ada PASTI, kita berlumba-lumba untuk membuat kebaikan. PASTI akan buat yang terbaik. KEMAS juga buat yang terbaik. Apakah salahnya? Jadi bila kita lihat hari ini di Kelantan, memang KEMAS keadaannya hidup segan mati tidak mahu.

Seterusnya, isu jururawat yang dipecat kerana memakai pakaian menutup aurat. Di sini saya ingin merakamkan perasaan kecewa dan terkilan atas pemecatan seorang jururawat beragama Islam- Naziah Sauni Samat, daripada jawatannya di sebuah premis hospital swasta dengan alasan tidak mematuhi syarat berpakaian hospital berkenaan. Beliau telah berusaha untuk memenuhi kehendak majikan dengan memotong lengan bajunya daripada panjang kepada pendek dan memakai stoking lengan bagi menutupi aurat yang terdedah, namun pihak hospital terus beralasan bahawa pemakaian tersebut boleh meningkatkan infeksi kuman kepada pesakit.

Di sini saya ingin merakamkan tahniah dan mengalu-alukan langkah Kementerian Kesihatan Malaysia yang memulakan Program Hospital Mesra Ibadah (HMI) bermula awal tahun ini kerana secara rasminya Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia telah pun merasmikannya. HMI bertujuan menjaga kepentingan perawat dan pesakit dalam terus melakukan ibadah seoptimum mungkin. Elemen yang perlu dijaga aurat pesakit, aurat perawat, batasan aurat pesakit dan pewaris dan di sini tidak timbul isu jangkitan silang kuman akibat daripada pemakaian baju berlengan panjang. Malah, kualiti kerja tetap mantap tanpa melihat kepada panjang atau pendek kod pemakaian baju.

Sekali lagi saya tegaskan, Malaysia sebagai sebuah negara yang meletakkan agama Islam sebagai Agama Rasmi Persekutuan sewajarnya semua organisasi kesihatan menghormati hak pekerja-pekerja Muslim. Saya juga menggesa pihak berwajib agama seperti JAKIM dan seumpamanya mengambil langkah wajar dan proaktif bagi menangani isu yang melibatkan amalan beragama seperti ini dan seterusnya membela kredibiliti dan maruah jururawat Muslim.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sedikit berkait Akta Laut Wilayah 2012 atau Akta 750. Detik bersejarah di Dewan Undangan Negeri Kelantan di mana pada 5 November 2015, suatu usul telah dibahaskan di dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan untuk menolak pemakaian akta tersebut di mana ia telah diluluskan di Parlimen pada April 2012. Saya sebut di sini. seksyen 3, Akta Laut Wilayah 2012 memperuntukkan... *[Membaca petikan] "Bagi maksud Akta Pelantar Benua, Akta Perlombongan Petroleum dan Kanun Tanah Negara dan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah yang berkuat kuasa di Sabah dan Sarawak, apa-apa sebutan mengenai laut wilayah dalamnya hendaklah berhubungan dengan mana-mana wilayah yang ditafsirkan sebagai sebutan mengenai bahagian laut itu yang berdampingan dengan pantai wilayah itu tidak melebihi tiga batu nautika diukur daripada garis air surut."*

Secara ringkasnya kesan kepada peruntukan ini penetapan sempadan perairan negeri dihadkan kepada hanya tiga batu nautika daripada garis air surut dan mana-mana bahagian perairan yang melebihi tiga batu nautika menjadi hak Kerajaan Persekutuan.

Persoalan yang ingin saya timbulkan di sini dan mohon boleh dijawab secara jelas oleh pihak yang berkenaan, kenapa ketika penggubalan akta ini, tiada perundingan dibuat dengan DUN setiap negeri dan Majlis Raja-Raja selaras dengan peruntukan Perkara 2, Perlembagaan Persekutuan kerana ia menyentuh isu penggubahan sempadan negeri dan juga kedaulatan negeri. Di sini saya sebut Perkara 2, Perlembagaan Malaysia di mana ia menyebut... *[Membaca petikan] "Parlimen boleh melalui undang-undang menggubah sempadan mana-mana negeri tetapi undang-undang yang mengubah sempadan suatu negeri tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan negeri itu dan Majlis Raja-Raja."*

Jadi sekali lagi, jelas melalui peruntukan Perkara 2, Perlembagaan, isu yang disebut di dalam Akta Wilayah Laut adalah berkaitan dengan persempadanan negeri sama ada di darat mahupun di laut dan kalau mengikut kepada Perkara 2, perlu dirujuk kepada negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kerana jam menunjukkan tepat jam satu tengah hari, kita tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang pada hari ini juga. Sekian, terima kasih. Kita sambung nanti, Yang Berhormat .

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

■1430

MENGANGKAT SUMPAAH OLEH SEORANG AHLI

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera kepada Yang Berhormat dan semua Ahli Yang Berhormat yang turut hadir pada petang ini.

Saya ingin mengalu-alukan pelantikan semula dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul kerana telah diberi kepercayaan untuk sambung jawatan kedudukan Yang Berhormat sebagai Senator selama satu penggal lagi.

Mengikut Perlembagaan, jelas menyatakan bahawa setiap seorang Senator itu ataupun Ahli Dewan Negara hanya akan boleh memegang jawatan itu maksimum dua penggal. Tiap-tiap satu penggal selama tiga tahun dan kepada Yang Berhormat, saya anggap berasa bertuah dapat dilantik semula menyambung perkhidmatan Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Sebagai seorang yang telah mendapat kepercayaan dan beri penghormatan terus berkhidmat, saya ingin bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat lain berharap semoga segala khidmat bakti pengorbanan Yang Berhormat akan dapat diteruskan lebih baik lagi pada masa-masa akan datang.

Sekarang ini Yang Berhormat sedia maklum, suasana politik negara telah banyak berubah dibandingkan dulu-dulu kerana Yang Berhormat sedia maklum cabaran-cabaran masa kini pelbagai corak dan bentuk. Oleh yang demikian, selaku seorang Ahli Dewan Negara yang juga Ahli Parlimen Malaysia, mestilah memahami dan mengetahui tanggungjawab tiap-tiap seorang Ahli Parlimen termasuk saya sendiri kepada peruntukan-peruntukan sebagaimana Yang Berhormat lafazkan ikrar taat setia sebentar tadi.

Sebagaimana saya selalu berkata, pertama sekali taat setia pada Malaysia. Kedua, mendukung, melindungi Perlembagaan Negara. Ini bermakna, tugas dan tanggungjawab kita sebagai seorang penggubal ataupun pembuat undang-undang negara mesti mempunyai ilmu yang mencukupi dan iltizam ke arah mewujudkan sesuatu dan membuat undang-undang yang baik kepada negara. Kita akan menghadapi pelbagai cabaran. Sebagaimana saya kata berkali-kali, setidak-tidaknya semenjak saya memegang jawatan ini, jangan sekali-kali anggap Dewan Negara sebagai *rubber stamp*. Bermakna, Dewan Negara boleh mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut peraturan.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum juga, saya juga baru semalam memberi kenyataan akhbar, pelbagai perkara dibangkitkan. Terpulang kepada Yang

Berhormat apabila sesuatu rang undang-undang dibentangkan di Dewan yang mulia ini, hendaklah betul-betul mengkaji, meneliti setiap peruntukan undang-undang tersebut.

Kita ingin melihat undang-undang yang kita luluskan hendaklah undang-undang yang baik dan mempunyai satu keberkesanan efektifnya kepada negara dan rakyat.

Ini penting, jangan sekali-kali kita terikut-ikut, jangan sekali-kali kita diugut, jangan sekali-kali kita menggadaikan maruah diri kita kepada mana-mana pihak. *We have*, dengan izin, *we have a job to do. We have conviction* terhadap tanggungjawab kita. So, dalam hal ini saya harap Yang Berhormat sebagai seorang yang mempunyai kelulusan yang baik mestilah memberi keutamaan kepentingan bangsa, negara dan rakyat. Soal peribadi, parti dan sebagainya itu kemudian apabila berbahas, berbincang dalam Dewan yang mulia ini.

Dengan itu, tanpa membuang masa lagi saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat dan harap Yang Berhormat akan mempunyai kerjaya yang baik dan dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, *wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*.

■1440

[*Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.*]

[*Menyambung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016*]

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah untuk menyambung balik perbahasan beliau, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas kerana telah dilantik semula sebagai Ahli Dewan Negara. Silakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah.

2.40 ptg.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyambung kembali perbahasan saya dengan tajuk penyediaan kemudahan infrastruktur di Kelantan.

Berdasarkan Rancangan Malaysia Kesebelas, ia telah menyebut tentang beberapa projek infrastruktur utama yang akan dilaksanakan di Kelantan iaitu Rancangan Tebatan Sungai Kelantan secara bersepadu melalui pembinaan Empangan Nenggiri dan Lebir, pembinaan *Central Spine Road* yang menghubungkan Kuala Krai ke Simpang Pelangai, Pahang dan Lebuhraya Kota Baharu-Kuala Lumpur serta Lapangan Terbang Kota Bharu juga akan diperbesar. *Alhamdulillah*, sebahagian daripada perancangan RMKe-11 telah dimasukkan di dalam Bajet 2016. Antaranya, tambah baik Lebuhraya *Central Spine*, naik taraf Lapangan Terbang Kota Bharu, projek perparitan di bawah projek *amenity* sosial serta projek tebatan banjir di seluruh negara.

Namun, beberapa persoalan saya yang saya mohon jawapan. Daripada RM42 juta yang diperuntukkan untuk lapangan terbang, berapakah jumlah peruntukan untuk naik taraf Lapangan Terbang Kota Bharu dan bilakah ia akan dimulakan? Begitu juga dengan peruntukan sebanyak RM730 juta untuk projek tebatan banjir. Berapakah peruntukan untuk Kelantan dan apakah status perkembangan projek tebatan banjir di Kelantan? Bagaimanakah pula dengan peruntukan RM60 juta untuk projek *amenity* sosial terutamanya projek perparitan? Di manakah projek perparitan di Kelantan yang dirancang dan berapakah jumlah peruntukannya?

Seterusnya, berkait dengan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA). Sebagaimana akta yang baru kita luluskan iaitu Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015, pihak LPPSA telah membuka permohonan untuk panel-panel peguam khususnya bagi pengurusan dokumen-dokumen perundangan, pembiayaan perumahan dan sebagainya. Namun, terdapat rungutan daripada peguam-peguam kerana syarat yang dikenakan agak ketat yang mana antara syarat yang dikenakan adalah perlu ada lima orang peguam bertauliah, minima.

Jadi, saya kira syarat lima orang peguam bertauliah minima untuk satu *firm*, sebuah firma guaman adalah hanya layak dimohon ataupun bagi peguam-peguam firma yang besar sahaja. Maknanya, syarikat guaman yang kecil tidak layak untuk memohon. Sedangkan di kebanyakan tempat, contohnya di Kelantan, majoriti firma-firma guaman yang ada, kebanyakannya adalah kurang daripada lima orang peguam, menyebabkan mereka tidak layak untuk memohon.

Seterusnya, berkait dengan pemerksaan Mahkamah Syariah di Malaysia. Kita umat Islam amat terkejut dengan cadangan satu kumpulan bekas penjawat awam yang dikenali sebagai G25 yang mengutarakan penubuhan sebuah jawatankuasa perunding bagi membincangkan untuk meminda atau memansuhkan beberapa undang-undang syariah termasuk hukuman terhadap perbuatan khalwat yang didakwa melanggar hak kebebasan seseorang seperti yang termaktub dalam Perlembagaan.

Khalwat dianggap sebagai hak peribadi seseorang yang tidak boleh diganggu-gugat jika dilakukan di tempat persendirian. Mereka kelihatan begitu lantang menyuarakan isu khalwat dan dalam masa yang sama, tindakan ini saya kira satu cubaan menggugat bidang kuasa agama Islam negeri-negeri dan institusi kehakiman syariah di Malaysia.

Justeru, buat sekian kalinya saya menggesa kerajaan menyegerakan pemerksaan bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia dengan membuat pindaan sewajarnya kepada Akta 355; Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Bidang kuasa hukuman selayaknya wajar diberikan pada Mahkamah Syariah kerana bidang kuasa yang ada sekarang jauh lebih rendah berbanding Mahkamah Sivil iaitu hanya tiga tahun penjara, RM5,000 denda dan enam kali sebatan. Saya kira, penghormatan dan pengiktirafan sewajarnya sepatutnya diberikan kepada institusi ini agar ia lebih dipandang tinggi dan dihormati serta diiktiraf sewajarnya. Setakat itu sahaja perbincangan saya untuk Bajet 2016. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas Umbul.

2.45 ptg.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kisah Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk turut serta berbahas dalam Bajet 2016. Salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan saya peluang berbahas pada petang ini untuk membahaskan Bajet 2016 serta yang dibentangkan oleh Yang Amat berhormat Perdana Menteri, Datuk Sri Najib Tun Razak merangkap Menteri Kewangan pada 23 Oktober yang lepas.

Sebelum pergi lebih jauh, dalam ucapan perbincangan bajet ini dan selepas mengangkat sumpah sebentar tadi sebagai Ahli Dewan Negara yang baru bagi penggal kedua, saya dengan penuh rasa rendah hati, mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana berkenan melantik saya, sekali gus memberi ruang kepada suku kaum minoriti daripada etnik Murut di Sabah, menyumbang di tahap sebagai pembuat undang-undang dan dasar negara kita yang tercinta ini.

Ucapan terima kasih kepada Yang Amat berhormat Perdana Menteri Malaysia atas amanah yang diberi sebagai Ahli Dewan Negara juga amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah, pimpinan Yang Amat berhormat Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah atas kepercayaan mewakili negeri Sabah di Dewan yang mulia ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pemangku Presiden UPKO yang Yang Berhormat Datuk Wilfred Madius Tangau, merangkap Menteri MOSTI kerana memberikan kepercayaan kepada saya untuk memikul tanggungjawab demi kebaikan dan kesejahteraan semua.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini, saya ingin berbahas, dan izinkan saya menyentuh beberapa isu dan perkara yang dikira perlu diperhalusi dan difikirkan oleh pihak kerajaan terutamanya isu yang membabitkan negeri Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, isu yang pertama yang saya ingin kemukakan ialah jalan raya di negeri Sabah yang mana keadaan jalan raya di Sabah masih ketinggalan, antara isu yang sering menjadi rungutan penduduk di negeri ini.

Dengan keadaan yang masih berlubang, berlopak, mendap, beralun, serta tampalan yang tidak sempurna yang menyebabkan perjalanan itu amat tidak menyeronokkan. Walaupun Kerajaan Pusat dan negeri membelanjakan berbilion-bilion Ringgit untuk memberi kemudahan infrastruktur pengangkutan yang boleh dibanggakan oleh rakyat, namun saya melihat keadaan masih banyak perlu dilakukan kawasan-kawasan kampung dan di luar-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin memohon kepada pihak kerajaan supaya tumpuan dan bajet yang seimbang diberikan pada Sabah dan Sarawak dalam menaik taraf jalan raya terutamanya menghubungkan kawasan luar bandar dan pedalaman demi perhubungan dengan dunia luar, boleh dilalui dalam masa kecemasan serta dapat digunakan untuk mengangkut hasil pertanian dan boleh dijual kepada masyarakat bandar secara terus.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan beberapa projek jalan raya sedang dilaksanakan yang mana projek-projek ini menunjukkan Kerajaan Persekutuan sangat komited dalam pembangunan pesat di negeri Sabah. Saya ingin bertanya berkaitan dengan perkembangan beberapa projek jalan raya di Sabah iaitu projek yang sedang dalam pelaksanaan termasuk projek naik taraf Jalan Donggongon-Papar, Pakej 1 yang menelan belanja sebanyak RM232 juta, projek naik taraf Jalan Tawau-Semporna RM170 juta, projek naik taraf persimpangan bertingkat di Bandar raya Kota Kinabalu bernilai RM261 juta.

■1450

Saya difahamkan Kementerian Kerja Raya sedang dalam perancangan melaksana dua lagi projek baru di Sabah, projek naik taraf Jalan Donggongon, Papar, Pakej 2 dan 3 bernilai RM380 juta. Projek naik taraf Jalan Petagas-Lok Kawi fasa 1 bernilai RM32 juta yang dijangka mula dilaksanakan pada suku ke-empat tahun ini. Soalan saya ialah saya memohon kepada kementerian menyatakan bagaimanakah dengan perkembangan projek-projek yang telah dijalankan ini?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang kedua iaitu pengangkutan di Sabah. Negeri Sabah seperti yang kita maklum, ada memerlukan sistem pengangkutan awam yang canggih setanding dengan negeri-negeri di Semenanjung termasuk membina laluan komuter transit aliran ringan (LRT), monorel atau Bas Rapid Transit (BRT). Ini kerana saya menerima banyak rungutan dan masalah yang dihadapi oleh rakyat khususnya melibatkan kesesakan lalu lintas di ibu negeri.

Namun saya turut menyedari isu ini bergantung kepada faktor kewangan kerana sistem pengangkutan awam berkenaan memerlukan perbelanjaan yang besar. Tanpa pengangkutan yang berkesan ekonomi negeri tidak dapat berkembang pesat sekali gus menjejaskan kemajuan yang diharapkan oleh rakyat. Saya yakin peruntukan Bajet 2016 sedikit sebanyak mampu merealisasikan satu rangkaian pengangkutan awam yang selesa dan yang bertepatan dengan kemudahan rakyat di negeri Sabah.

Saya ingin mohon mencadangkan kepada kementerian supaya satu rangkaian LRT, monorel atau MRT diwujudkan di negeri Sabah yang merangkumi Kota Kinabalu, Tuaran, Penampang dan Papar di mana bandar-bandar ini mengalami kesesakan yang teruk terutamanya pada musim cuti sekolah dan waktu puncak. Ini mungkin kerana hanya ada satu buah jalan raya yang menghubungkan keempat-empat bandar ini. Malah, rungutan sering kedengaran di mana bandar ini sesak, kurang tempat letak kereta dan laluannya sering berlaku kemalangan.

Saya mencadangkan agar rangkaian jalan kereta api ditambah dihubungkan dengan beberapa buah bandar pusat pelancongan kerana Sabah mempunyai sektor alam sekitar yang cantik dan terpelihara sekali gus mampu meningkatkan sektor pelancongan dan meningkatkan pendapatan negeri Sabah.

Mengenai isu yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, mengenai perumahan di Sabah. Saya terpanggil menyentuh satu kajian yang didedahkan oleh *Khazanah Research Institute* mengenai lambungan pasaran harga rumah yang terlalu tinggi sehingga sukar dimiliki oleh majoriti rakyat di Malaysia. Jika tidak ditangani, tidak ramai mampu membeli rumah dan hanya mampu menyewa sehingga usia tua terutama di bandar-bandar besar.

Antara penyumbang isu ini ialah penawaran kediaman mewah sehingga meminggirkan permintaan sebenar rakyat. Menurut satu kajian yang didedahkan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan REI, pemaju di Malaysia giat membina kediaman mewah yang hanya mampu dimiliki oleh 30 peratus rakyat Malaysia.

Di sini saya ingin memohon pihak badan perundangan, Eksekutif, pihak berkuasa tempatan dan swasta giat bersama-sama membangun lebih banyak perumahan mampu milik khususnya di bandar-bandar utama. Ia satu keperluan utama bagi menjamin kesejahteraan dan masa depan rakyat. Di Sabah tidak terkecuali, di bandar-bandar utama seperti Kota Kinabalu, Sandakan rumah-rumah sudah meningkat naik dan sudah tidak mampu lagi dimiliki oleh rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

Saya mohon bertanya kepada kementerian, apakah langkah-langkah kementerian membendung kenaikan harga rumah yang nampaknya sudah merebak ke Sabah dan Sarawak hari ini?

Isu yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua ialah pelancongan di Sabah. Saya ingin menyentuh isu moral pelancong asing yang datang melawat di negeri Sabah beberapa bulan yang lepas dan ada yang berkelakuan bogel dan tidak senonoh di tempat-tempat terbuka.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua memang kita faham bahawa apabila pelancong-pelancong luar ini tidak mengikuti adat resam kita, tidak faham dengan budaya kita, jadi ia menjadi satu masalah. Jadi tindakan 10 orang pelancong asing yang bogel di Gunung Kinabalu, Sabah pada hujung Mei 2015 lalu mendapat perhatian dan kritikan pelbagai pihak.

Sesetengah penduduk Sabah percaya Gunung Kinabalu tempat yang suci dan tidak boleh diperlakukan sesuka hati. Jadi mereka mengaitkan bahawa perbuatan bogel itu menjadi penyebab kepada kejadian gempa bumi di Sabah atas alasan penunggu gunung marah terhadap perbuatan tidak bermoral itu. Itu faktor kepercayaan, tetapi yang penting di sini ialah di sebalik keghairahan kita menarik pelancong asing, sedar kah kita bahawa moral-moral kurang baik meresapi anak-anak muda kita yang terdedah pada kegiatan pelancong-pelancong asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang terbaru lagi kes bogel pelancong luar di Pulau Sibuan Semporna yang menjadi *viral*. Perlakuan mereka menjejaskan imej daerah Semporna selain bertentangan dengan budaya dan melanggar tatasusila. Apakah syarat-syarat kementerian supaya pelancong-pelancong perlu patuhi semasa berada di destinasi pelancongan?

Saya juga ingin menyentuh isu gempa bumi di puncak Kinabalu iaitu isu *Mount Kinabalu and 'Donkey's ear'*, dengan izin, yang musnah apabila Gunung Kinabalu dilanda gempa bumi dan keberanian malim-malim gunung yang berusaha menyelamatkan mangsa-mangsa tanpa menghiraukan keselamatan mereka sendiri. Persoalan di sini ialah, apakah bentuk pengiktirafan yang diberikan kepada malim-malim gunung setakat ini? Apakah penambahbaikan yang bakal dilakukan pada kerjaya sebagai malim gunung ini? Daripada segi gaji, faedah, kemudahan asas, penginapan dan kemudahan lain yang bersesuaian dengan kerjaya mereka yang jelas berdepan dengan risiko.

Seterusnya saya terpanggil menyentuh kes penculikan warga Malaysia di Timur Sabah di mana warga kita baru-baru ini turut menjadi mangsa dan dibunuh oleh puak pemisah Selatan Filipina. Sejauh mana peranan ESSCOM meyakinkan rakyat bahawa Timur Sabah masih selamat untuk dilawati? Apakah penambahbaikan ESSCOM untuk menangani kes-kes jenayah penculikan ini?

Izinkan saya menyatakan rasa kesal hari ini dengan kes seorang Ahli Parlimen pembangkang yang mengadakan pertemuan dengan anak perempuan Jamalul Kiram, pihak yang bertanggungjawab mencerooboh dan membunuh anggota keselamatan kita. Tindakan tidak beradab ini amat saya kesali tanpa mengambil kira perasaan sedih yang terpaksa ditanggung oleh ahli keluarga yang kehilangan ayah, suami dan anak yang terkorban mempertahankan tanah air yang tercinta. Sudah sewajarnya beliau dikenakan hukuman setimpal atas dakwaan cuba bersekongkol dengan penjenayah utama Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya ialah pertanian di Sabah. Negara bakal berdepan dengan krisis kekurangan bekalan makanan sekiranya kerajaan tidak membendung masalah berkaitan dengan penanaman padi. Negara banyak kehilangan tanah berstatus pertanian yang ditukarkan kepada tanah perindustrian demi memenuhi keperluan perindustrian tetapi tanah pertanian yang hilang ini tidak diganti menyebabkan saban tahun jumlah tanah pertanian semakin kurang.

Apa yang membimbangkan saya ialah dengan izin, isu mengenai *food security*, dengan izin. Ini belum diambil kira tanah pertanian yang gagal diusahakan dan isu ini tidak terhad di Semenanjung sahaja tetapi juga di Sabah dan Sarawak. Tanah yang luas di Sabah dan Sarawak perlu digunakan sebaik mungkin dalam memastikan sektor pertanian kita tidak tandus dan terpaksa bergantung kepada negara luar.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua iaitu isu kemudahan luar bandar di Sabah. Antara isu di Sabah dan Sarawak hari ini ialah banyak kemudahan di luar negeri ini yang disediakan masih tidak dapat digunakan sepenuhnya setelah beberapa lama. Ambil contoh bekalan elektrik, pemasangan lengkap, pendawaian semua ada. Banyak yang kita boleh nampak tetapi kadangkala tidak boleh digunakan. Bekalan air pun sama, ada paip tetapi tiada airnya.

Saya ambil contoh di Kanowit, Tuan Yang di-Pertua di mana di daerah itu masih lagi tidak mempunyai kemudahan lampu walaupun tiang-tiang lampu sudah dipasang sejak dua tahun yang lalu. Tidak guna dipasang kalau tidak boleh diguna dan diberi kemudahan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, isu lantikan kontraktor luar juga menjadi isu yang utama di mana mengapa kontraktor tempatan ini tidak dilantik bagi memudahkan urusan penyelenggaraan kemudahan asas di sesuatu kawasan. Isu tiada bekalan air dan tekanan air yang rendah di kawasan Sabah dan Sarawak.

■1500

Adakah dibina loji air di kawasan-kawasan ini. Cukupkah kapasiti loji air yang dibina bagi menampung jumlah penduduk yang ramai dan kawasan yang luas. Menyentuh isu bekalan elektrik di Sabah bagaimana bentuk kerjasama antara Kementerian kerjasama dengan syarikat SESCO dan SESB dalam pelaksanaan semua projek bekalan elektrik di Sarawak dan Sabah. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh isu-isu tentang pendidikan iaitu berkisarkan kepada latihan teknikal dan vokasional.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada lima minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Ya, kita dimaklumkan sehingga Ogos 2015 sebanyak 80 buah vokasional dinaik taraf dengan peruntukan RM8 juta. Persoalan saya adakah benar pelajar yang tamat pengajian di kolej vokasional diberi tahap diploma tetapi tidak perlu mempunyai SPM yang mungkin nanti menjadi masalah untuk mendapatkan kerja nanti. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan adakah pengiktirafan pendidikan TVET oleh MQA telah diselesaikan sepenuhnya. Sejauh mana kerajaan sudah dapat memastikan lulusan teknikal dan vokasional punyai peluang pekerjaan di masa akan datang sekurang-kurangnya sehingga tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, R&D MOSTI saya menyokong usaha kerajaan mengkomersialkan hasil penyelidikan dan inovasi dengan memberikan peruntukan khas kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi berjumlah RM1.5 bilion. Mengikut laporan, 27,449 hasil R&D dari 15 buah universiti tempatan hanya 2 peratus sahaja dikomersialkan. Kenapakah perkara ini berlaku? Adakah ia tidak mencapai tahap yang diperlukan oleh industri atau kerana apa?

Apa yang saya lihat dan yang perlu diberi penekanan ialah masyarakat perlu mendapat maklumat mengenai pencapaian R&D dalam negara ini. Apa langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dalam usaha memasyarakatkan sains dan teknologi supaya rakyat sentiasa berfikir positif dan menghargai manfaat yang diperoleh daripada sumber negara dan ketinggian intelek rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab beberapa isu penting juga dalam hal-hal pendidikan yang melibatkan kewajaran menyaring kemasukan pelajar asing. Seperti dalam soalan lisan yang saya ketengahkan kelmarin, isu kebanjiran pelajar asing terutama warga Afrika di institut pengajian tinggi ketika ini menjadi isu hangat yang diperkatakan oleh banyak pihak. Kita mohon mencadangkan agar kementerian membuat penapisan yang begitu serius agar tapisan untuk kemasukan pelajar asing ini merupakan tindakan yang bijak menerusi proses pengeluaran visa pelajar yang turut diperketat dan supaya usaha ini akan dapat membendung daripada pelajar-pelajar luar negara menyalahgunakan visa pelajar dan visa pelancong mereka. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah sebelum saya menjemput Yang Berhormat Dato' Hoh Khai Mun untuk berbahas saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian bahawa kita ada ramai yang hendak berucap. Lebih kurang 15 orang hendak berucap jadi saya terpaksa mengehadakan masa Yang Berhormat berucap, lebih kurang 20 minit setiap seorang. Jadi saya mohon kerjasama Yang Berhormat supaya akur, supaya berucap dalam tempoh masa yang diberikan. Tanpa melengahkan masa saya ingin menjemput Yang Berhormat Dato' Hoh Khai Mun silakan Yang Berhormat.

3.04 ptg.

Dato' Hoh Khai Mun: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk menyertai dalam perbahasan Bajet 2016 dalam Dewan yang mulia ini. Bajet 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 23 Oktober 2015 mengundang pelbagai reaksi daripada pelbagai lapisan masyarakat. Secara keseluruhannya ini termasuk reaksi negatif dan positif. Namun perkara yang dapat dipastikan daripada Bajet 2016 yang telah diperjelaskan dilihat mampu meningkatkan pencapaian Malaysia apabila ekonomi global yang masih lembah.

Selain itu, Bajet 2016 masih mengambil berat dan cuba mengimbangi keperluan negara agar matlamat dan program dalam Rancangan Malaysia Kesebelas membuahkan hasil serta mencapai Wawasan 2020. Tumpuan perbahasan saya bagi Bajet 2016 ini akan menumpukan kepada isu pembaharuan cukai pendapatan dan juga isu tanah runtuh yang baru berlaku di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak. Walaupun itu tersebut telah di kedengaran secara strategik namun masih memerlukan beberapa pencerahan lanjut daripada kementerian dan cadangan untuk penambahbaikan kepada usaha kementerian masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pelaksanaan GST pada April 2015 ini dan berdasarkan kepada Bajet 2016 Perdana Menteri telah mengotakan janjinya kepada rakyat dengan melakukan penyesuaian ke atas kadar cukai pendapatan individu. Saya amat bersetuju dan mengalu-alukan inisiatif penjelasan tersebut. Dengan pelaksanaan GST, penyesuaian tersebut penting bagi sebahagian pembaharuan cukai negara. Ini adalah jelas apabila yang pertama, bagi menggalakkan lanjutan pendidikan tinggi oleh individu had maksimum pelepasan cukai ke atas yuran pengajian pendidikan tinggi bagi individu di tingkatkan daripada RM5,000 kepada RM7,000 setahun.

Kedua, had pelepasan cukai bagi setiap anak yang berumur di bawah 18 tahun melalui tafsiran 2016 digandakan daripada RM1,000 kepada RM2,000.

Pelepasan cukai ini bagi individu yang mempunyai pasangannya tidak mempunyai pendapatan diselaraskan daripada RM3,000 kepada RM4,000. Bagi pengukuhan institusi kekeluargaan, pelepasan cukai terkumpul sebanyak RM3,000 bagi kedua-dua ibu bapa seorang individu bagi keperluan penjagaan ibu bapa dengan bersyarat selain daripada pelepasan cukai RM5,000 bagi penempatan ibu bapa.

Kelima, kerajaan telah meningkatkan had pelepasan cukai daripada RM6,000 kepada RM8,000 bagi setiap anak berumur 18 tahun dan ke atas yang sedang melanjutkan pengajian di institusi pengajian dalam dan luar negara. Walau bagaimanapun, penyelarasan yang telah diumumkan dalam Bajet 2016 masih mempunyai ruang untuk memberikan lebih banyak kadar pengurangan kepada rakyat. Jika penyelarasan tersebut tidak dapat dilaksanakan dalam bajet kali ini, saya menyarankan agar penyelarasan sistem percukaian dapat di pertimbangkan oleh kerajaan untuk bajet yang akan datang.

Menjadi satu keperluan bahawa penyelarasan cukai pendapatan seharusnya dilaksanakan dari semasa ke semasa. Penyelarasan juga merupakan harapan rakyat agar pelepasan yang lebih luas dalam sistem percukaian. Dengan ini saya mencadangkan supaya yang pertama, kadar pelepasan cukai pendapatan bagi individu dan tanggungan seharusnya ditingkatkan bagi menghadapi kenaikan kos serta sara hidup iaitu dicadangkan agar daripada RM9,000 kepada RM12,000.

Kedua, kadar pelepasan cukai bagi insurans hayat dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Skim Persaraan Persendirian seharusnya diselaraskan dengan kadar yang lebih tinggi bagi menggalakkan rakyat untuk menyimpan bagi hari tua kelak.

■1510

Di sini saya mencadangkan agar had insurans hayat dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dinaikkan daripada RM6,000 kepada RM8,000. Skim persaraan persendirian yang telah diwujudkan mendapat sambutan yang positif tetapi untuk mendapatkan sambutan lebih menggalakkan kadar pelepasan seharusnya ditingkatkan dan dicadangkan adalah kepada RM8,000.

Ketiga, bagi mengurangkan beban graduan akibat pinjaman pendidikan seperti PTPTN, Di sini disarankan agar pelepasan cukai ke atas yuran pengajian pendidikan tinggi bagi individu dicadangkan merangkumi pembayaran balik PTPTN oleh individu yang berdisiplin seperti tetap dalam pembayaran balik kepada PTPTN. Ini akan juga meningkatkan kutipan PTPTN lebih konsisten.

Keempat, bagi pengenalan kadar pelepasan cukai individu untuk penjagaan ibu bapa oleh anak-anak, langkah ini adalah amat digalakkan kerana usaha ini mendorong malah mempunyai ganjaran kepada anak-anak bersikap taat kepada ibu bapa dan membina institusi kekeluargaan yang lebih kukuh dalam negara kita. Namun setelah pembentangan Bajet 2016 butiran dirujuk dan difahami bahawa terdapat syarat-syarat tambahan. Syarat-syarat tambahan tersebut adalah seperti iaitu pertama, individu yang tidak menuntut pelepasan perubatan dan penjagaan ibu bapa sebanyak RM5,000. Penjagaan ibu bapa hanya terhad kepada RM3,000 dikongsikan oleh bilangan semua anak. Ini bermaksud bahawa tidak semua bilangan anak-anak boleh menuntut sepenuhnya RM3,000 pelepasan cukai untuk penjagaan ibu bapa mereka.

Berdasarkan kepada syarat-syarat tersebut kadar pelepasan cukai ini, perubatan ibu bapa sebanyak RM5,000 dikurangkan nilainya. Ini tidak seharusnya menjadikan apabila ibu bapa yang tua yang memerlukan penjagaan anak kebiasaannya diiringi dengan penyakit. Ini ditambah dengan faktor perbelanjaan perubatan dan harga ubat-ubatan yang semakin meningkat. Kesan yang dijangkakan daripada syarat ini ialah ia akan menggagalkan usaha kerajaan untuk mengukuhkan institusi kekeluargaan dan mengurangkan beban anak-anak menjaga ibu bapa mungkin tidak akan tercapai.

Dengan itu diminta kerajaan untuk mengubah semula penetapan syarat-syarat tersebut dan dicadangkan agar syarat tersebut dibubarkan agar membantu anak-anak yang taat setia tidak dikekang dengan beban kos sara hidup dalam menjaga ibu bapa mereka. Selain daripada itu, manfaat khususnya saya mencadangkan kepada kerajaan agar pelarasan cukai dalam bentuk pelepasan ataupun potongan cukai yang lebih luas dan ini telah dicadangkan juga berdasarkan kepada faktor yang berikut:

- (i) pelepasan atau potongan cukai akan memberikan impak yang lebih baik kepada perbelanjaan kerajaan secara langsung. Ini adalah kerana pelepasan cukai secara langsung kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana akan mengurangkan pengelakan ketidakcekapan dalam pembaziran untuk perbelanjaan kerajaan sebagai mana yang dilaporkan setiap laporan tahunan Ketua Audit Negara;
- (ii) pelepasan cukai secara langsung akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi apabila isu pengelakan cukai yang sukar dikenal pasti oleh kerajaan dapat dikurangkan dan meningkatkan simpanan masyarakat;
- (iii) pelepasan cukai yang luas akan memberikan keyakinan kepada rakyat bagi menghadapi ketidaktentuan ekonomi domestik dan antarabangsa; dan
- (iv) penyelarasan cukai tersebut bertepatan dengan agenda kerajaan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah dan ekuiti kerajaan yang telah menyarankan untuk meningkatkan purata kenaikan pendapatan isi rumah bulanan daripada RM6,141 pada tahun 2014 kepada RM10,540 pada tahun 2020 dengan penyelarasan cukai pendapatan seperti yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin kemukakan dalam Dewan yang mulia ini iaitu yang berkaitan dengan tanah runtuh yang telah berlaku di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak pada 11 November 2015 ini. Berikutan dengan hujan lebat bermusim pada akhir-akhir ini sesetengah tempat telah menerima hujan lebat dan berterusan telah menyebabkan isu banjir kilat di bandar dan juga tanah runtuh yang telah berlaku di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak. Di sini saya berasa dukacita kerana apa yang dijadikan pada tanah runtuh tersebut ialah berlaku pada tempat yang sama dan kali yang kedua.

Jadi saya berharap kepada kerajaan memerhatikan kepada lokasi yang sentiasa berlaku tanah runtuh terutama di sebelah lebuhraya. Di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua agensi kerajaan dan kementerian yang terlibat kerana dengan tindakan sedemikian di mana lebuhraya tersebut dapat diatasi dengan segera.

Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan menjunjung kasih kepada Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah yang telah turun padang ke tapak bencana tanah runtuh agar kerja-kerja pembersihan di kawasan tanah runtuh dipercepatkan dan proses pembaikan dilaksanakan mengikut masa yang ditentukan sehingga Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dapat dibuka dengan laluan kenderaan dengan segera.

Sebagaimana yang telah diperjelaskan oleh pelbagai pihak seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kerja Raya serta Jabatan Perhutanan Pahang, kejadian tanah runtuh yang berlaku akibat penyelenggaraan aliran serpihan seperti kayu balak dan batu-batuan yang tidak diselenggara secara sistematik dan yang teratur dan sehinggalah di bukit membentuk satu kolam air ataupun yang dikatakan *Sabo Dam*, dengan izin. Apabila aliran serpihan tersebut berlaku dalam jangka masa yang panjang dan ditambah pula dengan hujan lebat dan tekanan yang berterusan, pecahan limpahan air berlaku sehinggalah menyumbang kepada kejadian tanah runtuh di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak bagi kali ini.

Oleh yang demikian, kejadian tanah runtuh tersebut bukan disebabkan oleh faktor pembalakan haram atau terdapat aktiviti pembukaan tanah tanpa izin di cerun bukit sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab. Dikatakan cuma ada sedikit projek menara talian Tenaga Nasional Berhad yang dijalankan empat atau lima bulan sebelum ini.

■1520

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada 4 minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Hoh Khai Mun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jika berlaku sebagaimana yang didakwa oleh pihak tersebut, adalah dialu-alukan untuk tampil ke hadapan untuk memberikan maklumat tersebut kepada pihak yang berkuasa supaya tindakan yang keras dan tegas dapat diambil terhadap mereka yang melakukan kesalahan tersebut. Sehubungan dengan itu, perkara yang paling penting ialah kita memastikan kejadian tanah runtuh seperti itu tidak berlaku lagi. Objektif ini adalah dicapai dengan kerjasama daripada semua agensi yang terlibat supaya mencari satu penjelasan terhadap perkara ini dan bukanlah sentiasa menuding kesalahan ke atas mana-mana pihak sahaja.

Kementerian Kerja Raya bersama agensi kementerian lain perlu berusaha secara giat untuk mengenal pasti cerun di sepanjang lebuh raya di negara ini selamat dan mampu berdaya tahan kepada cuaca di Malaysia ini. Maka, di sinilah saya mencadangkan kepada kementerian agar merangka suatu pemetaan tanah runtuh terhadap cerun. Agar pengklasifikasian semula tahap ketahanan cerun sama ada bahaya atau berisiko tinggi. Penilaian yang sedemikian dapat membantu kementerian agar lebih bersistematik dalam pengurusan dan pembangunan cerun di negara kita.

Saya mencadangkan supaya kerajaan mengambil tindakan pencegahan yang proaktif supaya mengelakkan sebarang kejadian tanah runtuh di negara kita. Kejadian tersebut mungkin mendatangkan kematian atau jalan ditutup. Ini akan membawa kerugian kepada semua pengguna jalan raya. Walaupun laluan alternatif dibuka tetapi ia tidak akan mengatasi masalah kapasiti aliran trafik yang banyak. Ini bukan sahaja membawa pelbagai masalah kepada pengguna-pengguna jalan raya dan ia juga akan menjejaskan kepada perniagaan dan juga ekonomi negara kita. Sekian, terima kasih.

Saya di sini menyokong sepenuhnya Bajet 2016 dan agar pertimbangan dan saranan di atas dipertimbangkan semula oleh pihak kerajaan agar suara rakyat didengari. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Y.M. Engku Naimah. Dipersilakan Yang Berhormat.

3.23 ptg.

Y.M. Engku Naimah binti Engku Taib: *Bismillahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa.

Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, terima kasih atas peluang yang diberikan. Sebagai Ahli Yang Berhormat yang baru, saya rasa amat teruja untuk bercakap tentang Rang Undang-undang Perbekalan 2016. Namun, kerana saya lama dalam bidang pendidikan, maka saya bercakap khusus untuk Kementerian Pendidikan. Seperti tahun-tahun sebelum ini, kerajaan juga terus menyediakan peruntukan untuk membangunkan dan menyelenggara fasiliti pendidikan untuk sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan (Cina), sekolah jenis kebangsaan (Tamil), sekolah mubaligh, sekolah berasrama penuh, sekolah agama bantuan kerajaan, MRSM, sekolah pondok yang berdaftar dan sekolah menengah kebangsaan (Cina) atau *conforming school* yang mengguna pakai kurikulum kebangsaan. Peruntukan bagi tujuan ini, keseluruhan untuk kali ini berjumlah RM500 juta. Jadi, kita berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib.

Namun, apa yang ingin saya suarakan pandangan saya ialah pandangan mengenai sekolah-sekolah yang saban tahun terlibat dengan banjir, terutama di kawasan pantai timur. Saya berada di lapangan kerana sekolah saya, saya merupakan bekas Guru Besar Sekolah Kebangsaan Pusat Jerteh, Besut yang selama 10 tahun saya mengalami banjir yang bukan sahaja tiba-tiba tetapi selalu, sering. Jadi, saya melihat bahawa isu ini tidak pernah ada penyelesaian. Selama 10 tahun, saya dan guru-guru berada dalam keadaan berjaga-jaga, terutama ketika hujan mula turun dan secara tidak henti. Kami akan mengerah tenaga seluruh warga sekolah untuk turun bersama-sama memungkah segala perabot seperti meja, kerusi untuk dibawa ke tempat yang lebih selamat.

Tidak dinafikan langkah awal telah diambil iaitu memindahkan perabot-perabot di tempat yang tinggi, namun paras air tidak dijangka pada setiap tahun menyukarkan kami. Jadi, setelah banjir surut, maka pihak Kementerian akan turun padang membuat analisis kerosakan dan juga laporan untuk proses penyelenggaraan. Saban tahun juga, kerajaan akan menyalurkan dana sekurang-kurangnya RM30,000 kepada pejabat pelajaran daerah untuk mengenal pasti sekolah-sekolah yang memerlukan penyelenggaraan segera. Perabot-perabot yang rosak yang ditenggelami banjir diganti dan diselenggara selagi mampu untuk menjimatkan perbelanjaan.

Langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dan juga Kementerian Pendidikan harus dipuji, namun sampai bila harus perkara ini berlarutan? Justeru, saya ingin membuat cadangan supaya bangunan yang dikategorikan *flood or water resistant*, dengan izin, dibina di sekolah-sekolah yang saban tahun ditenggelami banjir. Bangunan seperti ini sangat diperlukan lebih-lebih lagi untuk menggantikan bangunan-bangunan kayu yang masih ada semenjak pembukaan sekolah itu lagi. Kerajaan tidak boleh memandang enteng isu ini kerana jika tidak dibendung, ia akan berterusan. Menelan pelan perbelanjaan yang lebih besar dan memudaratkan rakyat seperti mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran anak-anak kita.

Di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, sebanyak RM41.3 *billion* akan diperuntukkan pada tahun 2016. Antara lain, untuk membina 30 buah sekolah rendah, 27 buah sekolah menengah, empat buah MRSM, dan lima buah sekolah berasrama penuh. Untuk itu, saya memohon supaya peruntukan ini diperuntukkan sebaiknya dengan mendahului sekolah-sekolah yang memerlukan seperti sekolah yang ditenggelami banjir agar isu ini selesai tanpa kerajaan perlu menambah bilangan sekolah yang tidak dapat menyelesaikan isu ini. Saya percaya Malaysia memiliki banyak modal insan yang memiliki kepakaran untuk membina model bangunan baru yang seperti saya sebutkan tadi, *flood-resistant*, dengan izin, bagi menyelesaikan isu yang menghimpit golongan pendidik pada setiap tahun.

Selain daripada itu, saya juga memuji kerajaan kerana memperuntukkan RM153 juta bagi Program Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris. Oleh sebab bahasa Inggeris amat penting dalam persaingan global semasa, maka dua lagi inisiatif iaitu *Dual Language Program and Highly Emerge Programmer* akan dilaksanakan secara *optional* dengan kos RM3.8 juta. Dalam hal ini, 300 buah sekolah telah dikenal pasti sebagai projek rintis.

Melalui pemahaman saya, dua program yang dicadangkan adalah berkenaan menggunakan bahasa Inggeris sebagai perantaraan dalam subjek Matematik dan Sains bermula dari Tahun 1 hingga Tahun 5. Ya, kita pernah melalui zaman ini beberapa tahun yang lepas yang dikenali sebagai EteMS iaitu *English for Teaching Maths and Science*. Jika dilihat, pihak kerajaan telah melakukan banyak usaha penambahbaikan daripada program ETeMS seperti semua 7,000 buah sekolah rendah tidak diwajibkan untuk menjalankan program ini di sekolah. Ia adalah *optional*. Jika sekolah bersedia daripada segi kemahiran guru-guru dan fasiliti yang cukup, maka program ini merupakan program terbaik untuk menyediakan pendidikan bertaraf dunia.

Pada sudut pandangan lain, saya berpendapat selain daripada dua program ini, masih ada perkara yang perlu diutamakan untuk memantapkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan anak-anak kita. Kita seakan terlupa sebentar yang kita telah menyediakan guru-guru berkualiti yang bertaraf antarabangsa, namun sepi tidak dipandang kelayakan mereka. Mereka yang dimaksudkan ialah guru-guru muda yang telah dilatih di luar negara seperti United Kingdom, Australia dan New Zealand di bawah program berkembar antara institut pendidikan guru dan universiti-universiti bertaraf dunia. Kerajaan telah membelanjakan lebih RM500,000 untuk setiap individu ini supaya mereka didedahkan dengan sistem pendidikan bertaraf dunia dan pada masa yang lain, untuk mentransformasikan pendidikan Bahasa Inggeris di Malaysia ke tahap yang lebih baik.

Akan tetapi, majoriti guru-guru yang berwawasan tinggi dan kreatif ini dicampak di sekolah-sekolah Orang Asli, bukan bermaksud sekolah Orang Asli ini tidak penting, dan pedalaman di seluruh negara dengan tujuan untuk mentransformasikan mereka ke tahap yang lebih baik.

■1530

Namun, realiti tidak seindah yang disangka. Mereka ini berada dalam keadaan sangat tertekan. Kebanyakan teori negara barat yang efektif tidak dapat diaplikasikan di dalam sekolah. Mereka terpaksa berdepan dengan golongan anak-anak yang kebanyakannya tidak memandang serius tentang pelajaran, tidak mempunyai keinginan untuk ke sekolah dan tidak berminat untuk belajar bahasa Inggeris. Keadaan menjadi lebih parah apabila guru-guru ini mulai hilang minat untuk mengajar, tertekan dan seterusnya meninggalkan dunia pendidikan. Untuk siapa, dan untuk apa kita berbelanja besar jika modal insan kita tidak berfungsi seperti yang diharapkan?

Kerajaan sepatutnya menempatkan guru-guru ini di sekolah yang lebih berpotensi agar kita tidak kehilangan kualiti mereka. Saya percaya golongan ini sangat diperlukan untuk mentransformasikan landskap penguasaan bahasa Inggeris di Malaysia. Untuk itu, saya memohon supaya pandangan dan cadangan yang diutarakan diteliti secara telus oleh pihak kerajaan.

Jadi saya tidak menggunakan 20 minit, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim.

3.31 ptg.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya juga tidak mengambil masa lebih 20 minit, mungkin kurang daripada 20 minit.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya ingin bersama-sama dalam perbincangan Bajet 2016. Setelah saya meneliti, bajet ini bajet untuk rakyat dan kita dapati bahawa bajet ini juga menyasarkan kepada golongan B40 dan juga mereka yang sepatutnya dibantu. Kita tidak boleh menafikan bahawa bajet ini benar-benar memberi kesan kepada rakyat.

Namun begitu, bajet ini perlu dimurnikan, ditambah baik lagi oleh sebab kos hidup agak tinggi sekarang berbanding dengan dahulu. Maka, kerajaan perlu buat sesuatu bagi kita meningkatkan pendapatan hasil penduduk kita supaya tidak berlaku perkara-perkara yang buruk di masa akan datang iaitu jurang yang jauh antara bangsa ataupun agama dan juga politik.

Jadi di sini saya mahu menekankan bahawa kos sara hidup yang tidak diambil kira. Kita tahu bahawa nelayan laut, nelayan darat atau nelayan sungai diberi peruntukan saraan hidup RM200 sebulan. Namun, mereka yang berada di kampung seperti penoreh getah, pekebun kecil, petani, pekebun sayur tidak diambil kira dalam saraan ini. Kalau kita lihat bahawa mereka ini golongan yang berpendapatan rendah di bawah B40 tadi.

Jadi saya sarankan kerajaan agar mengkaji semula agar harga syiling ataupun harga lantai getah ini tidak dapat menampung pendapatan mereka kerana pendapatan ini amat sedikit berbanding dengan pendapatan yang mereka duduk di dalam kawasan rancangan FELDA. Di rancangan kawasan FELDA, saraan hidup dapat RM1,500. Di kampung, tidak ada pendapatan lain selain daripada *one-off* ataupun bahagian pendapatan RM500 sekali *one-off* kepada pekebun kecil. Ini kita lihat ia tidak memberi kesan secara langsung kerana RM500 ini tidak memberi sepanjang masa setahun untuk mendapat pendapatan yang sedikit berbanding dengan BR1M yang dia dapat tambah lagi RM500 baru RM1,400 lebih setahun. Jadi kita berharap kerajaan mengkaji semula perkara-perkara yang perlu dinaiktarafkan ataupun merapatkan jurang antara penduduk berada di kawasan luar bandar.

Begitu juga dengan mereka yang berpendapatan rendah. Kos tambang kita tahu bahawa kos tambang ini makin hari makin naik. Kita baru-baru ini pun kita tahu bahawa kos tambang ini juga bertambah. Jadi oleh sebab kita fikirkan bahawa kos tambang ini, satu juga *touch point* yang kerajaan kena fikir di bawah bajet ini ialah tambang persekolahan. Anak-anak mereka yang ramai, lima orang ke atas pastinya kalau kita letakkan RM60 sebulan, sudah pastilah RM300 hingga RM400 seorang ibu bapa terpaksa mengeluarkan tambang untuk anak ke sekolah.

Jadi mereka ini juga perlu kita bela supaya tambang bas ini kita bagi percuma kepada mereka anak-anak miskin, anak-anak susah di bawah pendapatan RM2,000. Ini juga termasuk tambang bot di pedalaman kerana untuk ke sekolah, anak-anak yang duduk di pedalaman, menaik bot tambang ini juga bayaran juga tinggi. Jadi apalah kiranya kerajaan ataupun di bawah bajet ini dimasukkan juga tambang anak-anak yang pendapatan ibu bapa di bawah RM2,000 dan begitu juga mereka yang berada di luar bandar atau pedalaman terpaksa menggunakan bot tambang untuk ke sekolah.

Begitu juga saya melihat bahawa Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin ataupun dipanggil KWAPM. Dulunya KWAPM ini boleh membantu lebih kurang hampir satu juta orang murid untuk bantuan persekolahan yang lain-lain. Jadi kita lihat tabung KWAPM ini tidak bertambah ataupun tidak- dihadkan nampaknya tambung ini semakin hari semakin berkurang.

Jadi kita melihat bahawa perlu wujudkan satu dana khas ataupun dana jariah pendidikan yang mana dana ini boleh membantu mereka yang biasanya untuk orang-orang Islam sahaja boleh kita letakkan di bawah zakat ataupun yang hendak bayar zakat dikurangkan dia punya cukai pendapatan boleh membayar atau menyumbang kepada tabung amanah ataupun tabung pelajar miskin ini ataupun tabung dana jariah pendidikan kerana ia lebih memperkasakan anak-anak orang susah, orang miskin di kampung dan juga di bandar.

Saya juga hendak menarik perhatian bahawa dulunya ada pengumuman tentang RM100 juta untuk Yayasan PIBG. Ini kerana PIBG di setiap sekolah, hampir 10,000 buah sekolah di Malaysia ini menghadapi masalah kerana bila saban hari bila hendak buka sekolah pastinya ibu bapa akan pening. Sumbangan PIBG, mereka yang berpendapatan rendah sudah pastilah sumbangan PIBG ini tidak dapat dilakukan. Bagi anak-anak yang belajar, kalau rasa tidak bayar, dia rasa malu kepada sekolah, kepada guru, dan sebagainya.

Jadi Yayasan PIBG ini perlu kita tambah dana ini kepada RM200 juta kerana ia meliputi semua kawasan luar bandar, pinggir bandar, dalam bandar, dan juga kawasan sekolah yang perlu kita bantu. Ini tidak termasuk sekolah berasrama penuh. Ini tidak termasuk sekolah yang orang kata yang hebat ataupun sekolah yang dikatakan sekolah dalam kawalan Kementerian Pelajaran yang mana sekolah yang diletakkan mereka yang berpendapatan tinggi dan sebagainya.

Di sini juga saya hendak menyentuh mengenai sekolah berasrama penuh. Dulunya dasar kerajaan mewujudkan asrama penuh meletakkan bahawa 50 peratus untuk ibu bapa pelajar cemerlang yang berpendapatan rendah. Hari ini kalau kita lihat, asrama penuh tidak lagi membela mereka ataupun pelajar yang ibu bapa yang berpendapatan rendah. Ini kerana mereka yang berpendapatan tinggi ini semua sudah hantar anak ke asrama penuh. Pastinya 5A hendak hantar asrama penuh- TKC, MCKK, Sekolah Tun Fatimah dan sebagainya.

Kita lihat hari ini sekolah asrama penuh ini tidak lagi menepati dasar ataupun hala tuju yang mana 50 peratus mereka ini mereka yang berpendapatan rendah. Ini kerana setiap kali saya sendiri pun pergi ke sekolah, saya dapati bahawa ibu bapa yang datang ke sekolah ini dengan *kereta Mercedes, BMW, Porsche* dan lain-lain. Jadi bila lihat macam ini, anak-anak di kampung masuk ke asrama penuh sudah pastilah melihat bahawa ibu bapanya seorang yang miskin, ibu bapanya tidak datang bawa ke sekolah *KFC, McDonalds, Starbucks* dan sebagainya.

Ini juga kita kena fikirkan bahawa meletakkan peratus 50 peratus pelajar yang akan masuk adalah di kalangan mereka yang susah, keluarga yang miskin. Ini kita boleh buat kerana ia tidak melibatkan bajet tambahan. Ia melibatkan keputusan, *will power* kita bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini supaya merapatkan jurang ibu bapa- anak-anak kita di kampung dapat ke sekolah.

■1540

Ini kerana anak-anak di kampung ini belum tentu seminggu sekali dapat makan ayam, belum tentu boleh makan daging. Akan tetapi apabila di asrama penuh mereka ini dapatlah menikmati makanan. Sudah pastilah orang-orang yang berada, orang yang kaya di rumah makan mewah, di rumah disediakan pembantu rumah, disediakan macam-macam tetapi apabila berada di sekolah, dia kena buat sendiri. Ini ada juga teguran, ini ada juga ibu bapa tidak puas hati dengan keadaan sekolah kerana semua kena buat sendiri. Ini juga kita kena ambil kira kerana mereka ini sudah senang di rumah, apabila duduk di asrama penuh juga mengalami masalah-masalah yang macam ini.

Jadi saya berharap dasar ini dapat kita kekalkan supaya anak-anak yang berada di luar bandar, keluarga yang susah terbela untuk melanjutkan pelajaran lebih jauh lagi dan juga keadaan yang cukup selesa untuk sistem pendidikan negara bagi anak-anak yang berpendapatan- keluarga yang berpendapatan rendah ini.

Keempat mengenai guru. Saya hendak sebut guru-guru, sebut guru, beban guru sudah pastinya isu selalu sebut beban guru. Jadi kita tahu bahawa Kementerian Pendidikan baru-baru ini ada menyebut bahawa telah menyediakan pembantu guru yang mana di Melaka dan juga di Perlis, saya rasa dapat menyediakan guru yang pembantu murid ini bagi meringankan beban guru. Jadi saya rasa perlunya pembantu guru ini kerana beban guru ini dapat kita kurangkan.

Kita tahu bahawa mereka yang tidak dapat pekerjaan ataupun lepasan daripada universiti masih menunggu pekerjaan, sudah pastilah kerja-kerja kontrak ataupun kita mengambil kontrak untuk membantu di sekolah ini sudah pasti dapat meringankan beban guru. Saya rasa dasar ini perlu kita buat kerana saban hari diperkatakan beban guru tidak habis-habis. Hari ini guru mengeluh bahawa tugas dan tanggungjawab *key in data* dan sebagainya terpaksa dibuat oleh guru dan juga mengajar. Jadi saya menyeru ataupun saya mencadangkan agar kerajaan segera melantik pembantu guru ini agar isu ini dapat diselesaikan dengan kadar segera.

Kelimanya saya sebut soal guru pedalaman. Kita tahu bahawa guru pedalaman ini berada dalam keadaan yang susah ataupun boleh saya sebutkan bahawa Pedalaman 1, Pedalaman 2 dan juga Pedalaman 3. Mereka ini berkorban jiwa dan raga, berkorban keluarga dan sebagainya untuk mengajar anak-anak bangsa di pedalaman. Setelah berada dalam pedalaman, dalam keadaan tiga tahun hingga empat tahun masih lagi tidak tukar ke bandar. Mereka ini juga diberi saraan ataupun elaun kepayahan hidup. Kepayahan hidup ini saya dapati bahawa sudah lama tidak dikaji iaitu P1 ini peruntukan untuk saraan elaun kepayahan hidup ini RM500.

Dulu saya sudah sebut tetapi dalam bajet saya tidak nampak benda ini ada dalam peningkatan daripada segi elaun ini iaitu RM500 kita naikkan kepada RM1,000 untuk P1. Untuk P2 daripada RM1,000 kepada RM1,500. Manakala P3 ini daripada RM1,500 kepada RM2,000.

Wang ini bukan segala-galanya tetapi kesusahan, kepayahan tidak boleh dibeli dengan wang. Ini kerana mereka yang duduk di pedalaman ini tidak mendapati kemudahan *Internet*, tidak dapat bekalan air bersih, tidak dapat melihat kemudahan lain seperti kita lihat, kita duduk di bandar, luar bandar dan pinggir bandar. Ada juga pusat membeli belah, ada juga kedai hendak beli barang. Ini ada duit ada tuan-tuan, hendak beli satu tin sardin hendak keluar dengan kos RM300. Naik bot, naik kenderaan *four-by-four* lagi dan sampailah ke bandar. Hanya hendak beli ikan sardin, hanya hendak beli Maggi.

Jadi perkara-perkara ini saya rasa kerajaan atau di bawah Kementerian Pendidikan perlu juga memikirkan kepayahan guru-guru yang berada di pedalaman. Bukan itu sahaja, apabila berlaku kenaikan pangkat, mestilah kita utamakan mereka yg sudah berkorban yang duduk di pedalaman jauh sekali dengan kemajuan yang ada.

Jadi mereka ini kadang-kadang tersisih daripada segi kenaikan pangkat dan lain. Jadi kita berharap bahawa mereka ini kita meletakkan KPI tiga tahun berada di pedalaman sudah pasti diberi keutamaan untuk kenaikan pangkat dan lain-lain.

Keenamnya ialah pencapaian *Internet* di luar bandar. Kita tahu bahawa kegagalan pihak *SchoolNet* atau *BestariNet* untuk memberi liputan pencapaian *Internet* di luar bandar, sekolah-sekolah ini amat teruk sekali. Kerajaan telah membelanjakan jutaan ringgit tetapi hasilnya di luar bandar amat mendukacitakan. Jadi saya dapat tahu bahawa guru-guru yang berada di pedalaman ini tidak dapat liputan *Internet*. Pencapaian *Internet* ini orang kata hendak satu bar itu pun susah sudah. Jadi untuk apa kita belanjakan jutaan ringgit, hampir RM1 bilion untuk kita mendapatkan satu kemudahan tetapi keberhasilannya tidak ada.

Jadi saya mohon supaya Kementerian Pendidikan mengkaji semula sejauh mana pencapaian ataupun kemampuan syarikat yang telah diamanahkan untuk memberi kemudahan *Internet* di luar bandar. Ini bukan sahaja di luar bandar berlaku di sekolah malah di kampung-kampung juga tidak dapat *coverage* yang cukup baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal kemudahan lain di sekolah luar bandar, pedalaman. Saya dapati masih lagi kemudahan seperti bekalan air bersih ataupun dipanggil telaga tiub ataupun *tube well* masih lagi tidak berfungsi dengan sepenuhnya. Anak-anak ini perlukan bekalan air bersih. Asrama desa tidak lagi nampak mendapat tempat yang dalam bajet ini. Ini kerana asrama desa ini saya beritahu bahawa sidang Dewan yang ada ini sangat penting kerana kalau tidak ada asrama desa ini sudah pastilah keciciran luar bandar ini amat dukacita, amat teruk kerana mereka ini tidak dapat kemudahan lain. Ini kerana hendak pergi ke sekolah berada di luar bandar jauh pedalaman...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada empat minit lagi Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Empat minit. Baik Tuan Yang di-Pertua saya memendekkan. Rupanya sudah cepat ya. Okey, yang seterusnya GST. Saya hendak sebut GST ini kerana kita kena bayar GST untuk bekalan elektrik 300 kilowatt kita kenakan GST. Bawah 300 kilowatt tidak ada GST. Jadi saya mohon agar 300 kilowatt ini ditingkatkan kepada 500 kilowatt barulah kena GST. Ini kerana 300 kilowatt ini hanyalah lampu dua biji hingga tiga biji dan kipas angin sudah sampai 300 kilowatt. Jadi mereka yang berada di kampung, mereka yang berpendapatan rendah ini terpaksa *spend* ataupun terpaksa bayar 300 kilowatt ini dengan GST 6 peratus. Jadi dengan bajet yang ada ini, pendapatan GST yang ada ini dapat menampung. Kita berharap 500 kilowatt ini dapat dipersetujui oleh Kementerian Kewangan agar mereka yang berada dalam berpendapatan rendah ini dapat kita bela bersama.

Terakhir saya hendak sebut- itu hari tidak terlepas sebut tentang syarikat PETRONAS negara. Saya dapati bahawa sejak akhir-akhir ini beberapa keratan akhbar saya dapati daripada Presiden PETRONAS, Datuk Wan Zulkiflee Wan Ariffin ini menyatakan bahawa keadaan lebih sukar pada masa hadapan kerana kejatuhan harga minyak dunia. Kita tahu pagi tadi pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku presiden parti, Presiden UMNO sebut tahun hadapan makin teruk kejatuhan harga minyak.

Jadi kita bila- keadaan kejatuhan harga minyak ini berlaku, sudah pastilah PETRONAS Nasional Malaysia ini akan tergugat, akan mengalami pendapatan yang rendah. Apabila pendapatannya rendah, sudah pastilah cukai kita juga tidak dapat peroleh. Ini kerana cukai yang paling tinggi yang kita peroleh adalah daripada petroleum, paling tinggi yang kita dapat. Kalau cukai ini kita tidak dapat *collect* atau tidak dapat pungut, sudah pastilah pendapatan negara juga berkurangan.

Jadi saya berharap kementerian, GLC yang ada di Malaysia yang berada di kementerian, yang berada dalam keadaan apa sekalipun kenalah membantu syarikat minyak nasional ini kerana ada kementerian yang 50 peratus sahaja ambil minyak PETRONAS. Lain bagi pada SHELL, PETRON dan sebagainya.

Oleh sebab inilah aliran wang tunai ke luar negara. Kalau kita hendak kekalkan mata wang kita, pastinya kita tidak mahu mata wang kita mengalir ke luar negara. Jadi bak kata pepatah Melayu,

■1550

Jadi, saya berharap kementerian selepas ini memikirkan syarikat-syarikat lain juga ada kepentingan kerajaan, ada kepentingan rakyat Malaysia. Pastikan kita bela mereka ini kerana dalam keadaan kemelesetan ekonomi, keadaan ekonomi yang tidak menentu in. Kita bimbang syarikat ini tidak boleh bertahan lama. Itu sahaja yang Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf kerana terlebih masa. Itu sahaja. Terima kasih. Saya mohon menyokong Bajet 2016.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Baiklah terima kasih Yang Berhormat Senator. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad. Silakan. Ada masalah kah Yang Berhormat Senator? Bentara.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mengucapkan terima kasih diberikan peluang untuk menyertai perbahasan bagi menyokong Bajet 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia pada 23 Oktober 2015 yang lalu.

Saya juga ingin mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana telah berjaya membentangkan bajet ini yang bertemakan Mensejahterakan Kehidupan Rakyat dengan penuh bergaya dan elegan sekali. Secara suamnya, Bajet 2016 telah disambut baik oleh rakyat jelata kerana bajet yang dibentangkan dilihat isu rakyat dan tidak membebankan rakyat.

Ia telah mengutamakan kesejahteraan rakyat yang terbanyak dan sebagai *catalyst* untuk memacu negara menjelang 2020. Saya juga ingin merakamkan sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana selaku pengerusi ASEAN tahun ini. Kita telah berjaya menganjurkan sidang kemuncak ASEAN dan ASEAN *Summit* yang Ke-26 pada April lepas dan yang ke-27 pada November baru-baru ini.

Lagi satu, kunjungan Presiden Amerika Syarikat- Barack Obama selama dua hari di negara ini sempena dengan sidang kemuncak ASEAN Ke-27, Kuala Lumpur yang merupakan satu penghormatan yang tinggi pada Malaysia. Khususnya terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang telah menerajui negara ini dengan legasi kecemerlangan. Sekali gus telah mewarnakan wajah komuniti ASEAN yang lebih kukuh dan bersepadu. Kunjungan Barack Obama ini bukanlah pertama kali sejak beliau mengetuai negara USA. Malah ini, merupakan kunjungan kedua selepas kunjungan pertamanya pada April 2014. Jadi dia melakarkan satu sejarah penting di mana termeterainya gagasan komuniti ASEAN yang menggabungkan integrasi 10 buah negara ASEAN untuk membentuk komuniti serantau berasaskan rakyat dengan moto, 1Wawasan, 1Identiti dan 1Komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, sekalung tahniah lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana beliau telah mempamerkan keberaniannya mengutuk keganasan IS. Bayangkan, kita lihat semasa dia di UN dia bercakap hampir satu jam bagaimana dia mengajar perwakilan itu. Apakah IS? hendak kata dia "*Who recognize IS?*" terangkan siapa. Nadi tunjang. Pak Arab tanya termasuk Yahudi-Yahudi dengar bahawa dialah, kita tidak menyokong IS. Sekali gus kita tahu, Malaysia mengutuk keras gerakan militan IS yang tidak mencerminkan kesederhanaan di dalam Islam. Malah, Malaysia juga memberikan pengiktirafan terhadap puluhan negara Palestin sebagai sebuah negara yang berdaulat. Kita sambung lagi Tuan Yang di-Pertua. Kita Malaysia ini, rakyatnya yang sederhana dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengutamakan kesederhanaan. Itulah ciri-ciri kejayaan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kejayaan Perdana Menteri kita bererti sukses menjaga kita dan itulah dalam mata dunia Malaysia sangat tinggi, diakuinya. Kalau tidak percaya tanya Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nallakaruppan. Dia tahu. Ini dia.

Perkara-perkara yang saya rasa Perdana Menteri telah banyak menjayakan negara kita. Pertama sekali saya hendak cerita sedikit perkara 1MDB.

Macam-macam perkara di cerita negatif. Akan tetapi, sebenarnya 1MDB ini buat perkara-perkara CSR banyak. Musuh mengatakan macam-macam. Kita tahu dan pagi tadi tanya sahaja kita pada perwakilan ini termasuk Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat dan Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omaidin. Perdana Menteri sudah kata *InshaaAllah* hujung minggu ini dia akan cerita. Siasatan akan diberikan. Jangan bimbang. Jangan takut, dia kata.

Ini saya rasa benda ini sahaja dibuat negatif pada musuh-musuh kita. Satu lagi GST. GST merupakan satu sistem percukaian yang lebih baik. Ia telah lebih telus, cekap. GST akan menghapuskan berganda di bawah SST. GST bukanlah faktor yang buat barangan kita naik, tidak. GST bukan faktor harga barangan naik. Cukai barangan tidak. Sebenarnya, malangnya musuh kita cakap tidak. Dia GST lain dia ganyang sebelum tidak tahu atau dia ganyang sebelum tanya. Kalau dia cerdik itu jadi begini. Akhirnya apa terhasilnya GST.

GST telah banyak membawa kebaikan kepada negara kita. Pelaksanaan GST menampakkan telah diterima baik kepada rakyat dan ia dapat dilihat dengan bilangan keperluan GST kepada agensi kerajaan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah mengalami pengurangan yang mendadak. Orang sudah terima, orang faham bahawa itu suara-suara negatif direka oleh musuh kita. Musuh tidak mahu kita maju.

Pengurangan ini telah di buktikan bahawa pemahaman yang tepat di kalangan pengguna dan peniaga telah meningkat dan bertambah baik. GST nampaknya telah menjadi penyumbang besar kepada penjana ekonomi negara seperti yang dikatakan jika kita terus menggunakan SST kita hanya mampu mengutip sebanyak RM18 bilion tetapi sejak kita memperkenalkan GST hasil kutipannya telah meningkat kepada RM39 bilion. Bayangkan itu.

Inilah bukan faktor rekaan tetapi faktor yang telus untuk kebaikan negara dan rakyat jelata amnya. Saya agak kecewa dengan persepsi jahat pihak tertentu yang memandang serong terhadap GST ini. Sepatutnya kita bertanya terlebih dahulu, bukannya memarahi GST dengan kaedah tindakan sebelum tanya.

■1600

Ini dia, inilah akibatnya manusia dahulu katakan, orang tua-tua saya mengatakan, malu bertanya sesat jalan, itu dia. Disebabkan dia malu bertanya, dia menghentam, hancur semua dihentam perenam hendak menghancurkan. Tidak ada unsur-unsur penindasan pun, tidak ada, itulah ini, tetapi sebenarnya GST telah banyak menguntungkan kita.

Kita tengok juga di sini bahawasanya, baru-baru ini, percayalah kejayaan pelaburan GST ini membuktikan tohmahan pihak yang lantang mengancam suatu ketika dahulu bagaikan menjaring perkara-perkara yang buruk kerana secara umumnya rakyat kini semakin menerima. Mustahil GST yang dilaksanakan di lebih 160 buah negara lain telah menandas dan menzalimi rakyat sendiri. Fikir-fikirkanlah supaya kita tidak terjebak dengan budaya hasad dengki yang menjadi subversif kepada ekonomi negara. Ini perkara itu, jadi kita tahu bahawa berjayanya GST kita ini.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini juga saya ingin menyentuh sedikit tentang isu pembangunan perumahan yang berbangkit terutama di kawasan Wilayah Persekutuan ini khususnya baru-baru ini di Datuk Keramat yang menjadi polemik dan mengundang keresahan di kalangan masyarakat setempat. Saya juga amat kecewa dan kesal kerana isu seperti ini menggambarkan seolah-olah pihak Bandaraya, DBKL telah hilang pedoman dan tidak peka lagi dengan keresahan rakyat, akar umbi.

Bayangkanlah, saya dua, tiga hari lepas berasa senang hati apabila keluarga saya bernama, Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani menceritakan tentang perumahan, saya sependapat dengannya. Saya juga menyokongnya kerana kami rasa.

Tengok sahaja baru-baru ini apa terjadi kepada sebuah kawasan di Datuk Keramat, orang sudah bising di kondominium itu. Dahulu dijanjikan kondominium kepada orang Kampung Kinabalu tetapi akhir-akhirnya diberikan kepada DBKL. Orang ini buat kepada sebuah syarikat yang tidak ada *track record* buat. Akhirnya orang yang dijanjikan iaitu orang-orang kampung ini- saya yang sudah tua Tuan Yang di-Pertua turut terlibat sebab saya ketika itu Ketua Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan merangkap Ketua Pemuda Bahagian. Kita sama-sama tolong pujuk mereka berpindah dahulu pergi tetapi akhirnya projek ini diberikan kepada pemaju yang dibuatnya bukan lagi mampu milik tetapi mampu tidak milik.

Inilah perkara-perkara yang saya minta tolong betulkanlah. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, kenapa kah ini berlaku kerana akhirnya orang tua-tua mampu milik jadi mampu urut leher. Mampu urut dada sahaja, mampu urut muka sahaja. Ingat ini orang kita, muka berpandangan di kedapatan. Esok kita akan melahirkan manusia mampu api dalam sekam. Mampu melahirkan pemimpin-pemimpin api dalam sekam. Ada telefon saya- yang sebenarnya murid saya pelajar saya dahulu, '*Tuk tunggu tuk, lagi dua tahun*', '*Tuk tunggu tuk, lagi setahun setengah*', apakah ertinya? Bayangkan kadang-kadang saya malu berjumpa dalam masjid, surau bertanya '*Tuk, macam mana dengan janji kita tuk?*'. Benda ini sangat serius Tuan Yang di-Pertua, perumahan.

Ingat apa kata Perdana Menteri, "*Apa guna wang kalau tiada kuasa*". Inilah yang terjadi Tuan Yang di-Pertua, banyak sangat saya rasa risau tentang perumahan ini. Tengok sahaja, ini berlaku semalam, saya berjumpa dengan anak buah, orang kampung itu juga dan memberikannya sebuah pantun. Pantunnya itu berbunyi begini,

*Janji Kampung Kinabalu Datuk Keramat,
Harapan mu dimusnahkan tiba-tiba,
Sejarah mu habis di tamat
Hati ku marah bertambah hiba.*

Ini berpanjangan. Macam mana hendak memujuk hati dia ini? Itulah saya meminta tolong Bandaraya mengkaji semula satu mekanisme, satu cara yang boleh, sistem hendak begitu hendak pinjam kah, hendak bayar kah, ada sistem dipanjangkan pinjaman, macam-macam boleh buat, pokoknya hati kita. Bagaimana cara yang kita boleh menolong dia supaya dia jangan merajuk, esok kalau dia merajuk akan menjadi api dalam sekam, dia tidak mahu pilih kita, apakah akan jadi pada kita? Ini penyokong kuat kita. Sebab itu saya minta benda ini, sangat-sangat serius, Bandaraya tolonglah tengok benda ini ya.

DBKL ini saya rasa, rumah kondominium mewah di Lot PT9902, Mukim Setapak iaitu berhadapan dengan...

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Boleh saya mencelah sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat?

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Boleh silakan.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Seri Halim kerana mengemukakan masalah perumahan yang kita hangat bincangkan ini dan hangat dibincangkan di media-media.

Saya ingat satu ketika dahulu Tuan Yang di-Pertua, perkara ini pernah ditolak dan minta dibatalkan. Kalau silap saya, minta maaf saya, dan ini menjadi rungutan rakyat.

Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri, kita hari ini kena memikirkan masalah rakyat. Rakyat bukan marah sebab ini sahaja, banyak lagi yang rakyat marah. Akan tetapi kalau kita sampaikan kepada pihak berkenaan, kita pula yang dicapnya. Kita minta kerajaan kena rasional bab ini, kena dengar apa kata rakyat dan kena dengar apa yang disampaikan oleh rakan-rakan dalam Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat apa hendak beritahu ini Yang Berhormat?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Saya cuma hendak mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, apa gunanya kita hebat di persada antarabangsa kalau rakyat kita hidup melata. Itu sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat Datuk Seri Halim, teruskan.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Terima kasih Yang Berhormat. Bayangkan itu, hati saya marah bertambah hiba melihat bangsa ku seolah-olah meminta-meminta. Apakah haknya- kenapa kita begitu? Kita fikir-fikirkanlah.

Satu contoh lagi, saya baru dengar kerajaan PKR, Selangor- rumah saya dalam Jalan Jelatek. Di sebelah sini Selangor, di sebelah sini pula wilayah. Di sini tadi kerajaan Selangor buat Datum Jelatek, habis dipujuk orang di situ menjual tanah kepada dia, tanah PKNS Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi akhirnya dia janji murah, apabila sudah siap berapa harga sebuah? Murah sahaja RM600,000. Bolehkah orang kampung beli harga itu, bayangkan. Tipu lagi, jadi mereka akan ber dendam kepada kita. Saya takut esok akan membara api dalam sekam, yang rugi kita. Apa guna wang tiada kuasa.

Perkara ini kerajaan mesti tegaskan, lekas selesaikan jangan berlengah. Semalam pun, dua hari lepas saudara saya, Yang Berhormat Datuk Yahaya menceritakan juga hal ini. Ini sangat serius. Kita kerja kuat tapi kau pecahkan anak buah kita ini, dia pun pejuang juga, dahulu penyokong kita, kenapa kita tinggalkan dia. Menyentuh perkara-perkara yang saya rasa- dan saya hendak tanya sekali.

■1610

Apakah jadi kepada UDA? Apakah jadi pada aset SPNB? Apakah jadi kepada PR1MA? Macam mana, apakah tugas PR1MA? Apakah dia buat? UDA buat apa? SPNB buat apa? Masuk campur lekaslah tolong. Esok kita ini akan ke tepi-ke tepi kilang kita tadi. Lagi satu Tuan Yang di-Pertua saya hendak beritahu di sini, ini lagi sedap. Selepas itu saya hendak cerita sedikit tentang ini, iaitu... sangat bahaya dan ini satu lagi perkara yang saya rasa sangat bahaya perkara pendatang asing bertambah iaitu kita tambah Bangladesh, itulah, merata. Akhirnya mereka berniaga di tempat kita. Datang untuk berniaga. Kita tengok sekarang kedai runcit pun sudah ramai orang dia, merata-rata. Jadi tauke pun orang dia. Itulah jadi. Apa tindakan, apakah ada pihak berkuasa mengekori pergerakan mereka ini? Sudah jadi tauke buka kedai. Apakah ini? Dia pula jadi bos. Ramai sangat.

Jadi saya minta supaya kerajaan dapat meninjau, tengok gerak geri mereka. Lebih teruk lagi Tuan Yang di-Pertua, RM53 juta terbang ke Nigeria. Dia kata, walaupun pelbagai pendedahan dibuat, Malaysia masih dibelenggu dengan sindiket *love scam* yang didalangi oleh warga Nigeria. Tahun ini sahaja lebih RM20 juta diterbangkan ke negara Afrika itu. Penipuan itu menyebabkan ribuan mangsa yang terpedaya dengan pujukan lelaki berperwatakan menarik di laman sosial. Golongan yang kena tipunya orang perempuan. Pujuk sedikit "*I love you, you are beautiful, I like your smile*". Senang, "*Eh! Cantiklah you ada lesung pipitlah*". Maaf ya. Itu dia.

Jadi sampai begitu ya, kebanyakan mangsa ialah wanita rakyat Malaysia dan sebilangannya dari luar negara. Inilah saya tadi di sini Tuan Yang di-Pertua, saya minta sangatlah supaya kerajaan dapat buat satu Jawatankuasa khas meninjau dan ambil tindakan kepada perkara-perkara ini. Jangan berlaku, malu kita. RM53 juta hilang begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang di kawasan Kampung Baru, saya minta tadi perkara Kampung Baru ini supaya pembangunan itu dipercepatkan dan buatlah segala-galanya bak kata Perdana Menteri dahulu, dia rasmikan itu supaya jadi ikon bahawa kita mahu kawasan Melayu ini maju, bergerak dan seterusnya. Saya hendak tanya, apakah langkah atau usaha yang telah dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk memastikan projek ini berjaya sebaik-baiknya? Itu perkaranya. Tuan Yang di-Pertua, ini tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cuba cepat sedikit Yang Berhormat ataupun gulung.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Okey, tadi saya minta lagi satu Tuan Yang di-Pertua. Saya baru-baru ini saya tertarik semasa saya berada di sini semasa Perdana Menteri merasmikan Bajet 2016 di sini. Selepas itu saya tengok yang akal tidak senonoh ini bangun tetapi sahabat-sahabat kita kumpulan PAS, mereka menengok sahaja. Dia tak nak berdiri, tidak mahu dia.

Di sini lihat bahawa dia sedar bahawa inilah orang yang dikatakan pemimpin-pemimpin yang berilmu, pemimpin-pemimpin yang beriman. Inilah, berilmu dan beriman. Kalau dia beriman, dia tidak melakukan perkara-perkara keji yang menyusahkan bangsa dia. Saya nampak bagus sangat. Saya rasa bagus, mereka tidak menyokong cadangan Yang Berhormat Batu Kawan, dia duduk. Bahawasanya ada riak-riak baik kalau kita pergunakan ini. Saya hendak mereka terus menyokong kita tadi. Bak kata orang tua-tua tadi daripada segi perjuangan ini Tuan Yang di-Pertua, sahabat tidak berpanjangan, musuh tidak berlarutan. Akan tetapi yang berpanjangan dan yang berlarutan hanyalah matlamat perjuangan itu. Itu perkara-perkara yang saya hendak ingatkan.

Lagi satu saya hendak beritahu bahawa saya rasa bimbang dan ragu yang saya ingati bahawa Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan. Apa yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, hendak buat tadi supaya ada tempat kereta bertingkat. Sudah bersetuju. Kami sangat senang hati, bersetuju mengadakan tempat kereta yang bertingkat. Ini sangat bagus. Saya rasa kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja bertingkat di atasnya itu buat tempat rekreasi. Yang Berhormat Dato' Megat, tempat rekreasi ya.

Singapura sudah buat, kenapakah kita tidak buat? Tempat futsal, rekreasi, itu perkara-perkara yang saya rasa dia kena buat. Ini satu lagi yang saya rasa Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam membawa perkara ini. Perkara tol ditambah harga, LRT atau *train* ditambah naik dan bagaimanakah cara kita tadi hendak cuba jangan orang ini naik kereta. Akan tetapi kita naikkan harga lain. Kita hendak galakkan naik *train* ataupun tol baru murah tetapi kita tambahkan lagi. Ini menyusahkan. tengok, dalam Dewan tadi ramai telah sibuk pasal harga naik, barang naik semua ini. Sangat membahayakan kita.

Saya minta lain kali supaya pemimpin-pemimpin yang berilmu ingatlah, jangan lah cara ini. Bukan lebih sangat kita kaya kalau tol naikkan, kita beri kemudahan. *The times are not rights*, dengan izin. Kita cuba buat biar rakyat suka lagi. Kita naikkan tol, itu menyusahkan, buat apa? Saya mengharapkan supaya kerajaan tadi memikirkan jangan buat benda yang tidak cerdik ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ramai Ahli Yang Berhormat sudah bincang tentu itu. Yang Berhormat pergi kepada isu lain. Kalau boleh ringkaskan.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Okey, baik terima kasih. Jadi, saya ingin juga mengatakan bahawa harapan saya supaya benda yang saya sebut tadi minta tolonglah dikaji dengan sebaiknya kerana kalau kita tidak buat kita kerugian nanti. Akhir-akhir ini kita janganlah menyusahkan rakyat kita ini, kita hendak adakan pilihan raya. Buatlah benda yang boleh menyenangkan mereka sedikit. Kalau ada apa yang kita hendak buat, selepas pilihan rayalah, tolong. Kita tengok tadi kalau dengar punya Perdana Menteri ucapan macam mesra dia.

Jadi itulah, hari ini saya rasa senang hati selepas dengar apa yang Perdana Menteri berucap tadi, satu ucapan yang begitu padat, teratur dan beriman saya rasa. Supaya kita kata bagaimanakah kita tadi sebagai rakyat Malaysia boleh menolong melahirkan sebuah negara yang aman, teratur dan baik.

Kita juga rasa apa yang saya sebut tadi bahawasanya Perdana Menteri kita telah banyak melakarkan beberapa kejayaan satu di antaranya tadi.

Kita contohilah bahawasanya kita kenalah berdiri penuh, berdiri teguh di belakang Perdana Menteri kita ini supaya ia dapat mencapai lebih banyak kemakmuran dan kesejahteraan. Mudah-mudahan Tuan Yang di-Pertua, kapal yang direka ini berjalan dengan baik. Kapal bahtera sejahtera ini dapat melalui dengan baik walaupun ada ombak dan badai. Dia terus berjalan kerana direka, dibentuk begitu baik sekali. Mudah-mudahan kesejahteraan rakyat itu dapat diutamakan. Kita lupakanlah hal ombak dan badai itu. Dengan kerjasama kita, dengan kepandaian kita *InshaaAllah*, dengan sokongan bulat kita kepada negara ini yang tidak dihasut oleh musuh yang ada. Bak kata "*Kita hendaklah menjadi pemimpin landak oh landak. Otak berfikir bijak bertindak. Jangan jadi pemimpin bangau oh bangau mulut terganggu masuk langau*".

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya menyokong perbincangan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1620

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ini kerana saya dapati ramai juga, contohnya pagi ramai Ahli-Ahli terpaksa duduk sini, beri kerjasama pada Ahli-ahli Yang Berhormat pergi ke persidangan, wajar juga saya timbangkan bahawa sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Siti Aishah.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmaani Rahiim*, terima kasih kerana memberikan saya ruang yang sebaik ini untuk sama-sama kita membahaskan sebuah dokumen yang penting untuk kita teliti dan nilai dengan cara yang seimbang agar apa yang kita akan putuskan nanti ialah sesuatu yang memberikan kita manfaat dunia dan akhirat. Saya ingin memetik ayat Al-Quran yang menyebut, "*Katakanlah, wahai Tuhan yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan dari orang yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan orang-orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan orang-orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkaulah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau maha kuasa atas segala sesuatu*". Surah Al-Imran, ayat 26.

Belanjawan sesuatu perkara yang harus memberikan tumpuan kepada pembinaan, ketahanan ekonomi negara bertepatan dengan objektif menyelamatkan negara dari terdedah kepada risiko kemelesetan ekonomi yang bersifat kekal. Tanpa wujudnya prinsip tata kelola iaitu pengurusan yang baik, telus dan akauntabiliti serta kejujuran pemerintah, pastinya soal sumber kewangan negara akan terus menjadi sesuatu yang perlu dibahaskan secara serius. Tanpa keadilan dalam soal mengurus ekonomi yang sedia ada, impaknya untuk rakyat hanyalah sekadar menerima BR1M yang saya sifatkan langsung mampu merapatkan kesenjangan pendapatan secara mampan. Sedangkan negara ini harus mencipta faktor penentu utama dalam mencapai status negara maju yang mana manfaatnya dirasakan oleh semua pihak dan bukan hanya segelintir pihak yang berkepentingan.

Menjadi persoalan apabila Bajet 2016 yang merupakan bajet negara pertama dalam mencapai ataupun menghampiri Wawasan 2020. Ini harus dicapai dan Malaysia dapat melonjak memasuki fasa negara berpendapatan tinggi dengan pembangunan memenuhi kriteria utama yang mana rakyat dapat menikmati kehidupan yang lebih berkualiti, suatu bangsa yang bersatu tanpa ada kepincangan perkauman, keadilan rakyat yang seharusnya diangkat dan didalami.

Dalam ucapan Bajet 2016, Perdana Menteri membentangkan pengurangan defisit fiskal sebagai pencapaian kedua secara konsisten. Kita telah dapat mengurangkan defisit fiskal kerajaan daripada paras 6.7 peratus kepada 3.2 peratus yang dijangka pada tahun ini.

Mungkin juga Perdana Menteri terlupa untuk memasukkan dalam ucapan itu untuk menerangkan kepada kita bahawa negara kita telah dibelenggu dengan defisit fiskal ini semenjak tahun 1998. Unjuran 3.1 peratus pada tahun 2016 hanya menonjolkan fakta bahawa defisit berlarutan selama 18 tahun lamanya dan masih tidak berkesudahan.

Kedua, defisit fiskal kewangan Malaysia bukan bersifat pusingan di mana defisit diterima sebagai pendekatan utama memecutkan pertumbuhan pada ketika ekonomi negara lemah dengan syarat pemerintah haruslah mengambil sikap penjimatan dan bertegas dengan disiplin fiskal supaya kewangan negara berada pada paras berlebihan pada ketika ekonomi negara mantap. Masalahnya di negara kita hakikat bahawa defisit fiskal kewangan Malaysia bersifat struktur di mana masalah kecacatan dari segi disiplin, penjimatan, pemborosan dan tadbir urus baik pada ketika ekonomi mantap terus menerus membiarkan defisit membelenggu Malaysia tidak kira ekonomi mereka pada keadaan baik ataupun lemah.

Dari zaman kita bergantung harap daripada hasil petroleum sehingga ke pengutipan hasil GST kini, sesungguhnya kalau pemerintah pusat mempraktikkan disiplin dan belanjawan yang berhemah ketika ekonomi mantap, kita kini akan berada di tahap selesa dengan pemecutan ekonomi yang memberangsangkan. Namun apa yang berlaku adalah sebaliknya. Akibat tidak mampu bertindak bijak, kita terus ditekan dan kita itu membawa maksud rakyat. Ketidakmampuan kerajaan begitu menonjol hari ini apabila pemerintah berdepan dengan kekurangan ruang dasar fiskal dan terpaksa menekan rakyat dengan dasar cukai GST. Saya memetik ucapan Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 yang lalu khususnya yang disebut, *"...khususnya pada tahun 2015 dengan pelaksanaan GST, hasil kutipan dianggarkan berjumlah sebanyak RM23.2 bilion. Walau bagaimanapun, sebagai kerajaan yang prihatin, kita telah mengecualikan sebilangan barangan yang keseluruhannya dianggar RM3.8 bilion"*. Itu antara inti pati ucapan pembentangan bajet Perdana Menteri pada tahun 2014.

Setelah dibandingkan hasil kutipan cukai GST yang sebenar, kita boleh lihat hari ini kutipan itu mencecah hampir RM39 bilion dan kita hendak bertanya kepada kementerian dan Kerajaan Malaysia sedia ada, dengan hasil yang luar jangkaan daripada yang disebut oleh Perdana Menteri, apa langkah-langkah pemulangan kembali kepada rakyat yang boleh difikirkan selain daripada apa yang sedang berlaku sekarang. Bila kita bercakap soal rakyat, pastinya ada banyak perkara yang sinonim dan hampir dengan mereka. Itu kita perlu sedar bahawa maqasib atau maksud belanjawan itu sendiri merancang kutipan hasil pendapatan negara dan kerajaan untuk mencapai pembangunan sosial ekonomi yang mampan dan baik.

Di negara ini, anggaran 3.85 juta isi rumah hanya memperoleh pendapatan purata bawah RM4,000 sebulan dengan kadar hutang isi rumah negara mencapai 86 peratus KDNK, mencecah RM900 bilion dan peratusan gaji pekerja hanya 32 peratus dan ini satu tahap yang harus kita bimbangkan. Kita harus sedar bagaimana keadaan ekonomi negara yang dihimpit dengan defisit fiskal saban tahun semenjak 1998 dan pelbagai lagi yang telah kita sebut itu. Sebab itu sedikit sebanyak rakyat terpaksa dan terkesan dengan hutang yang bertambah dan ini menyebabkan kerajaan harus mencari sumber baru untuk menampung kelemahan mereka dalam mengurus tadbir, maka rakyatlah dalam mengurus tadbir ekonomi negara maka rakyatlah yang akhirnya yang menjadi subjek utama yang menjadi sasaran untuk dikorbankan.

Benar, kerajaan telah beri BR1M, bantuan itu dan ini namun ia bersifat skala dan hanya bersifat sekumpulan kelompok sasaran sedangkan realitinya sekarang di kalangan rakyat yang kaya menjadi sederhana, yang miskin kekal papa kedana. Saya masih ingat kata Menteri yang menyebut, laksana GST, ekonomi makin baik. Namun apa yang kita sedang lalui sekarang, laksana GST, rakyat hilang subsidi. Rakyat dikerah bangun pagi elak bayar tol yang tinggi dan rakyat disuruh tanam sayur sendiri. Kepada Menteri, berhentilah memandang rendah keupayaan rakyat dengan sindiran-sindiran yang tidak kena pada tempatnya. Tahukah kalian kita di dalam Dewan ini yang gaji berbelas ribu pun setiap bulan masih merungut dengan beban yang ada, apatah lagi dengan rakyat yang terpaksa bertungkus-lumus bekerja keras untuk diri mereka dan keluarga.

Kepada Yang terhormat Menteri, kita hendak ingatkan bahawasanya kalau kita gagal untuk menjawab persoalan rakyat dengan ilmiah, diam itu lebih baik. Bagi saya penghapusan GST harus difikirkan semula walaupun kita akan menghadapi kesan akibat penghapusan itu. Akan tetapi saya yakin dengan cara perbelanjaan yang berhemah, bebas ketirisan rasuah, *InshaaAllah* ia akan membolehkan negara mencatat defisit 24.2 peratus pada 2016 berbanding defisit 3 peratus unjuran pihak kerajaan.

Saya masuk Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dalam isu pendidikan. Dalam pembentangan belanjawan yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini merangkap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, kita melihat ada satu faktor yang saya rasakan perlu dilihat semula, malahan dikaji serta dinilai semula kerana ia merupakan satu keputusan yang saya rasa kurang wajar dibuat apatah lagi ia melibatkan pendidikan anak bangsa kita yang dengan jelas bakal menjadi pewaris kepimpinan pada masa hadapan.

Perdana Menteri dalam pembentangan tempoh hari menyebut soal pemotongan bajet terhadap IPT dan IPTA yang mana bagi saya seharusnya perkara ini tidak berlaku. Umum maklum bahawa dalam kebanyakan perkara yang memerlukan perhatian khusus daripada pihak kerajaan ialah soal pendidikan. IPTA ialah rumah pendidikan yang saban tahun melahirkan graduasi yang baik untuk negara. Dalam sesi Parlimen baru-baru ini juga, Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi telah memberikan ketetapan bahawa pemotongan bajet IPTA dan IPT ini sememangnya dasar kerajaan untuk menurunkan kebergantungan IPTA dan IPT terhadap kerajaan.

■1630

Untuk pengetahuan Dewan, buat masa ini jumlah peratus kebergantungan IPT dan IPTA kepada kerajaan adalah pada kadar 85 peratus sehingga 90 peratus. Menjadi sasaran buat kerajaan untuk menurunkan peratus kebergantungan ini sehingga 70 peratus menjelang 2020. Ini menjadi kekhawatiran buat saya, Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita melihat trend penurunan bajet ini dalam institusi pendidikan ini akan berlaku saban tahun dan ia akan terus menjadi satu trend yang tidak ditinggalkan dan impaknya akan dirasai oleh sistem pendidikan negara.

Bagi saya isu pemotongan bajet IPT ini adalah satu salah faham keutamaan yang gagal difahami oleh kerajaan, khususnya oleh kementerian yang terbabit. Pendidikan yang berteraskan anak muda harus menjadi perkara yang didahulukan, malahan diutamakan oleh kerajaan. Malangnya, pemotongan bajet IPTA sebanyak RM1.4 bilion itu menyaksikan bajet mengurus Jabatan Perdana Menteri Malaysia pula yang ditambah sebanyak RM1 bilion. Inilah yang disebut sebagai salah keutamaan yang mana rakyat yang harus memperoleh manfaat daripada kerajaan kini, terpaksa beralah dan terus memberikan kesenangan kepada pihak yang tidak sepatutnya.

Atas nama anak muda, saya menyatakan bantahan terhadap pemotongan ini kerana bagi saya ia merupakan tanggungjawab negara dan ia merupakan pelaburan yang baik buat kerajaan. Mengikut kajian yang dibuat oleh OECD, pelaburan dalam sistem pendidikan tinggi ini akan membawa pulangan yang tinggi kepada kerajaan. Secara purata, setiap Ringgit yang dilaburkan kerajaan akan mendapat RM6 pulangan dalam bentuk cukai, yang membawa maksud pelaburan pendidikan tinggi juga mendapat pulangan yang tinggi.

Untuk itu, walaupun belanjawan telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga ada Yang Amat Berhormat menteri baru-baru ini menyebut soal tidak akan menaikkan yuran pelajaran di peringkat universiti. Akan tetapi bagi saya itu bukan isu, kerana isunya ialah pemulangan kerajaan kepada rakyat dan bukan penambahan modal rakyat (beban) yang perlu dikerah untuk diserahkan kepada kerajaan yang ada.

Saya masuk kepada isu pendidikan yang kedua yang mana saya juga ingin menyentuh soal perbandingan antara dua buah pusat perkembangan kanak-kanak iaitu KEMAS dan juga PERMATA.

Saya ingin bertanya, apakah wajarnya PERMATA ini ditubuhkan apabila kita sudah pun ada pendidikan awal kanak-kanak yang ditata kelolakan oleh pihak KEMAS? Apabila kita melihat daripada segi belanjawan pengoperasian pusat anak PERMATA berjumlah dalam anggaran jumlah pusatnya itu 88 pada tahun 2015. Dijangka meningkat 93 buah pada tahun 2016 serta perbelanjaan keseluruhan adalah sebanyak RM48.2 juta pada tahun 2015 dan dijangka berkurangan pada tahun 2016 sehingga RM36.3 juta. Saya ingin menyebut, dalam rekod juga disebut, setakat sekarang jumlah anak PERMATA yang masuk sekolah PERMATA ini hanyalah pada kadar 150 orang pelajar sahaja. Apabila kita melihat...

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Mohon mencelah...

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Tidak apa, biar saya habiskan sekejap. Nanti saya bagi peluang kepada abang.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: PERMATA sahaja.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Ada satu lagi perenggan, kemudian saya bagi.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Ok.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Okey, apabila kita melihat kepada KEMAS yang juga mempunyai objektif yang sama iaitu melibatkan pendidikan awal kanak-kanak serta memerlukan keperluan yang lebih tinggi berbanding dengan PERMATA yang melibatkan jumlah anak-anak di bawah KEMAS sebanyak 225,000 orang pada tahun 2015 dijangkakan sama pada tahun 2016 dan jumlah kelas pendidikan sebanyak 11,300. Apa yang terjadi persoalannya ialah perbezaan jurang peruntukan belanjawan yang sungguh ketara di antara KEMAS dan juga PERMATA. KEMAS yang diperuntukkan sebanyak RM41.6 juta pada tahun 2015 telah pun dikurangkan kepada RM27.7 juta pada tahun 2016. Silakan.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya, saya sampai tidak macam berani hendak tanya sebab panggil 'abang' tadi itu. Namun, apa pun Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mohon penjelasan Yang Berhormat berkenaan isu PERMATA Yang Berhormat sebut tadi.

Pertamanya, adakah Yang Berhormat sedar bahawasanya PERMATA ini yang telah pun mengangkat anak-anak kita semua, anak saya tidak ada di PERMATA, mungkin anak Yang Berhormat tidak ada di PERMATA, anak-anak Ahli di Dewan ini tidak ada di PERMATA. Akan tetapi dengan adanya PERMATA ini telah mengangkat anak-anak rakyat Malaysia yang terpilih ke-satu tahap yang cukup tinggi. Mereka telah pun beraksi bukan hanya dalam negara tetapi *level of thinking* ataupun *education* mereka, dengan izin, telah meletakkan anak-anak Malaysia berada sama dengan anak-anak dari seluruh dunia. Mungkin Yang Berhormat tidak baca dan Yang Berhormat tidak lihat. Yang Berhormat sebut tadi hanya perangkaan penggunaan belanjawan yang diguna untuk PERMATA. Akan tetapi *the result* dengan adanya anak-anak PERMATA ini telah membawa imej Malaysia yang lebih baik. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Saya dapat maksud itu Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon meneruskan. Jadi, saya faham soal nama angkat dan sebagainya, itu cabang kebaikan daripada PERMATA. Saya ucapkan tahniah kepada negara. Akan tetapi yang kita sebut ini Tuan Yang di-Pertua ialah bagaimana perbezaan pelajar dan juga KEMAS itu yang mempunyai pelajar yang lebih daripada yang ada daripada PERMATA. Yang kita sebutkan itu ialah bagaimana sebuah badan yang mengelola, yang menjaga ribuan lebih ramai anak kecil yang sistem pendidikannya itu kadang-kadang tidak menepati pun tetapi peruntukannya itu kecil.

Akan tetapi sebuah badan yang mengelola hanya 150 orang pelajar diberikan peruntukan yang besar. Jadi, apabila peruntukan kecil ini sampai kepada kelompok yang besar, apabila berlaku permasalahan kewangan dan sebagainya, ia kembali kepada ibu bapa yang rata-rata yang hantar anak ke KEMAS ini orang kampung, yang kerja kampung, yang menoreh getah, tanam padi dan sebagainya...

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oмарdin: [Bangun]

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Tidak apa, biar saya habiskan dahulu. Nanti ada peluang hendak bahas, abang masukkan.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oмарdin: “Abang” lagi.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Saya panggil “abang” sekali lagi itu suruh duduklah. Jadi, ini sebenarnya yang disebut Yang Berhormat Megat, sebabnya soal yang kita sebut itu bukan soal perbezaan antara- soalnya kalau boleh ditambah sedikit belanjawan kepada KEMAS itu agar anak-anak kampung ini juga mendapat pendidikan yang lebih baik. Tidak acilah PERMATA sahaja yang melahirkan anak-anak, apakah KEMAS tidak melahirkan anak-anak yang lebih baik? Jadi, ini juga harus dipandang dan dilihat penting.

Saya sambung perbahasan saya. Saya fikir kita hendak memasuki era Wawasan 2020, pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan yang paling penting dalam pembangunan negara. Apa yang seharusnya dipotong perbelanjaan adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri, bukannya dari sudut pendidikan. Oleh sebab itu saya memohon agar kerajaan menyemak semula kepentingan PERMATA untuk diletakan di bawah Jabatan Perdana Menteri berbanding daripada pendidikan. Maksud, jangan salah tafsir lagi. Maksud saya itu letak bawah pendidikan, supaya sama. Biar dia *check and balance* PERMATA ada duit lebih dia bantu KEMAS, KEMAS ada kesusahan wang dia ambil duit PERMATA. Jadi, itu saya *make it clear*, dengan izin.

Seterusnya, saya sambung Tuan Yang di-Pertua, isu PLKN. Saya ingin menyentuh soal Program Latihan Khidmat Negara. Saya ambil maklum soal modul-modul dan asas-asas kewujudannya. Namun, saya ingin menyentuh daripada soal peruntukan yang dibelanjakan oleh kerajaan sendiri. Timbul sedikit persoalan, kalau boleh kementerian membetulkan ataupun menyatakan ketidakpastian saya dalam persoalan ini berkaitan dengan kos belanja yang dinyatakan yang mana kalau kita lihat bajet pada PLKN pada tahun 2015 ialah sebanyak RM613,684,400 dengan kapasiti peserta seramai 32,635 orang dan 81 buah kem latihan. Berbanding dengan 2016 yang bakal tiba, mengikut unjuran kerajaan, kos itu dikurangkan kepada RM275,759,600 dan pengurangan itu saya lihat baik.

Namun, yang membuatkan saya sedikit keliru kerana penambahan peserta itu meningkat begitu tinggi iaitu seramai 114,800 orang dan kem itu ditingkatkan kepada 83 buah kem. Akan tetapi kos itu dilihat menurun. Jadi, saya bimbang jika di peringkat awal ini kita lihat kos itu menurun tetapi ketika pelaksanaannya itu kita boleh lihat kos itu naik sedikit demi sedikit. Soalan saya daripada segi bagaimana ia dikurangkan dan sedangkan peserta itu bertambah dengan anggaran yang tinggi?

Yang keduanya, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk menginstitusikan PLKN ini sebagai sebuah institusi yang lebih sistematik daripada apa yang ada sekarang. Kalau kita lihat daripada jawapan Menteri sebelum ini, PLKN kini dikatakan dilengkapi dengan pelbagai asas-asas latihan kemahiran yang disediakan.

Untuk itu saya merasakan baik agar kem PLKN ini disatukan dan fungsinya itu merangkumi seluruh aspek yang sedang berjalan sekarang. Ini kerana kerajaan dilihat terpaksa menanggung kos yang tinggi dengan pembiayaan sewa dan juga keadaan prasarana kem-kem yang harus diselua. Setiap kali hendak buka sesi yang baru yang mana kos ini boleh dikurangkan, maknanya apabila ada sebuah institusi ini Tuan Yang di-Pertua, ia hanya tertumpu kepada sebuah tempat, sebuah lokasi. Tidak perlu menampung kos yang tinggi dengan kem-kem yang perlu diselua, dicat baru, kontrak kena buka baru. Tidak payah. Maknanya ada sebuah institusi, di situlah yang boleh dinamakan sebagai Universiti PLKN kalau motifnya itu melahirkan anak-anak muda yang berkemahiran dan sebagainya.

■1640

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk isu yang seterusnya iaitu kebajikan orang kelainan upaya. Dalam ucapan Bajet 2016, Datuk Seri Najib ada mengumumkan untuk memperkukuhkan sistem jaringan perlindungan sosial dengan memperuntukkan hampir RM2 bilion kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk membantu OKU, warga emas dan keluarga miskin. Ini bagi saya satu inisiatif yang baik.

Namun, saya mahu membawa perhatian kita kepada satu lagi sisi yang saya rasa kita terlepas pandang oleh kerajaan juga iaitu soal gaji minimum. Tahukah kita kadar upah kerajaan iaitu soal gaji minimum ini kepada pekerja OKU di Malaysia adalah amat menyedihkan iaitu hanya seramai 3,047 orang yang bekerja di sektor awam bersamaan dengan 0.022 peratus sedangkan jumlah OKU yang berdaftar adalah seramai 550,549 orang. Kita mendapati bahawa sistem gaji minimum ini turut membawa masalah dan kesan kepada golongan OKU yang ingin bekerja dan meneruskan kehidupan mereka. Ini kerana dengan bayaran gaji yang sama, pastilah majikan akan memilih untuk mengupah seorang yang normal berbanding seorang yang kurang upaya kerana kadarnya itu sama dan ini akan menyebabkan pengangguran golongan orang kurang upaya ini meningkat dan mereka hanya diberi upah sebagai penjaga-penjaga atau pun kerja-kerja mudah di pusat-pusat latihan dengan nama pekerja kontrak.

Untuk itu, saya berpendapat sistem yang lebih fleksibel wajar dilaksanakan memandangkan sesetengah negara telah membuat pengecualian bagi orang kurang upaya. Maka, kita boleh menetapkan peraturan gaji minimum khas bagi OKU dengan mencontohi Australia atau boleh meletakkan gaji minimum OKU yang rendah tetapi yang paling penting ialah ia adalah pada kadar yang tetap. Ia tidak lagi RM350 masuk gaji ini, RM320 masuk gaji ini, RM400. Maknanya kita hendak satu kadar tetap untuk pekerja OKU. Bila dia cari kerja, dia sudah tahu dah amaun yang dia akan dapat itu adalah tetap dan tidak boleh dikurangkan, malahan kalau lebih, itu satu bonus untuk dia.

Seterusnya ialah sudah disebut oleh ramai tadi kenaikan tambang pengangkutan awam yang mana kita boleh lihat baru-baru ini rakyat ditimpa dengan... Saya tak nak sebut, tadi Tuan Yang di-Pertua sudah cakap dah banyak diulas, jadi saya pergi kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukup, hendak cepat.

Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail: Jadi saya pergi yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, inilah yang kita ingin sebut bahawanya akhir kata saya ingin menyatakan agar segala yang menjadi milik rakyat haruslah dikembalikan kepada rakyat. Rakyat bukan pengemis yang perlu menadah pada setiap sen berlebihan yang dibelanjakan oleh kerajaan. Rakyat bukanlah tabung untuk sebuah kerajaan mencungkil bila poket semakin nipis dan rakyat tuan yang harus kita hormati. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Norliza.

4.43 ptg.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kerana diberi ruang untuk saya turut berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2016 atau Bajet 2016 ini.

Saya merasakan Bajet 2016 ini adalah sangat penting sebagai penanda aras hala tuju negara pada masa depan. Ramai pihak termasuk saya sendiri selepas mengamati dan meneliti inti pati bajet ini, rumusan awal saya ialah ia satu bajet yang saya rasa agak kritikal disebabkan belanjawan negara yang pertama dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan tahun pertama pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan iaitu GST dalam suasana ekonomi serba mencabar di dalam dan di luar negara.

Saya ada beberapa isu yang saya rasa penting untuk saya sentuh dan yang pertamanya saya ingin menyentuh mengenai isu GST.

Ini saya rasa amat penting kerana isu keterbukaan kerajaan dalam melepaskan lagi pendapatan cukai GST terhadap beberapa barangan asas. Pada pandangan saya, jaminan kerajaan untuk mengecualikan cukai tersebut terhadap barangan dan perkhidmatan keperluan asas bertujuan agar ia tidak membebankan pengguna berpendapatan rendah. Barangan asas dan barangan keperluan harian ini perlu kekal dikecualikan GST malah jika boleh, saya mencadangkan diperbanyakkan lagi senarai barangan asas atau keperluan harian atau barangan kritikal oleh golongan tertentu dikecualikan GST dan dibuat kajian juga secara berkala.

Saya merasakan kementerian harus mengkaji mungkin setahun dua kali atau setiap enam bulan bagaimana perlukah senarai itu diperbanyakkan lagi. Sebagai contohnya, baru-baru ini saya dapati bahawa barangan makanan di dalam tin dikenakan cukai GST enam peratus tetapi udang galah dikecualikan daripada GST. Sedangkan, kalau kita tengok makanan sardin ini makanan golongan pertengahan atau golongan bawahan, sedangkan udang galah ini makanan untuk orang yang agak berkemampuan.

Saya rasa macam Yang Berhormat Datuk Seri Nalla mungkin dia makan udang galah. Seperti kita yang rakyat biasa ini mungkin kita hanya makan sardin. Jadi, saya rasa kementerian harus mengkaji keperluan golongan pertengahan ini tidak perlu dikenakan GST tetapi makanan yang mewah seperti udang galah ini dikenakan GST. Jadi, tidaklah rakyat pertengahan ini terasa bebanan yang begitu teramat sangat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya ada melawat sebuah pejabat urus zakat di Pulau Pinang. Saya berjumpa dengan pengarah dan saya berbincang beberapa isu dan saya agak terkejut apabila dimaklumkan bahawa kutipan zakat ada dikenakan GST. Jadi, saya mohon penjelasan daripada kementerian, adakah benar bahawa kutipan zakat dikenakan GST? Ini kerana saya rasa sekiranya kita terlepas pandang atau apa-apa kah, saya rasa zakat tidak harus kita kenakan GST kerana ia kutipan yang harus diberi balik kepada golongan-golongan asnaf yang kurang berkemampuan.

Lanjutan daripada isu ini juga, saya ingin bertanya kepada kementerian bagaimanakah kementerian dapat memastikan penguatkuasaan yang lebih proaktif dan berkesan terhadap GST ini? Ini kerana rata-rata kita tengok sepatutnya bila ada GST harga barang menurun tetapi ia semakin meningkat. Ada juga yang kita mendapat faedah daripada GST ini tetapi ada juga yang kita mendapat keburukan. Jadi, saya harap pihak kementerian betul-betul dapat menguatkan penguatkuasaan daripada segi tindakan yang diambil kepada penyalahgunaan terhadap kutipan GST ini.

Saya juga merasakan penyebaran maklumat kepada rakyat perlu dipergiatkan lagi supaya rakyat lebih memahami barang apa yang kena GST, barang apa yang tidak kena GST dan sekiranya ada perubahan, ia harus diuar-uarkan secara besar-besaran melalui media-media massa yang saya rasa adalah penting kerana rakyat sekarang sangat prihatin. Dia ingin mengetahui dengan lebih terperinci agar mereka ini tidak ditipu di masa akan datang. Saya ingin bertanya juga kepada kementerian, berapakah bilangan terkini pegawai-pegawai penguat kuasa di setiap negeri untuk memastikan bahawa GST ini tidak terlepas pandang?

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya, saya ingin menyentuh mengenai kemiskinan bandar. Sebagaimana yang kita tahu, pada tahun 2014, sebanyak dua juta atau 28.7 peratus daripada tujuh juta isi rumah di negara ini masih dikategorikan sebagai miskin bandar dengan berpendapatan di bawah paras RM3,000 dan atas kesan kejatuhan nilai ringgit baru-baru ini dan kenaikan harga barang dan perkhidmatan serta kos sara hidup yang tinggi amat dirasakan oleh golongan-golongan pertengahan ini. Warga kota lebih merasa bebannya berbanding dengan di kawasan-kawasan perkampungan kerana di kota harga barangan sangat-sangat tinggi kenaikannya dan ada kalanya mereka merasa amat terkesan atas kejadian ini.

Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kerajaan merancang untuk mewujudkan lebih banyak lagi kedai yang menawarkan barangan dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan kepada penduduk bandar?

Kedai 1Malaysia yang telah diwujudkan hasil ilham Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu kita perbanyakkan lagi bagi menampung jumlah penduduk bandar yang dilihat meningkat dari tahun ke tahun. Jadi, saya juga ingin bertanya kepada kementerian, berapakah bilangan Kedai 1Malaysia terkini di negeri Pulau Pinang?

■1650

Baru-baru ini juga kita dikejutkan dengan isu mufliis yang dihadapi oleh golongan muda yang dilihat meningkat dengan ketara akibat daripada menanggung hutang dengan pihak bank. Jadi saya merasakan pihak kerajaan perlu mengambil langkah yang sewajarnya agar mengawal isu mufliis ini. Di antaranya adalah dengan mengurangkan kadar faedah pinjaman yang perlu dibayar oleh mereka di samping terus mendidik rakyat kita agar berbelanja mengikut kemampuan. Kerajaan juga saya rasa harus menggalakkan penggunaan kad debit daripada membenarkan lebih orang yang menggunakan kad kredit.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit daripada segi Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu isu kepentingan warga emas. Kalau kita lihat sekarang ini jangka hayat manusia lebih meningkat. Kalau dulu jangka hayat kita mungkin pada usia 60 tahun tetapi sekarang telah meningkat kepada 75 tahun. Pada usia 60 tahun, ramai rakyat kita masih boleh bekerja, masih sihat dan khususnya wanita mempunyai jangka hayat yang lebih panjang daripada kaum lelaki. Jadi apabila jangka hayat kita itu lebih panjang, maknanya kita harus melihat *impact* kepada negara.

Kalau kita tidak mempunyai sebarang perancangan atau tindakan yang boleh diambil di masa akan datang, maka kesan kepada jangka hayat ini akan menyebabkan tahap kemiskinan akan bertambah ramai di negara kita. Ini kerana kalau kita tengok sebagai contoh pekerja-pekerja kilang kalau dia berpencen pada usia 55 tahun atau 60 tahun dan tempoh masa jangka hayatnya telah meningkat kepada 75 tahun atau 80 tahun. Jadi duit EPF yang simpanan dibuat itu tidak akan mencukupi untuk menanggung kehidupannya. Jadi pada masa itu dia mungkin akan menghadapi masalah kesihatan dan masalah-masalah lain. Jadi saya rasa akan timbul masalah kemiskinan di kalangan warga emas pada waktu tersebut.

Jadi saya ingin bertanya kepada Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, apa perancangan kementerian dalam memastikan warga-warga emas ini dapat hidup dengan harmoni dan aman tanpa melibatkan kos yang tinggi. Oleh sebab kita juga faham sekiranya mereka ini, jangka hayat yang panjang, kesannya juga kerajaan terpaksa memberi subsidi yang agak banyak kepada ubat-ubatan. Jadi kita kena pastikan bahawa perkara-perkara ini harus diambil kira sebagaimana yang dipraktikkan di negara-negara luar seperti di Jerman yang mempunyai insurans daripada awal agar pada usia sedemikian mereka ini dapat menanggung segala kos kesihatan tanpa memberikan masalah kepada kerajaan.

Seterusnya saya juga ingin bertanya kepada kementerian, berapa ramaikah daripada golongan pekerja kita yang mencarum dalam TPA? Oleh sebab saya difahamkan tidak ramai yang mencarum dalam simpanan TPA ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Pengangkutan. Baru-baru ini saya telah menaiki sebuah teksi dan saya telah mendengar rungutan seorang pemandu teksi yang mana dia menceritakan teksi itu bukanlah kepunyaan beliau. Dia hanya menyewa teksi itu pada kadar RM70 sehari. Kalau RM70 sehari, maknanya sebulan sewanya ialah RM2,100. Jadi kalau dia boleh membeli teksi sendiri, saya rasa bayaran ansuran tidak sampailah RM2,100. Bayaran ansuran mungkin hanya RM700 sahaja. Akan tetapi disebabkan permit itu dia tidak dapat, dia terpaksa menyewa permit orang lain maka dia terpaksa membelanjakan sejumlah RM2,100 untuk membayar sewa sahaja.

Jadi saya ingin bertanya kepada Kementerian Pengangkutan, bagaimanakah kita membuat penguatkuasaan untuk memastikan bahawa permit itu diberi betul-betul kepada kumpulan yang menjalankan perniagaan membawa teksi itu supaya ia tidak disalahgunakan? Itu masalah kita di mana kita ini kadang-kadang kita bagi permit pada orang yang menyewakan pada pihak-pihak lain. Jadi saya rasa ia tidak memenuhi sasaran kepada rakyat yang benar-benar yang membuat kerja itu tetapi tidak diberi permit.

Jadi kita mohonlah kepada kementerian sekiranya berlaku kejadian sebegini, permit-permit ini harus kita tarik balik dan kita bagi kepada orang yang betul-betul membuat ataupun bekerja membawa teksi supaya ia tidak disalahgunakan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai kenaikan harga tol. Walaupun disentuh oleh rakan-rakan yang lain tetapi saya ingin menyentuh dalam perspektif yang agak berbeza. Sebagaimana yang kita tahu dengan kos bebanan hidup yang agak tinggi sekarang ini, kenaikan tol itu amat memberi kesan kepada rakyat. Apa yang saya ingin memuji iaitu daripada Kerajaan Barisan Nasional sewaktu kita mentadbir Pulau Pinang itu, daripada dulu sudah 15 tahun, tol Jambatan Pulau Pinang tidak pernah naik. Jadi saya pun hairan kenapa tol Jambatan Pulau Pinang tidak naik tetapi tol tempat-tempat lain naik. Saya rasa sudah 15 tahun ke-20 tahun kadar tol itu tidak naik. Ia juga diselenggarakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Jadi mungkin Kementerian Pengangkutan harus mengkaji semula syarikat-syarikat konsesi yang ingin menaikkan kadar tol ini sama ada perlukah mereka ini dibincang balik, diberi perlanjutan tempoh agar kadar tol itu kalau boleh janganlah kita naikkan. Oleh sebab dengan keadaan masa sekarang, saya rasa kenaikan harga tol amat memberi kesan kepada rakyat. Jadi kajian semula harus dibuat. Jika perlu kita beri perlanjutan kepada syarikat konsesi agar harga tol itu tidak perlu kita naikkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengusulkan mengenai isu tanah wakaf. Untuk makluman semua, di Pulau Pinang kita mempunyai lebih 754 hektar tanah wakaf hanya di kawasan pulau dan juga beberapa di kawasan Seberang Perai. Jadi saya merasakan tanah-tanah wakaf ini daripada terbiar begitu sahaja, saya rasa eloklah sekiranya tanah ini dapat dibangunkan kerana pada masa ini dengan kadar harga rumah yang begitu tinggi di Pulau Pinang, rakyat Pulau Pinang amat terkesan dengan masalah perumahan.

Jadi kita mohon kepada Kerajaan Persekutuan sebab kita masih mengharapkan kerajaan negeri. Akan tetapi saya rasa belum lagi ada rumah yang dibina, masih merancang. Jadi mungkin Kerajaan Persekutuan boleh melihat keadaan ini dan pastikan atau mencari kaedah bagaimana tanah-tanah wakaf ini dapat dibangunkan. Seterusnya dibuat peruntukan rumah mampu milik atau rumah kos rendah dan diberi kepada kaum bumiputera khususnya agar kaum Melayu di Pulau Pinang tidak perlu berhijrah ke negeri luar atau negeri jiran disebabkan kos sara hidup dan juga bebanan perumahan yang amat ketara. Jadi saya mohon kepada kementerian, apakah perancangan mereka terhadap 754 hektar tanah wakaf di negeri Pulau Pinang?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai isu pembangunan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mana kalau kita tengok baru-baru ini di Pulau Pinang berlaku banjir kilat yang mana kapal terbang semua tidak boleh *landing* di Pulau Pinang, terpaksa, dengan izin, *divert* ke Langkawi disebabkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang banjir. Jadi apabila penyelidikan dibuat, kita dapati disebabkan oleh bukit-bukit, pembangunan, bukit digondolkan, pembangunan yang begitu drastik sekali telah menyebabkan mungkin sistem perparitan ataupun apa tetapi banjir kilat itu berlaku dan ramai yang terlibat. Sampai orang hendak pergi Pesta Pulau Pinang pun tidak boleh sebab nak kena angkat kain sebab air naik hingga ke tahap betis.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah boleh pihak kementerian turun ke padang, maknanya turun ke Pulau Pinang berbincang bersama dengan kerajaan negeri agar masalah ini dapat diatasi. Juga bukit-bukit yang digondolkan itu, apakah akta yang ada yang boleh diambil tindakan kerana pembangunan dibuat secara berleluasa? Baru dua hari sudah di Balik Pulau tanah runtuh yang mana sekiranya bayangkan Yang Berhormat semua, kalau tanah itu runtuh di kawasan perumahan, kesannya kepada rakyat sangat buruk.

Jadi perkara-perkara ini kita tidak boleh memandang remeh dengan keadaan cuaca di negara kita yang sangat berubah dari semasa ke semasa, kita tidak boleh menganggap benda itu enteng. Kita haruslah ambil berat.

Saya mohon kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, adakah ruang untuk mereka turun dan membuat penyelidikan di Pulau Pinang mengenai kebanyakan kawasan pembangunan yang melibatkan pemotongan kawasan bukit-bukit yang begitu ketara sekali.

Saya rasa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang akhir yang ingin saya utarakan mengenai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kalau kita lihat sekarang salah satu sebab kadar harga barangan semakin meningkat khususnya barangan asas disebabkan kadar pemonopolian terhadap sesebuah syarikat sahaja.

■1700

Jadi saya ambil contoh sebagai contoh barangan gula. Saya tidak tahu, AP gula yang diberi kepada syarikat-syarikat mana, berapa syarikat yang dapat AP ini. Jadi saya merasakan sekiranya kita memberikan AP kepada sebuah syarikat sahaja untuk mengimport gula maknanya syarikat itu akan mengimport dan menjual pada kadar harga yang dia suka sebab dia tidak ada perbandingan, tidak ada, dengan izin, *competition*. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian bagaimanakah pihak kementerian memberi AP-AP kepada barangan-barangan asas seperti gula, beras, tepung dan lain-lain.

Oleh sebab saya merasakan kita harus melihat daripada segi aspek perundangan sebagai contoh kalau kita tengok MAS, AirAsia dan Firefly. Kenapa MAS tiket MAS sangat tinggi tetapi bila datang Firefly dia boleh bagi kadar harga tambang yang sangat murah. Apabila ada *competition* itu, dengan izin ia akan menyebabkan kita mendapat rakyat mendapat manfaat. Jadi saya merasakan pada masa sekarang kita tidak boleh membiarkan hanya satu pihak sahaja memonopoli, mengimport barang ini. Jadi saya pohon penjelasan daripada kementerian bagaimanakah penawaran AP ini dibuat dan kepada siapa dibuat khususnya kepada barangan-barangan asas seperti gula, beras, tepung dan lain-lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja perbincangan yang ingin saya sentuh, dengan itu saya mohon menyokong. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Bagus Yang Berhormat bercakap dalam masa yang dihadkan dan juga banyak perkara yang telah dikemukakan. Sekarang tanpa membuang masa saya mempersilakan Datuk Seri Nallakaruppan, sepatutnya semalam berucap tetapi pagi tadi tidak ada. Sekarang saya bagi peluang.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

5.02 ptg.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Hari ini, hari mustahak pakai baju merah. Saya pergi tengok saya punya Presiden UMNO.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Seri Nalla, Nallarudin ke Nalla sahaja?... *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Nalla, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kawan-kawan yang Melayu panggil saya, Nallarudin.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Terima kasih. Belum saya mula dia orang sudah *start* kacau, Tuan Yang di-Pertua. Saya belum mula dia orang sudah kacau sama saya.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan peduli sama dia. Sekarang Yang Berhormat cakap sekarang.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Selamat petang, Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya berpantun, Tuan Yang di-Pertua.

*Bunga selasih dihinggapi tempua,
Tempua berhajat membuat sarang,
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua,
Dewan Negara kembali bersidang.*

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera, salam perpaduan, salam 1Malaysia. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang untuk perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2016. Pertama, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita sayangi juga selaku Menteri Kewangan kerana telah sekali lagi membentangkan bajet yang mengambil kira pandangan setiap perihal di dalam negara.

Dalam perbahasan kali ini saya ingin mengucapkan tentang beberapa isu seperti berikut. Tuan Yang di-Pertua, isu permasalahan di kawasan rawat dan rehat (R&R) di lebuhraya di seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya pergi ke Perak. Duta di London telefon saya dia cakap mak saya sudah meninggal. Saya pergi ke Ipoh, bila saya balik sudah pukul 10.30 malam. Saya berhenti dekat R&R di Lebuhraya Ipoh. Tempat itu yang tempatnya tidak ada tempat untuk orang hendak duduk, tidak ada tempat. Mahu pergi buang air banyak orang tunggu. Saya ingat dekat 20 orang tunggu di luar. Orang angkat anak-anak tunggu.

Akan tetapi R&R sana, mana-mana R&R seluruh negara kita di lebuhraya, semua R&R digunakan adalah 95 peratus orang Melayu, 5 peratus orang India dan orang Cina. Kalau ini seperti Hari Raya Puasa, apabila Hari Raya Puasa *start*, macam mana mereka boleh menggunakan tempat itu? Susah. Lebuhraya ini sudah *start*, saya ingat sudah dekat 20 tahun. 20 tahun R&R ini tidak ada *improve*, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian ini mesti mengambil tindakan terhadap R&R ini. Kalau tidak ada, nanti puasa, hari raya, mereka mahu buka puasa tidak ada tempat. Mana tempat mereka boleh buka puasa kalau mereka mahu balik kampung...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: *You* orang mahu cakaplah. Saya cakap ini hal. Apa terima kasih, *you* orang cakaplah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan kacau dia, Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Dia orang kacau, Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]* Bukan terima kasih salah, 95 peratus orang Islam menggunakan tempat itu, orang Muslim, 5 peratus orang bangsa lain. Saya hari itu tengok semua orang di dalam itu tempat, R&R majoriti orang Melayu, minoriti orang Cina sama India. Ini tidak ada *improvement* langsung tidak ada, dengan izin, *no improvement* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan kacau dia Yang Berhormat. Teruskan.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Beri saya cakap dahululah. Nanti kita pula. Tuan Yang di-Pertua, apabila Datuk Yahaya dia berucap, saya punya telinga pun sudah habis tau. Suara dia banyak besar, saya lain kali mahu tukar tempat, dia cakap. Itu sekarang *you*, Tuan Yang di-Pertua, cakap pun saya tidak boleh dengar *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, pagi ini saya pergi ke Perhimpunan UMNO- AGM, dengan izin, ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar ucapan Perdana Menteri kita. Semua pun ada Tun Dr. Mahathir ada, Tan Sri Muhyiddin ada, lain-lain semua ada, Tuan Yang di-Pertua. Tan Sri Muhyiddin sekarang dia bukan Timbalan Perdana Menteri tetapi dia duduk atas pentas, saya tengok saya suka dia duduk atas, kawan saya.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mahathir dia duduk sana saya tengok ramai orang panggil saya pergi salam dengan dia tetapi hati saya tidak pergi salam dengan dia. Fasal apa dia pergi ? Itu saya tidak suka. 22 tahun dia sudah jadi Perdana Menteri, *you* pergi sana berhenti, pakai baju *yellow color*, fasal itu saya buat baju ini, baju Melayu saya buat warna merah. Saya buat untuk AGM UMNO...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Dia tidak pakai baju merah. Saya pakai baju merah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tidak pakai baju merah juga, Yang Berhormat *[Ketawa]*

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Itu saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soal baju itu, Yang Berhormat agaknya hanya kepada Perwakilan mungkin. Tidak mengapa, *you* ambil *point* lain, Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Saya tidak boleh gulung. Akan tetapi saya tengok Tun Dr. Mahathir duduk sana, itu *paper* India dua hari semalam ada keluar, saya ada potong tetapi tidak tahu sama ada Yang Berhormat Shukur boleh baca tidak ini *paper* India... *[Menunjukkan keratan akhbar berkaitan]* Ini dia keluar semua rakyat Malaysia mahu angkat *go and paid people*. Kalau Najib ada jadi Perdana Menteri semua orang pergi setengah jalan, angkat sendirikah?. Macam mana dia boleh cakap ini dia anak dia jutawan, kita boleh tanya dia punya anaklah. Semua *paper* keluar ini. Ini orang macam mana dia pergi sana Presint 4 sekarang dia kemari duduk sana.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Mohon laluan, Yang Berhormat. Boleh?

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dua orang yang bangun, Yang Berhormat. Mana satu hendak bagi, Yang Berhormat?

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Tadi Yang Berhormat ada cakap dengan saya panggil saya bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua orang. Siapakah hendak bagi dahulu?

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Semua baju merah.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Semua baju merah tetapi tadi Yang Berhormat Norliza cakap saya makan *lobster* *[Ketawa]* Tadi saya makan udang kecil tetapi *you* dekat laut duduk di Penang, *you* makan *lobster*. Tidak apa saya bagi *you* cakap.

■1710

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Nalla. Saya amat tertarik dengan isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Datuk Seri Nalla tadi mengenai isu media massa. Jadi saya ingin bertanya, apa pandangan Yang Berhormat Datuk Seri, pada masa ini kita mempunyai banyak masalah dalam media sosial ini yang memberi impak dan perspektif yang agak negatif kepada rakyat.

Sebagai contoh, saya rasa Tuan Yang di-Pertua juga tahu belum kita bersidang membahaskan rang undang-undang tetapi kita sudah mendapat berbagai-bagai e-mel seolah-olah kita bersetuju untuk menolak rang undang-undang itu dan ini. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Datuk Seri, apa pendapat Yang Berhormat Datuk Seri, perlu kah kementerian lebih proaktif dan lebih tegas untuk mengambil tindakan kepada mereka yang menyalahgunakan media sosial ini? Terima kasih.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Yang Berhormat Norliza tanya soalan ini banyak baiklah. Saya suka. 22 tahun bila Tun Mahathir Perdana Menteri, tak ada media sosial. Sekarang kita Perdana Menteri 2009 dia *step*, seluruh negara, seluruh dunia, media sosial ini memang banyak.

Hari itu saya pergi ke mahkamah, saya punya kes sama sahabat bekas kawan saya, saya ingat semua orang tahulah, siapa bekas kawan. Ya? Anwar Ibrahim. Saya pergi ke mahkamah. Selepas saya balik rumah, belum balik rumah, saya tengok itu telefon orang sudah cakap, Datuk Nalla sudah selesai sama Anwar Ibrahim. Ini, ini sosial media.

Belum jadi dia orang sudah cakap, oh, sudah selesai. Dia dua-dua sudah kawan balik. Tak ada Tan Sri, apa pun tak dak tetapi itu sosial media sudah hantar, saya sudah salam sama dia, sudah selesai. Ini sosial media sekarang tengok, dulu bila 22 tahun Perdana Menteri Tun Mahathir, apa pun tak ada. Kita tahu, apa dia bikin pun kita tak tau, tak ada sosial media. Sekarang Perdana Menteri kita, dia duduk rumah, dia makan, apa dia makan pun dia orang sudah letak. Ini sosial media yang banyak susah untuk negara ini. Tengok China, dia orang negeri China, dia orang tak ada Facebook semua tak ada, dia orang tak ada. Kita sosial media yang banyak, paling banyak di negara kita. Ini pun kita mahu letak satu *booster* pula.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat hari ini Perdana Menteri ucap, UMNO ini dia orang ada satu buah kapal. Dia cakap bila kita ada pergi kapal laut, orang yang letak lubang di kapal, nanti kalau itu kapal jatuh, dia jatuh semua, semua UMNO jatuh, negara jatuh, orang India pun jatuhlah. Kalau dia jatuh, kita pun jatuhlah. Ini yang siapa dia cakap, siapa yang mahu cakap, mari bincang sama saya. Siapa-siapa pun boleh, mari bincang. Tun Mahathir boleh panggil dia pergi bercakap. Dulu-dulu saya sudah cakap, kalau *you* takut mahu pergi tengok dia, cakap saya, saya boleh angkat sama dia tengok kita punya Perdana Menteri. Dia tak ada. Itu hari dia pergi Presint 4, dia pergi duduk sama UMNO, Yang Berhormat Pekan sana duduk. Apakah dia? Talam dua muka kah ini? Ha, macam mana? Serupa itu *chameleon*lah. *Chameleon* tahu? *Chameleon*. *Chameleon* apa *you* cakap bahasa?... *Chameleon*.

Seorang Ahli: Biawak.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Eh, bukan biawaklah [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Sesumpah.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Sesumpah Tuan Yang di-Pertua, sesumpah. Serupa itu, dia pergi sana duduk. Dia boleh tukar. Sudahlah, sudah 90 umur lebih, duduklah diam-diam. Tak usah kacau orang. Dia baru 2009 dia naik Perdana Menteri. You sudah 22 tahun sudah duduk Perdana Menteri, kasi dia *chance*. Lagi 10 tahun kasi, satu tahun kasi tengok apa dia buat.

Dia yang orang rakyat Malaysia sekarang dia suka tengok hari ini, dia dengan semua orang tepuk tangan. Ini banyak suka sama Dato' Seri Najib. Kita kasi dia *chance*. Dia, ini betul-betul saya cakap, ini Dato' Seri Najib tak tahu cakap bohong. *He's a man of gentleman*, dia cakap *gentleman*. Dengan izin, saya cakap dia *gentleman*. Apa dia cakap, betul. Dia sudah cakap, ini 1MDB dia sudah cakap, ini pun sudah cakap. Arul Kanda sudah kasi *explain*. Tunggulah, tunggu sikit hari, tunggu lagi enam bulan. Tunggu baru sekarang, hari-hari ini wang RM2.6 *billion* sudah angkat. Siapakah angkat? Banyak orang, orang kasi *donation*, dia orang letak poket juga. Dia bukan angkat dia sendiri. Dia sudah cakap kasi *chance*. Kita ini hari sudah *explain*, semua orang diam. Tanyalah!

Bila Perdana Menteri kita, dia cakap tunggu kita *explain*, dia pun *explain*. Arul Kanda yang dia punya 1MDB punya itu, dia pun sudah *explain*. Tunggu sedikit hari. Tak usah cakap ini orang itu, dia mencuri itu wang itulah, inilah, macam-macam dia sudah terimalah. Akan tetapi ini orang banyak baik. dia boleh tahan semua, lagi boleh jawab rakyat dan negara kita ini, yang betul-betul Perdana Menteri.

Kalau dia tak ada Perdana Menteri kita, saya ingat susah negara ini...

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua beri laluan kah saya beri laluan? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi tak?

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Ada Tuan Yang di-Pertua, betul *[Ketawa]* Okey, boleh.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Datuk Seri Nalla, sebagai Presiden sebuah parti, adakah akan memberi sokongan penuh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tanpa berganjak? Itu soalan saya. Terima kasih.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Saya satu Parti Bersatu India Malaysia, saya yang Presiden. Saya mati-mati pun saya sokong Perdana Menteri saya, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak. Semua kaum India sekarang, MIC ada sini, MIC pun sekarang sudah banyak sokong. Dulu-dulu sikit tempat dia orang sudah kalah, sekarang sudah balik. MIC tak payah cakup MIC, orang India sekarang sudah dekat 95 peratus.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ha, boleh Yang Berhormat?

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Bolehlah, MIC saya sudah cakup MIC, sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Seri Nalla, pendek sangat. Saya hendak tanya, apa pendapat Yang Berhormat Datuk Seri, adakah ini kita ada banyak Perdana Menteri yang telah memerintah negara ini, adakah sesiapa yang memberi begitu banyak bantuan dalam masa yang singkat seperti Dato' Seri Najib khususnya kepada orang India?

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Terima kasih Yang Berhormat. Bantuan untuk India, untuk kaum Melayu, kaum Cina. Saya sudah tengok semua Perdana Menteri, saya ingat *you* belum beranak, saya sudah tengok Tunku Abdul Rahman. Betul, betul, ini bukan main-main. Semua Perdana Menteri saya sudah tengok.

Tunku Abdul Rahman duduk di Subang Airport, *the old airport*. Dia duduk dalam kereta, dia mahu cari api. Saya berhenti sana, dia panggil. Saya pergi tanya, boleh, "*Ada api?*" dia tanya. Dia ada rokok, Lucky Strike, dia ada rokok, dia tanya itu. Saya cakap, tak usah hisaplah. *I told him* dengan izin, *don't smoke*. Dia sampai sekarang punya Perdana Menteri. Dato' Seri Najib yang paling banyak sudah beri kaum India *[Tepuk]* Betul atau tak ada?

Beberapa Ahli: Betul.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Ha, so kita ini Perdana Menteri - sekarang MIC sudah 90 peratus sudah bawa India. Kita, saya sebagai Presiden, kita akan tolong. Siapa, saya tidak ada kira siapa, siapa yang sokong Barisan Nasional, kita ada sana.

Di Teluk Intan, saya duduk lapan hari. Lapan hari di Teluk Intan, apakah hotel ada? Adakah *Five Star*, adakah *Six Star*? Pergi duduk dekat dua *star* punya hotel. Lapan hari saya duduk, itu Menteri pun dia tahu. Saya duduk sana, saya telefon Tuan Yang di-Pertua, saya cakap saya tak boleh datang Dewan, saya ada di Teluk Intan. Semua India sudah sekarang sokong. Sekarang bila-bila kalau, Pilihan Raya Umum Ke-14, kita India pun sokong Barisan Nasional. Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta laluan sedikit boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Orang belakang Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Oh, belakang. Okeylah.

Seorang Ahli: Belakang jaga.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Yang Berhormat Datuk Seri Nalla. Saya tertarik dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Seri Nalla bahawasanya PRU akan datang, orang India semua boleh sokong. Betul?

■1720

Akan tetapi, malang sekali malang sekali pada PRU Ke-13 tempoh hari, Parlimen Batu contohnya, daripada 16,000 orang pengundi India, yang keluar mengundi hanya 10,000, yang sokong Barisan Nasional hanya 38 peratus daripada 10,000. Nampaknya Yang Berhormat Datuk Seri Nalla kena bertanding di Parlimen Batulah. Bagi orang India semua sokong. So, saya hendak mohon apa pandangan Yang Berhormat Datuk Seri Nalla?

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yahaya. Ketua bahagian cakap. *You* boleh bagi kah tempat itu kepada saya? Kawasan Batu... *[Disampuk]* Kalau *you* boleh bagi, saya boleh bertanding. Saya menang balik tempat itu untuk Barisan Nasional. MIC mesti sokong saya. Mana boleh tidak ada sokong. Bolehkah Yang Berhormat Datuk Yahaya?

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Boleh.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: *You* sokonglah. Sokong. *You* tulis surat kepada Perdana Menteri. Tulis surat kepada Perdana Menteri cakap Datuk Nalla mahu bertanding. Saya ingat tahun 2017, saya punya *Senate* pun habis. Dengan izin, *very nice timing for me to stand. Thank you.* Tuan Yang di-Pertua, tidak ada. Tidak ada suruh itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua duduk di sana tengok berapa orang kacau saya? Dia mahu, dia mahu, dia mahu. Sana dua orang mahu. Semua orang mahu, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ada dua minit. Mana boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa, okey. Sekarang saya bagi lebih sedikit. Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: *You must be fair with me,* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat selepas ini kalau boleh jangan kacau. Teruskan, Yang Berhormat. Teruskan.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Bukan mereka kacau. Mereka pun tanya hal mustahak, Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan riuh]* Kawasan Batu sekarang, bukan kita punya tempat, Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Itu PKR, Tuan Yang di-Pertua. Kita mahu dapatkan balik tempat itu. Itu banyak mustahak untuk Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Kurangkan politik, Yang Berhormat. Ya, ya boleh.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Ini bukan politik, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Barisan Nasional tidak ada, Tuan Yang di-Pertua tidak ada duduk sana, saya tidak ada sini, Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Bajet, bajet.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Kalau saya tidak ada cakap politik.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Betul, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya cakap satu, saya mahu tanya Tuan Yang di-Pertua. Pengerusi jawatankuasa pengerusi-pengerusi itu, mengenai rasuah Parlimen Malaysia. Saya mohon agar Tuan Yang di-Pertua dapat aturkan sebuah majlis atau taklimat oleh SPRM untuk semua Ahli-ahli Dewan Negara. Tuan Yang di-Pertua boleh sokong ini, boleh *arrange* ini Tuan Yang di-Pertua? Bukan di Kuala Lumpur, Tuan Yang di-Pertua. Tempat lain Tuan Yang di-Pertua, Langkawi kah atau di mana-mana. Kalau di sini mereka tidak datang, Tuan Yang di-Pertua. Mereka lari.

Tuan Yang di-Pertua: Jawabnya Yang Berhormat, boleh.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Boleh?... [*Dewan riuh*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Mana tempat, Tuan Yang di-Pertua? Nanti kasi tahu kita.

Seorang Ahli: Datuk Seri Nalla belanja.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Bukan, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya tidak ada belanja. Kita punya Perdana Menteri pun boleh bagi itu.

Tuan Yang di-Pertua: Semua. Semua Ahli Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Semua Ahli Yang Berhormat. Semua.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan Negara.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Pakatan, Barisan Nasional, MIC kah. Semua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, semalam bila mereka bincang, 290,000 orang Bangladesh sekarang ada di sini. Dekat 300,000 orang. Mereka mahu bawa lagi *1.5 million*, dengan izin. Mahu bawa. Kalau dibawa macam itu, sudah dekat India, sudah serupa, Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Ini bukan ketawa. Ini betul. Ini sudah mahu dekat dua juta, Tuan Yang di-Pertua. Kalau macam itu, boleh lawan dengan kita. Nanti kerajaan mahu kasi susah sama India kah? Ini pun saya mahu tahu. Kementerian perlu jawab pada saya hal ini. Kementerian mahu bawa. Dia sudah kasi lulus *1.5 million*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat menyokong atau tidak?

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tidak ada sokong, Tuan Yang di-Pertua. Mana boleh kita sokong ini. Dia orang mahu lawan sama India. Kita sudah ada sini dua *million*. Kalau dia sudah sampai sini orang Bangladesh, dia pun sudah dua *million*, macam mana?

Tuan Yang di-Pertua: *You* cadangkan apa yang Yang Berhormat fikir kepada kementerian yang berkenaan?

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Kementerian, tidak boleh luluskan ini. Tidak usah bagi lulus. Kalau mahu ambil dari negara lain, dari Indonesia boleh, dari Sri Lanka boleh ambil, lain-lain tempat tetapi ambillah sikit-sikit. Tidak usah bawa semua, sebuah negara dia. Satu kali dibawa dari Bangladesh, nanti Bangladesh sekarang pergi sana dekat Segambut, itu kedai kopi, semua Bangladesh. Ini hari satu harga, esok satu harga. Hari-hari harga mereka naik. Ini pun kerajaan perlu kontrol.

Seorang Ahli: Marah kah?

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Bukan marah, ini kasi taulah [*Ketawa*] Harga itu Tuan Yang di-Pertua, itu hari saya pergi beli satu barang, dia cakap RM9. Hari itu saya punya soalan saya ada tanya. Tuan Yang di-Pertua, boleh kasi saya lebih 20 minit, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bolehlah lebih 20 minit, Yang Berhormat. Yang Berhormat, selepas ini jangan tanya. Dia sudah hendak habis itu. Satu sahaja.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Sikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Nalla. Saya hanya ingin menyokong penuh saranan Yang Berhormat Datuk Seri Nalla. Kita tidak seharusnya memberi pelepasan untuk warga Bangladesh masuk begitu ramai sebab ia memberi kesan khusus di Pulau Pinang. Kita ada ramai mamak, kita ada India.

Jadi kalau masuk pula Bangladesh, saya ingat kalau di Pulau Pinang tidak tahu yang mana seorang bumiputera, yang mana satu orang mamak, dan yang mana satu India. Jadi, saya rasa saya sokong saranan Yang Berhormat Datuk Seri Nalla dan saya mohon pandangan Yang Berhormat Datuk Seri juga. Terima kasih.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Hari ini Yang Berhormat Datuk Norliza banyak sokong sayalah. Banyak baik. Terima kasih Yang Berhormat. Ini nasib baik KIMA tidak ada sini. *You* cakap ada mamak [*Ketawa*] *You* cakap mamak, dia tidak ada sini. Sekarang dia mahu jadi Bumiputera. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya cakap tentang isu Bangladesh ini?

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ringkaskan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini tidak boleh tanya soalan, *you* boleh dengar. Betul?... [*Disampuk*] Tidak ada, tidak ada. Tuan Yang di-Pertua, saya seorang bangun, semua orang kacau sama saya. Tuan Yang di-Pertua diam, tengok sahaja. Kasi tahu sama mereka. Tidak usah kacau saya, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya ingat pun sudah lupa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, sudah. Cukup Yang Berhormat. Ahli lain jangan kacau. *Last* tajuk, Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Saya sudah lupa semua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sudah lupa, berhenti Yang Berhormat [*Ketawa*]

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Nanti.

Seorang Ahli: Pasal Bangladesh. Sambung semula.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Bangladesh. Ya. Ini Bangladesh, Tuan Yang di-Pertua, sekarang mereka buka kedai di banyak tempat. Kedai kopi, kedai runcit, banyak... [*Disampuk*] Banyak. Jadi hari-hari kita pergi tengok mereka. Bila mereka mahu pergi sekolah, pagi-pagi tengok Tuan Yang di-Pertua, di Segambut, ada 200 hingga 300 orang berhenti mahu hantar anak-anak pergi sekolah. Jadi tengok macam ini kita pun sudah takut mahu pergi dekat mereka. Banyak orang sekarang. Mereka jahat, mereka kacau perempuan Melayu di sini. Banyak. Sekarang sudah banyak. Banyak orang. Ditengok, dia sikit putih sama kitalah, India.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Yang Berhormat, boleh tanya sikit?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat. Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Tidak, cuma hairan kenapa hari-hari pergi Segambut? Rumah siapa di Segambut?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat menyebut lagi, dia akan *react*, Yang Berhormat. Cukup, cukup.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Hari-hari saya pergi Segambut. Saya punya pejabat di Segambut. Parti punya *office*. *You* tidak ada pergi Segambut kah? Tidak ada lalu kah Segambut? Tuan Yang di-Pertua, mereka ada sana, di tempat itu. Kedai mereka ada sana. Dia punya anak semua mahu pergi sekolah tengok bas banyak. Akan tetapi anak-anak semua sudah pergi sekolah, itu sudah kahwin punya orang, dia kacau perempuan. Hari itu saya tanya apa pasal *you* pergi kacau orang ini? Dia lari pergi. Perempuan Melayu itu lari. Mereka pergi kacau. Itu macam banyak sekarang.

Banyak mereka kahwin. Sudah kahwin, selepas itu dia balik Bangladesh, pun ada banyak berlaku. Siapakah boleh cakap di sini? Tidak ada? Ada banyak macam itu.

Kita tengok ini negara, apakah sudah mahu jadi? Orang mahu bawa, dua *million* orang mahu bawa dari sebuah negara. Bawalah dari lain-lain negara, di negara pun ada. Bawa sikit, sikit. Tidak usah bawa dari sebuah tempat. Kalau bawa dari sebuah tempat, orang bangsa lain pun susah. Minoriti orang susah. Saya tidak ada sokong ini, bawa orang dari negara lain. Satu kali bawa, dua *million*, tiga *million* punya, saya tidak ada sokong. Saya tidak mahu sokong.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya, Datuk Seri Nallakaruppan mohon menyokong. Okeylah, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua tidak ada tengok saya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Saya ingat dia mahu beri lagi sepuluh minit kah, 20 minit mahu cakap. Saya boleh cakap.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Bagiam. Saya rasa sudah lama menunggu dari pagi tadi.

■1730

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, teruskan Yang Berhormat.

5.31 ptg.

Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal: Salam sejahtera dan salam 1malaysia, *vanakam*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Vanakam*.

Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 yang disampaikan oleh Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang mencadangkan jumlah peruntukan sebanyak RM267.2 bilion, baru-baru ini. Tahniah dan syabas kepada Kerajaan Malaysia yang berjaya mentadbir negara dengan cerdik tanpa memilih kaum, bangsa dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita atas pengumuman yang dibuat bagi menyumbang USD1 juta akibat musibah banjir kilat yang melanda Chennai di India yang paling teruk dalam sejarah.

Saya ingin menyentuh beberapa isu dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan ini dengan memulakan mengenai kesejahteraan kehidupan rakyat seperti mana tema bagi belanjawan ini. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkhidmatan kesihatan, kita sedar bahawa banyak penyakit kronik seperti kencing manis, gout, sakit jantung, darah tinggi dan pelbagai penyakit kini dilihat meningkat akibat gaya hidup yang tidak begitu sihat. Adakah kementerian mempunyai data mengenai semua penyakit yang kronik seperti ini yang boleh menjejaskan keharmonian penduduk negara ini.

Pada masa akan datang, apa tindakan kerajaan mengenai masalah ini dan apakah bantuan yang diberikan kepada rakyat yang kurang mampu dalam menjalani rawatan seperti diabetes dan sakit jantung yang memerlukan pembedahan. Saya ingin tahu berapakah jumlah mesin dialisis yang disediakan oleh kerajaan untuk pesakit-pesakit ini dan adakah mesin ini mencukupi dan memenuhi permintaan.

Saya juga ingin tahu, berapakah jumlah pesakit HIV sehingga kini dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi mengelakkan penyakit ini terus meningkat. Adakah usaha yang telah diambil selama ini gagal untuk membendung atau melahirkan kesedaran mengenai penyakit ini yang masih tidak mempunyai ubat yang benar-benar dapat mengubati penyakit ini.

Satu lagi isu adalah mengenai Lembaga Pelawat Hospital. Adakah lembaga ini masih wujud dan apakah komposisi ahli lembaganya serta setakat ini berapakah jumlah hospital yang mempunyai lembaga pelawat dan adakah Lembaga Pelawat ini harus ditubuhkan di hospital swasta. Saya juga ingin tahu senarai Ahli Lembaga Pelawat di Hospital Besar Kuala Lumpur, Hospital Besar Tunku Ampuan Rahimah, Klang dan Pusat Perubatan Hospital Universiti Malaya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana satu jumlah dana disediakan bagi membantu belia-belia India melalui SEDIC dan pada masa yang sama, saya juga ingin menyarankan agar kerajaan dapat memberikan lebih ruang untuk belia India dengan menyediakan saluran-saluran bantuan kewangan bagi memulakan perniagaan atau meningkatkan kemahiran melalui pendidikan vokasional atau di IPTA.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengenai bantuan kepada ibu tunggal dan warga miskin serta OKU. Saya sering berucap mengenai perkara ini dan banyak saranan yang telah dikemukakan. Saya dapati bukan semua cadangan yang dikatakan akan dipertimbangkan tidak langsung dilihat kembali. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya kepada Kementerian apakah kadar bantuan bagi ibu tunggal dan warga emas telah dinaikkan selaras dengan pembangunan ekonomi yang pesat di bandar mahupun luar bandar. Saya telah mencadangkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini bahawa garis panduan untuk menilai sebuah keluarga itu layak menerima bantuan dilihat kembali.

Apakah perkara ini telah diteliti? Apakah Kementerian benar-benar ikhlas untuk menyampaikan bantuan sedemikian? Jika benar, saya berpendapat bahawa garis panduan serta syarat-syarat kelulusan harus dipinda mengikut peredaran masa dan perkembangan ekonomi persekitaran. Saya ingin tahu apakah bantuan untuk OKU dan warga emas bagi penggunaan pengangkutan awam dikekalkan. Walaupun harga tambang telah dinaikkan bagi menampung kos yang meningkat, saya sarankan agar Kementerian dapat memantau dan menyediakan kemudahan-kemudahan kepada warga emas dan OKU agar mereka ini tidak dibebani dengan kos pengangkutan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang masalah yang dihadapi oleh kaum hawa iaitu barah payudara. Dalam 10,300 kes kematian akibat penyakit barah, 24.5 peratus adalah daripada barah payudara. Jadi saya rasa sudah tiba masanya untuk kita melihat secara serius bagaimana kita hendak membantu orang perempuan untuk menghadapi masalah kanser ini terutamanya kanser payudara. Jadi kalau pembedahan payudara itu selama ini hanya dilihat daripada segi kosmetik tetapi sekarang sudah tiba masanya untuk membuat polisi-polisi atau dasar yang lebih komprehensif agar apabila mereka yang menghidap penyakit ini dimasukkan ke dalam kategori pembedahan biasa dan bukan lagi sebagai pembedahan kosmetik di semua hospital kerajaan.

Seterusnya kepada pihak Kementerian juga, saya ingin bertanya mengenai Program Pengarah Wanita ataupun *Woman Directors Program*, dengan izin. Program yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kritikal untuk melaksanakan peranan sebagai ahli lembaga pengarah. Program ini sudah diwujudkan tetapi tidak nampak hasil keberkesanan di peringkat akar umbi. Jadi saya hendak bertanya kepada pihak Kementerian, jumlah sebenarnya yang terkini wanita ini yang telah dilatih dalam program ini mengikut kaum dan daripada jumlah yang telah dilantik berapakah jumlah *placement*, dengan izin, Ahli Lembaga Pengarah wanita ini terutamanya yang diletakkan di dalam syarikat-syarikat tersenarai awam ataupun *public listed companies* di Bursa Saham.

■1740

Daripada jumlah yang tersebut, beberapa jumlah *placement* wanita yang di *private limited company* ini sebagai pengerusi ataupun sebagai *chairman*? Saya hendak bertanya juga kepada pihak kementerian, sejauh manakah keberkesanan program ini sejak ia diperkenalkan di dalam tahun 2012? Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet ini satu peruntukan sebanyak RM500 juta diberikan kepada sekolah SK Cina, SJK Tamil, sekolah berasrama penuh, sekolah agama bantuan kerajaan, MRSM, sekolah menengah kebangsaan Cina. Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada kerajaan yang sentiasa mengutamakan pendidikan anak-anak kita. Kita sedar bahawa anak-anak inilah yang akan menjadi tulang belakang negara pada masa hadapan.

Saya ingin tahu daripada jumlah ini, berapakah jumlah diagihkan kepada sekolah Tamil? Saya telah melawat beberapa buah sekolah di seluruh negara dan mendapati sebilangan sekolah Tamil memerlukan bantuan dengan segera. Kemudahan-kemudahan asas seperti tandas dan juga kantin berada dalam keadaan amat teruk. Saya pohon Kementerian Pelajaran dapat mempercepatkan saluran bantuan ini disampaikan dengan kadar segera bagi menyediakan suasana pelajar-pelajar yang selesa dan selamat. Saya juga ingin tahu berapakah jumlah kekosongan guru sekolah Tamil yang ada sehingga kini? Apakah rancangan kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan guru dan apakah kekangan yang dihadapi oleh kementerian bagi memenuhi kekosongan guru di sekolah Tamil di seluruh negara?

Akhir sekali, saya ingin mendapatkan maklumat pelajar-pelajar India yang terlibat dalam kancah jenayah. Seluruh negara sehingga kini sejak lima tahun lalu, berapakah jumlah kes juvana yang telah didaftarkan kes ke atas pelajar-pelajar ini? Apakah usaha kerajaan dalam menangani gejala ini? Setakat mana penglibatan NGO atau badan-badan lain dalam membentuk kembali pelajar-pelajar yang bermasalah ini agar mereka tidak terpesong pada masa akan datang? Berikan jumlah kes juvana mengikut umur, jantina dan kaum serta kategori kesalahan mereka. Apakah kementerian mempunyai sistem pemantauan setelah pelajar-pelajar ini dihukum? Apakah peratus kesalahan juvana ini kembali melibatkan diri dalam kancah jenayah? Apa mekanisme yang diguna pakai dalam memantau serta membimbing belia-belia ini, terutama selepas hukuman? Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2016 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Zali bin Mat Yasin. Silakan Yang Berhormat.

5.44 ptg.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah pun memberi peluang kepada saya untuk membahaskan ucapan Bajet 2016. Pertama sekali, saya minta maaf kerana saya pergi solat tadi.

Saya bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain turut merakamkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan I atas kejayaan membentangkan Bajet 2016 yang berhemah dan pragmatik ini. Sebagai sebuah parti yang bertanggungjawab, Barisan Nasional telah menggalas tugas mentadbir dan menguruskan negara dengan cekap dan berkesan selama rekod pentadbiran 58 tahun adalah sebagai bukti dan pencapaian.

Pada tahun 2014, manakala kemenangan 13 kali dalam PRU merupakan referendum rakyat yang tidak boleh dipertikaikan lagi. Walau apa pun yang diperkatakan oleh rakan-rakan minoriti bahawa kerajaan hari ini tetap dipilih oleh rakyat. Kerajaan yang ada tidak pernah lupa untuk memastikan rakyat berada dalam keadaan yang selesa dan mereka akan dibantu dari semasa ke semasa.

Kita boleh ukur bahawa kemajuan negara adalah berdasarkan kemakmuran dan keamanan. Banyak parameter yang perlu diberikan perhatian untuk mencapai tahap kejayaan yang lebih baik dan lebih tinggi.

Namun, keamanan dan kemakmuran merupakan yang terpenting. Kita akui bahawa dalam Bajet 2016, kerajaan tidaklah sempurna (*perfect*) tetapi berdasarkan a *basket of indicator*, jelas bahawa keamanan dan kemakmuran telah berjaya. Kejayaan Kerajaan Barisan Nasional sempurnakan dan rakyat telah pun menikmati hasil usaha tersebut. Pertumbuhan GDP Malaysia mencatatkan pertumbuhan 5.3 peratus dan kadar pengangguran kita, kita terus menikmati guna tenaga penuh bertahun-tahun. Manakala, lebih banyak negara yang bergelut dengan masalah pengangguran tetapi kita masih lagi berada dalam keadaan zon yang baik.

Kadar kemiskinan di negara, ia amat rendah atau hampir sifar iaitu hanya 0.6 peratus. Sedangkan banyak negara terus dicengkam kemiskinan seperti Amerika 15 peratus, China 36 peratus, Indonesia 50 peratus dan juga India. Berkenaan dengan kadar inflasi, kita masih lagi di tahap sederhana iaitu 3.1 peratus. Berbanding dengan negara-negara lain melebihi 5 peratus seperti Mesir, Venezuela dan juga India. Berdasarkan keamanan, kita berdasarkan *Global Peace Index*, Malaysia masih lagi di kedudukan nombor 28. Daripada segi kebahagiaan, berdasarkan *World Happiness Index*, kedudukan Malaysia di nombor 61 di Asia dan kemakmuran berdasarkan *Legatum Prosperity Index*, kedudukan Malaysia nombor 45.

Jadi, kita melihat bahawa keseimbangan bajet ini wajar dilihat daripada segi pendapatan kerajaan yakni sumbangan rakyat berbanding perbelanjaan iaitu kehendak rakyat. Suasana ekonomi global dan suasana ekonomi dalam negeri, keseimbangan antara kepentingan individu dan kepentingan negara serta pertumbuhan mapan yang turut mengambil kira tuntutan jangka pendek, sederhana dan panjang, diharapkan cadangan dan kritikan mengambil kira tuntutan yang kadangkala berkonflik ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan hujah saya berkenaan dengan kemakmuran ekonomi tadi berdasarkan kepada kehendak orang muda di negara kita. Kita sedia maklum bahawa jumlah orang muda di negara kita hampir 50 peratus dan kebanyakan daripada mereka hari ini menghadapi masalah tentang kos sara hidup yang tinggi. Kita tidak dapat nafikan bahawa ramai di kalangan Yang Berhormat Senator kita membahaskan perkara yang berkaitan dengan kos hidup yang tinggi.

Perkara ini dihadapi oleh anak muda kita, remaja yang berusia kadar 40 tahun ke bawah yang mana kos sara hidup mereka yang tinggi ini terpaksa mereka hadapi, terutama apabila mereka tidak mempunyai peluang pekerjaan. Ini kita sedia maklum bahawa hari ini penjawat awam di negara kita hampir 1.6 juta. Kita juga tahu bahawa kerajaan tidak dapat menyediakan peluang pekerjaan, khususnya dalam sektor kerajaan kepada anak-anak muda ini. Kita juga menghadapi masalah daripada segi sektor swasta untuk mengambil mereka bekerja dan akhirnya, anak muda ini kebanyakannya terpaksa menganggur.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana kerajaan begitu cenderung untuk meningkatkan TVET iaitu kemahiran vokasional kepada anak-anak muda kita. Supaya mereka mempunyai kemahiran yang tinggi dan apabila selesai belajar nanti, mereka boleh memiliki pekerjaan sendiri.

■1750

Inilah yang perlu kita ingat bahawa mereka ini perlu dibantu dan kita tidak boleh membiarkan mereka begitu sahaja. Kalau kita lihat hari ini, seperti yang rakan kita kata tadi, sistem pengangkutan yang mahal, penggunaan tiket yang meningkat mengakibatkan mereka yang kebanyakan terdiri daripada pelajar dan mahasiswa- kita mengharapkan supaya kerajaan prihatin, memberikan mereka diskaun yang membolehkan mereka menggunakan pengangkutan awam.

Kalau kita lihat di universiti hari ini juga, contohnya di Universiti Pendidikan Sultan Idris, kebanyakan graduan yang keluar, mereka tidak mempunyai pekerjaan terus sebagai seorang pendidik. Mereka terpaksa menunggu dan dipanggil untuk di *interview* sebelum mereka boleh pergi ke sekolah dan mendidik serta mengajar seperti biasa. Jadi, inilah luahan hati anak muda kita hari ini supaya mereka tidak dikategorikan sebagai kumpulan yang menjadi mangsa kepada keadaan negara dan juga ekonomi kita.

Sudahlah peluang pekerjaan hari ini diambil oleh pekerja-pekerja asing seperti yang kita bahaskan bahawa ramainya pekerja-pekerja dari Indonesia, Myanmar, Nepal, Vietnam dan sebagainya yang ada di negara kita. Kesannya ramai di kalangan anak-anak muda kita dan rakyat kita yang tidak dapat pekerjaan tersebut. Contohnya di sektor perladangan, dipenuhi oleh pekerja-pekerja dari Indonesia, begitu juga dengan sektor pembangunan. Kemudian sektor perkilangan hari ini kita lihat ramai pekerja tersebut diisi oleh pekerja-pekerja dari Bangladesh, Vietnam dan sebagainya. Jadi kita mengharapkan supaya kerajaan boleh mengambil berat perkara ini agar kita dapat mengurangkan pekerja-pekerja asing dan kita melatih anak-anak muda belia kita supaya mereka boleh mengisi ruang-ruang pekerjaan ini.

Kita mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana kerajaan telah pun mengumumkan bahawa kadar gaji rendah bagi sektor swasta dinaikkan daripada RM900 kepada RM1,000 di Semenanjung, kemudian RM800 ke RM920 di Sabah, Sarawak dan Labuan. Bagi penjawat awam, gaji minimum RM1,200. Jadi kita mengharapkan supaya gaji ini bukanlah gaji yang minimum tetapi diharapkan pihak swasta dapat memberi elaun yang lebih atau gaji yang lebih kepada anak-anak muda dan juga pekerja kita supaya mereka boleh terus menikmati gaji yang tinggi dan mereka boleh menyerap kos sara hidup di negara kita ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai perkara soal keselamatan di negara kita. Kita memuji apabila Malaysia selaku Pengerusi ASEAN baru-baru ini ketengahkan isu berkenaan dengan isu Laut China Selatan yang mana kalau kita lihat Laut China Selatan hari ini, ia menjadi medan kepada negara-negara kuasa besar untuk mereka menunjukkan kekuatan. Sebenarnya di sebalik itu mereka ingin menguasai kawasan Laut China Selatan khususnya di Perairan Spratly yang kaya dengan gas dan petroleum. Kita lihat mereka mempunyai niat pada masa hadapan, untuk menguasai kawasan ini.

Kita melihat ketegasan kerajaan dalam mengekalkan kawasan tersebut sebagai kawasan yang makmur ataupun aman, kita amat bersetuju, kerana kita tidak mahu kawasan tersebut suatu hari nanti akan tergedai ataupun mereka yang menguasainya. Kita khawatir kuasa-kuasa besar ini akan bertindak sesuka hati dan akan menyebabkan kita mungkin tidak bersedia dan akhirnya kita akan terlepas wilayah kita.

Kita tidak nafikan bahawa keselamatan negara adalah amat penting. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari baru-baru ini mengatakan bahawa dalam kita membicarakan mengenai soal kemajuan negara, soal perpaduan dan sebagainya tetapi soal keselamatan soal paling penting sebenarnya yang perlu kita beri perhatian. Ini kerana sejarah telah membuktikan bahawa kalau kita lemah, kita akan dijajah. Contoh, negeri Melaka pernah dijajah hampir 446 tahun. Kita merdeka hari ini baru berusia 58 tahun. Dalam usia 58 tahun, negara kita pun sudah mula mendapat ancaman daripada IS dan sebagainya.

Saya ingin menyentuh tentang soal keselamatan kerana saya ingin bertanya Kementerian Pertahanan, apakah aset persenjataan negara kita hari ini mampu untuk mencegah ancaman luar negara sekiranya berlaku apa-apa? Contohnya, negara kita memiliki jet pejuang Sukhoi MKM-32 daripada Soviet ataupun Rusia yang dibeli. Adakah aset ketenteraan kita, jet pejuang itu masih lagi boleh digunakan? Begitu juga dengan jet pejuang yang dibeli daripada Amerika, F-18 Hornet, Hawk dan sebagainya, adakah ia berfungsi dengan baik? Sekiranya berlaku ancaman keselamatan, adakah aset ini boleh digunakan? Begitu juga dengan kereta kebal kita. Kita ada Kereta Kebal Adnan dan sebagainya, adakah ia berfungsi? Kita ada persenjataan peluru berpandu dan sebagainya, adakah ia berfungsi dengan sepenuhnya?

Saya berada di kawasan Parlimen Tangga Batu. Kawasan itu mempunyai kem tentera, Kem Tentera Terendak dan Kem Gerak Khas. Apa yang saya dapat maklumat daripada pihak tentera di sana bahawa sehinggakan lori ataupun jentera tidak mencukupi untuk digunakan oleh anggota tentera di sana. Kedua, mereka menyatakan bahawa daripada segi kediaman anggota tentera juga tidak cukup untuk mereka guna ataupun mereka tinggal bersama keluarga mereka.

Jadi di sini kita tidak mahu perkara-perkara soal keselamatan ini boleh mengganggu gugat kita. Dalam soal kita cerita mengenai soal keamanan, soal kemakmuran, soal media sosial dan sebagainya, kita terlupa tentang soal keselamatan. Jadi saya memohon supaya pihak kementerian dapat memberikan jawapan adakah persenjataan keselamatan negara kita hari ini boleh kita lindungi sekiranya berlaku segala ancaman kepada kita.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap mengenai soal Melaka. Saya ucap terima kasih kepada Timbalan Menteri KPKT yang masih dari pagi sehingga petang ini, Yang Berhormat Datuk Halimah Sadique, berada di Dewan. Di Melaka, seperti yang saya maklumkan pada sesi yang lepas, di Melaka di Sungai Udang, kita ada sebuah pusat pelupusan sampah.

Saya pernah bertanya Dewan apakah tindakan pihak KPKT untuk mengatasi masalah bau busuk sampah yang ada yang sehingga hari ini perkara tersebut masih belum lagi selesai. Di DUN Sungai Udang kita mempunyai pengundi hampir lebih kurang 15,000 orang, 10,000 orang anggota tentera, di situ ada Penjara Sungai Udang dan apa yang menyedihkan ialah sehingga hari ini bau busuk tersebut mengganggu keharmonian penduduk yang tinggal di situ. Kalau dulu, perkara ini tidak berlaku tetapi hari ini kalau kita pergi ke Sungai Udang, kita akan rasa tidak selesa tinggal di situ. Mungkin dalam setengah jam, satu jam kita mungkin akan bergerak pergi ke tempat lain.

Jadi saya berharap pihak kementerian- saya ucap terima kasih kerana Menteri pernah turun, Yang Berhormat Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan pernah melawat bersama Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Akan tetapi apa yang berlaku ialah perkara tersebut masih lagi berterusan dan kita tidak mahu ia boleh menjejaskan sokongan rakyat kepada parti yang ada pada hari ini khususnya di DUN Sungai Udang dengan isu yang tidak selesai.

Seterusnya saya begitu tertarik dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini apabila negeri Melaka sebenarnya telah pun mengadakan ataupun menandatangani perjanjian MoU dengan Kerajaan China khususnya Wilayah Guangdong yang telah pun ditandatangani di Melaka yang membolehkan pelaburan terus langsung ke Melaka hampir RM20 bilion.

■1800

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada empat minit lagi Yang Berhormat ya.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita di Melaka juga ada pembangunan *gateway* yang pelaburannya dijangka hampir RM40 bilion. Kemajuan negeri Melaka begitu pesat dan Melaka juga merupakan negeri yang terkenal dengan jolokan sebagai negeri pelancongan. Secara tidak langsung melawat Melaka bererti melawat Malaysia.

Saya ingin menarik perhatian, mungkin rakan saya dari Melaka boleh juga memperjuangkan isu ini. Pertama ialah isu lebuh raya pesisir pantai dari Masjid Tanah ke Sungai Udang, dari Sungai Udang ke Jambatan Syed Abdul Aziz. Kita ingin tanya dalam bajet ini dinyatakan bahawa Kerajaan Pusat akan menyemak adakah projek ini akan dilaksanakan ataupun tidak. Maksudnya dalam kajian, proses kajian.

Begitu juga dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Batu Berendam. Kalau kita lihat dalam bajet ini ia menyatakan masih lagi dalam proses perancangan ataupun kajian untuk menambah baik Lapangan Terbang Antarabangsa Batu Berendam. Saya memohon agar Kerajaan Pusat dapat menyatakan bila, dan berapa banyak jumlah bajet yang hendak diberi untuk tujuan ini? Jalan lebuh raya pesisir pantai dan juga Lapangan Terbang Antarabangsa Batu Berendam. Bilakah projek ini hendak dimulakan?

ia menjadi tanda tanya kepada rakyat negeri Melaka khususnya terutama apabila hujung minggu kita dapati bahawa berlakunya *traffic jam*, sesak dan sebagainya, sedangkan sepatutnya Melaka hari ini menjadi sebuah tempat dan destinasi pelancongan yang menarik dan dilawati. Rakyat suka, pelancong pun suka. Jadi kita mengharapkan supaya Kerajaan Pusat dapat melihat semula perkara ini.

Sebagai rakyat terutama dalam membahaskan bajet ini, saya ucap terima kasih kepada kerajaan kerana telah pun membentangkan Bajet 2016. Saya yakin dan percaya bahawa tidak ada seorang pun pemimpin ataupun mana parti yang memerintah sesebuah negara ingin menyusahkan rakyatnya. Akan tetapi yakin dan percayalah mungkin apa yang kerajaan buat hari ini dengan GST dan sebagainya pada hemat saya bahawa ia akan memberi kebaikan kepada negara pada suatu hari nanti. Kita cuma minta supaya rakyat dapat bersabar dan kerajaan mempunyai rancangan untuk pemulihan ekonomi. Kita yakin bahawa perkara ini boleh berlaku. Jadi dengan ini saya menyokong Bajet 2016. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Koh Chin Han. Silakan Yang Berhormat.

6.03 ptg.

Datuk Koh Chin Han: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Bajet 2016 ini. Tuan Yang di-Pertua, pembentangan belanjawan tahunan negara di Parlimen sentiasa mendapat tumpuan dan pandangan pelbagai lapisan masyarakat. Walaupun begitu belanjawan untuk tahun 2016 dilihat berbeza dengan belanjawan tahun-tahun yang lepas kerana faktor-faktor seperti berikut.

Pertamanya, Bajet 2016 ini dilihat sebagai usaha kerajaan untuk memperkukuhkan asas ekonomi negara dengan bersikap lebih hemah dalam perbelanjaan. Ini penting memandangkan negara kita kini menghadapi kelembapan dan ketidaktentuan ekonomi global yang agak mencabar.

Keduaanya, kejatuhan harga minyak dan nilai mata wang ringgit telah memberi impak inflasi kepada negara kita. Dengan itu Bajet 2016 diharapkan oleh pelbagai industri agar insentif yang lebih luas diberikan bagi membantu mengurangkan bebanan kos yang semakin tinggi.

Ketiganya, Bajet 2016 merupakan belanjawan pertama bagi merealisasikan matlamat di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibentangkan pada 21 Mei 2015 agar sasaran yang ditetapkan dalam Wawasan 2020 tercapai iaitu anjakan yang paradigma ekonomi negara dengan menumpukan kepada perkembangan potensi sektor seperti perkhidmatan dan pelancongan.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, tumpuan perbahasan saya bagi Bajet 2016 ialah memberi penekanan kepada beberapa perkara di bawah sektor pelancongan. Perkara seperti peruntukan dan insentif kepada sektor pelancongan memperlihatkan akan membawa kesan positif. Perkara keselamatan dalam negeri dan perairan negara perlu dipertingkatkan usahanya agar pelancong yang datang ke negara kita merasa selamat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan merujuk kepada Bajet 2016 peruntukan yang telah diberi kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan adalah sebanyak RM1.2 bilion dengan menyasarkan seramai 30.5 juta orang pelancong yang akan menyumbang sebanyak RM103 bilion. Demi memastikan sasaran tersebut dicapai, penyaluran lain juga penting bagi memastikan sektor pelancongan kita terus membangun terutamanya untuk menarik minat lebih ramai pelancong asing untuk datang melawat ke negara kita.

Penyaluran lain tersebut adalah seperti berikut. Pertamanya, permohonan visa secara talian ataupun, dengan izin, *online application*. *Online application* ini diperkenalkan kepada pelancong-pelancong dari China, India, Myanmar, Nepal, Sri Lanka, Amerika Syarikat dan Kanada. Pengenalan sistem e-Visa adalah selaras dengan keperluan negara bagi menampung jumlah dan kemasukan pelancong yang semakin tinggi dalam jangka masa depan. Ini juga dapat mencerminkan status negara maju pada tahun 2020.

Sistem tersebut akan dapat mempertingkatkan lagi kawalan Imigresen yang lebih efektif. Proses permohonan yang lebih cepat dan tersusun serta dapat mengurangkan kos pentadbiran Imigresen. Cadangan e-Visa ini merupakan satu pengumuman yang positif untuk mempertingkatkan industri pelancongan keseluruhan. Selain daripada itu terdapat juga *visa free* yang disebut-sebut sebelum ini yang sudah sejak 12 bulan yang lalu sehingga kini masih menerima jalan buntu kerana sampai sekarang masih tidak dapat melaksanakan *visa free* untuk pelancong China. Maka di sini saya ingin mengambil peluang untuk bertanya kepada kementerian apakah sebenarnya yang telah berlaku ke atas cadangan *visa free* ke atas pelancong China? Bilakah cadangan ini dapat dilaksanakan?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai perangsang kepada sektor pelancongan dan mempertimbangkan kelembapan nilai mata wang ringgit, langkah melanjutkan pengecualian cukai pendapatan kepada pengusaha pelancongan mampu memperlihatkan sebagai satu pengiktirafan oleh kerajaan terhadap kepentingan industri pelancongan. Pengecualian cukai pendapatan sedia ada sebanyak 100 peratus daripada pendapatan berkanun diberikan kepada pengusaha pelancongan dilanjutkan mulai tahun taksiran 2016 sehingga taksiran 2018.

Langkah ini dilihat sebagai sokongan agresif daripada kerajaan untuk industri pelancongan agar lebih berdaya saing dengan negara ASEAN yang lain yang juga menjadi destinasi pilihan pelancong. Selain itu jumlah pengecualian cukai pendapatan yang diberikan oleh kerajaan kepada industri pelancongan dapat dilaburkan semula ke dalam aspek seperti aktiviti promosi produk dan perkhidmatan tempatan agar seiring dengan keperluan pasaran pelancongan kini serta pembangunan produk dan perkhidmatan baru yang menarik lebih ramai pelancong asing dan tempatan untuk melawat ke negara kita.

■1810

Namun, langkah pengecualian cukai pendapatan bagi industri pelancongan sebenarnya dihadkan dengan kondisi tersebut sebagai yang dinyatakan dalam Lampiran 23 Bajet 2016. Pengecualian tersebut hanya layak diberikan kepada syarikat pengusaha pelancongan yang mengendalikan pakej pelancongan dalam Malaysia yang mengendalikan tidak kurang daripada 1,500 orang pelancong tempatan dan juga syarikat pengusaha pelancong yang mengendalikan pakej pelancongan ke Malaysia yang membawa masuk tidak kurang daripada 7,500 orang pelancong asing setahun.

Di sini, saya ingin mengemukakan soalan tambahan kepada kementerian, adakah terdapat pengecualian cukai atau insentif lain yang akan diberikan kepada pengusaha pelancongan yang tidak menepati kedua-dua kondisi tersebut? Ini adalah kerana pengusaha industri pelancongan yang berskala kecil dan sederhana juga dilihat berpotensi untuk dikembangkan. Mereka juga mampu menyumbang kepada sumber pendapatan negara dan meningkatkan peluang pekerjaan kepada golongan muda.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diketahui umum, Sabah dan Sarawak merupakan lokasi destinasi yang terkenal bagi pelancong akibat pemilikan kekayaan flora dan fauna. Dengan itu, bagi memaksimumkan tarikan dan potensi tersebut seperti di Sabah, peruntukan telah diberikan bagi mewujudkan akademi pelancongan. Peruntukan sebanyak RM80 juta disalurkan ke Sabah untuk penubuhan akademi pelancongan di Kolej Komuniti Kota Kinabalu bersama kolej di Sarawak. Objektifnya adalah untuk melatih dan memberi pendedahan operator dan pihak yang terlibat dengan institusi pelancongan di Sabah serta melengkapkan mereka dengan kemahiran baru dan pengetahuan. Ini juga menggalakkan mereka memperkukuhkan lagi operasi mereka yang sedia ada dan memperluaskan bidang perniagaan dan peluang baru yang terdapat dalam institusi pelancongan.

Prestasi sektor pelancongan masih menunjukkan peningkatan yang positif, tetapi lembap. Ini adalah jelas apabila statistik Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia menyatakan bahawa ketibaan pelancong asing dari tahun 2013 sehingga ke tahun 2014 menunjukkan peningkatan 6.7 peratus.

Namun dengan berlakunya beberapa insiden yang tidak diingini seperti tragedi MH370, MH17, QZ8501, begitu juga dengan kejadian terbaru iaitu penculikan dan keselamatan perairan di Sabah dan gempa bumi, ketibaan pelancong asing ke Malaysia telah berkurangan. Ini jelas apabila ketibaan pelancong asing ke Malaysia dari tahun 2014 hingga ke tahun 2015 mengalami kejatuhan 6.4 peratus.

Dengan itu, Bajet 2016 merupakan peruntukan yang penting bagi mengembalikan keyakinan pelancong asing ke Malaysia dengan mempertingkatkan aspek keselamatan dan perlindungan di dalam negara serta perairan Malaysia. Ini adalah jelas dengan usaha berikut iaitu memperuntukkan sejumlah RM523 juta diperuntukkan untuk pembangunan kem tentera dan ESSCOM di Felde Sahabat Lahad Datu, Sabah. Selain itu, peruntukan RM155 juta untuk pembinaan dua buah Ibu Pejabat Polis Daerah ataupun IPD baru iaitu di Lawas, Sarawak dan Kota Kinabalu Sabah. Peruntukan RM60 juta untuk program ramalan dan amalan banjir negara serta membangunkan sub pusat gempa bumi dan tsunami nasional di Sabah.

Di sini saya ingin mengemukakan sokongan saya kepada peruntukan yang diberikan. Pada masa yang sama, saya juga ingin menyarankan kepada kerajaan agar lebih berwaspada dan mengetatkan pemeriksaan terhadap pelarian Syria yang bakal ditempatkan di Malaysia. Kalau boleh, saya mohon kepada Perdana Menteri agar mengkaji semula cadangan untuk membawa masuk 3000 orang pelarian Syrian ke Malaysia. Ini adalah untuk memastikan pelarian tersebut yang bakal diterima tidak akan melakukan keganasan seperti mana yang telah berlaku di Paris. Sebarang kejadian keganasan yang tidak diingini pastinya akan mengakibatkan kesan yang buruk kepada keselamatan negara, terutamanya ke atas sektor pelancongan yang sudah pastinya akan terjejas buruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini juga ingin menyentuh tentang pembangunan di negeri Melaka. Dengan merujuk kepada perbahasan saya pada sesi yang lepas, sebagai perwakilan dari negeri Melaka, Kerajaan Negeri Melaka telah memohon dua projek agar diberi keutamaan oleh Kerajaan Pusat seperti yang disebutkan oleh rakan seperjuangan saya, Yang Berhormat Datuk Zali tadi. Kita sedia maklum, Melaka merupakan sebuah negeri yang kecil dengan kekurangan sumber asli. Maka itu, sektor pelancongan memainkan peranan yang begitu penting untuk negeri Melaka. Setiap tahun, kita berjaya menarik lebih kurang 16 juta orang pelancong untuk melawat ke negeri Melaka dan menyumbang lebih daripada RM10 *billion* untuk Kerajaan Pusat. Dua projek yang dipandang agak penting untuk negeri Melaka yang turut disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Datuk Zali, iaitu projek menaik taraf bina jalan empat buah lorong persisiran pantai dan juga projek pelebaran landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka.

Mengikut Bajet 2016, saya berasa kecewa sedikit kerana Kerajaan Pusat masih dalam peringkat mempertimbangkan, mengkaji pembinaan lebuh raya persisiran pantai Masjid Tanah ke Klebang dan ke Jambatan Syed Abdul Aziz di Melaka. Saya ingin meminta penerangan yang khusus daripada Kerajaan Pusat iaitu sejauh manakah sokongan kerajaan untuk membiayai projek ini, termasuk kos pembinaannya dan bilakah projek tersebut akan dimulakan pembinaannya, sedangkan projek tersebut telah diluluskan kerajaan sekian lama. Begitu juga saya ingin bertanya, sekiranya siap dibina, adakah Kerajaan Pusat akan mengenakan bayaran tol dan berapakah cagaran tol tersebut?

Projek kedua yang diminta ialah menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka. Dalam Bajet 2016 juga, peruntukan RM40 *million* lebih dan LTAM (Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka) cuma dalam peringkat mengkaji...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada 4 minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Koh Chin Han: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kedua-dua projek yang dipandang merupakan projek yang penting untuk membantu mempertingkatkan prestasi sektor pelancongan di Melaka. Kedua-duanya dalam peringkat mengkaji. Maka, saya di sini ingin menegaskan bahawa kedua-dua projek tersebut amat penting kepada pembangunan negeri Melaka, terutamanya kerana negeri Melaka banyak bergantung pada sektor pelancongan. Sektor pelancongan di negeri Melaka banyak menyumbang kepada pendapatan Kerajaan Pusat. Maka wajarlah, banyaknya sumbang kepada pendapatan Kerajaan Pusat, Kerajaan Pusat juga kenalah menyumbang kepada pembangunan infrastruktur termasuk sektor pengangkutan di negeri Melaka.

■1820

Selain itu, kegemilangan dan keunikan sejarah negeri Melaka akan dikembalikan dengan menjadikan Melaka sebagai pusat bersejarah untuk sektor pelancongan dan pusat perdagangan yang utama seperti juga yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Zali bin Mat Yasin tadi, Melaka telah menandatangani MoU dengan wilayah Guangdong dan banyak peluang perdagangan, perniagaan, pelancongan yang bersedia untuk masuk ke negeri Melaka. Maka Melaka memerlukan infrastruktur sistem pengangkutan yang lebih berkesan dan efisien untuk menarik lebih ramai pelancong dan pelabur datang ke Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat cukuplah untuk hujah-hujah di atas. Saya berharap bahawa cadangan dan pandangan serta soalan yang diutarakan itu dapat diberikan perhatian oleh Kerajaan Pusat serta untuk penambahbaikan kepada mekanisme yang sedia ada di dalam Bajet 2016. Akhir kata, saya dengan ini menyokong penuh Bajet 2016. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Silakan, Yang Berhormat.

6.21 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Bismillahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua untuk saya ikut serta dalam sesi perbincangan Bajet yang telah dibentangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23 Oktober lepas.

Bajet yang bersifat menyeluruh ini disifatkan oleh banyak pihak berada pada landasan yang betul untuk memacu pertumbuhan ekonomi menuju negara maju pada tahun 2020. Bahawa 80 peratus daripada bajet diperuntukkan kepada kesejahteraan rakyat dan hanya 20 peratus sahaja kepada pembangunan lain seperti infrastruktur merupakan pendekatan seimbang untuk menjana pendapatan negara dan membela ekonomi rakyat.

Inilah amanah yang dipikul oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang disandarkan kepada perintah Allah sebagai mana yang disebutkan pada awal ucapan beliau daripada surah An-Nisa ayat 58... [*Membaca sepotong ayat suci Al-Quran*] "*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya yang berhak menerimanya apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, Allah menyuruh kamu menghukum dengan adil*".

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut beberapa perkara, pertamanya usaha kerajaan yang berterusan dalam memperkasakan sektor pendidikan rendah dan menengah. Ini termasuklah memartabatkan Bahasa Malaysia dan memperkukuhkan bahasa Inggeris. Bahasa Malaysia wajar diangkat martabatnya sebagai sifatnya sebuah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Adalah malang bagi sebuah negara yang merdeka tetapi bahasanya tidak berdaulat. Masih ada rakyat dalam negara ini yang bertaraf pemimpin tetapi tidak mahu bercakap dalam bahasa negaranya sendiri di Dewan Rakyat.

Dalam hal ini, saya juga mencadangkan supaya kerajaan mengkaji dengan teliti program dwibahasa yang akan dilaksanakan nanti di sekolah-sekolah yang dipilih. Mengikut program ini mata pelajaran tertentu khususnya Matematik dan Sains diajar dalam bahasa Inggeris macam PPSMI dahulu. Akan tetapi PPSMI dihapuskan pada tahun 2012.

Diharapkan biarlah pelaksanaan nanti tidak menjejaskan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi. Dicadangkan supaya kerajaan mengambil kira pandangan tokoh-tokoh akademik, NGO, dan pakar-pakar bahasa. Kita kadang-kadang mudah terpukau dengan pesona bahasa Inggeris sehingga meminggirkan bahasa sendiri. Oleh sebab itu, sehingga kini walaupun setengah abad kita merdeka masih tidak terlepas daripada polemik bahasa.

Perkara kedua yang ingin saya sebut mengenai GST. Sebelum dan pada mulanya dikuatkuasakan dulu. GST telah difitnah, ditohmah sebagai satu sistem percukaian yang amat membebankan rakyat. Akan tetapi dengan keyakinan bahawa GST boleh menjana pendapatan negara, maka kerajaan tetap laksana walaupun tidak popular di kalangan rakyat.

Alhamdulillah, dalam bajet kali ini GST mampu menidakkan dusta-dusta lepas apabila dilaporkan kutipannya dijangka mencecah RM27 bilion bagi tahun 2015. Hasil GST inilah antara penyumbang kepada pendapatan negara dalam suasana ekonomi negara sedikit muram apabila kejatuhan harga minyak dan nilai Ringgit Malaysia. Akhirnya rakyat dan negara yang mendapat untung dan manfaat daripada GST, yang hak dan benar melenyapkan palsu dan batil.

Ayat Al-Quran ada menyebut... [*Membaca sepotong ayat suci Al-Quran*] "Demikianlah Allah membuat perumpamaan tentang perkara yang benar dan yang salah, adapun buih itu maka akan hilang lenyaplah ia hanyut terbuang manakala benda-benda yang berfaedah kepada manusia tetap akan tinggal di bumi".

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik untuk menyebut istilah baru yang digunakan oleh Menteri Pendidikan iaitu guru berduka lara. Istilah ini merujuk kepada golongan guru yang bertugas atau tinggal berjauhan dengan pasangan masing-masing yang kini dilaporkan berjumlah 30,000 orang. Keadaan ini bukan sahaja mengurangkan produktiviti dan menjejaskan prestasi guru berkenaan tetapi juga institusi keluarga bagi pasangan yang mempunyai anak, masa terhad untuk bersama keluarga.

Saya pernah menjadi guru besar. Masalah guru-guru ini memang bermasalah Tuan Yang di-Pertua, kalau berjauhan dengan suami. Suami di Sarawak, isteri di Kelantan misalnya. Saya selalu menghadapi masalah guru-guru di bawah saya yang berjauhan dengan suami isteri. Masalah ini sudah lama timbul sejak berpuluh-puluh tahun dahulu dan berlarutan hingga sekarang. Seolah-olah menjadi masalah yang sudah dilupakan di kalangan masyarakat guru.

Alhamdulillah, kini syukur masalah ini telah mendapat perhatian khusus daripada Menteri Pendidikan yang baru. Ramai yang ingin mengetahui sejauh manakah status dan perkembangan jawatankuasa yang telah diarah oleh Yang Berhormat Menteri mengkaji kaedah dan mekanisme untuk menangani masalah ini.

Saya juga ingin menyentuh mengenai isu banjir khususnya di negeri saya di negeri Kelantan. Saya pernah sebut masalah ini dalam sesi Dewan yang lepas. Masalah penempatan semula rumah kekal di kalangan mangsa-mangsa banjir tahun lepas belum lagi selesai sepenuhnya. Ada lagi mangsa-mangsa banjir yang masih tinggal di penempatan sementara atau rumah-rumah transit.

Ini terutama bagi mangsa-mangsa banjir yang tidak memiliki tanah sendiri untuk dibina rumah baru. Walaupun kos pembinaannya ditanggung oleh Kerajaan Pusat ataupun agensi-agensi lain, tetapi tapak yang disediakan oleh kerajaan negeri tidak sesuai, misalnya berbukit dan bercerun. Ada pula satu kes misalnya berlaku Kampung Berangan Mek Nab dalam Parlimen saya di Machang. Di situ telah diluluskan satu projek rumah untuk mangsa banjir sejumlah 42 buah rumah.

■1830

Projek ini sudah dirasmikan tapaknya oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri. Akan tetapi sehingga kini, sehingga hari ini hampir setahun, jumlah rumah yang dibina hanya 10 buah sahaja. Daripada 10 buah yang siap dibina, hanya enam buah baru diduduki kerana masalah bekalan air. Saya ingin bertanya, apakah masalah yang dihadapi sehingga projek ini tergendala dan kini tidak ada langsung tanda-tanda untuk disambung semula pembinaannya? Orang Kelantan kata Tuan Yang di-Pertua, banjir nak mari pulak doh, rumah tidak tahu dekat mana. Tidak selesai sehingga hari ini.

Dalam isu banjir ini juga, selain daripada kadar hujan yang lebat dilaporkan berpunca daripada aktiviti pembalakan dan penggunaan tanah yang tidak terkawal. Di Hulu Kelantan misalnya, isu ini pernah menjadi persoalan utama yang dibangkitkan oleh kalangan pengguna media.

Malah turut menjadi perhatian Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Sultan Muhammad Keempat yang turut meminta masyarakat lebih menumpukan kepada soal penjagaan alam semula jadi dan kerajaan negeri lebih proaktif dalam menanganinya. Kita patut ambil pengajaran dan perlu kembali bersahabat dengan alam dan mengakui bahawa bencana yang berlaku sebahagiannya berpunca daripada tangan manusia.

Oleh itu Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2014 siri tiga mencadangkan supaya PTG Kelantan merampas tanah yang diberi milik kepada pengusaha ladang di Tanah Tinggi Lojing Gua Musang kerana mengingkari syarat yang ditetapkan. Manakala Majlis Daerah Gua Musang pula diminta mengambil tindakan mahkamah terhadap pengusaha pertanian yang ingkar. Ini kerana hasil pengauditan yang dijalankan antara Jun hingga September 2014 mendapati aktiviti pembangunan tanah tinggi dan kesannya kepada alam sekitar amat tidak memuaskan.

Soalannya, sejauh manakah pihak yang bertanggungjawab telah mengambil tindakan terhadap saranan yang diperakukan oleh Ketua Audit Negara ini? Sekian, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Bajet 2016.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dayang Madinah. Silakan Yang Berhormat.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

6.33 ptg.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam 1Malaysia dan salam perpaduan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kebenaran yang diberi kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Bajet 2016.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan Kerajaan Barisan Nasional kerana berjaya merancang hingga terbentangnya Bajet 2016 ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyifatkan Bajet 2016 sebagai bajet yang mencabar berbanding pembentangan sebelum ini berikutan keadaan semasa ekonomi dunia termasuk penurunan harga minyak.

Tuan Yang di-Pertua, kami rakyat Sarawak menyambut baik Bajet 2016 dan kami sifatkan Bajet 2016 ini yang menyeluruh, inklusif dan mengambil kira denyut nadi rakyat di semua peringkat khususnya yang tinggal di luar bandar dan pedalaman negeri Sarawak. Peruntukan sejumlah RM29.2 bilion untuk negeri Sarawak pasti memberi manfaat kepada rakyat Sarawak yang berbilang kaum dan suku-suku kaum, selain untuk membangunkan kawasan luar bandar dan pedalaman. Namun bagi negeri Sarawak yang keluasanya hampir sama seluruh semenanjung, selain faktor ia masih ketinggalan dalam serba-serbi pembangunan, maka jumlah tersebut masih tidak mencukupi lagi.

Jurang pembangunan antara Semenanjung dengan Sarawak dan antara bandar dengan luar bandar dan pedalaman memang memerlukan peruntukan yang lebih banyak lagi. Ini kerana kita perlu memastikan segala kemudahan asas dapat dilaksanakan dan dinikmati oleh penduduk dalam waktu terdekat, jika kita ingin muncul sebagai negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Jika kita serius ingin mengubah kehidupan rakyat dan menjadi negara maju dengan menyediakan pelbagai kemudahan, pastikanlah kemudahan yang bermutu tinggi dan rakyat pula berpuas hati. Kita perlu menerima hakikat bahawa disebabkan perancangan yang lemah dan pelaksanaan projek yang tidak mengikut piawaian menyebabkan berlakunya kemudahan yang cepat rosak. Malah diburukkan lagi dengan budaya penyenggaraan yang lemah.

Sehubungan dengan itu, pihak berwajib perlu pantau pelaksanaan projek pembangunan dengan teliti dan ambil tindakan tegas terhadap mana-mana syarikat yang membuat kerja sambil lewa. Kita tidak harus amal budaya “asal siap” kerana yang menanggung akibatnya ialah penduduk terbabit yang memerlukan bantuan daripada pihak kerajaan.

Bagi rakyat negeri Sarawak terutamanya yang tinggal di luar bandar dan pedalaman, perkara yang menarik dan dinanti-nantikan ialah peruntukan sejumlah RM260 juta untuk Sarawak dan juga Sabah bagi tujuan menyelaraskan harga barang keperluan asas yang terpilih melalui inisiatif program 1Harga 1Sarawak. Selama ini warga luar bandar dan pedalaman Sarawak sentiasa dibebani oleh harga barangan keperluan asas yang terlalu mahal, yang disebabkan sistem pengangkutan yang kurang baik dan lokasi jauh dari bandar.

Dalam pada itu, inisiatif tersebut tidak akan mencapai matlamatnya jika penguatkuasaan oleh agensi berkenaan tidak tegas dalam memerangi sesetengah golongan peruncit atau pembekal yang menjadi pengkhianat kepada usaha pihak kerajaan untuk menyejahterakan rakyat. Kami berharap agar kementerian berkenaan mengambil maklum kekhuatiran rakyat luar bandar dan pedalaman negeri Sarawak dalam perkara berkenaan.

■1840

Peruntukkan RM70 juta bagi pinjaman tanpa faedah untuk tujuan membina rumah panjang dengan had pinjaman RM50,000 setiap unit di rumah panjang melegakan penduduk yang terbabit. Di sini, saya ingin cadangkan kepada pihak kerajaan supaya peruntukkan sedemikian sepatutnya dipanjangkan juga bagi rumah-rumah di perkampungan luar bandar dan persisiran Sarawak di mana terdapat keadaan rumah-rumah penduduk peribumi di sana yang daif. Saya berharap cadangan saya ini dapat dipertimbangkan mungkin untuk bajet tahun 2017, nanti, bagi membantu penduduk luar bandar yang juga mempunyai hasrat serupa dengan penduduk di bandar untuk memiliki rumah sendiri yang lengkap dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi strategi diambil kerajaan Barisan Nasional untuk meringankan beban penduduk luar bandar dan pedalaman negeri Sarawak yang dianggap amat tepat dan wajar ialah pengecualian GST ke atas tiket penerbangan domestik kelas ekonomi bagi laluan *Rural Air Services*, dengan izin. Setidak-tidaknya, pengecualian tersebut dapat meringankan kos kerana pengangkutan udara domestik bukan kemewahan tetapi keperluan asas. Apatah lagi perjalanan dari sebuah tempat ke sebuah tempat lain memakan masa terutama bagi penduduk pedalaman Sarawak.

Rakyat Sarawak menerima baik pendekatan-pendekatan lain atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan Barisan Nasional bagi meringankan kos sara hidup rakyat dan mengutamakan kebajikan rakyat dengan memperkenalkan gaji minimum penjawat awam, pencen minimum dan penambahan BR1M yang secara keseluruhannya akan merancakkan ekonomi negara. Ini bermakna rakyat mendapat imbuhan untuk berbelanja dan memberi implikasi positif kepada ekonomi negara. Sudah pastinya dengan imbuhan-imbuhan tersebut, pihak kerajaan menaruh harapan agar penjawat awam terus komited untuk meningkatkan produktiviti.

Dalam usaha membantu golongan usahawan Bumiputera dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), kerajaan telah memperkenalkan insentif serta dana bagi golongan tersebut dalam Bajet 2016. Memandangkan wanita terutama golongan ibu tunggal juga ada menjalankan perniagaan mahupun mereka yang ingin mencebur diri dalam bidang keusahawanan, kita berharap mereka akan merebut peluang yang disediakan itu, dalam usaha meningkatkan ekonomi dan pendapatan keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam persediaan menuju status sebuah negara maju berpendapatan tinggi, kerajaan dengan sokongan padu dan kerjasama rakyat perlu memberi fokus dan keprihatinan lebih serius dalam memastikan keselamatan serta keamanan negara, perpaduan serta keharmonian rakyat berbilang kaum serta agama dan kestabilan politik negara terus dipelihara dan diperkasakan yang menjadi kunci kejayaan

kepada bidang-bidang utama seperti pendidikan, ekonomi, sosial dan pembangunan negara secara holistik.

Peruntukkan sejumlah RM31.2 bilion dalam Bajet 2016, bagi meningkatkan tahap keselamatan dan ketenteraman awam serta pertahanan negara adalah amat wajar dan dialu-alukan. Ia dapat memperkemas lagi peranan serta tanggungjawab angkatan keselamatan negara selain untuk mempelbagaikan dan mempertingkatkan aset serta kelengkapan pertahanan yang lebih moden dan tercanggih.

Faktor perpaduan amat-amat penting dan perlu diperkukuhkan. Setiap warga Malaysia bertanggungjawab dan berperanan dalam menjaga kepentingan semua kaum selain mengelak daripada menyentuh sensitiviti sesuatu kaum. Semua itu, merupakan resipi untuk mengekalkan perpaduan nasional. Dalam usaha, memperkukuhkan semangat perpaduan perlu disemaikan juga semangat patriotik bermula dari rumah.

Dengan bertemakan, "Mensejahterakan Rakyat...", secara amnya Bajet 2016 mengagumkan. Akan tetapi, perlu beri perhatian serius terhadap pengurusan dan pelaksanaan peruntukkan supaya rakyat benar-benar mendapat mememanfaatnya.

Tuan Yang di-Pertua dengan kata-kata itu saya mohon menyokong Bajet 2016. Sekian, Terima kasih. *Wabillahi taufik wal hidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebagaimana yang telah kita putuskan sebentar tadi hari ini bahawa hari ini terakhir kepada Ahli Yang Berhormat berbahas dan kita saya minta kalau boleh, Yang Berhormat Senator sudah berucap itu pun kalau boleh jangan tinggalkan dewan kerana sebab-sebab tertentu yang saya harap yang masih maklum dan kedudukan dewan dan sebagainya.

Saya sendiri telah pun bagi ruang untuk Yang Berhormat Senator pergi menghadiri urusan di situ, di sini tetapi kalau boleh yang setakat ini jangan meninggalkan dewan tanpa kelulusan saya. Saya dapati ada juga yang tidak ada kena mengena dengan persidangan hal apa-apa pun tidak ada juga dalam Dewan. Kenapakah jadi begini? Saya tidak mahu menggunakan kuasa saya, tetapi disiplin, saya selalu tekankan. Jangan ada terlalu peluang yang kadangkala lupa dengan tanggungjawab kepada dewan ini. Sekarang, tanpa membuat masa saya menjemput Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Selepas itu, ini berapa orang lagi ini? kita kena selesaikan malam ini. Beri kerjasama dalam tempoh 20 minit, setiap seorang.

6.49 ptg.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan Bajet 2016 yang bertemakan 'Mensejahterakan Kehidupan Rakyat' yang merupakan bajet yang paling penting kerana merupakan bajet ulung dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

■1850

Ditambah pula dengan faktor ekonomi semasa dunia serta kejatuhan harga minyak dan kemerosotan nilai mata wang dan ia merupakan cabaran utama kepada kerajaan dalam menyediakan bajet pada tahun ini.

Namun begitu, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan yang telah berjaya menyediakan bajet yang begitu komprehensif dan menyeluruh untuk memastikan pembangunan negara secara mampan yang pastinya dengan matlamat yang jelas untuk kesejahteraan kehidupan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dengan berita baik kepada pembayar-pembayar cukai individu. Oleh sebab dalam bajet kali ini,

kerajaan telah memberikan pelepasan cukai anak di bawah umur 18 tahun dinaikkan dari RM1,000 kepada RM2,000, ini sangat dialu-alukan. Maknanya, jika seorang keluarga mempunyai anak seramai empat orang, mereka mendapat pelepasan cukai sebanyak RM8,000. Itu amat bermakna sekali dengan kos kehidupan yang semakin meningkat pada masa ini Tuan Yang di-Pertua.

Ini termasuklah kos pembelian buku-buku serta pakaian sekolah, terutamanya kos tuisyen, bayaran bas sekolah dan lain-lain keperluan. Dengan pelepasan ini, maka ini dapat mengurangkan beban keluarga tersebut. Di samping itu, kerajaan juga begitu memahami rakyat dengan mengurangkan cukai kepada individu yang menjaga ibu bapa. Justeru, ibu bapa merupakan orang yang terpenting dalam membina sesebuah keluarga. Di sini saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan dapat juga memberikan pelepasan sebanyak RM10,000 setahun untuk suami yang mana isterinya tidak bekerja. Maknanya, isteri berkorban untuk suaminya walaupun berkelulusan tinggi tetapi berkorban untuk keluarga, dia tidak bekerja, yang ini kita memerlukan pelepasan RM10,000. Dalam keadaan sekiranya sesebuah keluarga itu terpaksa menanggung perbelanjaan yang tinggi bagi nurseri atau pembantu rumah dan si isteri berhasrat untuk berhenti kerja bagi menumpukan perhatian kepada keluarga, maka tindakan memberikan pelepasan cukai kepada suami ini amat wajar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan isu TPPA. Teks berkaitan dengan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang mengandungi 30 bab, sekarang boleh dibaca oleh semua rakyat dan kita mendengar pelbagai respons diterima daripada rakyat. Ada yang positif dan tidak kurang ada yang negatif. Jadi, bagaimanakah pendekatan kerajaan bagi meyakinkan rakyat bahawa ia tidak membebankan rakyat kelak? Kita dimomokkan dengan informasi bahawa apabila TPPA ini dilaksanakan, rakyat sangat terkesan daripada segi ekonomi. Misalnya, kos ubat-ubatan kian meningkat dan ini sangat jelas sekali. Petani-petani juga akan turut terjejas, malah akan terus ketinggalan jauh sekiranya kerajaan tidak melakukan sesuatu dalam membantu membangunkan sektor pertanian kita, Tuan Yang di-Pertua. Namun, apa yang akan berlaku adalah, kerajaan hanya mempunyai kurang daripada 50 hari sahaja lagi sebelum perjanjian TPPA ini ditandatangani.

Persoalannya, apakah prasarana di negara kita ini cukup bersedia untuk kita menerima TPPA dalam konteks sosial dan ekonominya? Apakah negara dan rakyat kita benar-benar bersedia untuk menerima TPPA ini? Apakah kita bersedia untuk mengatasi masalah atau kelemahan yang akan kita hadapi setelah TPPA ini dilaksanakan? Tuan Yang di-Pertua, TPPA ini banyak kontroversi. Didakwa ia merupakan satu ciri penjajahan baru oleh kuasa besar Amerika dan ia merupakan kerjasama yang tidak saksama dan tidak adil.

Menyentuh mengenai pelaburan Malaysia di luar negara, memang banyak. Dikatakan lebih RM500 bilion dibandingkan dengan pelaburan asing di Malaysia yang kurang daripada RM500 bilion. Isu saya, sejauh manakah pelaburan Malaysia di negara asing ini memberikan pendapatan kepada negara saban tahun? Terutamanya setelah Ringgit Malaysia susut hingga lebih kurang 28 peratus pada masa kini.

Persoalan ini timbul apabila kita melihat dan membaca di media, kos-kos semakin meningkat, terutamanya kos penyelenggaraan hartanah. Jadi, sudah tentulah ini membebankan dan kesan kepada pelaburan hartanah yang melibatkan syarikat-syarikat Malaysia di luar negara. Kita tahu terdapat syarikat kita yang telah menjual balik hartanah di luar negara atas dasar mengelakkan kerugian yang lebih. Jadi, apakah kemungkinan lebih banyak syarikat akan menjual pelaburan mereka di luar negara dan kesan daripada kenaikan kos tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai bajet Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Agensi ini sangat relevan dalam memastikan kesejahteraan kehidupan, keluarga dan masyarakat, memperkasakan wanita dan keluarga. Namun, saya mendapati peruntukan untuk tahun depan dikurangkan sebanyak 11.85 peratus berbanding dengan tahun lepas, ini amat mendukacitakan bagi kami wanita. Apakah rasionalnya di sebalik pengurangan tersebut sedangkan kita tahu banyak isu-isu yang penting perlu ditangani di bawah agensi ini? Terutamanya saya ingin menyentuh terutamanya berkaitan dengan peruntukan pengurus dasar dan kebajikan masyarakat.

Tentang dasar ini ada beberapa perkara yang ingin saya ketahui daripada Kementerian. Pertama, berkenaan dengan laporan ketiga dan keempat, *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW). Apakah statusnya sekarang? Adakah ia telah dikemukakan dan sejauh mana kita telah mencapai matlamat konvensyen berkenaan? Apakah lagi kekangan yang dihadapi oleh negara kita dalam melaksanakan terma-terma yang dipersetujui di bawah konvensyen berkenaan? Terutamanya berkenaan dengan penglibatan wanita dalam politik yang mana kita masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negara jiran.

Apatah lagi negara-negara maju. Apakah pelan tindakan yang digariskan dalam memastikan kita dapat mencapai tahap sekurang-kurangnya 20 peratus dalam pilihan raya akan datang dibandingkan dengan hanya lebih kurang 10 peratus pada masa ini? Kita berharap kerajaan dapat menyediakan pelan tindakan yang khusus dan komprehensif untuk penglibatan wanita dalam politik ini dan hendaklah melibatkan lelaki sekali agar ia dapat mencapai matlamat yang diinginkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain isu CEDAW ini, yang terbaru berkenaan dengan *Sustainable Development Goals* (SDGs). Di sini saya memohon kementerian menjelaskan sejauh mana keterlibatan kita dengan SDGs ini. Apakah tindakan kita sejak ia dilancarkan sejak September lalu? Sejauh manakah perancangan kita dalam memasukkan 17 *point* atau agenda yang telah digariskan dalam SDGs? Terutamanya dalam memastikan pembangunan masyarakat secara menyeluruh dapat dilaksanakan dengan menjamin kesejahteraan rakyat. Terutamanya dalam menuju negara maju 2020.

Seterusnya, saya ingin membawa isu berkaitan dengan warga emas iaitu orang-orang tua, orang lama tetapi bukan kitalah Tuan Yang di-Pertua. Isu warga emas masa kini-Tan Sri Rahim sudah berjumpa yang muda saya rasa, jadi dia bertambah mudah. Lebih-lebih lagi memakai baju merah, bertambah muda. Lain kali Tuan Yang di-Pertua, kena pakai baju merah juga. Umur 75 tahun, macam umur 47 tahun sahaja Tuan Yang di-Pertua.

■1900

Tuan Yang di-Pertua: Kalau orang perempuan pakai baju merah macam mana, lagi muda?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Orang perempuan? Jadi 20 juga Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*]

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Mohon mencelah. Satu sahaja, cuma hendak ucap terima kasih. Terima kasih [*Ketawa*]

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Macam dia sudah ada calon, Tuan Yang di-Pertua. Isu warga emas semakin menjadi isu penting pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, sama ada di peringkat dalam dan di persada antarabangsa. Malaysia akan menjadi negara tua pada tahun 2035 di mana lebih 15 peratus daripada warga penduduknya adalah melebihi umur 60 tahun. Pada tahun ini 2015, seramai 9.09 peratus penduduk daripada lebih 30 juta orang warga emas.

Cadangan saya, perancangan yang menyeluruh wajar dirangka dan dilaksanakan. Pertama, saya ingin menyentuh berkenaan Pelan Tindakan Warga Emas yang terbaru pada tahun 2011, polisi yang ditambah baik sejak tahun 1985, tahun 1998. Namun, sejauh manakah polisi yang kita ada ini menyeluruh dan selaras dengan perkembangan semasa?

Kedua, apa perancangan kerajaan dalam memastikan warga emas terjamin daripada segi tempat tinggal kerana kita ketahui isu perumahan sangat penting bagi menjamin kesejahteraan orang tua. Juga, sejauh manakah Dasar Perumahan Negara pada masa ini mengambil kira perkara ini?

Saya menyentuh mengenai dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, kadang kita rasa sayu. Kalau sudah tua-tua ini, bukan lamalah, kadang anak 10 orang mak boleh jaga tetapi 10 orang anak tidak boleh jaga seorang bapa dan seorang mak. Lebih-lebih lagi ibu sudah meninggal, tinggal bapa seorang. Bapa kata dia tidak tahu dia hendak buat apa. Rupanya

bapa banyak tanah, banyak kebun, kasi salin semua kepada anak-anak. Peristiwa ini benar, tidak bohong. Bapa salin pada anak, datang anak, bapa sakit pergi hantar hospital, konon pergi hantar pakar. Balik, rupanya dihantar pergi rumah orang tua-tua. Bayar sebulan RM1,800. Anak bukan calang-calang, *engineer*, profesor. Ini berlaku dalam dunia kita hari ini. Pasal, bapanya walaupun profesional tetapi sudah meningkat usia, mungkin agaknya pakai *pampers* dan lain-lain, anak tidak sanggup hendak menjaganya. Sedih. Mudah-mudahan kita dalam...

Tuan Yang di-Pertua: Apakah cadangan Yang Berhormat?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ya lah, memang bapa suka kahwin lagi, Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Jadi saya cadangkanlah bagilah orang yang bujang itu kena cari supaya jangan berlaku peristiwa yang seperti ini. Kalau sesiapa bapa yang ada tanah banyak, jangan salin dulu kepada anak-anak. Kadang-kadang anak-anak ini ada anak yang baik betul. Kalau anak perempuan, *InshaaAllah*, rasa saya wanita ini memang semua baik-baik belaka... [*Disampuk*] Tidaklah kita kata orang lelaki tetapi banyaknya begitu, lelaki jugalah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak semua Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tidak semua ya, *alhamdulillah*.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak semua.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Itu namanya anak misali.

Tuan Yang di-Pertua: Ada satu kes Yang Berhormat di Kuantan, profesional, dia sakit, dialisis pergi ke China. Apabila hendak buat *operation* itu, si suami bagi segala benda, segala-galanya kepada isteri. Selepas itu dia baik, bila dia balik, dihalaunya kawan itu keluar [*Ketawa*] Teruskan Yang Berhormat, teruskan. Memang ada. Ini semua tidak kira lelaki atau perempuan. Memang ada Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak membela wanita.

Tuan Yang di-Pertua: [*Ketawa*]

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Kalau 1,000 orang, seorang. Jarang sungguh. Tidak ada macam itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Betul, betul, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Akan tetapi orang lelaki kalau 1,000 orang, setengah yang macam itu, Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf saya dengan lelaki. Itu pendapat mata kasar.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Minta tarik balik, Tuan Yang di-Pertua, minta tarik balik. Ini satu penghinaan kepada kaum lelaki.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Hari ini wanita pun banyak yang tidak betul tetapi tidak semua wanita [*Ketawa*]

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Saya sudah cakap tidak semua lelaki. Tengok Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim, dia baik. Walaupun tidak ada, dia balik rumah tolong dekat rumah. *Alhamdulillah*, itu suami... [*Disampuk*] Agaknyalah. Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Saya tak ada kata sesiapa pun. Okey, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Ketiga, isu simpanan warga tua. Sebagaimana kita ketahui, penjawat awam akan mendapat pencen. Manakala pekerja swasta mempunyai caruman EPF. Lebih kurang 75 peratus warga emas adalah dalam kalangan sektor swasta. Apakah caruman mereka ini akan dapat menjamin mereka sehingga ke hari tua, atau sebagaimana yang kita ketahui, KWSP boleh dikeluarkan ketika berumur 55 tahun?

Kebanyakannya akan mengeluarkan caruman mereka dan ramai juga yang membelanjakan untuk pendidikan anak-anak dan untuk membeli rumah amatlah terlalu sedikit dan ditinggalkan untuk mereka. Jadi bagaimanakah kerajaan menyediakan mekanisme membantu rakyat menghadapi hari tua mereka dengan tenang dan masih mempunyai simpanan sepanjang tempoh kehidupan mereka untuk perbelanjaan harian?

Keempat, selain daripada segi kewangan, saya juga ingin menyentuh hal berkaitan kesihatan. Pada masa ini, unjuran tempoh jangka hayat rakyat Malaysia 72.6 tahun untuk lelaki dan 77.2 tahun untuk wanita sebagaimana kajian tahun 2013. Ini orang lelaki mungkin jangka hayatnya pendek sedikit daripada orang perempuan. Ini ceramah yang kita dengar daripada segi agamalah, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya 77.2 tahun, orang perempuan ini lambat sedikit mati. Orang lelaki ini pasal dia...

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat marah sangat dengan lelaki ini kenapa?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Tidak, bukan begitu.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Cepat mati, tidak jujur [*Ketawa*]

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Cuma nak ceritakan sahaja. Mungkin saya ingat orang lelaki ini lain kali kalau ada masalah katanya, jangan dipendam dalam hati. Luahkan. Contohnya kalau kata hendak kahwin, cakap betul-betul, jangan menyorok misalnya. Itu dipendam-pendam- daripada segi kaedahnyalah. Itu. Orang perempuan pasal apa dia marah, dia suka bising- dia bukan memebel, dia bising. Itu lumrah. Sebab, dia melepaskan perasaan dia, diluahkan. Jadi sebab itu dia tidak ada sakit jantung orang perempuan. Orang lelaki banyak sakit jantung. Carilah [*Ketawa*] Itu cerita dia. Oleh sebab itu orang lelaki dia kena ubah cara, persepsi kehidupan dia. Faktor ini ...

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkah lagi Yang Berhormat?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Sedikit sahaja lagi. Hari ini pun tidak hendak cakap panjang, Tuan Yang di-Pertua, pasal kita sudah dengar ucapan presiden panjang pagi tadi.

Jadi faktor ini disebabkan perkembangan teknologi yang membantu manusia dapat hidup lebih lama. Namun, dengan peningkatan kos hidup, kos perubatan, teknologi perubatan serta pelbagai penyakit baru yang pada masa ini, apakah jaminan pihak kerajaan bagi memastikan warga emas mendapat perkhidmatan kesihatan yang sewajarnya?

Kita lihat di negara maju, mereka mempunyai sistem insurans yang sangat efisien. Jadi untuk itu, saya suka mencadangkan kerajaan mengkaji perkara ini untuk dilaksanakan di negara kita.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, apakah mekanisme yang dirancang oleh kerajaan dalam perkara ini? Selanjutnya, bagi memastikan kita menggunakan pengalaman dan ilmu profesional yang masih mampu memberi khidmat walaupun mereka telah mencapai status warga emas, sejauh manakah sistem dan dasar untuk melayani mereka dan memanfaatkan mereka ini?

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan pada masa ini mampu menjana ekonomi negara. Sektor pelancongan kesihatan di negara ini dijangka terus berkembang dengan langkah kerajaan menjadikan industri itu satu keutamaan. Sektor ini dijangka mencatat pulangan sebanyak RM1 bilion daripada ketibaan 930,000 orang pengunjung tahun ini.

Malah, kemasukan pelancongan kesihatan ke negara ini telah meningkat hampir dua kali ganda dalam tempoh empat tahun. Pada tahun 2014, seramai 770,000 orang pesakit datang untuk mendapatkan rawatan ke negara ini dengan pulangan pendapatan dijana sekitar RM700 juta.

Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan secara keseluruhannya sektor kesihatan negara ini mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila

mendapat markah tertinggi dalam kajian terbitan Amerika Syarikat awal tahun ini ke atas 25 buah negara mengatasi Sepanyol, Perancis, Ireland dan New Zealand.

■1910

Ini menunjukkan bahawa sektor ini mempunyai potensi yang tinggi di negara ini. Namun berbanding negara jiran kedudukan kita masih sedikit di belakang. Jadi, apa langkah yang diambil bagi memastikan maklumat yang komprehensif berkaitan dengan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang ditawarkan di negara ini di peringkat serantau dan global. Sejauh manakah kerjasama dengan media dalam dan luar negara bagi mempromosikan produk pelancongan kesihatan ini dengan lebih efektif? Apakah bentuk pemasaran yang dilaksanakan bagi menggiatkan lagi pelancongan datang mendapatkan rawatan ke negara kita ini?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, apakah kolaborasi dengan pihak-pihak yang berkepentingan dalam industri pelancongan kesihatan ini bagi membangunkan produk-produk pelancongan agar lebih inovatif berkembang dan menarik lebih ramai pelancong? Apakah kerjasama yang dijalinakan dengan negara-negara ASEAN bagi menarik penduduk ASEAN datang ke Malaysia sebagai melancong di samping mendapatkan rawatan kesihatan?

Saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai supaya pelan strategik jangka pendek dan jangka panjang dalam menggiatkan pembangunan promosi dan pelancongan kesihatan ini dapat disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua akhirnya, akhir-akhir ini kita lihat kejatuhan harga komoditi terutamanya getah dan kelapa sawit. Ketidakstabilan harga komoditi berkenaan telah secara tidak langsung memberi kesan kepada 567,504 orang pekebun kecil persendirian, pekebun kecil di bawah agensi FELDA, FELCRA, RISDA yang terlibat dengan sektor sawit serta 300,388 orang pekebun kecil dalam sektor getah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh gulung Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Sudah gulung Tuan Yang di-Pertua. Macam sudah 20 minit ke Tuan Yang di-Pertua? Justeru itu saya suka mencadangkan kerajaan mencari mekanisme tertentu agar kehidupan mereka ini dapat diperbaiki dan mereka mencari alternatif agar dapat mengatasi masalah ekonomi mereka. Usaha memodenkan pertanyaan langkah yang wajar bagi membantu mereka dan mengadakan penanaman buah-buahan seperti betik, pisang, serta buah-buahan tempatan dengan penanaman secara moden yang boleh memberi pulangan sampingan yang lumayan kepada pihak-pihak pekebun kecil ini di samping kelapa sawit atau getah.

Kementerian juga wajar mengadakan kerjasama dengan sektor kerajaan yang lain seperti Lembaga Zakat dengan mengadakan persyarikatan pintar dengan persatuan pekebun kecil bagi menternak binatang seperti lembu dan kambing untuk tujuan korban dan akikah kemudian menjualkan kepada pihak tertentu bagi tujuan tersebut. Dengan cara ini dapat menampung kekurangan bekalan binatang ketika musim Hari Raya Korban dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan ini saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada rakan saya Datuk Dr. Lucas yang mengangkat sumpah pada petang tadi dan selamat datang kepada Yang Berhormat Y.M. Engku Naimah ke Dewan Negara kita. Tahniah kepada kedua-dua Yang Berhormat.

Akhir sekali saya berharap Bajet 2016 ini yang bertemakan menstabilkan kehidupan rakyat dapat dibelanjakan dengan berhemah dan dapat mencapai matlamat membangunkan negara tercinta. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Saya suka melihat Tuan Yang di-Pertua sentiasa senyum. Itu yang Tuan Yang di-Pertua usianya nampak muda sahaja. Dengan ini saya menyokong penuh, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Itu yang sayang Datuk Hajah Noriah. Yang Berhormat semua, saya secara ikhlas hendak menyatakan di sini pandanglah kiri kanan berapa orang

yang ada dalam Dewan. Saya bertimbang rasa sesiapa yang ada masalah, ada hal tulislah kepada saya. Tidak seorang pun saya tolak, saya benarkan. Akan tetapi kenapa sekarang ini ramai yang tidak- sepatutnya, saya tidak terima surat, tetapi dia tidak ada dalam Dewan.

Saya hendak memberi penjelasan dan memberi teguran di sini secara serius sesiapa sahaja yang hendak keluar tolong bagi nota kepada saya. Sesiapa yang tidak ada sekarang ini bentara cuba ambil perhatian nota. Dia pergi keluar tanpa maklum kepada saya, saya hendakkan tunjuk sebab kenapa tidak ada dalam Dewan pada hari Isnin akan datang.

Saya berkata demikian kerana kalau boleh Yang Berhormat semua yang berada di dalam tunggu di sini, kenapa yang lain tidak boleh. Semangat kerjasama tanggungjawab ini mesti ada Yang Berhormat. Kalau bekas panglima tentera Tan Sri Mohd Anuar ada di sini, tunjukkan disiplin, dia ada. Saya harap semua ahli Yang Berhormat tolong ada disiplin. Kalau tidak susah kita hendak kendalikan kerana yang ini Yang Berhormat saya sudah cakap, dalam setahun kita ada lebih kurang 30 hari sahaja bersidang. Tanya diri kita adakah kita patut belajar dengan pengorbanan itu, kebertanggungjawaban itu, amanah itu telah diberikan kepada Yang Berhormat.

Saya harap tolonglah ambil perhatian. Saya hendak sesiapa yang tidak ada memberi surat meminta kebenaran untuk keluar tetapi tidak ada dalam Dewan, tolong bagi tunjuk sebab pada hari Isnin akan datang. Kalau tidak saya tidak benarkan dia masuk. Minta maaf. Pergilah mengadu kepada sesiapa pun, ini keputusan saya.

Sekarang saya mempersilakan sudah lama menunggu, yang menunggu ini agaknya saya terpaksa bersikap adil juga. Akan tetapi kalau sudah bercakap hilang diri. Akhirnya siapa yang ada dalam Dewan? Saya hendak tanya. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus dari Labuan. Silakan.

7.17 mlm

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: *Bismillahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut sama bangun mengambil bahagian dalam sesi perbincangan Bajet 2016 yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 23 Oktober 2015 yang lalu oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak merangkap Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa membuang masa izinkan saya menyentuh beberapa isu yang saya kira penting untuk perhatian pihak kerajaan dalam usaha menambah baik Bajet 2016 agar setiap rakyat tanpa mengenal latar belakang menikmati cebisan nikmat bajet yang bertunjangkan lima perkara ataupun strategik meneguhkan ketahanan ekonomi negara, meningkatkan produktiviti inovasi dan teknologi hijau, mempersiapkan modal insan, memperkasa agenda bumiputera dan meringankan kos sara hidup rakyat di mana akhirnya rakyat yang bakal menikmati segala imbuhan.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama ialah isu perpaduan kaum hari ini. *Malaysia Truly Asia* ayat yang masyhur yang menggambarkan satu keistimewaan yang tidak ada di negara-negara Asia yang lain tetapi ada di Malaysia. Keistimewaan yang dimaksudkan di sini ialah kemampuan tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India di samping kumpulan-kumpulan kaum etnik yang hidup bersama dalam suasana yang majmuk di dalam sebuah negara dan mewujudkan kepelbagaian budaya serta adat resam.

■1920

Rasanya kita mengaku bahawa keharmonian kehidupan masyarakat berbilang kaum yang kemudiannya dijadikan sebagai satu ciri penting kepada industri pelancongan negara adalah berpunca daripada sikap tolak ansur yang ditunjukkan oleh kaum-kaum yang ada di Malaysia sehingga menjadi kita antara negara yang terkehadapan dalam pembangunan di rantau Asia. Sekiranya dibandingkan dengan negara-negara di Afrika

mahupun Amerika Latin, kita khabarnya jauh lebih baik. Persoalannya, sejauh mana sikap tolak ansur ini dapat bertahan. Ini kerana tolak ansur itu sendiri mencerminkan kewujudan unsur tidak rela tetapi terpaksa bagi mewujudkan satu suasana menang-menang atau dengan izin *win-win* yang ada kalanya menyebabkan satu pihak perlu membuat pengorbanan yang lebih besar berbanding pihak yang satu lagi.

Justeru perpaduan antara kaum yang ada pada hari ini bukanlah satu bentuk perpaduan yang kukuh, yang terbina hasil keluhuran hati dan sikap saling mempercayai antara satu sama lain. Izinkan saya ungkapkan beberapa contoh di sini. Hari ini kita pergi ke sekolah kebangsaan majoriti pelajar Melayu. Pelajar Cina dan India kononnya lebih selesa belajar di sekolah jenis kebangsaan masing-masing seawal 7 tahun. Anak-anak kecil kita sudah diasingkan mengikut kaum.

Kita tidak nafikan ada pelajar Melayu dan bumiputera yang lain belajar di sekolah jenis kebangsaan tetapi jumlahnya amat kecil. Begitu sekolah menengah, senario sama. Pergi ke IPTA atau universiti awam mungkin nampak pelbagai kaum belajar bersama tetapi hakikatnya itu pandangan mata kasar. Buat *study group* lebih selesa geng *study group* hanya satu bangsa, tinggal di asrama mahu rakan sebilik satu bangsa. Alasan senang berbual dan beribadat.

Apabila masuk pasaran kerja, mohon kerja, pilih syarikat yang ramai kaum sendiri. Apa yang lebih menjengkelkan, iklan-iklan kerja menyasarkan satu kaum dan perlu menguasai bahasa ibunda mereka yang sama. Pada saya, jelas bersikap perkauman. Namun di kawasan saya di Labuan, malah di Sabah dan Sarawak, senario mungkin berbeza. Ada juga unsur perkauman tetapi biasanya kami hidup dalam suasana harmoni dan toleransi sesama kaum. Begitu banyak kaum, ada suku di Malaysia Timur dengan pelbagai adat dan budaya tapi perpaduan kaum tetap diutamakan. Kami bersikap tolak ansur dan sering memahami. Tanyalah rakan-rakan di Sabah dan Sarawak.

Malah dalam hal agama dan beribadat pun kami masih bertoleransi dan tidak membangkitkan isu-isu sensitif. Akan tetapi saya perhatikan di Malaysia sebelah sini, keadaan berbeza. Sering kali isu kecil diperbesar di media-media sosial, sengaja mengapi-apikan isu ini. Agama dan budaya disindir dan diperlekeh, dijadikan *viral* dalam media sosial. Banyak contoh kes sehingga ada yang menjadi kes polis dan menimbulkan kemarahan masyarakat.

Cadangan saya, adakah jika Jabatan Perpaduan di bawah JPM dimantapkan lagi, diwujudkan satu *task force* dalam mengkaji isu perpaduan ini. Juga buatlah pertukaran pelajar dan golongan belia. Bawalah belia ini yang datang ke Semenanjung tinggal dengan keluarga angkat dan ketua-ketua masyarakat. Mungkin di rumah panjang, rumah-rumah penduduk masyarakat, bergaul dan melakukan aktiviti bersama mereka dan nilai sendiri bagaimana tuan rumah ini menghormati tetamu walaupun berbeza agama dan budaya. Buatlah program anak angkat ini secara besar-besaran antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Cadangan saya, sebelum nasi menjadi bubur, lakukanlah sesuatu agar perpaduan kaum di negara kita ini kekal utuh.

Isu kedua ialah isu kelemahan Bahasa Inggeris dalam kalangan penuntut keluaran universiti awam tempatan. Saya terpanggil untuk menyentuh isu pelapis pemimpin negara hari ini. Sudah tentunya golongan belia dan remaja yang terdiri daripada penuntut universiti serta graduan lepasan universiti yang sudah menamatkan pengajian di institut pengajian tinggi awam yang dilaporkan lemah berkomunikasi dan bertutur dalam Bahasa Inggeris.

Banyak telah diperkatakan tentang ketidakupayaan pelajar bumiputera khasnya menguasai Bahasa Inggeris dengan bagus, baik bertutur mahupun menulis. Kesannya pelajar gagal dalam temu duga pekerjaan walaupun mereka ini jika diberi peluang, mereka mampu menjalankan tugas dengan baik.

Oleh sebab hanya masalah kecil, mereka gagal untuk mendapatkan jawatan yang dipohon maka secara dasarnya negara kita kerugian daripada segi keperluan tenaga mahir.

Kebanyakannya juga pelajar dari luar bandar. Mereka ini bijak menguasai pelajaran Sains dan Matematik tapi lemah dalam Bahasa Inggeris. Di manakah silapnya dasar pendidikan kita hari ini? Nampak semuanya okey tetapi saya yakin kelemahan ini perlu dikenal pasti segera sebelum isu ini menjadi lebih berat. Dalam isu ini, izinkan saya

mengeluarkan persoalan, pandangan, saranan untuk diambil kira oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi. Apakah inisiatif kementerian dalam membantu pelajar luar bandar menguasai Bahasa Inggeris? Apakah susulan cadangan menetapkan Bahasa Inggeris sebagai subjek wajib lulus bagi Sijil Pelajaran Malaysia atau SPM menjelang tahun 2020?

Saranan saya akhir sekali, saya pohon janganlah isu pendidikan dipolitikkan untuk kepentingan sesetengah pihak kerana yang bakal menjadi mangsanya ialah anak-anak bangsa kita sendiri.

■1930

Isu yang ketiga ialah pembangunan ekonomi Labuan yang agak perlahan kebelakangan ini. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan ada di sini.

Labuan sebuah pulau bebas cukai yang pesat membangun namun jika diperhatikan kebelakangan ini Labuan seolah-olah perlahan pembangunannya. Hal ini turut diakui oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan yang khabarnya telah mengenal pasti beberapa faktor menyebabkan pembangunan ekonomi Labuan agak perlahan dan menuntut merumuskan penyelesaian efektif dalam waktu terdekat bagi memastikan pulau itu kembali menjadi destinasi perlu dilawati.

Antaranya peruntukan tambahan perlu ditambah pada Labuan bagi pembangunan dan program pelancongan. Juga antara sektor lain berpotensi menjadi pendapatan tinggi bagi membawa Labuan ke tahap yang lebih tinggi ialah pendidikan, produk halal, minyak dan gas dan sektor kewangan serta penambahan penerbangan masuk ke Labuan. Malah, Labuan terletak di lokasi strategik yang aman, sesuai untuk ditempatkan universiti. Dengan itu, usaha perlu dilakukan untuk berbincang dengan universiti antarabangsa untuk menempatkan kampus mereka di Pulau Labuan.

Sektor tenaga, minyak dan gas dan perkhidmatan kewangan yang sudah berada di landasan masih perlu ditambah baik. Oleh itu, sebahagian besar kawasan laut dalam kawasan perindustrian dipanggil Ranca-Ranca akan ditambah dalam waktu terdekat. Ini adalah satu lagi inisiatif daripada kerajaan untuk membantu industri tempatan dan mewujudkan peluang pekerjaan untuk jangka panjang.

Saya harap isu ini dapat diambil perhatian oleh pihak kementerian sendiri dalam memikirkan kaedah terbaik untuk melonjak kembali ekonomi Labuan yang agak perlahan sekali gus membantu penduduk dan golongan belia yang mendapat peluang pekerjaan dan tidak berhijrah ke luar kerana yang ruginya ialah anak-anak Labuan sendiri.

Isu terakhir ialah isu kontraktor tempatan kelas 'A' dan 'B'. Banyak projek mega yang bersaiz sederhana di Labuan dimonopoli oleh kontraktor dari luar Wilayah Persekutuan Labuan. Kontraktor tempatan ada mengadu pada kita, susah mendapat projek hari ini kerana terpaksa bersaing dengan kontraktor luar yang besar dan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh.

Pesanan saya ialah berilah peluang pada kontraktor tempatan Labuan. Mereka ini telah memahami sesuatu budaya tempatan sekali gus boleh membantu tahap ekonomi penduduk Labuan. Boleh wujudkan satu kuota agar kontraktor tempatan tidak tercicir. Tanpa bantuan kerajaan susah untuk kita mencari makan. Jadi saya mohon jasa baik dari kerajaan supaya membantu kontraktor-kontraktor kita kerana tanpa bantuan kerajaan maka kontraktor kita mungkin akan menjadi mufliis.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong, terima kasih.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Lihan Jok. Silakan Yang Berhormat.

7.35 mlm.

Datuk Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi untuk terlibat. Saya berdiri untuk menyokong. Awal-awal saya kata hendak menyokong RUU Perbekalan 2016.

Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri yang telah menyediakan satu bajet. Walaupun dalam kekangan ekonomi tetapi masih di lubuk hati Yang Amat Berhormat satu bajet yang bakal membantu rakyat menghadapi kehidupan yang agak sukar tahun yang hadapan.

Pertama juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada rakan saya Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul kerana disambung semula bagi penggal yang kedua dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh dua perkara penting dalam hemat saya yang dekat di hati saya, saya ingin mengambil kesempatan pada masa yang indah ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, seorang Perdana Menteri yang begitu prihatin dan memberi tumpuan bukan sahaja membuat lawatan yang begitu kerap untuk merasakan, mendengar denyutan hati rakyat di Sarawak dan Sabah, malah seorang Perdana Menteri yang telah menyumbangkan banyak peruntukan dalam masa yang singkat pada Sarawak.

Hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh dua perkara iaitu berhubung dengan bahasa Inggeris. Penggunaan kembalinya bahasa Inggeris diceritakan semula dan perkara yang kedua adalah berhubung dengan penekanan kerajaan terhadap pembangunan luar bandar.

Pertama yang berhubung dengan bahasa Inggeris iaitu rentetan dari lima tunjang tetapi tunjang yang ketiga, keutamaan yang ketiga iaitu, "Mempersiapkan Modal Insan". Di sini ditekankan peningkatan atau meningkat penguasaan Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, di mana RM135 bilion telah diperuntukkan dalam bajet untuk tahun hadapan.

Dalam hal ini saya- walaupun Yang Berhormat Datuk Haji Yunus telah menyentuh, saya ingin menyentuh semula kerana kepimpinan Sarawak telah dipersoalkan berhubung dengan penggunaan bahasa Inggeris dalam pentadbiran sebagai satu perkara yang ditekankan. Ini kerana tahun ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Dr. Haji Adenan bin Haji Satem telah membuat satu keputusan yang begitu berani supaya bahasa Inggeris itu, di samping bahasa Malaysia bahasa kebangsaan digunakan dalam jentera pentadbiran negeri.

Jadi, dalam hal ini keberanian beliau ini saya hendak sokong supaya rakan-rakan kita di lain tempat di Semenanjung Malaysia ini tolong jangan persoalkan. Kami rasa, saya pun rasa demi masa depan Sarawak, demi peluang kepada orang-orang di Sarawak, beliau melihat penggunaan bahasa Inggeris ini amat penting ditekankan.

■1940

Lagipun ramai rakyat di Sarawak memang menyokong pendirian tersebut. Jadi Tuan Yang di-Pertua, seolah-olahnya kita rasa bahawa masa ini kita di persimpangan jalan. Adakah kita nak tekankan sangat bahasa Inggeris itu ataupun menekan bahasa Malaysia itu? Pada hemah saya Tuan Yang di-Pertua, dua-dua bahasa ini patut kita gunakan kerana kita lihat dalam kepesatan teknologi, ledakan teknologi maklumat dan juga kecanggihan tamadun manusia sekarang ini amat memerlukan bahasa internasional ini iaitu bahasa Inggeris perlu kita hayati dan banyak digunakan.

Elok saya tekankan Tuan Yang di-Pertua ialah kerana ia menjamin peluang-peluang pekerjaan bukan sahaja di dalam negara tetapi dunia yang tanpa sempadan sekarang membolehkan anak-anak Malaysia bersaing mendapat pekerjaan di luar sana. Kalau kita lihat juga ia sekarang menjadi bahasa *internet*, bahasa telekomunikasi yang begitu hebat sekarang. Kalau kita lihat juga bahasa Inggeris ini ialah bahasa ilmu. Kita sudah faham banyak buku-buku ilmu yang masih menggunakan bahasa Inggeris.

Keempat, penggunaan bahasa Inggeris ini menjamin hubungan yang mantap dalam bidang perniagaan. Banyak urusan perniagaan sekarang diurus dengan menggunakan bahasa Inggeris. Jadi kejayaan Malaysia, anak-anak Malaysia berhubung dengan negara lain dalam mempertingkatkan perniagaan lambat laun akan membantu juga dalam ekonomi negara.

Jadi kalau kita lihat dalam keutamaan yang ketiga itu, berhubung dengan peningkatan penggunaan bahasa Inggeris ini. Bajet ini menentukan walaupun tidak cukup hanya RM38.5 juta tetapi sebagai permulaan ini mungkin memadai, di mana ada dua konsep yang telah ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana RM38.5 juta ini akan digunakan untuk memajukan dua program iaitu *Dual Language Program* dan *Highly Immersive Program*. Kedua-dua program ini hasrat digabungkan bersama untuk sebagai permulaan *classroom of the future*. Ini maksud saya kerana gabungan dua program ini khususnya *Highly Immersive Program* ini benda yang bukan juga baru tetapi satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran dewasa ini yang begitu moden. Jadi gabungan dua konsep ini merupakan penentu *road map* hala tuju cara mana *classroom* atau bilik darjah masa hadapan patut ditekankan.

Jadi dalam konteks ini, saya nak meminta supaya Menteri Pendidikan kita untuk lebih menjelaskan apa maksudnya *Highly Immersive Program* ini. Satu program yang menggunakan banyak alat teknologi yang moden yang sangat penting yang dimaksudkan *immersive program* ini. Jadi kita minta Menteri Pendidikan menjelaskan sedikit apa maksud *immersive* ini.

Jadi dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat satu cadangan kerana program yang baru ini penting untuk membantu anak-anak di bangku sekolah supaya program ini dijalankan, diterima oleh guru dan masyarakat nanti. Elok pada hemah saya yang pertama, perlu ada kaji selidik dulu. Kaji selidik ini untuk mendapat pandangan guru-guru ataupun para pendidik yang akan menceburkan diri dalam program *immersive* yang agak baru ini kerana perkara ini memerlukan alat-alat audio visual yang hebat. Sekolah kita perlu juga dilengkapi dengan contohnya sekolah di luar bandar, perlu dilengkapi dengan kuasa elektrik dan juga talian *internet* yang kuat dan baik supaya interaksi menggunakan audio visual ini melalui alat-alat, bahan-bahan dan *internet* boleh dijalankan di mana-mana sahaja sekolah di seluruh negara.

Perkara yang kedua, sehubungan dengan RM38.5 juta ini dicadangkan 300 buah sekolah perintis akan digunakan pada tahun hadapan. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya di antara 300 buah sekolah itu, mohon supaya sekurang-kurangnya 100 buah sekolah itu dipilih dari Sarawak. Saya cadangkan kerana Sarawak ini kawasannya besar, perlu melibatkan di bandar dan di luar bandar, dalam sesuatu suku yang tertentu dengan suku yang lain supaya akhirnya setelah perintis ini dijalankan, pihak kerajaan dapat membuat penilaian apakah masalah, apa kebaikannya. Kiranya sekolah yang menjadi perintis ini berbeza-beza. Jadi ini saya nak tambah sedikit untuk cara kita meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dengan cara moden iaitu dengan *Highly Immersive Program* ini.

Perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya nak bawa iaitu yang dekat di hati saya ialah berhubung dengan program pembangunan luar bandar. Di sini ialah yang lahirnya daripada keutamaan yang pertama ini yang berbunyi "*Memperteguh ketahanan ekonomi negara*". Akan tetapi saya akan sentuh sedikit iaitu di mana disebutkan pembangunan infrastruktur luar bandar itu amat dipentingkan dalam keutamaan pertama ini.

Kalau kita lihat RM1.4 bilion untuk menaiktarafkan 700 kilometer jalan di seluruh negara dan seterusnya RM878 juta untuk berhubung kait dengan bekalan elektrik dan RM538 juta untuk bekalan air dan RM60 juta untuk Program Ameniti Sosial dan RM70 juta untuk Program Desa Lestari. Ini perkara yang penting untuk membangunkan luar bandar. Malah kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Pembangunan Negara Kesebelas, Sarawak menekankan pembangunan luar bandar. Jadi *rural transformation program* itu menjadi agenda utama negara dan khususnya negeri Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kongres Pemerksaan Luar Bandar yang telah dijalankan dari 1 hingga 3 Disember baru-baru ini membuat satu tema yang begitu *interesting*, yang begitu menarik iaitu pembongkaran potensi luar bandar, hebat sekali. Ini memang benar, kalau kita lihat orang-orang di bandar sekarang ini macam tidak minat dengan usaha kerajaan. Jadi ramai yang tidak mengundi Barisan Nasional. Jadi tumpuan...

■1950

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada empat minit lagi, Yang Berhormat.

Datuk Lihan Jok: Mudah-mudahan saya boleh siapkan. Jadi oleh sebab yang demikian, tumpuan pembangunan luar bandar ini amat penting. Di situlah usaha kita untuk menumpukan perhatian usaha kerajaan membangunkan luar bandar. Jadi oleh sebab yang demikian, saya rasa pun hasil kongres ini ialah supaya agenda luar bandar ini boleh dijalankan dengan teratur.

Saya mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk menubuhkan pejabat-pejabat pembangunan luar bandar ini kalau di Sarawak di peringkat bahagian. Segala urusan kita dengan hal ehwal luar bandar ini adalah dari kawasan dan terus ke pejabat kementerian tetapi ini agak lambat dan agak jauh. Jadi saya mencadangkan supaya ditubuhkan pejabat pembangunan luar bandar ini ditubuhkan.

Contohnya kalau di Sarawak adalah di Betong, di Bintulu, di Kapit, di Kuching, di Miri, di Mukah dan di Samarahan dan di Sarikei, di Sibu, dan juga di Sri Aman. Inilah bahagian-bahagian yang sepatutnya ditubuhkan pejabat Jabatan Pembangunan Luar Bandar untuk menyelaraskan program mega luar bandar yang akan bermula dari tahun hadapan dan seterusnya dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Ini permintaan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya datang di *Senate* terus di dalam Dewan yang mulia ini Dewan yang disebutkan Dewan Sementara. Jadi soalan saya di sini, permintaanlah macam mana baik pulih Dewan kita yang sebenarnya. Setiap kita ini rindukan balik ke asal kah bukan itu maksud saya. Jadi saya mohon dalam Dewan yang mulia ini kiranya ada jalan yang cepat untuk mempercepatkan baik pulih Dewan Negara yang sebenarnya dan Dewan Rakyat yang sebenarnya.

Ini kalau boleh kerajaan memaklumkan kepada kita Dewan yang mulia ini bila baik pulih itu siap dan supaya kita tahu bila hendak balik ke Dewan asal yang sepatutnya tempat kita bersidang kerana ini disifatkan Dewan Sementara. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah terima kasih, Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain. Yang Berhormat, letih agaknya.

7.54 mlm.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: *Bismillahir Rahmaanir Rahim... [Berucap dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Belanjawan 2016 yang telah pun di bentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia baru-baru ini.

Pertamanya saya secara peribadi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan satu belanjawan pada saya yang cukup lengkap, cukup terperinci dan amat bersesuaian dan berketepatan dengan tajuk belanjawan, 'Mensejahterakan Kehidupan Rakyat'.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini pertama hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan dan memberikan pandangan masing-masing dan saya ucapkan tahniah itu ditujukan khususnya kerana saya dapat melihat dan mendengar semua rata-rata dari Ahli Yang

Berhormat khususnya daripada Kerajaan Barisan Nasional, Parti Barisan Nasional telah pun memberikan pandangan yang tulus dan ikhlas, jujur segala-galanya demi kepentingan rakyat.

Saya teliti setiap daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun sedikit sebanyak memberikan pandangan-pandangan bagaimana dapat memenuhi kehendak rakyat yang kita maklum akan keadaan semasa hari ini. Saya fikir hampir semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap melainkan pembangkang telah bercakap soal keperitan ataupun kepayahan rakyat yang sedang dialami pada hari ini. Jalan atau cadangan keluarnya telah pun dijelaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Akan tetapi ini cukup berbeza dengan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang. Mereka hanya tahu mengkritik, hanya tahu mencari salah dan yang lebih teruk daripada itu ialah mereka menidakkan sebarang perkara baik yang telah pun dilaksanakan oleh kerajaan. Tadi, ada seorang Ahli Yang Berhormat telah pun memberi pandangan daripada pembangkang mengkritik kononnya beliau pun tidak ada dalam Dewan, mengkritik kononnya kita telah tidak memberikan tambahan kewangan dan telah membuat perbandingan antara KEMAS dan PERMATA.

Walaupun saya tahu nanti akan dijawab oleh peringkat kementerian yang bertanggungjawab tetapi saya sahaja ambil peluang ini hendak jelaskan. Saya rasa mungkin Ahli Yang Berhormat itu pun tidak tahu macam mana cara KEMAS diurus dan ditadbir sehingga hari ini. Saya hendak beritahu contoh Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Baru-baru ini saya telah dijemput untuk merasmikan Penyampaian Anugerah Pelajar-pelajar Tabika KEMAS seluruh Parlimen Gombak yang berjumlah 1,800 orang dan ia telah pun diadakan di sebuah Dewan yang cukup hebat yakni di *Ideal Convention Centre* Selayang dengan tiada bayaran dikenakan kepada anak-anak ini. Diadakan satu Majlis Konvokesyen walaupun anak-anak itu berumur enam tahun. Dibawa anak-anak itu merasai dengan menggunakan pakaian jubah supaya merasai rasanya *InshaaAllah* kalau satu hari anak-anak itu berada di menara gading. Ini di peringkat Tabika KEMAS.

Bila saya tanya ibu bapa yang datang. Bayangkan 1,800 orang anak-anak KEMAS dan kali dua yang datang hampir 4,000 orang dalam dewan itu. Diadakan dua sesi, pagi dan tengah hari. Bila ditanya kepada ibu bapa terutama perasaan mereka, yang rata-ratanya ibu bapa itu mereka yang berpendapatan rendah dan pertengahan. Mereka rasa bangga, Tuan Yang di-Pertua kerana KEMAS telah mengangkat darjat anak-anak mereka walaupun anak-anak mereka itu hanya berumur enam tahun. Jadi lain kali kepada Yang Berhormat pembangkang buat *homework* dahulu sebelum bercakap.

Perkara lain yang saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua ialah perkara GST ini. Saya fikir semua sudah sebut fasal GST. Saya cuma hendak ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana telah menjelaskan bahawasanya kenapa GST dan pagi tadi pun dalam ucapan dasar kebetulannya di Perhimpunan Agung UMNO telah menyatakan GST telah menyelamatkan negara. Mereka kena faham hari ini masalah ekonomi ini bukan masalah Malaysia sahaja dengan izin, *it is universal problem*, masalah global.

Semua negara merasai kepayahan ini dengan jatuhnya kedudukan atau harga minyak di seluruh dunia. Ada negara yang hampir mufliis tadi ada salah seorang Ahli Yang Berhormat sebutkan kononnya dibuat tohmahan kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terus menjadi Perdana Menteri kita akan menjadi peminta sedekah. Ini pada saya satu kenyataan yang paling tidak bertanggungjawab oleh siapa yang buatlah.

■2000

Cuma yang saya hendak maklumkan di sini soal GST ini, kita sokong. Kita sudah dengar penjelasan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bagaimana pendapatan GST ini telah membantu kita *to cover up*, dengan izin, kehilangan daripada harga minyak. Cuma satu saya hendak bagi cadangan kepada pihak kementerian ialah soal GST ini kalau dapat dipertimbangkan untuk tidak dikenakan kepada persatuan sukan kebangsaan. Mana-mana persatuan sukan kebangsaan yang menerima bantuan atau

geran ataupun tajaan daripada mana-mana syarikat. Oleh sebab ada persatuan-persatuan sukan kebangsaan yang telah diminta untuk mendaftarkan persatuan mereka dengan Kastam dan akhirnya mendapat nombor GST.

Akan tetapi bila ada tajaan yang mereka menerima daripada mana-mana syarikat dan mereka juga terpaksa membayar GST. Jadi, saya hendak merayu kepada pihak kementerian. Mungkin dapat dipertimbangkan persatuan sukan kebangsaan yang menerima tajaan agar dapat dikecualikan daripada GST. Oleh sebab wang yang mereka menerima adalah untuk pembangunan sukan dan melahirkan atlet-atlet yang cemerlang. *InshaaAllah* atlet-atlet ini mungkin satu hari boleh membawa pingat emas yang pertama untuk negara di Sukan Olimpik.

Perkara kedua yang saya hendak sebutkan Tuan Yang di-Pertua ialah soal perumahan. Semua pun sudah bercakap soal perumahan. Seperti yang saya kata tadi, semua daripada kita merasai denyut nadi rakyat dan kita bercakap soal ini. Cuma saya hendak minta pandangan daripada kementerian nanti macam mana kementerian boleh memikirkan. Walaupun kita minta diadakan lebih banyak rumah-rumah mampu milik untuk rakyat tetapi juga mesti kita fikirkan jalan keluarnya untuk mereka boleh mendapat pinjaman, khususnya daripada rakyat yang berpendapatan rendah ini. Mungkin ada langkah-langkah lain.

Saya dapat lihat dalam skrin ini, Yang Berhormat Timbalan Menterinya masih ada di sini. 'Kak Limah' yang cantik manis. Terima kasih kerana setiap kali kita bersidang, Yang Berhormat Datuk Halimah tidak pernah, Menterinya tidak ada di dalam Dewan sehingga kita selesai. Akan tetapi mungkin kementerian boleh memikirkan apakah jalan yang boleh dibantu di peringkat kementerian, khususnya golongan-golongan yang hendak memiliki rumah pertama ini dapat diberikan bantuan ataupun laluan yang sedikit mudah. Supaya mereka dapat membuat pinjaman kerana mungkin dokumentasi yang dapat mereka sediakan tidak mencukupi untuk mereka dapatkan bantuan daripada mana-mana bank dalam negara ini.

Perkara yang ketiga yang saya hendak sampaikan ialah pandangan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengenai perkara yang melibatkan ST15 ini. Kita tahu ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan dalam ucapan mereka. Bila ST15 ini telah pun dihapuskan program ini oleh pihak kementerian. Jadi, saya hendak tanya, apakah langkah-langkah lain yang boleh dilakukan di peringkat kementerian agar dapat membantu mereka yang telah pun diberikan kelulusan awal? Mungkin ada satu langkah lain yang boleh difikirkan di peringkat kementerian bagaimana hendak menanggung kerugian daripada syarikat-syarikat itu ataupun nanti mungkin *InshaaAllah* ada program-program lain yang boleh disusun di peringkat kementerian untuk membantu mereka, khususnya daripada pemborong-pemborong bumiputera.

Perkara keempat yang saya hendak sampaikan Tuan Yang di-Pertua mengenai perkara dalam negeri Selangor ini. Saya datang dari negeri Selangor dan banyak juga tadi yang telah pun bercakap. Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim; Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas berkenaan perkara-perkara yang melibatkan Kerajaan Negeri Selangor.

Di awal ucapan saya tadi saya telah katakan kita secara jujur, ikhlas telah memberikan pandangan kita untuk kepentingan rakyat. Ada di kalangan kawan-kawan kita di peringkat pembangkang bila buka mulut sahaja, perkataan pertama yang akan keluar daripada mereka ialah soal 1MDB. Isu 1MDB ini, saya pun hari itu ada mencelah, telah pun disiasat oleh Jawatankuasa PAC. Kita tahu Mr. Arul Kanda telah pun memberi keterangan dan kita kena tunggu nanti. Pagi tadi pun Yang Amat Berhormat Presiden merangkap Perdana Menteri sudah jelaskan soal 1MDB ini secara terbuka. Ia dipaparkan secara langsung supaya rakyat tahu apa sebenarnya yang berlaku di dalam 1MDB ini.

Saya bukan hendak bercakap dan hendak menjelaskan soal 1MDB ini. Akan tetapi yang saya hairan ialah di kerajaan yang mengurus dan mentadbir seperti di negeri Selangor, ada juga berlaku perkara yang langsung tidak pernah memaklumkan kepada rakyat secara umum. Saya hendak bagi contoh ialah soal *Darul Ehsan Investment Group* (DEIG), dengan izin. DEIG ini telah dilahirkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar hari ini daripada PKR bagi menggantikan Menteri Besar Incorporated (MBI).

DEIG ini Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah sekalipun perkembangannya dimaklumkan di Dewan Undangan Negeri pun. Semuanya dibuat secara senyap-senyap. Baru-baru ini kita difahamkan, ada bukti, kerajaan negeri telah memohon pinjaman sebanyak RM500 juta bagi membuat pinjaman untuk kepentingan DEIG. Ada penafian yang dibuat oleh Menteri Besar Selangor yang kebetulannya Ahli Parlimen dari Gombak. Akan tetapi dia lupa walaupun penafian itu dibuat, ada bukti kukuh dan nyata telah pun di bentang kepada beliau yang dia telah menggunakan RM2 juta dan duit ini semuanya datang daripada *tax payers money*, dengan izin. Daripada rakyat negeri Selangor, membuat ubah suai tingkat 14 Bangunan SUK di Shah Alam untuk pejabat DEIG.

Kita, Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak kisahlah daripada parti mana, kita tanya presiden kita soal 1MDB. 1MDB pun dijawab. Siasatan dibuat tetapi mana suara pembangkang apabila Menteri Besar mereka yakni Timbalan Presiden PKR menggunakan wang yang sebegini besar? Semuanya senyap menyepikan diri. Sebab itulah saya hendak kata, hendak ambil peluang di Dewan yang mulia ini, jangan mereka selalu menunjuk, menunjuk, menunjuk salah orang kerana satu batang jari menunjuk orang, tiga batang lagi sedang menunjuk kepada diri sendiri. Malahan kalau dia hendak tuduh kita atau Perdana Menteri kita, saya fikir mereka lebih hina dan kotor daripada kita dengan mengambil perkara-perkara ini sebagai satu daripada hujah politik yang tidak bertanggungjawab.

Perkara yang lain yang saya hendak sampaikan juga Tuan Yang di-Pertua ialah baru-baru ini di Dewan Rakyat. Apabila Dewan Rakyat bersidang, ada beberapa Ahli Parlimen daripada parti DAP telah pun menanyakan soalan secara berterusan. Ada daripada Ahli Parlimen Bakri, Ahli Parlimen Seputeh telah meminta kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin untuk membatalkan pendaftaran Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA). Kononnya atas penganjuran Perhimpunan Rakyat Bersatu pada 16 September yang lepas. Walaupun saya fikir Yang Berhormat Menteri telah memberikan ulasan dan jawapan beliau tetapi ia telah diserang secara *alternate days*, hampir hari-hari oleh Ahli-ahli Parlimen DAP ini.

■2010

Kononnya PESAKA telah menganjurkan satu demonstrasi yang membawa rakyat kepada perkara yang tidak baik. Mereka lupa mereka sudah buat empat kali himpunan BERSIH tanpa permit.

Yang PESAKA buat- saya bertanggungjawab sebab saya sebagai setiausaha agungnya. Yang PESAKA buat ialah satu perhimpunan mengikut peraturan, mengikut Akta Perhimpunan Aman, ada permit, ada kelulusan dan kita membawa rakyat untuk menghormati nilai-nilai Rukun Negara- "Kepercayaan Kepada Tuhan" sehinggalah kepada "Kesopanan dan Kesusilaan". Tak ada satu pun dalam perhimpunan itu, Tuan Yang di-Pertua, mana-mana ahli atau mana-mana orang yang telah berhimpun membuat perkara-perkara seperti mereka yang memijak gambar pemimpin, meludah gambar pemimpin, meletakkan tanda-tanda kononnya pemimpin itu telah pun mati.

Kita mengajar rakyat supaya hormatilah apa-apa perkara yang ada dalam Rukun Negara sebab kalau kita tahu menghormati dan membawa semangat itu, saya yakin rakyat akan dapat kita disiplinkan khususnya golongan muda.

Jadi, sebab itulah saya hari ini hendak ambil kesempatan ini hendak menjawab kepada parti DAP ini, kenapa takut sangat bila orang ataupun ada pertubuhan yang telah mula melakukan gerakan untuk membawa rakyat supaya menyatakan kemarahan mereka. Selalu mereka kata *they are the majority* tapi sebenarnya *silent majority* diam sahaja, *silent majority* tengok sahaja. Akhirnya, hari itu 16 September 2015, *the silent majority* telah kata *enough is enough*, cukuplah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Perkara terakhir yang saya hendak sampaikan kerana mungkin lepas ini ada kawan-kawan lain lagi hendak bercakap ialah saya juga hendak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri apabila dalam bajet tersebut telah pun memberikan peruntukan yang agak

comfortable, dengan izin, kepada Kementerian Belia dan Sukan dalam melahirkan *Podium Programme*.

Podium Programme ini pada saya ialah satu program yang cukup baik bagi melatih atlet-atlet yang boleh kita ketengahkan di peringkat antarabangsa. Jadi saya mungkin nanti minta pandangan sedikit daripada Kementerian Belia dan Sukan. Saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan kerana telah memikirkan dan mencadangkan satu program yang begitu baik, bagaimana selepas ini *Podium Programme* ini dapat terus dilaksanakan agar ia boleh melahirkan atlet-atlet yang cemerlang dan akhirnya membawa nama Malaysia di persada sukan di peringkat antarabangsa.

Jadi, itu sahaja yang saya hendak sampaikan pada malam ini. Jadi, sekali lagi saya secara peribadi menyokong penuh belanjawan atau bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri baru-baru ini. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Vigneswaran. Silakan Yang Berhormat.

8.14 mlm.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan peluang untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 2016 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kita.

Terlebih dahulu- hai, tadi saya larilah... [*Termengah-mengah*] Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan semua komponen kerajaan kerana masih berjaya mentadbir negara dengan baik. Buktinya, kita lihat pada separuh tahun 2015 menunjukkan ekonomi negara mampu berkembang sebanyak 5.3 peratus. Hai... [*Termengah-mengah*]

Timbalan Yang di-Pertua: Kenapakah itu Yang Berhormat?

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Saya ingat tadi Yang Berhormat Tan Sri yang akan berbahas sebelum saya ini. Saya duduk makanlah. Minta maaf.

Malah, pertumbuhan KDNK dijangka dapat berkembang pada kadar empat hingga lima peratus pada tahun 2016. Kadar kemiskinan telah berjaya dikurangkan daripada kadar 3.8 pada tahun 2009 kepada 0.6 bagi tahun 2014. Sebenarnya kemiskinan tegar telah hampir berjaya kita sifarkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, Bajet 2016 dengan tema 'Mensejahterakan kehidupan rakyat' menunjukkan bukti kerajaan prihatin dan komited membantu meringankan bebanan rakyat terutama dalam menangani beban peningkatan kos sara hidup bagi kumpulan berpendapatan rendah dan juga sederhana. Bajet 2016 sememangnya meliputi segenap lapisan masyarakat daripada yang tinggal di bandar, luar bandar, Sabah, Sarawak, golongan berpendapatan tinggi, menengah, rendah dan lain-lain kelas penduduk yang ada di Malaysia tanpa membezakan warna kulit, bangsa dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Bajet 2016 menggambarkan tradisi Kerajaan BN membangunkan negara sambil membawa kesejahteraan kepada rakyat Malaysia pelbagai kaum. Pendekatan Bajet 2016 menekankan kepada aspek keseimbangan antara ekonomi modal dan ekonomi keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sosioekonomi masyarakat India. Sejak Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak mengambil alih kepimpinan kerajaan, pembangunan masyarakat India tidak terlepas daripada pertimbangan beliau, malah menjadi tumpuan dalam pertimbangan beliau agar kumpulan masyarakat India juga turut menyertai dalam arus kemajuan negara supaya mereka juga bersama-sama menikmati kekayaan negara. Malah, peruntukan yang disediakan untuk menggerakkan pembangunan masyarakat India disebut secara khusus dalam pembentangan bajet-bajet yang disediakan oleh kerajaan pimpinan Dato' Sri Mohd. Najib.

Bajet 2016 telah menyediakan peruntukan RM100 juta untuk 10,000 orang usahawan India melalui TEKUN, seterusnya peruntukan sebanyak RM50 juta disediakan oleh SME untuk membantu usahawan kecil India dan RM100 juta disediakan bagi program pembangunan sosioekonomi masyarakat India.

Walau bagaimanapun, saya ingin memberi penekanan terhadap beberapa persoalan yang timbul berkenaan pengagihan RM100 juta yang disediakan di bawah program pembangunan sosioekonomi masyarakat India. Bagaimanakah peruntukan sebanyak RM100 juta di bawah Bajet 2015 untuk pembangunan taraf sosioekonomi kaum India telah atau sedang diagihkan? Siapakah yang akan membuat keputusan mengenai pengagihan peruntukan tersebut? Bagaimanakah keputusan tersebut dicapai? Apakah status pengagihan peruntukan sebanyak RM100 juta tersebut pada masa kini dan sejauh manakah pihak JPM memberi keutamaan kepada keberkesanan program-program yang dibiayai oleh peruntukan ini di akar umbi sebelum peruntukan diluluskan?

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah peruntukan sebanyak RM100 juta untuk pembangunan taraf sosioekonomi kaum India di bawah Bajet 2016 pula akan diagihkan? Saya berharap Jabatan Perdana Menteri yang mengendalikan dana tersebut akan memberi pertimbangan yang sewajarnya ke atas persoalan-persoalan yang saya kemukakan di atas dan mengumumkannya kepada rakyat jelata agar terdapat transparansi terhadap pengagihan peruntukan tersebut.

■2020

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gaji minimum. Pandangan saya mungkin gaji RM1,000 sebagai gaji minimum nampaknya seperti mencukupi. Akan tetapi kalau kita lihat secara lebih teliti tentang gaji sebenar yang boleh dibelanjakan, mungkin itu merupakan satu jumlah yang terlalu kecil. Memang ketara, kos sara hidup berbeza mengikut kawasan-kawasan tertentu. Di Malaysia sebagai contoh, sara hidup di Kuala Lumpur kalau dibandingkan dengan sara hidup di Seremban adalah jauh berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan ini, persoalan gaji pokok minimum RM1,000 praktikal dalam konteks ini. Adakah ia praktikal dalam konteks ini? Di sinilah pemberian BR1M boleh membantu rakyat jelata yang berpendapatan rendah.

Tumpuan ke atas golongan muda. Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini banyak bantuan yang diberikan oleh kerajaan. Sebagai contohnya bantuan dalam bentuk 1Azam, Azam Tani, Azam Bandar dan macam-macam azam lagi tetapi ia banyak ditumpukan kepada golongan-golongan yang sudah berumur, yang sudah tidak begitu kuat untuk menghasilkan produktiviti baru. Dalam hal ini saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya peningkatan peluang keusahawanan ini ditumpukan kepada golongan muda.

Saya ingin bertanya kepada kementerian yang bertanggungjawab untuk memberikan jumlah sebenar golongan belia yang terlibat dalam sektor pertanian, perladangan dan perniagaan yang berumur di bawah 40 tahun sehingga kini.

Salah satu aspek yang generasi muda masih kekurangan pendidikan kewangan. Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat pelbagai program yang dirangka untuk golongan belia dan pekerja muda daripada aspek kepimpinan, latihan dan keusahawanan, namun saya berpendapat satu aspek kemahiran utama yang telah diabaikan iaitu pendidikan kewangan.

Disebabkan kos sara hidup yang semakin meningkat pada masa ini manakala pendapatan tidak banyak berubah seiring dengan kenaikan kos sara hidup, maka ramai pekerja muda yang menghadapi masalah kewangan yang serius. Pendidikan kewangan kemahiran hidup yang kritikal. Kerajaan perlu memberikan keutamaan kepada pendidikan kewangan serta memberikan peruntukan kewangan yang secukupnya untuk mengadakan sesi pendidikan kewangan kepada mereka.

Kerajaan perlu mewujudkan kerjasama dengan pelbagai pihak untuk mendidik pekerja muda ke arah menjadi pekerja yang mempunyai kedudukan kewangan yang

mantap dan stabil. Mereka juga harus menguruskan kewangan untuk masa hadapan mereka seperti pendidikan anak dan persaraan.

Jadi bagaimanakah mereka dapat memanfaatkan perkembangan yang baik ini kalau kefahaman mereka dalam hal kewangan masih rendah? Jadi atas sebab itulah, satu modul untuk tingkatan *awareness* ataupun kepekaan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam hal pengurusan kewangan sering dengan tuntutan yang berlaku dalam usia yang harus direlakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembangunan pendidikan. Banyak kawan saya di Dewan yang mulia ini telah mengemukakan soalan berkenaan pendidikan dan saya juga ingin kesimpulan saya. Saya ingin mendapat perincian semasa akan status syor-syor ini terutamanya berkenaan dengan sekolah K9 iaitu *Comprehensive Special Model Schools* yang menyediakan sekolah berasrama daripada Darjah 1 hingga Tingkatan 3.

Tujuan sekolah K9 diperkenalkan untuk mengatasi masalah keciciran dalam darjah enam ke tingkatan satu. Sejak dirintis, K9 telah berjaya meningkatkan kadar kehadiran murid. Pelan Pembangunan Pendidikan mengesyorkan agar bilangan sekolah K9 ditambah. Sehingga tahun lepas terdapat lima buah sekolah K9 di Semenanjung Malaysia sementara di Sabah dan Sarawak mempunyai 11 buah. Di sini saya ingin tahu status semasa projek K9 ini dan sama ada kerajaan akan menambah lagi bilangan K9. Berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk tujuan ini? Oleh sebab saya tidak nampak dalam Anggaran Perbelanjaan.

Saya ingin beralih kepada projek 1BestariNet yang sedang mengundang banyak kontroversi. Tuan Yang di-Pertua, sudah lebih setengah bilion ringgit dibelanjakan ke atas program ini tetapi masih lagi banyak masalah dan aduan yang kita terima. Antara kelemahan yang ditekankan ialah Laporan Audit Negara, kadar daftar masuk ataupun *log-in* yang kurang daripada 100 peratus daripada kalangan murid.

Lebih penting lagi kita hendak tahu juga adakah penggunaan VLE ataupun pelantar pembelajaran maya dan 1BestariNet ini benar-benar mencapai penggunaan yang dinyatakan. Kesangsian saya adalah berdasarkan banyak aduan yang saya terima daripada guru umpamanya, liputan jalur lebar tidak memuaskan dan tidak laju. Dalam perkara ini pun telah ditegaskan dalam Laporan Audit. Akan tetapi lebih membimbangkan lagi, saya juga mendapat aduan bahawa guru-guru dipaksa untuk mendaftar masuk ke dalam sistem VLE semata-mata agar KPI penggunaan dapat dicapai. Pada masa yang sama saya juga ingin dimaklumkan bahawa ada sesetengah Pengetua yang memaksa guru untuk mendaftar masuk menggunakan akaun murid supaya statistik penggunaan murid dapat meningkat.

Jadi sekiranya dakwaan-dakwaan ini adalah benar, maka ia bukan sahaja membazirkan tenaga dan masa guru tetapi membuktikan bahawa 1Bestari Net projek yang gagal mencapai objektifnya. Jika benar, projek ini perlu dikaji semula agar tidak lebih banyak sumber dibazirkan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak Ahli Yang Berhormat telah bercakap mengenai isu penggunaan penguasaan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, baru-baru ini terdapat juga laporan dalam akhbar *The Star* yang memetik Presiden MMA Cawangan Melaka sebagai berkata, sekitar 1,000 orang graduan perubatan telah terhenti.

Mereka berhenti daripada menjadi doktor walaupun sudah berjaya menghabiskan pengajian mereka. Antara sebab utama yang diberikan kelemahan penguasaan bahasa Inggeris yang menyukarkan komunikasi dan juga kerja mereka. Tambahan pula kebanyakan buku rujukan dan latihan perubatan adalah dalam bahasa Inggeris. Malah tahap penguasaan yang lemah meningkatkan beban dan juga tekanan ke atas para pelatih perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, jelas masalah penguasaan bahasa Inggeris di negara kita khususnya dalam kalangan graduan sudah sampai ke tahap yang amat merunsingkan. Tahun lepas, akhbar *Wall Street Journal* telah melaporkan hasil kajian selidik persekutuan majikan-majikan Malaysia yang mendapati bahawa lebih 60 peratus buah syarikat yang disoal selidik menyalahkan penguasaan bahasa Inggeris yang lemah sebagai sebab utama mengapa graduan yang ditemu duga tidak berjaya dipilih. Sudah pasti jika kebolehpasaran graduan kita terjejas, maka daya saingan negara kita juga akan terhakis.

Bajet 2016, Perdana Menteri mengiktiraf kepentingan bahasa Inggeris dan mengumumkan peruntukan sebanyak RM150 juta bagi tujuan ini. Namun kalau kita meneliti angka ini sebenarnya jauh lebih kecil dibandingkan peruntukan dalam tahun-tahun yang lepas. Ambil sebagai contoh, dasar...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada 4 minit lagi Yang Berhormat ya.

Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee: Dasar MBMMBI iaitu memartabatkan Bahasa Malaysia, MBI iaitu memperkukuhkan bahasa Inggeris yang diperkenalkan untuk penggantian PPSMI bagi tahun 2016. Jumlah yang diperuntukkan adalah hanya RM97 juta. Ini adalah pengurangan yang sangat ketara sebenarnya lebih 50 peratus kerana Program MBMMBI ini secara lazim tiap-tiap tahun akan menerima dalam sekitar RM200 juta dan angka RM135 juta yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pula sebenarnya merangkumi RM97 juta yang saya kata tadi ditambah dengan dua buah dasar baru iaitu *dual language program, highly immersive programs* yang berjumlah RM38.5 juta program *Teach For Malaysia*.

■2030

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum program *Teach for Malaysia* program bertujuan menarik lebih ramai graduan cemerlang menyertai profesion perguruan sekali gus memantapkan lagi kualiti pendidikan negara. Apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk mempromosi program ini dalam usaha menarik lebih ramai lagi masyarakat untuk menyertai program *Teach for Malaysia* ini?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bekalan air. Saya amat mengalu-alukan usaha kerajaan dalam meningkatkan saluran bekalan air yang berterusan di luar bandar dengan peruntukan RM568 juta bagi projek bekalan air luar bandar. Namun begitu nampaknya tiada peruntukan untuk meningkatkan infrastruktur bekalan air bagi mengelakkan gangguan bekalan air atau catuan air semasa berlaku kemarau.

Selain itu, peratusan air tidak terhasil (*non-revenue water*), dengan izin, masih tinggi di negara kita iaitu kira-kira 36 peratus. Angka ini adalah masih jauh untuk mencapai 25 peratus dalam tempoh empat tahun menjelang Wawasan 2020. Saya berharap kerajaan dapat menekankan kepentingan bagi meningkatkan prestasi dan infrastruktur sistem bekalan air pada masa hadapan. Penukaran sistem perpaipan yang lama adalah sangat diperlukan dengan kadar segera untuk menjamin rakyat mendapat kesinambungan bekalan air yang bersih dan selamat. Di samping itu, pembentangan bajet ini tidak terjejas status *blueprint* air negara yang telah diperuntukkan pada tahun 2014. Saya berharap satu Kertas Strategik yang relevan dapat dibekalkan kepada para operator air dan pengguna agar krisis air dapat diatasi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, amaran banjir dan tanah runtuh. Tadi Datin Rahimah pun ada kata berkenaan dengan banjir di kawasan Kelantan. Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan usaha kerajaan untuk memperuntukkan RM60 juta untuk program ameniti sosial, terutamanya projek perparitan bagi mencegah berlakunya banjir.

Tumpuan diberi kepada negeri-negeri yang terlibat banjir seperti Kelantan, Kedah, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak.

Beberapa persoalan harus diselesaikan berkenaan tanah runtuh dan banjir di negara kita. Adakah pihak kementerian mempunyai satu mekanisme amaran tanah runtuh sebelum tanah runtuh berlaku? Jika tidak, mengapakah pihak kementerian tidak boleh melaksanakan sistem penggera yang memberi amaran apabila terdapat pergerakan tanah yang boleh mengakibatkan tanah runtuh?

Negara jiran kita semua mempunyai penggera amaran tanah runtuh. Apakah sebab kita tidak boleh memilih sistem tersebut di negara kita? Persoalan yang sama timbul dalam bencana banjir. Adakah penekanan diberikan untuk mengatasi punca berlaku banjir? Pengaliran tanah dan tali air harus disemak semula di kawasan-kawasan yang peka kepada banjir-banjir yang kilat. Kita tidak harus ditimpa oleh bencana banjir seperti yang berlaku di Chennai baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan strategik atau *way forward* Kementerian untuk Bajet 2016 adalah dengan menggunakan pendekatan strategi, *Blue Ocean Strategy* atau, dengan izin, Strategi Lautan Biru. Dengan penglibatan bersama pelbagai Kementerian dan agensi-agensinya melalui perkongsian strategik.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya setiap Kementerian memandangkan positif atas pengumuman Bajet 2016 dan sentiasa komited dan bersedia dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab demi kesejahteraan kumpulan sasaran. Dengan ini, saya pohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2016. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Norahan.

8.34 mlm.

Puan Hajah Norahan binti Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmaanir Raheem... [Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan bajet kewangan negara.

Terlebih dahulu saya merupakan pertama kali saya berdiri di Dewan yang mulia ini saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan negeri Pahang kerana telah melantik saya sebagai salah seorang ahli Dewan Negara terutama kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Menteri Besar Pahang kerana memberi kepercayaan kepada saya dan melantik saya di dalam Dewan Undangan Negeri Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membentangkan bajet kewangan yang menyeluruh untuk negara maju menuju Wawasan 2020. Kita tahu semenjak negara kita merdeka, Barisan Nasional tidak berhenti membangunkan negara demi mensejahterakan rakyat. Apatah lagi negara sedang menuju sebagai negara maju tahun 2020. Bukan sahaja daripada segi material, malah menuju minda dan juga kehidupan rakyat sejahtera.

Saya berbangga kerana negara kita sama dengan negara lain yang telah pun merdeka daripada penjajah tetapi negara kita lebih maju seperti negara Indonesia, Myanmar dan juga negara-negara lain. Ini jelas bahawa Wawasan 2020 atas kebijaksanaan pemimpin kita yang dahulu dan juga sekarang berjaya menukar minda anak bangsa yang dijarah kepada minda yang benar-benar bebas menentukan hala tuju negara.

Daripada contoh yang ada di depan mata kita jelas menunjukkan Malaysia berada di dalam landasan yang betul dan memang diuruskan oleh pemimpin yang bertanggungjawab ke arah kemakmuran negara.

Saya ingin menyentuh tentang keprihatinan Perdana Menteri tentang memperuntukkan sejumlah RM44.6 juta untuk program memajukan prasekolah di seluruh Malaysia yang mana kita tahu peruntukan yang dicadangkan, cadangan anggaran untuk perbelanjaan mengurus Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berjumlah RM5.38 bilion sebahagian besarnya diperuntukkan untuk membiayai program Majlis Amanah rakyat (MARA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan pemantapan pemimpin-pemimpin masyarakat di luar bandar.

Di sini tidak terkecuali sebagai seorang yang berada di luar bandar dan juga sebagai seorang yang bersama dengan masyarakat luar bandar bahawa kita tahu keadaan masyarakat di luar bandar yang mana kelas-kelas KEMAS khususnya pendidikan masyarakat luar bandar, saya amat berterima kasih kerana peruntukan ini diberi kepada pembangunan bangunan-bangunan tabika yang telah uzur di luar bandar.

Kita mengharapkan agar pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengkaji yang mana di bawah Jabatan KEMAS mengkaji bangunan-bangunan tabika KEMAS yang sedia uzur dan kita cadangkan bahawa pihak Kementerian memperuntukkan sebanyak mungkin yang kita tahu bahawa terdapat beberapa banyak bangunan tabika di luar bandar di sana masih dalam keadaan yang uzur. Kita mohon agar kerajaan memperuntukkan khusus daripada segi kemudahan persekitaran yang berbeza di antara

bandar dan juga luar bandar.

■2040

Kalau kita lihat di luar bandar sana bangunan-bangunannya agak uzur dan juga kemudahan-kemudahannya memang agak ketinggalan. Contohnya, saya memang biasa berjalan seperti mana yang Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain tadi kata, memang sambutan di luar bandar ini kepada bangunan-bangunan Tabika KEMAS memang menggalakkan. Akan tetapi di luar sana memang kita tahu bahawa Tabika KEMAS berada dalam keadaan uzur dan kemudahan-kemudahan daripada segi peralatannya agak kurang. Kita mohon pihak Kementerian memberikan tumpuan kepada pembangunan-pembangunan tabika di luar bandar ini.

Saya juga berterima kasih kepada kerajaan kerana memperuntukkan peruntukan sebanyak RM100 bagi setiap pelajar untuk kemudahan-kemudahan pembelajaran mereka. Akan tetapi kita juga mencadangkan agar peruntukan ini ditambah untuk menampung pembelian-pembelian makanan tambahan kepada kanak-kanak tabika kerana kita sedia tahu bahawa di luar sana memang mereka masih memerlukan peruntukan daripada pihak kerajaan.

Isu yang kedua mengenai dengan masalah banjir. Kita tahu bahawa pada awal tahun yang lalu, memang sudah banyak kita perkatakan masalah banjir. Akan tetapi kita baru tahu pada awal tahun baru-baru ini bahawa negeri Pahang tidak terkecuali daripada keadaan banjir. Memang kesan ini masih dirasakan oleh masyarakat di kampung sana. Di situlah saya tersentuh dengan keadaan-keadaan banjir besar yang terburuk dalam sejarah ini yang mana hampir 300,000 orang mangsa banjir yang masih trauma dengan keadaan banjir.

Jadi apa yang saya cadangkan di sini kita lihat walaupun ada pemantauan mengenai perparitan dan saluran kita dapati bahawa masih banyak lagi unsur-unsur untuk membaik pulih atau pun menyelenggarakan parit-parit dan sungai ini masih belum dibuat dengan sepenuhnya. Di samping itu juga, kita dapati ada pihak-pihak tertentu mengambil ruang ataupun peluang seperti peruntukan yang dibekalkan oleh pihak kerajaan. Saya mohon pihak kerajaan mengkaji sebagaimana peruntukan yang telah diperuntukkan kepada NGO-NGO agar mereka dapat menguruskan dengan sebegitu rupa.

Kalau di dalam musim banjir dahulu Tuan Yang di-Pertua, contohnya kalau mangsa banjir dahulu memang banyak NGO yang datang ke kawasan-kawasan banjir tetapi mungkin peruntukan yang diterima peruntukan daripada kerajaan. Akan tetapi, kita merasa kesal bahawa pakaian yang dipakai itu bukanlah bercirikan pakaian daripada agensi kerajaan.

Ada masanya mereka sempat kempen orang kampung bahawa inilah yang dilakukan sedangkan mereka dapat duit daripada kerajaan, itu yang kita selesaikan.

Di samping itu juga dalam usaha membaik pulih rumah-rumah peserta banjir, mereka juga sengaja lewat-lewatkan pembaikan rumah yang telah pun mereka laksanakan. Ada di antara penduduk-penduduk ini ataupun di antara mangsa banjir ini memberi menceritakan tentang tidak puas hati dengan usaha-usaha untuk pembinaan rumah ini. Jadi dengan itu- saya sebenarnya saya mohon maaf kerana saya masih tidak mampu lagi untuk bercakap lebih bersedia, masih dalam proses belajar Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya rasa saya mohon sangat agar pihak kerajaan memberi dan memilih NGO-NGO yang kita rasa daripada penyokong kerajaan sendiri untuk memberi bantuan kepada masyarakat di luar sana.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat?

Puan Hajjah Norahan binti Abu Bakar: Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, dan saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bagus bagi permulaan itu sudah baik sudah tetapi banyak kena belajar lagi. Saya bersedia untuk Yang Berhormat kalau siapa-

siapa yang baru ini datang jumpa saya dalam pukul 9 pagi, ataupun waktu makan, saya bagi panduan sedikit untuk dapat Yang Berhormat melancarkan lagi cara-cara untuk berbahas dalam Dewan ini.

Tanpa buang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Ini orang baru lagi, silakan.

8.46 mlm.

Puan Hajah Azizah binti Haji Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya berdiri di sini untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia pada 23 Oktober 2015.

Pertamanya, saya baru kali pertama berucap di dalam Dewan yang mulia ini. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong, kedua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan yang ketiganya kepada Yang Berbahagia Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia yang telah sudi menyokong pelantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun rakan-rakan Yang Berhormat telah membangkitkan berkenaan dengan masalah menyentuh Kementerian Perumahan, seterusnya saya ingin menyentuh sedikitlah berkenaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Isu mengenai perumahan di Malaysia. Sekiranya kita lihat kadar pengangguran di negara kita sekarang ini adalah pada kadar 2.9 peratus pada tahun 2014. Kita lihat sekarang ini ekonomi dunia sekarang berada dalam keadaan yang tidak menentu, harga minyak dunia sentiasa naik dan turun. Saya sedih apabila pihak-pihak tertentu dalam sektor perumahan yang mengambil kesempatan mengenai keadaan ini dan menaikkan harga rumah dengan sewenang-wenangnya.

Harga rumah sekarang ini berbeza dengan masa lalu. Sekiranya dahulu mereka yang bergaji rendah boleh mampu untuk membeli rumah, tetapi sekarang ini kita lihat walaupun seorang itu mempunyai gaji RM3,000 pun belum tentu beli rumah lagi. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita tengok anak-anak kita bila keluar universiti gajinya lebih kurang pada mulanya RM3,000. Sedangkan rumah di Sepang untuk pengetahuan semua, sekarang ini rumah yang RM200,000 pun tidak ada. Semua harga rumah RM300,000 ke atas. Jadi bagaimana mereka ini hendak meneruskan kehidupan. Ini yang ada kelulusan, yang tak ada kelulusan itu macam mana pula.

Jadi kita minta harga rumah ini, saya merujuk kepada kawasan Sepang yang saya lihat projek perumahan semakin rancak sekarang ini. Apabila perumahan menjadi rancak di situ di sesuatu kawasan maka pihak pemaju akan memanipulasi harga. Pada pemerhatian saya, harga rumah tidak sepadan dengan keadaan struktur rumah yang dibina.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian bagi membantu mengawal harga rumah terutamanya di kawasan Sepang oleh pihak-pihak yang lebih mementingkan kewangan? Selain daripada kawasan Sepang, saya juga ingin bertanya langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian Perumahan di Malaysia secara amnya.

■2050

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada isu yang berhubung dengan penjawat awam. Di bawah Jabatan Perkhidmatan Awan, setakat ini statistik menunjukkan jumlah penjawat awam ialah seramai 1.6 juta orang. Penjawat awam ini merupakan tulang belakang kepada pentadbiran kerajaan. Mereka bekerja siang dan malam meninggalkan kaum keluarga demi menjalankan tugas untuk negara.

Kalau diukur gaji dengan beban kerja yang dihadapi dan kalau dibandingkan dengan sektor swasta memang kita melihat jauh bezanya. Namun mereka tetap setia, tabah dan sanggup bekerja lebih waktu untuk kerajaan. Tidak dilupa juga penjawat awam

selalu ditohmah dan dituduh bermacam-macam oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang benar-benar prihatin dengan penjawat awam dan buktinya ditunjuk dalam Bajet 2016. Pelbagai pengumuman, ganjaran dan insentif telah diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua, namun saya bukan ingin sentuh perkara itu. Hari ini saya ingin mencadangkan beberapa penambahbaikan lagi dalam perkhidmatan awam agar jentera kerajaan di belakang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi lebih mantap dan utuh. Dalam bajet ini ada dinyatakan JPA akan menerima RM2 bilion, maka tidak salah untuk saya mencadangkan beberapa perkara yang harus diberi perhatian oleh pihak JPA antaranya mengenai penjawat awam dalam skim-skim tertentu dalam kerajaan.

Contohnya, skim bantuan guna sama dan pegawai sains di peringkat kementerian, pada pandangan saya kedua-dua skim yang saya sebut itu harus ditambah baik. Secara ringkas, skim bukan guna sama ini terdapat hampir di semua kementerian, jabatan dan agensi. Mereka yang berada dalam skim ini tidak boleh memohon keluar daripada sesuatu kementerian dan bekerja di kementerian tersebut sehingga pencen berbanding dengan skim lain seperti pegawai tadbir dan diplomatik serta skim guna sama. Mereka boleh berpindah antara satu kementerian dan kementerian lain. Mereka berpeluang menimba banyak pengalaman dan ilmu yang baru.

Boleh disimpulkan, skim bukan guna sama ini sebenarnya menyokong peningkatan kecekapan seseorang penjawat awam. Mereka melakukan rutin yang sama setiap hari dan tidak dapat memperoleh ilmu dan pengalaman yang baru. Sebenarnya mereka dalam skim guna sama ini boleh memohon skim perkhidmatan baru iaitu dengan mengisi semula borang *online* di SPA. Akan tetap malangnya mereka harus melalui kembali segala proses pengambilan perjawatan awam semula dan akhirnya ditemu duga sedangkan mereka sudah ada pengalaman yang luas dan tidak perlu lalui semua itu lagi. Malah semua yang saya sebut tadi boleh diselesaikan dengan hanya mengambil temu duga sahaja.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan kepada JPA agar JPA mengesahkan dahulu perjawatan awam skim ini, tidak perlu dibuat dibina sistem dan pengisian secara *online* yang baru tapi hanya cukup sekadar menghantar e-mel sahaja. JPA hanya perlu membuat pengumuman melalui surat kepada kementerian-kementerian dan jabatan dan seterusnya menunggu maklum balas daripada mereka. Dari itu barulah JPA dapat kenal pasti siapa mereka dan berapa ramai yang ingin keluar dari kepompong kementerian tempat mereka ditugaskan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada skim bukan guna sama, saya ingin juga menyentuh mengenai pegawai sains di pelbagai kementerian. Skim penjawat pegawai sains ini meliputi mereka dalam bidang fizik dan kimia. Mereka terdiri daripada pelbagai jurusan semasa belajar di universiti. Apabila memohon dengan kerajaan mereka terletak di bawah skim pegawai sains. Mereka berada di dalam pelbagai kementerian dan agensi. Ada yang bertugas di Kementerian Kesihatan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan lain-lain, pegawai-pegawai ini biasanya terlibat dengan pelbagai bidang kajian dan penyelidikan dalam bidang sains, sesuatu yang tidak dapat dibuat oleh pegawai lain.

Mereka bertugas di belakang tabir. Hasil penemuan dan kajian akan dimanfaatkan oleh kerajaan dan seterusnya kepada rakyat. Akan tetapi malangnya skim ini sering dipinggirkan dan terlepas pandang apabila berlaku penambahbaikan kepada skim perkhidmatan dalam kerajaan. Soalan saya pada Jabatan Perkhidmatan Awam, apakah penambahbaikan yang akan dibuat kepada kedua-dua skim ini iaitu skim guna sama dan skim pegawai sains ini? Kedua, jumlah penjawat awam dalam kedua-dua skim ini. Ketiga, bagi skim bukan guna sama, sama ada Jabatan Perkhidmatan Awam boleh menimbang permohonan-permohonan daripada pegawai untuk bertukar atau berpindah ke kementerian lain pada tahun ini. Saya pohon jawapan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Kementerian Kesihatan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan, hanya

kepada Perdana Menteri dan pihak kementerian kerana bersetuju membina Hospital Cyberjaya yang dijangka akan bermula pada tahun 2016. Sememangnya hospital ini memang dinanti-nantikan oleh penduduk di Sepang dan penduduk di sekitarnya. Mereka sudah lama menunggu untuk menikmati perkhidmatan kesihatan yang disediakan yang selama hari ini orang-orang Sepang dia terpaksa pergi Seremban, terpaksa pergi Banting, Kuala Langat, dia terpaksa pergi Hospital Serdang atau Hospital Kajang.

Saya mohon kepada pihak kementerian agar tidak terlepas pandang akan perkara-perkara lain di bawah hospital ini. Antaranya kemudahan tempat letak kereta, yang kita tahu kalau hendak pergi Hospital Putrajaya kita kena pergi subuh-subuh, selepas subuh kena pergi kalau tidak tiada *parking*. Jadi, saya berharap kemudahan tempat letak kereta ini kena diberikan perhatian jugalah.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya sekali lagi ingin menyampaikan ucapan penghargaan kepada Perdana Menteri, Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk berbahas dalam Bajet 2016. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih, bagus. Buat kali pertama kalau bercakap macam itu dan untuk makluman semua saya dapati bahawa memang ada kebolehan belaka. Kalau boleh Yang Berhormat yang baru-baru ini contohnya pada hari Isnin akan datang, kalau betul-betul, datang ke pejabat saya dalam tempoh satu jam ataupun pagi itu 9.30 pagi atau pukul 9 pagi, tengah hari dalam setengah jam untuk bimbingan cara mana untuk panduan Yang Berhormat. Sekarang penghujah terakhir, saya mempersilakan Yang Berhormat Hajah Mariany.

8.59 mlm.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: *Bismillahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 bacaan kali yang kedua. Di sini saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan I dan Menteri Kewangan II kerana mencadangkan Rang Undang-undang Perbekalan ini. Di sini fokus saya adalah untuk menyentuh tentang kos sara hidup.

Kita bersyukur bahawa dalam kegawatan prestasi ekonomi negara serantau dan mata wang, Malaysia masih dapat berkembang pada kadar 5.1 peratus dan dijangkakan mengekalkan momentum prestasinya di antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus menjelang tiga minggu lagi tahun 2015 yang akan melabuhkan tirai.

■2100

Tuan Yang di-Pertua, cabaran utama kerajaan pada masa ini kawalan kerajaan terhadap kenaikan harga kos sara hidup. Sejak Bajet 2016 dibentangkan di Dewan Rakyat Oktober lalu, pelbagai kenaikan barangan dan perkhidmatan berlaku dari jalan raya bertol hingga kepada kenaikan berganda pengangkutan awam rel iaitu komuter, LRT, *monorail* dan *express rail link*. Justeru itu, keutamaan kelima kerajaan dalam Bajet 2016 untuk meringankan beban sara hidup rakyat mungkin tidak akan tercapai. Bayangkan bermula 1 Disember, rakyat Malaysia yang dalam kumpulan B40 di Lembah Klang akan mengalami masalah kenaikan kadar tol dan kenaikan tambang KTMB komuter hampir 100 peratus.

Ini semestinya akan menjejaskan kehidupan mereka dan akan merasakan tertekan dengan situasi begini. Saya ingin menyebut satu contoh di mana seorang graduan yang baru bekerja, berulang daripada Petaling Jaya hingga ke Cyberjaya, dia bekerja di Cyberjaya. Dia bercerita kepada saya dengan kenaikan ini, dia perlu *spend* RM19 satu hari. Bayangkan RM19 satu hari, tidak termasuk minyak, tidak termasuk- RM19 itu adalah tol sahaja. Bayangkan anak muda ini yang baru bekerja tahun pertama, membayar tol sahaja RM19. Ini cuma satu contoh sahaja. Ini contoh benar sebab saya kenal benar sangat dengan pemuda ini yang baru bekerja tahun ini.

Oleh itu, saya mohon kerajaan melalui Kementerian Kewangan perlulah bersama-sama dengan SPAD, Kementerian Pengangkutan dan EPU mengkaji semula kenaikan

kadar tambang KTMB Komuter, LRT, monorel atau mod pengangkutan awam yang lain yang diguna pakai oleh golongan B40 agar apa-apa kenaikan tambang berlaku dalam julat yang lebih fleksibel dan tidak memberi kesan yang berat kepada rakyat kumpulan B40.

Untuk isu kenaikan tambang LRT dan komuter ini, saya cadangkan agar Suruhanjaya Tenaga dan TNB membuat kajian semula secara komprehensif agar kadar caj elektrik dapat dikurangkan atau dapat mewujudkan satu formulasi yang baru kadar caj elektrik untuk sektor pengangkutan awam agar peranan kerajaan untuk memberikan sistem pengangkutan awam yang selesa dan murah dapat dipertahankan demi kepentingan sara hidup rakyat supaya ia lebih dengan izin, *affordable*.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya berpendapat kadar tarif elektrik bagi sektor komersial dalam perusahaan kecil dan sektor pengangkutan rel perlu dikurangkan cajnya. Ini akan mengurangkan perbelanjaan tenaga oleh usahawan-usahawan kecil dan syarikat pengangkutan rel. Jadi, saya memohon Suruhanjaya Tenaga, TNB, Kementerian Kewangan dan KeTTHA untuk dapat memberi respons kepada isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2016 juga, kerajaan melaksanakan penambahbaikan layanan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) dengan menambah banyak produk perubatan, makanan dan susu bayi berasaskan soya dan barangan organik. Walau bagaimanapun, saya memohon juga kementerian memanjangkan lagi senarai ini iaitu senarai layanan kadar sifar GST dengan izin, *zero-rated* kepada semua barangan seperti susu formula kanak-kanak melebihi tiga tahun, lampin pakai buang kanak-kanak dan orang dewasa termasuk lampin pakai buang wanita, makanan seperti Nestum, bahan makanan bayi dan biskut-biskut, Milo, Nescafe dan teh, detergen untuk kegunaan isi rumah, alatan kosmetik asas bagi wanita dan isi rumah agar beban GST dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon penjelasan dari Menteri Kewangan melalui aduan dan rintihan kontraktor yang membuat kerja-kerja perkhidmatan kejuruteraan yang mana mereka perlu membayar GST dahulu menggunakan modal kerja mereka, sedangkan tuntutan mereka dengan pelanggan belum dapat diperoleh. Jadi, sistem percukaian ini perlu diperincikan semula supaya mekanisme *remittance*, dengan izin, kepada kerajaan kerana apabila seseorang kontraktor mendapat duit bayaran melebihi tiga bulan daripada tarikh tuntutannya, maka pada bulan kedua sebelum 60 hari, dia kena mendahulukan duit poket untuk membayar GST, sedangkan pelanggan belum membayar dan kontraktor ini belum terima duitnya. Harap senario ini dapat diselesaikan dengan cara terbaik oleh kastam dan diharap boleh beri penjelasan tentang isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keutamaan ketiga kerajaan, projek-projek lebuhraya akan dijalankan seperti Lebuhraya Damansara-Shah Alam; Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Klang; Lebuhraya Pulau Indah. Oleh sebab projek lebuhraya ini dilaksanakan secara konsesi, saya mohon penjelasan kerajaan sama ada EPU mempunyai garis panduan baru mengenai terma akhir tempoh konsesi itu, dengan izin, *exit solution* apabila sesuatu *highway* mencapai secara berganda. Sebagai contoh, melebihi 110 peratus *ridership*, dengan izin, unjuran. Maka, mekanisme rebat dan pengurangan kadar tol dapat diaplikasikan dalam terma perjanjian ini. Jadi, kita boleh memohon pengurangan kadar tol.

Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai kenaikan tol di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, di mana kenaikan RM1 di Tol Gombak dan 50 sen di Tol Bentong. Umum mengetahui jalan ini merupakan nadi penghubung antara Lembah Klang dan negeri Pantai Timur seperti Kelantan, Kuantan, Terengganu dan Pahang.

Terdapat ramai di kalangan penduduk Bentong yang berulang-alik Kuala Lumpur-Bentong dengan menggunakan lebuhraya ini. Hendak guna jalan lama Bentong, difahamkan banyak risiko kerana tanah runtuh dan keadaannya daif. Jadi, saya memohon Lembaga Lebuhraya Malaysia memberikan perincian kutipan tol di setiap Tol Gombak dan Tol Bentong dari tahun 2013 hingga tahun 2014 serta analisa unjuran sehingga tamat tempoh konsesi. Ini kerana saya ingin mencadangkan agar kerajaan mengambil alih konsesi tol sebab kenaikan tol Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak telah menyebabkan berlaku kenaikan berganda barangan makanan dan keperluan isi rumah di Lembah Klang kerana

banyak hasil pertanian datangnya dari Pantai Timur, padahal lebuh raya ini sepanjang 37 kilometer jalan penghubung utama.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, rakyat amat terbeban dengan kenaikan barangan di pasaran harian. Hendak kata negara kita tidak ada nelayan dan sumber perikanan, tetapi kita ada. Hendak kata kita tidak ada petani, setiap tahun berbilion-bilion Ringgit dibelanjakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Akan tetapi saya hairan, kenapa harga ikan terus melambung tinggi, harga ayam pun juga semakin mencanak naik, harga sayur-sayuran juga terus naik. Jadi, saya pun sudah tidak tahu apa hendak kita jelaskan kepada orang ramai, rakyat kumpulan B40 *or* kesemuanya akan kadar ini, terutamanya rakyat di Lembah Klang yang menerima kesan daripada kenaikan tol ini. Barangan semua meningkat.

■2110

Oleh itu, saya memohon supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tolong susun semula industri pertanian dan perikanan negara. Kerajaan hendaklah memantau harga makanan untuk rakyat. Jangan sampai rakyat mengamuk, baru kita hendak buat. Semenjak tiga sesi bajet, saya telah beberapa kali mencadangkan agar pemberian subsidi minyak diesel nelayan dikaji dan mewajibkan pendaratan minimum diserahkan kepada kerajaan dengan memastikan ikan rakyat seperti ikan kembung, ikan sardin, ikan kerisi, tamban dan selar dijual dengan harga murah di bawah RM8 sekilo. Sekarang ini di pasar, ikan kembung mencecah RM19 sekilo, ikan sardin pula RM14 sekilo.

Apakah hendak jadi dengan Dewan ini? Oleh sebab apa yang juga kita cadangan tidak diambil peduli atau tidak dipandang serius. Banyak kali saya menimbulkan perkara ini, namun tidak ada tindakan. Beberapa kali perbahasan pun kita sampaikan sebelum satu strategi diatur untuk memperbaiki kedudukan harga-harga barangan utama, barangan makanan seperti ikan dan sayur makin meningkat setiap hari. Begitu juga dengan sayuran dan buah-buahan. Saya dapati bila kita melawat di daerah-daerah perkampungan dan kawasan luar bandar, amat luas tanah pertanian yang terbiar. Apakah cadangan yang boleh diatur oleh Jabatan Pertanian untuk memajukan tanah terbiar ini sebagai projek penanaman sayur dan bahan makanan agar kos barangan ini dapat dikurangkan?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencela.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ini masalah kenaikan harga barang-barang, tidak kiralah ikan kah, cuma yang belum naik mungkin tepung dan harga yang subsidi masih ada.

Cuma kita difahamkan kenaikan barang memang tidak wujud, kata kerajaan. Akan tetapi nampaknya mereka ini tidak dengar apa yang kerajaan nyatakan. Saya rasa pemantauan tidak dibuat sebagaimana kata rakan saya Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Cuma ikan naik ini Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan sudah tidak ramai lagi hendak pergi ke laut agaknya. Oleh sebab yang datang dari luar negara ini, orang Bangladesh yang datang sini, orang Bangladesh tidak pandai pergi laut. Dia pandai buat yang lain, kilang-kilang. Jadi, saya rasa adakah pendapat saya itu betul kah tidak, saya minta pendapat Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Saya boleh jawab, di dalam *research* saya sebelum ini dalam perbahasan pada musim sesi yang lalu didapati bahawa nelayan-nelayan kita, bukan Bangladesh ya, menjual ikan mereka di tengah lautan. Jadi, ikan yang cantik telah dijual kepada- seperti *Singapore* dan juga pada Thailand. Apa yang tinggal ini, yang kecil-kecil. Jadi, itulah yang kita berebut makan tiap-tiap hari.

Jadi, cadangan saya yang awal ialah supaya pemberian diesel itu diketatkan. Oleh sebab kita bagi subsidi diesel tetapi mereka ambil subsidi itu dan jual ikan kepada negara lain. *Not* untuk *benefit* rakyat kita. Itulah yang saya bangkitkan berkali-kali tetapi belum ada satu pun tindakan ataupun cara yang lebih baik atau cara yang komprehensif untuk

kementerian ataupun kerajaan melaksanakan supaya kita dapat menyekat ikan-ikan segar kita yang kita beri subsidi dihantar ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya bermula lembaran 2016 kita tidak mahu lagi dengar keluh kesah rakyat tentang tingginya kos sara hidup, tidak ada lagi tarif yang naik. *Charge* ini dan *fee* itu dan harga barangan yang naik. Moga semua cadangan dan teguran kami di Dewan Negara ini diberi pandangan yang serius dan diambil tindakan segera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sedemikianlah sudahnya perbincangan kita berkaitan berkenaan Belanjawan 2016. Saya hendak bagi maklum kepada semua Yang Berhormat, pada hari Isnin nanti tiba masanya untuk kementerian menjawab. Caranya ialah saya nombor satu sekali saya berkehendakkan semua Ahli Yang Berhormat berada di dalam Dewan. Ini kerana segala bahan ataupun perkara-perkara Yang Berhormat bangkitkan dalam Dewan semasa perbincangan, elok buat catatan. Di mana kementerian-kementerian Yang Berhormat telah bangkitkan. Andainya masa jawapan Menteri yang berkenaan tidak menyebut, beri apa jawapan berkenaan Yang Berhormat bangkit. Menyatakan bahawa saya telah mengemukakan dalam Dewan semasa perbincangan, kenapa tidak diberi jawapan.

Akan tetapi dengan syaratnya mesti Yang Berhormat mesti ada di dalam Dewan. Kedua, Yang Berhormat kalau buat catatan dan sekiranya Yang Berhormat telah bangkitkan beberapa kementerian. Sekarang kita ada 25 kementerian akan menjawab. Sekiranya Yang Berhormat tidak ada menyentuh apa sekali pun, apa-apa perkara pun berkaitan dengan kementerian 'A', 'B', atau sebagainya. Kementerian yang berkenaan boleh beri maklum kepada kita, dia tidak perlu menjawab kerana tidak ada perkara yang dibangkitkan. Ini perkara biasa. Itu sebabnya saya menyatakan Yang Berhormat sendiri mesti maklum kalau sekiranya perkara— katalah contoh GST, saya kata banyak bangkitkan berkenaan GST. Akan tetapi ada perbezaan Yang Berhormat bangkitkan itu.

Itu sebabnya saya memandang serius kerana segala ucapan perbincangan Yang Berhormat dalam Dewan ini akan tercatat dalam *Hansard*, dan juga kementerian mesti bertanggungjawab menjawabnya. Kalau kementerian itu tidak menjawab, saya akan tegur kenapa tetapi dengan syaratnya Yang Berhormat ada bangkitkan. Ini kerana ada dua pihak, satu pihak mengemukakan dalam Dewan dan sepatutnya kementerian-kementerian hantar pegawai yang akan buat catatan. Itu sebab dulu saya pernah tegur waktu kalau sudah petang itu seorang pun tidak ada di belakang sana. Takut tidak ada buat catatan. Kalau kementerian yang berkenaan tidak ada apa-apa maklumat balas daripada kementerian itu. Dia pun tidak boleh jawablah.

Akan tetapi sekiranya ada buat catatan, maka kita boleh tanya kementerian yang berkenaan. Ini caranya kepada Ahli yang baru menganggotai Dewan ini.

Di samping itu juga saya mengucapkan terima kasihlah kerana semua Ahli Yang Berhormat yang berada sehingga ke setakat ini dan saya juga kalau tengok- sebenarnya tiap-tiap minggu, dua orang Menteri yang mesti ada di sini mengambil bertanggungjawab bagi pihak kementerian-kementerian. Setidak-tidaknya yang perlu, betul kah Yang Berhormat? Akan tetapi saya tengok dari mula sampai sekarang, Datuk Halimah Mohamed Sadique seorang sahaja yang ada. Sungguh pun saya rasa itu bukan tanggungjawab dia. Ini sebagai seorang Timbalan Menteri yang begitu peka dan prihatin. Kalau semua dia buat begini agaknya, hebat negara kita.

Akan tetapi bagi saya, saya hendak cakap terus terang, saya tidak kira Menteri mana, singa mana sekalipun. Walau sekiranya dia yang bertanggungjawab, saya hormat. Kalau dia tidak bertanggungjawab, saya akan tegur. Itu saya harap Yang Berhormat elok bersama-sama- *there must be a* satu kerjasama kesepakatan dan semangat kebertanggungjawaban. *The sense of responsibility* tidak perlu agaknya diajar, perlu ditegur, mesti datang dalam diri kita sendiri.

Ini kerana Yang Berhormat semua dilantik, dilantik bukan agak senang. Hanya 70 orang maksimum daripada 30 juta orang rakyat kita. Sudah itu, kalau sudah tidak boleh

datang, tidak sanggup datang, baik berhenti sahajalah. Saya cakap terus terang sahajalah. Termasuk diri saya juga. Kalau saya yang umur 70 lebih ini sanggup datang, yang muda-muda tidak boleh datang, apakah sebab? Sepatutnya tidak begitulah. Saya hendak tegur ini untuk kebaikan kita bersama. Negara kita bila Perdana Menteri cakap, semua sokong. Akan tetapi kalau Yang Berhormat diberi tanggungjawab tetapi tidak jalankan tanggungjawab, apakah benda sokong ini? Itu saya hendak cakap. Saya juga tidak kira apa parti sekalipun, dengan izin, *as long as you are Members of the House of Senate, you are all treated the same.*

Dengan itu, saya tangguhkan Mesyuarat kita, persidangan kita hari ini dan kita akan bersidang semula pada hari Isnin, jam 10. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.21 malam.]